
Suara Hati
PUBLICATION
MY 'RUDE' LIFE
Jika aku tidak sdamba, kau bukan aku punya.
Jika aku berdiam sahaja, kita tidak akan bersama.
CikNorCinta

Bab 1

Hajah Rohana ralit memerhatikan anak lelakinya yang sedang berselera menikmati makan malamnya. Suasana di meja makan sepi seperti biasa. Tiada seorangpun yang bersuara kerana begitulah kebiasaannya. Hajah Rohana menuntas pandang suaminya Haji Nasarudin yang berada di kepala meja. Juga sedang asyik menjamu selera dengan daging singgang kegemarannya. Hajah Rohana kembali memandang anak lelaki ke duanya itu.

“Sedap Fir?” soalnya memulakan. Firdaus mengangguk bersama mulut penuh.

“Sedap sangat umi. Hari-hari pun sedap. The best thing ever. Thanks.”

“Makan banyak-banyak ya? Sebab nanti bila dah kahwin,Fir tak dapat makan masakan umi setiap hari lagi dah.” sambut Hajah Rohana semula. Firdaus tersenyum.

“Tapi Dee tak pandai masak, apatah lagi nak masak sesedap umi. Fir rasa Fir tetap akan balik makan kat rumah juga even dah kahwin pun.” jawab Firdaus bersama senyumannya sebelum kembali makan. Wajah Hajah Rohana berubah. Keadaan menyepi seketika. Hajah Rohana pandang suaminya semula tetapi lelaki itu hanya menjeling padanya. Jelingan itu membawa makna bahawa suaminya tidak menyukai jawapan anak lelakinya itu. Hajah Rohana menuntas pandang pada anak lelaki sulungnya,tetapi lelaki itu hanya memandangnya tanpa sebarang reaksi di matanya. Begitu juga dengan menantunya.

“Fir boleh ke macam tu? Sampai bila nak makan airtangan umi saja?” soalnya menduga,juga mengharapkan jawapan yang lebih baik dari sebelumnya.

“Sampai bila-bila.” jawab Firdaus disusuli ketawa kecilnya. Hajah Rohana sedikit tersentak.

“Sampai bila?” soal Hajah Rohana kembali lebih serius. Firdaus pandang uminya. Ternyata wajah uminya telah bertukar menjadi serius. Dia tahu ada sesuatu yang tidak kena.

“Nanti Dee belajar masaklah umi. Slow-slow okey?” jawab Firdaus sedikit serius.

“But she is too slow. Dah 7 tahun Fir,dia masih tak berubah. She’s not ready for anything termasuklah untuk jadi isteri Fir.” sambut Hajah Rohana sedikit bertegas.

“Maksud umi?” soal Firdaus tidak mengerti.

“She learns nothing.” Firdaus sedikit tersentak dari dalam mendengar jawapan padu uminya.

“Dia tak pandai memasak dan tak nak belajar memasak, sedangkan dia tahu Fir suka makan di rumah. Sepatutnya sebagai orang yang sayangkan Fir,at least dia belajar masak makanan kegemaran Fir. Tapi umi tengok sama je walaupun dah bertahun bercinta. Tak ada perubahan. Tengoklah,dia makan kat kedai. Pakaian dia hantar dobi. Rumah dia,bibik yang kemaskan. Semuanya orang lain yang tolong buatkan untuk dia. So,Fir rasa dia boleh jadi isteri yang baik untuk Fir?” Sekali lagi ulasan tanpa dipinta dari uminya buat Firdaus tersentak. Dia memandang abangnya, namun lelaki itu hanya membisu. Malah tiada siapa yang memandangnya termasuklah Damia Hana anak saudara tunggalnya. Dia tahu tiada siapa yang akan memberi pendapat apatah lagi untuk membelanya saat ini.

“Apa maksud umi sebenarnya ni?” Sepi. Hajah Rohana menatap lama wajah Firdaus.

“Umi nak Fir kahwin dengan pilihan umi dan abi.” Serentak itu,abangnya terbatuk kecil. Seolah-olah dia sendiri juga terkejut dengan berita itu. Adik perempuannya pula tunduk sambil menggosok-gosok hidungnya. Nasi di pinggan digaul tanpa dimakan. Ternyata semua yang ada tidak sangka dengan apa yang Hajah Rohana ucapkan.

“What? Kahwin? Kahwin dengan siapa umi?” soal Firdaus tanpa mempedulikan sedakan kecil abangnya itu. Juga tidak mempedulikan pandangan mata kakak ipar dan adik perempuannya,kerana dia sendiri jauh lebih terkejut berbanding mereka semua.

“Dah cakap tadi kan?” jawab uminya seakan menyindir tetapi terselit ketegasan. Firdaus mendengus perlahan dan bersandar di kerusi. Nasi yang masih berbaki terbiar sahaja.

“Kenapa pula Fir nak kena kahwin dengan dia?” soal Firdaus kembali.

“Sebab kami yang nak Fir kahwin dengan dia.” jawab uminya selamba. Firdaus pandang abinya sebelum beralih kepada uminya.

“Apa ni umi? Umi dah tahu kan Fir ada Dee? Fir dah lama dengan Dee,tapi kenapa nak paksa Fir kahwin dengan perempuan lain pula?” soal Firdaus dengan nada tidak puas hati. Hajah Rohana mendekatkan tubuhnya ke meja dan memandang tepat ke mata Firdaus yang duduk berhadapan dengannya.

“Sebab Dee masih tak ready dan tidak akan pernah ready untuk jadi isteri Fir.” jawab Hajah Rohana terang dan jelas.

“Mana umi tahu dia tak ready?” Firdaus menyoal kembali dengan nada yang sama.

“Jadi Fir tahu dia dah ready?” uminya sedikit menyindir. Soalan itu buat Firdaus terdiam.

“Untuk jadi isteri Fir pun dia tak ready,apatah lagi untuk jadi ‘isteri’ kepada seisi family kita ni. Fir faham kan maksud umi?” soal Hajah Rohana tegas di hujungnya.

“Jadi perempuan tu dah ready untuk jadi isteri Fir? Untuk jadi ‘isteri’ seisi family kita ni?” balas Firdaus dengan sedikit nada sindiran,senada uminya tadi. Hajah Rohana memandang suaminya sesaat dua. Ternyata lelaki itu sedang memandang Firdaus.

“Yes,she is perfect.” jawabnya yakin.

“Umi pasti?” Hajah Rohana memandang tepat ke mata anaknya.

“Umi tak akan pertaruhkan hidup anak umi untuk perempuan yang tak ready untuk jadi isteri orang. She is more than ready.” jawabnya penuh yakin.

“Kenapa perkara ni tiba-tiba diungkitkan? Sedangkan selama ni umi dan abi tak pernah pertikaikan tentang perkara tu?” soal Firdaus sedikit mempersoalkan.

“Sebab umi rasa dah tiba masanya untuk menyedarkan Fir tentang semua tu. Umi nak Fir sedar yang Dee bukanlah calon yang layak untuk Fir jadikan isteri.

Fir bukannya budak belasan tahun yang bercinta monyet. Fir dah cukup dewasa dan Fir ada matlamat dalam perhubungan Fir dengan Dee. Tapi tengoklah ke mana Dee dah bawa Fir selama ni? Dia hanyut dan bawa Fir hanyut bersama dengan dia. Never ending love story. Fir tak rasa itu merugikan? Atau Fir sendiri pun tak kesah? Umi rasa tak. Atau umi salah?" Persoalan yang diajukan membuatkan Firdaus terdiam. Firdaus tidak memandang sesiapa. Matanya hanya melekat di pinggannya. Fikirannya mencari jawapan yang pasti dan kebenarannya ada pada apa yang uminya sebutkan.

"Dee ada banyak kelemahan tetapi dia tidak pernah berusaha untuk memperbaiki kelemahan tu. Fir pun umi tengok macam tak kesah dan biarkan saja dia. Ikut saja apa yang dia cakap. Menangkan dia,bagi muka kat dia. Sampai bila nak jadi 'kekasih' yang macam tu? Itu belum kahwin. Kalau dah kahwin,siapa yang ikut telunjuk siapa nanti? Ke Fir nak dia yang jadi imam solat Fir?" sambung uminya lagi. Firdaus pandang uminya di hujungnya.

"Tapi Fir cintakan Dee. Fir sayang Dee umi,abi. Macam mana Fir nak kahwin dengan perempuan lain? Mana Fir nak campak Dee? Fir tak nak kahwin dengan perempuan tu." balas Firdaus tanpa mempedulikan nasihat panjang lebar uminya tadi.

"Fir..."

"I said no! No means no umi. Full stop." pintas Firdaus bertegas tanpa meninggikan suaranya.

"Firdaus..?" tiba-tiba abinya bersuara seakan memberi amaran.

"Tapi abi..."

"Yes,I've made the desicion." pintas abinya tegas tanpa memandangnya.

"But I..."

"Yes means yes. Full stop." Sekali lagi Haji Nasarudin memintas tetapi dengan nada yang jauh lebih tegas. Nada itu membuatkan Firdaus tunduk tanpa berani bersuara lagi. Nada itu juga membuatkan kesepian di meja makan lebih sepi dari sebelumnya. Tiada sesiapa lagi yang berani membuka mulut.

Tidak berani untuk meninggalkan meja makan, perlahan-lahan Firdaus

menghabiskan sisa-sisa nasi di pinggannya,manakala abinya terus makan seolah-olah tiada apa yang berlaku. Meski hati memberontak,Firdaus tetap di situ. Cuma mulutnya terkunci sehingga dia pulang sepuluh minit kemudian.

Bab 2

“Abang rasa tindakan kita ni betul ke?” soal Hajah Rohana diiringi sedikit nada gusar di dalamnya. Mata Haji Nasarudin yang sedang tertancap pada sebuah buku agama di tangannya,beralih arah memandang wajah isterinya yang juga kelihatan gusar.

“InsyaAllah,abang dapat rasa anak TK tu jauh lebih baik dari pilihan anak kita.” jawab Haji Nasarudin lembut sambil memandang wajah ayu isterinya. Wajah yang telah menjadi halwa matanya sejak 36 tahun yang lalu.

“Tapi kita sendiripun tak pernah tengok lagi anak dia.” balas Hajah Rohana sedikit membantah. Haji Nasarudin menutup bukunya. Dia meletakkan tangannya di atas tangan Hajah Rohana. Pandangan matanya dilepaskan terus ke mata isterinya.

“Jadi Ana ragu?” soalnya semula. Perlahan Hajah Rohana menggeleng-geleng kecil. Jauh di sudut hatinya,dia merasa bersalah kerana telah mengutarakan persoalan itu kepada Firdaus. Seolah-olah dia telah memaksa anaknya menerima gadis lain dalam hidupnya sedangkan anaknya sudah ada pilihan sendiri. Melihat sedikit keraguan di wajah isterinya,Haji Nasarudin mengemaskan pegangan tangan mereka.

“TK tak akan pertaruhkan anak dia untuk anak kita kalau anak dia tu tak elok. Ana kenalkan TK tu macam mana orangnya?” kata Haji Nasarudin seakan memujuk hati isterinya juga dalam usaha mengusir kegusaran hati seorang ibu terhadap nasib anaknya.

“Bagi peluang kepada anak dia untuk membuktikan kemampuannya menjadi isteri kepada anak kita. Mungkin dia adalah yang terbaik anugerah kurniaan Allah untuk kita sekeluarga. Siapa tahu kan?” kata Haji Nasarudin lagi bagai memujuk gundah hati isterinya itu.

“Tapi anak dia kan...”

“Tu biar Allah yang tentukan. Siapa kita nak tentukan takdir seseorang?” pintas Haji Nasarudin lembut bersama sedikit ketegasan. Hajah Rohana tunduk sedikit. Ketegasan pada nada suara itu membawa makna yang dia harus menerima kata putus dari suaminya.

“Ana rasa anak kita takkan setuju.” balas Hajah Rohana perlahan.

“Yang tu abang tahu. Tapi kita tengoklah apa yang ditentukan oleh takdir untuk dia nanti.” jawab Haji Nasarudin sebelum kembali menyambung bacaannya semula. Hajah Rohana tidak lagi bersuara, namun pandangan keresahan dilemparkan ke wajah suaminya. Gusar hatinya sukar diusir pergi.

Pulang dari makan malam di rumah keluarganya,Firdaus langsung memandu menuju ke rumah Dee. Dia tidak betah untuk menyendiri di saat hati dipagut keresahan. Dia harus menyejukkan hatinya sendiri dengan melihat wajah cinta hatinya. Wanita itu juga baru pulang. Masih lagi dengan pakaian pejabatnya. Seorang wanita moden yang menyandang jawatan sebagai Pengurus Projek di syarikat perhotelan. Wanita cantik yang umurnya hampir sebaya dengannya. Beza umur mereka hanyalah setahun dua.
Berbual seketika tentang kerja-kerja harian mereka, Firdaus menukar jalan ceritanya. Sekurang-kurangnya resah di hati dapat dileburkan buat seketika. Dia tatap wajah wanita yang masih utuh dengan solekan gaya modennya itu.

“Dee,you sayang I kan.?” soal Firdaus sedikit perlahan,namun masih kedengaran romantis. Namun reaksi Dee yang tiba-tiba melepas tawa itu,mengejutkan Firdaus.

“Soalan apa tu? Pelik je I dengar?” soal Dee kembali seakan mengejek. Firdaus tunduk. Hatinya sedikit tersinggung. Ini bukan sesuatu yang patut diketawakan. Tambah lagi pertanyaannya bukanlah sesuatu yang lucu. Menyedari ada riak kesal di wajah kekasihnya itu,Dee berhenti ketawa. Dia meletakkan tangannya di bahu Firdaus.

“Fir,kenapa ni?” soalnya lembut. Firdaus diam. Dee menarik dalam nafasnya. Dia tahu dia telah melukakan hati Firdaus.

“Okey I sayang you. Sayang you sangat-sangat. You kan boyfriend I? Mestilah I sayang. Kenapa you tanya?” soal Dee dengan nada lembut seperti memujuk. Firdaus yang tunduk kembali memandangnya. Hatinya sedikit terpujuk dengan

kelembutan suara itu. Ditatapnya lagi wajah Dee. Wajah yang telah menjadi peneman di hatinya sejak tujuh tahun yang lalu.

“Kalau I tanya you jangan marah ya?” soal Firdaus semula. Dee angkat keningnya tanda bertanya semula. Firdaus mengambil sedikit masa sambil menatap wajah Dee.

“You marah tak kalau I kahwin dengan orang lain?” soalnya berhati-hati,takut soalannya membuatkan Dee marah. Namun sekali lagi Dee ketawa seperti tadi,malah lebih rancak. Firdaus membiarkan. Dia tidak tahu apa yang harus ditafsirkan melalui tawa itu.

“Siapa yang nak kahwin dengan you ni? Hah? Ada ke orang nak?” soal Dee semula bersama tawa kelucuannya. Hujung jarinya mencuit hidung Firdaus.

“Dee please. You ni...” balas Firdaus kesal dengan reaksi Dee. Dee menyurutkan tawanya.

“Look,tak ada siapa yang berani rampas boyfriend I tau? I berani jamin,you akan jadi hak I seorang saja.” jawab Dee penuh yakin.

“Kalau ada?” soal Firdaus menduga. Dee membulatkan matanya sambil bercekak pinggang.

“Hey,you ni boyfriend Diana tau? Kalau dia berani,dia cubalah. Tahulah I ajar dia nanti. Sakit dapat,malu pun dapat.” jawab Dee yakin. Firdaus tersenyum senget. Kalaulah Dee tahu perkara sebenarnya,Dee tidak akan bercakap besar seperti itu. Jauh sekali untuk ketawa seperti tadi.

“Tapi...you just tanya je kan? You tak maksudkan macam tu kan?” soal Dee dengan nada seperti menguji diiringi sedikit nada cuak. Firdaus terkejut dan berpura-pura ketawa.

“Kenapa? You cuak?” Dee melabuhkan dudukya di sisi Firdaus yang duduk di hadapan keretanya.

“Mahunya tak.” jawab Dee ringkas. Firdaus senyum.

“Hai,tadi cakap I ni boyfriend Diana,tak ada sesiapa yang berani rampas. Ni cuak pula?” soal Firdaus sedikit menyindir bersama tolakan kecil bahunya ke

bahu Dee. Dee senyum.

“Mm...ada lah sikit-sikit.” jawab Dee bergurau. Mereka melepas tawa. Namun jauh di sudut hati Firdaus,masih ada gusar yang mengurungnya. Dia takut mimpi ngeri itu menjadi kenyataan. Bagaimana jika itu terjadi? Apa yang harus dia lakukan? Bagaimana dia bisa hidup tanpa Dee sebagai isteri? Dan bagaimana untuk dia pertahankan Dee di sisinya nanti sedangkan dia sendiri sudah menjadi milik wanita lain? Dia yakin dia tak mampu untuk hidup dengan wanita lain selain Dee. Bagaimana dia mampu melupakan seseorang yang telah menjadi penemannya selama 7 tahun ini? Bagaimana dia bisa memadam setiap kenangan yang telah mereka coretkan bersama? Bagaimana untuk dia mengusir rasa cinta yang tidak pernah sesaatpun pudar dari hatinya? Tidak. Dia tidak akan mampu. Namun,bagaimana pula untuk dia membantah perintah orang tuanya? Bagaimana untuk dia melukakan hati mereka? Bagaimana untuk dia mengecewakan harapan mereka? Tidak. Rasanya itu juga dia tidak mampu. Lalu harus bagaimana? Waktu. Ya,waktu. Masih ada masa untuk dia berusaha. Dia menatap Dee di sisinya dan mula membuka ruang bicara yang jauh dari persoalan yang sedang bermain di benaknya. Bual bicara yang bisa menghibur hati mereka berdua.

Pertemuan ini seakan mampu mengubat sedikit keresahannya tetapi ianya bukan jalan penamat,apa lagi sebagai jalan penyelesaian kepada masalah ini. Ia sekadar ubat pelali untuk dia lupakan seketika gelodak yang melanda jiwanya. Teringat kembali perbualan di meja makan sebelumnya,Firdaus menjadi semakin takut dan takut. Takut untuk melihat takdirnya nanti.

Bab 3

Firdaus memulakan harinya dengan mood yang tidak seperti biasa. Ucapan salam dari para pekerjanya disambut dengan anggukan bersama pandangan mata yang tidak ditujukan kepada mereka. Entah kenapa, perkara yang dibicarakan oleh ibu bapanya malam semalam sukar untuk diusir pergi. Dia cuba untuk menganggapnya sebagai gurauan semata-mata tetapi semakin lama difikirkan,semakin serius dirasakan. Ya,uminya tidak bergurau. Abinya memang jauh sekali untuk bergurau, lebih-lebih lagi tentang soal hidupnya.
Firdaus tekun menaip dokumen projek terbaru syarikatnya,apa lagi projek itu seratus peratus di bawah kendaliannya. Meski fikiran bercelaru,kerja tetap kerja dan itu yang harus didahulukan. Mahu tidak mahu,dia harus fokus menyiapkan tugasannya.

“Morning Mister CEO.” tiba-tiba sapa satu suara di muka pintu biliknya,tanpa diketuk terlebih dahulu. Firdaus tidak memandang ke arah suara yang menyapa itu.

“Hah MD,apa hal?” soalnya sedikit marah. Lelaki itu berkerut.

“Hai,dah tak ingat nak hormat aku ke? Ni time kerja kot.” perli lelaki itu.
Firdaus menyedari kesilapannya. Dia berhenti menaip,melepas nafasnya dan memandang wajah lelaki itu.

“Sorry Mister MD,anything?” soalnya kembali dengan nada yang lebih lembut.
Lelaki itu masuk dan duduk di kerusi berhadapan dengannya.

“Forget it. Kau apa hal moody je ni? Biasa pagi-pagi macam ni,kaulah orang yang paling positif kat ofis ni.” sambut lelaki itu kembali.

“Forget it. Ni kan time kerja?” sambut Firdaus sedikit menyindir. Lelaki itu ketawa.

“Perli aku lah tu. Okey let’s forget it. Again.” Sepi. Mereka saling berpandangan dan melepas tawa kerana perkataan yang sama disebut berulang-ulang kali.

“Tell me,why?” soal lelaki itu apabila surut tawanya. Firdaus menatap wajah lelaki di hadapannya. ‘Orang besar’ di syarikat ini. Seorang ketua dan pengarah di sini. Lelaki sebaya dengannya yang bernama Raikarl Azhar. Mungkin inilah tempat yang sesuai untuk dia bercerita tentang masalahnya. Raikarl bukan orang lain. Raikarl adalah sahabatnya sendiri.

“Aku nak kahwin.” Sepi seketika. Raikarl memandangnya dengan mulut yang sedikit terbuka. Perlahan-lahan wajah itu dihiasi senyuman tidak percaya.

“What? Wow,congrats man! Finally kahwin juga kau dengan Dee kan? Tak sia-sia 7 tahun kau berdua bercinta.” sambut Raikarl teruja. Firdaus bersandar di kerusi empuknya bersama dengusan perlahan.

“Masalahnya bukan dengan Dee. Kalau dengan Dee,tak adalah aku ‘positif’ macam ni pagi-pagi ni.” balas Firdaus sedikit marah dengan telahan Raikarl. Raikarl berkerut.

“Habis tu dengan siapa? Cleaner ofis ni?” soal Raikarl semula. Firdaus berdecit.

“Kau main cleaner pulak daaah...” marah Firdaus meleret. Raikarl ketawa.

“Umi dan abi suruh aku kahwin. Jadi tajuknya bukan ‘aku nak kahwin’ tapi ‘aku kena kahwin’.” sambung Firdaus sambil memautkan dua batang jarinya untuk ayat-ayat yang dimaksudkan itu. Raikarl berkerut lagi.

“Yelah dengan siapa?” Raikarl mengulang soalannya. Firdaus berdecit sekali lagi.

“Entah. Biasa klise cerita Melayu, dengan anak kawan baik merekalah kot.” Raikarl senyum.

“Dan biasa klise cerita Melayu,mula-mula tak nak. Lepas tu sayang dan lastly tak sanggup nak lepaskan.” balas Raikarl dengan sedikit nada menyindir,bersama senyuman kecilnya.

“Jangan aku klisekan kisah hidup kau dah la.” Jawapan Firdaus meledakkan tawa Raikarl. Firdaus mendengus sambil menggeleng-geleng kepada Raikarl.

“Kau kenal budak tu? Siapa nama?” soal Raikarl surut tawanya. Firdaus angkat bahunya.

“Tak. Tak tahu aku. Malas nak ambil tahu.” jawabnya malas.

“Sekarang ni kau nak ke tak nak?” Firdaus terkejut dan jadi marah dengan soalan itu.

“Gila kau tak nak? Mestilah aku nak. Bercinta bagai nak rak kot. Sia-sia kalau tak kahwin. Huh! Apa punya soalan la dia ni.” marah Firdaus dengan nada sindiran. Raikarl ketawa.

“Relakslah,kau ni pun. Bukannya nak mati,nak kahwin je kan? Bagi aku small matter la bro. Kau je kepala angin.” sambut Raikarl cuba menyejukkan panas hati sahabatnya itu.

“Small matter kau cakap? Ni kahwin tau tak? Bukannya main dangai kahwin olok-olok atas pondok macam kau dengan Pijah dulu.” balas Firdaus sedikit kuat,namun jawapan itu sekali lagi meledakkan tawa besar Raikarl. Cerita lucu di zaman kecilnya itu mencuit hatinya.

“Hey,kau belum tengok pun dia lagi,kau dah cakap macam-macam. Dah buat andaian negatif kat dia. Tak baik tau?”

“Kau cakap senanglah,bukan kau yang nak kahwin. Kahwin ni melibatkan seluruh hidup aku dan family sekali tau? Small matter konon.” balas Firdaus dengan nada seperti sebelumnya.

“Bagi aku it’s still small matter. Kalau kau berdua rasa dah tak boleh hidup sebumbung,kau lepaskanlah dia. Masa tu aku rasa famili kau pun dah tak boleh salahkan kau dah. Kau dah cuba kot,cuma tak serasi je.” Firdaus diam mendengar. Mentafsir.

“Masa tu kalau kau masih nak pertahankan cinta kau pada Dee,kau lepaskanlah dia. Tapi dengan satu syarat.” Firdaus angkat keningnya tanda bertanya semula. Raikarl senyum.

“Kau tak boleh sentuh dia sebagai isteri kau. Tinggalkan dia dalam keadaan suci tak terusik. Macam mana kau ambil dia,macam tulah kau lepaskan dia. Supaya dia boleh cari pengganti kau. Supaya dia boleh mulakan hidup baru seperti sebelum dia jadi isteri kau. Itu baru adil untuk dia.” ulas Raikarl panjang lebar. Firdaus masih mentafsir. Raikarl senyum.

“Supaya nanti aku pula yang boleh ambil dia. Pure and original. Fresh from garden” usik Raikarl lalu melepas tawanya. Firdaus mendengus tawa.

“Jangan harap kau boleh ambil bekas aku.” balas Firdaus selamba. Raikarl terus ketawa.

“Ishk,tension aku. Kena kahwin dengan perempuan yang aku tak kenal langsung. Zaman sekarang pun masih ada lagi style kahwin paksa macam ni? Drama Melayu pun kalah ni.”

“Relaks,benda boleh bawa bincang kot.” jawab Raikarl meleret.

“Kalau kau,berani nak bincang dengan abi?” Soalan Firdaus mematikan lidah Raikarl buat seketika. Dia kenal siapa abi Firdaus kerana dia sendiri adalah anak angkat keluarga Haji Nasarudin dan Hajah Rohana,sejak berusia 5 tahun lagi. Walau tidak tinggal sebumbung, namun semua perbelanjaannya ditanggung oleh mereka sekeluarga. Raikarl hanya akan pulang ke rumah mereka apabila tiba cuti sekolah sahaja. Namun setiap hari dia akan bertemu dengan Firdaus di sekolah dan mereka menyambung pengajian di universiti yang sama.

“Dude,ni ikhlas aku cakap ya? Kau ikut sajalah kehendak parents kau. Aku yakin pilihan mereka tak akan buat kau menyesal. Mungkin ini cara mereka untuk bagitahu kau yang mereka sebenarnya tak berkenan dengan Dee. Tak suka Dee jadi isteri kau. Orang tua ni, mereka ada six sense tau? Hati dan jiwa mereka halus. Mereka lebih tahu nak bezakan mana yang baik dan buruk especially untuk anak mereka.” nasihat Raikarl panjang lebar.

“Percayalah,dia yang terbaik untuk kau. Suatu hari nanti dia akan betul-betul jadi cinta hati kau.” sambung Raikarl lagi. Firdaus tersenyum senget.

“Minta-minta tawarlah mulut kau tu. Aku sayang Dee dan aku akan tetap sayang dia. Datanglah siapa pun,aku tak hairan.” jawab Firdaus yakin.

“Kau jangan cakap besar Fir. Jodoh ni urusan Allah. DIA lebih tahu apa yang terbaik untuk hambaNya. Tak mustahil kau tak boleh hidup tanpa dia nanti. Masa tu Dee pun kau sanggup buang.” Mendengar nama Dee telah menutup segala ruang fikiran Firdaus terhadap nasihat berguna yang telah Raikarl berikan. Fikirannya kacau semula. Fokusnya kembali kepada Dee semula. Dia melurut rambut pendeknya ke belakang. Melepas keluhan berat.

“Dee... Aku tak tahu macam mana aku nak bagitahu dia.” luah Firdaus dalam nada resah.

“Aku rasa tak payahlah bagitahu. Lebih baik macam tu.” jawab Raikarl memberi nasihat.

“Habis tu?”

“It’s all about timing. Wait and see.” jawab Raikarl menyudahkan. Firdaus diam. Mungkin ada sedikit kelegaan di fikirannya untuk perbualan panjang lebar bersama Raikarl pagi ini, tetapi itu tidak cukup untuk melepaskan dirinya dari masalah yang membelenggu. Lambat laun,dia harus berdepan dengan masalah itu lagi dan itu lebih menakutkannya.

Bab 4

Setelah dua minggu berlalu,Firdaus memberanikan diri untuk pulang ke rumah keluarganya. Mahu tidak mahu,dia harus balik untuk menemui orang tuanya. Andai perkara itu dibincangkan semula,berani atau tidak,dia harus menghadapinya. Tidak guna membiarkan perkara itu berlanjutan tanpa ada jalan penghujungnya.

Sambil menikmati teh panas bersama pai epal,Firdaus bagai sudah bersedia andai perkara itu dibangkit kembali,dan kali ini dia akan berjuang untuk mempertahankan pendiriannya. Keberanian yang dipupuk sejak dua minggu lalu,akan digunakan sebagai senjata untuk membela dirinya malam ini. Sepi. Seperti biasa. Meski berkumpul sambil menonton televisyen,tiada siapa yang membuka bicara. Hanya suara televisyen yang riuh rendah memberi hiburan kepada penonton yang seakan tidak terhibur.

"Fir,umi dah buat persiapan untuk majlis perkahwinan tu nanti." tiba-tiba suara uminya memecah kesunyian. Sesaat dua,suara dari televisyen juga tidak kedengaran. Abang dan kakak iparnya membatukan diri. Bulu roma di tengkuk Firdaus meremang secara tiba-tiba. Ya,ia berlaku juga akhirnya. Firdaus mendengus perlahan bersama pandangan mata yang ditujukan kepada uminya. Segera dia membina keberanian di dalam hatinya.

"Persiapan? Siapa yang nak kahwin ni? Kan Fir dah cakap Fir tak nak? Jangan paksa-paksa boleh tak? Ni soal hidup Fir. Biar Fir yang tentukan." balas Firdaus masih bersopan.

"Fir jangan nak mulakan. Kalau abi dengar,masak Fir nanti. Fir tahu kan abi tu macam mana?" balas uminya sedikit perlahan meskipun nadanya seperti marah. Firdaus diam.

"Umi dah merisik tapi mereka cakap tak perlu bertunang. Pihak sana nak nikah terus. Jadi hujung bulan depan,Fir kahwin." sambung uminya semula. Mencerlang mata Firdaus.

"What? Cepatnya? Bunyi macam...terdesak." suara terkejutnya yang agak kuat pada awalnya menjadi perlahan sedikit di hujungnya. Tapi...

"Melur tu datang dari famili yang baik-baik. Tak ada istilah terdesak pun kat sini. Mereka cuma nak cepatkan benda baik. Bertunang tu semua adat saja. Kahwin terus,lagi afdal. Jadi jangan nak fikir yang bukan-bukan." Suara tegas abinya menambah rasa terkejut Firdaus.

"Tak adalah sampai ke situ abi. Cuma Fir rasa macam terlalu cepat." jawab Firdaus perlahan.

"Habis tu nak tunggu 'tujuh tahun',baru tak cepat? Macam Fir dengan Dee? Dah berkulat tapi masih tak kahwin lagi? Macam tu?" sambut abinya lebih tegas.

"Tak juga abi...tapi Fir rasa macam... Dan apa nama dia tadi? Melur? Fir tak salah dengar kan?" soal Firdaus seakan menyindir di hujungnya.

"Kenapa dengan Melur? Salah ke kalau nama dia Melur?" soal uminya kehairanan.

"Tak salah umi,cuma pelik sangat. Orang zaman apa nama macam tu? Kuno."

"Jangan nak hina nama dia,Fir." tegur Hajah Rohana sedikit tegas.

"Bukan nak hina nama dia umi,tapi tak sesuai langsung dengan nama Fir. Fir ni CEO syarikat umi. Ramai kenalan. Banyak majlis korporat yang nak dihadiri. Macam mana Fir nak bawa isteri dengan nama macam tu umi? Malulah Fir." Sekali lagi Firdaus cuba membela diri.

"Firdaus,kalau dah tak ada alasan lain yang lebih kukuh untuk Fir tolak jodoh ni,jangan nak bagi alasan tahap budak sekolah macam tu. Malu abi dengar. CEO syarikat konon. Tapi otak,cetek." balas Haji Nasarudin tegas disudahi sindiran di hujungnya.

"Umi...?"

"Shh...stop it." pintas uminya bertegas. Firdaus bergerak ke hujung sofanya.

"Umi please. Abi..Fir minta tolong sekali ni saja. For last. Tolong bagi peluang pada Fir sekali je lagi." rayu Firdaus memujuk hati orang tuanya.

"Fir nak kami bagi peluang apa lagi?" soal Haji Nasarudin sedikit kuat.

"Bagi peluang pada Fir dan Dee." jawab Firdaus dengan wajah mengharap. Haji Nasarudin menatap wajah mengharap anak lelaki ke duanya itu. Rasa kasihan singgah di hati tuanya namun dia harus menetapkan pendiriannya. Ini yang dia mahukan untuk anak lelaki bujangnya. Ini yang terbaik buatnya.

"Dah tujuh tahun kami bagi peluang tu pada Fir terutamanya Dee,tapi tak ada apa yang berlaku seperti yang sepatutnya kan? So,nak peluang macam mana lagi?" soal Haji Nasarudin semula. Firdaus menarik nafasnya bersama air wajah resahnya. Dia benar-benar mengharapkan satu keajaiban muncul di hadapannya saat ini. Keajaiban yang mampu melembutkan hati lelaki itu. Lelaki yang telah membesarkannya dengan ketegasan dan disiplin yang tinggi.

"Abi please. For last. Izinkan Fir lamar Dee sekali lagi. Fir janji,kalau kali ini pun Dee tak setuju,Fir akan ikut cakap umi dan abi." rayu Firdaus lagi dengan meletakkan syarat pada dirinya sendiri. Haji Nasarudin diam. Berfikir.

"Baiklah,tapi dengan satu syarat." Firdaus menunggu dari abinya.

"Fir jangan bagitahu dia yang Fir akan kahwin dengan Melur. Deal?" Firdaus menoleh memandang uminya dan beralih kepada abinya semula sebelum mengangguk perlahan. Dia sangat mengerti kenapa abinya memberikan syarat seperti itu kepadanya. Dee harus diuji. Jika benar Dee sayangkannya,Dee akan menerima lamarannya tanpa syarat dan alasan. Firdaus tahu abinya tidak mahu Dee menerima lamarannya hanya kerana dia akan berkahwin dengan wanita lain. Ya,dia sangat mengerti. Dia takut,namun dia harus mencuba untuk kali terakhir dengan harapan tuah memihak kepadanya kali ini.

" Abi bagi masa 48 jam. Lepas tu kita tengoklah ke mana takdir bawa Fir."

Bab 5

"Nih,kad jemputan majlis kahwin aku. Nanti datanglah. Bawa hadiah besar-besar sikit.” Mencerlang mata Raikarl menyambut kad itu dari tangan Firdaus.

“Wah,jadi juga kau kahwin ya? Ingatkan misi penentangan kau berjaya. Rupanya tewas di tengah medan percubaan.” kata Raikarl disusuli tawa kecilnya. Firdaus tidak senyum meskipun itu sekadar gurauan. Dia sedang serius dan mahu Raikarl juga serius.

“Jangan kau yang aku tewaskan dah la.” balas Firdaus sedikit marah. Raikarl ketawa. Lebih-lebih lagi apabila melihat wajah serius Firdaus itu. Baginya wajah itu kelihatan lucu.

“Dah makin dekat hari kiamat kau nampaknya ya? Tahniah! Finally dapat juga aku tengok kad kahwin kau.” sambut Raikarl bergurau. Firdaus mendengus. Malas melayan. Raikarl membuka sampul kad berwarna keemasan itu dan mengeluarkan kad di dalamnya. Dia tersenyum lebar.

“Wow! Cantiknya nama bakal isteri kau Fir?” kata Raikarl teruja.

“Jangan kau berani sebut nama dia depan aku. Aku sumpah kau jadi tunggul nanti.” marah Firdaus memberi amaran yang serius. Wajahnya lebih serius dari sebelumnya. Dia tidak mahu mendengar nama gadis itu. Telinganya sakit setiap kali nama itu disebut,terutamanya oleh setiap ahli keluarganya. Meskipun nama itu tidak pernah diejek oleh sesiapa dalam keluarganya,dia tetap berasa malu mendengarnya.

“Ishk kau ni...Semenjak dua menjak ni aku tengok,bukan main baran. Nama dan rupa dah elok dah. Memang macam ‘Firdaus’,tapi fiil kau sekarang ni dah macam Firaun la pula. Menggerunkan. Mulut macam puaka tau tak?” Raikarl menegur dalam gurauan. Firdaus menjeling tajam sambil menarik kuat nafasnya. Terasa setiap gurauan Raikarl tidak lucu di telinganya. Gurauan itu dirasakan bagai menyindir dirinya.

“Eh,kau ni,makin kecik je aku tengok. Kau jangan,aku resign nanti.” ugut Firdaus dalam nada serius. Raikarl melepas tawa lagi namun dia tahu dia harus berhenti ketawa.

“Okey okey sorry dude. Aku gurau pun tak boleh ke? Sensitive nau sejak bergelar bakal suami orang ni.” balas Raikarl sedikit takut dengan ugutan sahabat baiknya itu. Firdaus bukan sahaja sahabat baiknya tetapi dia juga adalah orang penting syarikat ini. Orang yang merancang dan menggerakkan syarikat yang dibinanya selama hampir lapan tahun ini.

“Kau tak rasa,kau tak tahu.” balas Firdaus dengan kemarahan yang masih bersisa.

“Relakslah,kahwin je pun,bukannya mati.” kata Raikarl cuba bergurau lagi. Dia masih mahu mencuba untuk menyejukkan hati Firdaus.

“Nak juga aku sumpah kau ni. Kang tak pasal-pasal jadi tunggul berkulat sisir kat kerusi MD kau tu.” balas Firdaus berang kembali. Hasilnya,Raikarl ketawa besar mendengar kata-kata Firdaus. Firdaus yang sedang marah,hanya mampu melihat sambil bersandar malas di kerusinya. Surut tawa,Raikarl menatap kembali kad berkerawang berwarna putih mutiara bertulisan emas itu lagi. Ditatapnya dua gambar wajah kanak-kanak lelaki dan perempuan berusia seawal lima tahun yang terpampang di dalamnya. Dia kembali membaca nama bakal pengantin perempuan yang tercatat di dalamnya. Dia senyum.

“Tapi betullah,cantik nama bakal wife kau ni. Mesti orangnya pun cantik. Ada status lagi.” kata Raikarl sambil terus membaca nama pengantin perempuan itu.

“Peduli apa aku. Aku tak ambil tahu pun fasal dia. Kepala aku ni berserabut fikir pasal Dee. Entah macam mana aku nak bagitahu dia nanti. Silap hari bulan,boleh jadi busut jantan aku dibuatnya.” balas Firdaus bersama keluhan di awalnya. Raikarl mendongak memandang Firdaus. Matanya sedikit membulat.

“Maknanya kau tak tahu lagilah nama dia ya? Orangnya pun kau tak jumpa lagilah ya? Kad ni pun kau tak tengok lagilah ya?” soal Raikarl bertubi-tubi tanpa mempedulikan kata-kata Firdaus tadi. Berkerut muka Firdaus mendengarnya.

“Dei,berapa banyak ‘ya’ daa..?” soal Firdaus meleret marah.

“Ya ke tak?” soal Raikarl semula dengan riak wajah ingin tahu. Firdaus mendengus lalu bangun menuju ke pintu bilik Raikarl. Dia membuka pintu dan keluar. Sesaat kemudian,dia membukanya semula dan menjenguk ke dalam bilik.

“Ya.” jawabnya tegas dan kembali menutup pintu. Raikarl melepas tawa mendengarnya sambil menggeleng-geleng kecil.

Ya,dia tidak berjaya membuatkan kawannya itu terhibur dengan usikannya pagi ini,namun dia telah berjaya menghiburkan dirinya sendiri. Dia kembali menatap gambar zaman kecil kedua-dua bakal pengantin itu semula.
‘Comelnya both of you’ bisik hatinya.

Sebaik Firdaus berpaling semula selepas menutup pintu,dia disambut oleh beberapa orang pekerja di ruangan pejabat Pengarah Urusan tadi,termasuklah setiausaha Raikarl,Sofea. Setiap pasang mata yang berdiri di hadapannya kini sedang tersenyum memandangnya. Entah kenapa Firdaus merasakan senyuman mereka seperti sedang menyindirnya. Senyuman yang berniat untuk memalukannya. Senyuman yang diukir tanpa keikhlasan. Bertambah panas hatinya melihat senyuman-senyuman itu.

“Tahniah Encik Firdaus. Cantik nama bakal wife Encik.” sapa Sofea bersama senyuman yang Firdaus maksudkan tadi. Mendengar ucapan tahniah diselangi ‘pujian’ terhadap nama bakal isterinya,Firdaus menjadi cuak dan marah. Terasa peluh dingin mula merenik di pelipisnya.

“Thank you so much. Tapi awak tak perlu sebut nama dia depan saya. Saya dah tahu nama dia dan siapa dia. So,please.” kata Firdaus serius. Wajahnya juga serius tanpa senyuman,tidak seperti biasanya. Semua staf terkedu mendengar nada suara Firdaus yang kedengaran seperti sedang marah. Ya,memang Firdaus sedang marah. Sesuatu yang jarang dilakukannya. Dia seorang CEO yang akan bercakap dengan nada suara yang sedap didengar walaupun sedang memberi arahan tegas. Dia akan bercakap dengan bahasa yang baik meskipun sedang memarahi pekerjanya. Tapi hari ini agak berlainan dari biasa. Sepi. Tiada sesiapa yang berani bersuara. Senyuman mesra di wajah mereka juga lenyap sekelip mata. Menyedari kesilapannya,Firdaus menarik nafasnya sambil memejamkan matanya sesaat.

“Okey,thank you to all of you. Jangan lupa datang nanti.” kata Firdaus dengan

nada yang lembut dan sopan. Firdaus terus berpaling dari mereka,namun dia merasakan perbualan mereka tiada klimaksnya. Dia tahu bukan itu penyudah yang baik untuk mereka.

“Dan jangan lupa bawa hadiah masing-masing. Setiap satu kepala,satu hadiah. Saya tak nak hadiah yang awak semua share ramai-ramai. Majlis besar,hadiah pun kena besar la ya? Kalau tak,tak payah datang.” kata Firdaus dengan niat bergurau. Semua staf kembali tersenyum. Ya,dia berjaya membuat suasana kembali ‘mesra’ seperti sepatutnya.

“Kalau bawa hadiah share,makan nanti pun share juga. Tau?” sambung Firdaus lagi dengan wajah serius yang dibuat-buat. Mereka semua melepas tawa kecil. Firdaus senyum sekilas sebelum berlalu ke biliknya semula. Dia bersandar di kerusinya sambil berfikir sendiri.

“Nama Melur pun cantik ke? Perli ke apa?” omelnya tidak puas hati. Hatinya masih panas dengan ucapan tahniah dari semua pekerja sepanjang perjalanan ke biliknya. Panas apabila terpaksa mengukir senyum tanpa rela. Panas kerana terpaksa berterima kasih tanpa keikhlasan. Panas untuk semuanya.

“Mak ayah dia dah tak ada nama lain ke nak bagi nama anak? Melur. Please laa..” omelnya lagi tanpa ada niat untuk berhenti mengkritik nama bakal isterinya itu. Dia menarik nafasnya sambil mendongak ke atas. Berfikir lagi dengan rasa tidak puas hati di dalam benaknya. Ada lagi yang mahu dikatakannya. Bercakap sendirian.

“Entah baka dari mana entah letak nama Melur. Orang hulu ke apa? Tengok girlfriend aku. Diana. Kan ke cantik? Modern. Tak malu nak bawa masuk majlis. Ni,Melur. Agak-agaklah nak kasi nama anak gitu. Jakun.” sambungnya lagi dengan nada yang berbaur antara merungut dan marah. Tiba-tiba dia tersentak sendiri.

“Eh,ke abi nak kahwinkan aku dengan perempuan tua ni? Nama macam orang umur 50 an je. Ishk,biar betul ni? Melur. Meeelur...” omelnya sambil terus berfikir.

“Adoi,habislah. Masak aku. Satu ofis dah perli nama bakal bini aku nih. Arrghhh!”

-cnc-

Bab 6

Raikarl mengatur langkah menuju ke pintu utama setelah dibenarkan masuk oleh penjaga pintu pagar banglo besar itu. Bersamanya adalah sebakul besar buah-buahan tempatan yang menjadi kegemaran sepasang suami isteri pemilik rumah mewah itu. Dia menekan loceng rumah. Sekejapan tuan empunya rumah itu membuka pintunya.

"Assalamualaikum abi,umi." sapanya sambil menyalami pasangan itu.

"Waalaikumsalam. Lama tak datang sini? Sibuk ke?" sambut Haji Nasarudin mesra sambil mempersilakan Raikarl masuk.

"Biasalah abi,boss besar la katakan." jawab Raikarl bergurau dan itu meledakkan tawa kecil lelaki itu. Setelah membawa buah tangan Raikarl ke dapur,Hajah Rohana kembali mendapatkan mereka berdua di ruang tamu sambil membawa minum petang bersama kek cawan yang dibuatnya sendiri.

"Congrats abi,umi." kata Raikarl terus menerjah dengan ucapan tahniahnya. Haji Nasarudin berkerut sambil memandang isterinya sesaat dua.

"Untuk apa?" soalnya tidak mengerti. Raikarl senyum.

"Karl dah dapat kad jemputan dari Mister CEO kita tu." Jawapan Raikarl telah membuatkan wajah pasangan itu terukir dengan senyuman,namun tidak lama.

"Yeah,Mister CEO yang..." rungut Haji Nasarudin tanpa menghabiskan ayatnya. Sambungannya hanya mereka yang tahu. Semua orang mengenali sikap Firdaus. Faham-faham sendiri.

"So,ada apa-apa yang Karl boleh tolong?" soal Raikarl cuba menukar topik yang lebih menjurus ke arah Firdaus sahaja itu.

"Tolong pujuk kembar Karl tu supaya tak melawan perintah kami." jawab Haji Nasarudin yang akhirnya tetap menjurus ke arah Firdaus sahaja. Ya,sikap Firdaus.

"InsyaAllah abi. Fir akan ikut cakap abi." jawab Raikarl yakin. Dia juga tahu sikap Firdaus yang kadang-kadang 'degil' dan suka 'memberontak secara sopan' itu,namun dia lebih tahu yang Firdaus seorang anak yang baik dan akan mendengar cakap ibu bapanya. Sekuat manapun dia cuba'melawan' tetapi akhirnya dia akan mengalah juga.

"Harapnyalah." jawab Haji Nasarudin kurang yakin. Raikarl tetap senyum.

"Kita doakan yang terbaik je. Nanti Karl sponsor majlis bertandang sambut menantu baru kat rumah ni. Buat kan?" soal Raikarl bagai mahu menutup cerita tentang sahabat baiknya itu sekali lagi. Yang mahu dibincangkannya adalah tentang majlis yang bakal berlangsung,dan bukannya tentang Firdaus semata-mata. Pasangan ibu bapa angkatnya itu senyum tetapi Hajah Rohana menjawab soalan Raikarl dengan gelengan. Nampak pelik tetapi itulah yang pihak perempuan mahukan.

"Kalau macam tu,Karl support venue dengan baju pengantin okey?" kata Raikarl sekali lagi menghulurkan sumbangannya.

"Tak payahlah Karl. Susahkan Karl je." sambut Hajah Rohana bersopan. Raikal senyum. Begitulah dia. Murah dengan senyuman dan itulah yang sering menambat hati pasangan suami isteri itu. Seorang anak yang tidak pernah menyusahkan mereka. Tidak pernah berkata tidak dan tahu mengenang jasa. Dari seorang anak angkat,mahu saja mereka menjodohkan Raikarl dengan Rania agar Raikarl benar-benar menjadi anak mereka. Anak yang halal untuk disentuh oleh Hajah Rohana sebagai ibunya.

"Tak adalah umi. Karl kan anak umi dan abi? Kita satu family. Karl happy dapat menyumbang untuk famili. Mister CEO kita tu pun bukan orang lain dengan Karl." sambut Raikarl bersopan. Senyuman Raikarl dibalas dengan senyuman yang sama.

"Karl setuju dengan perkahwinan ni?" soal Haji Nasarudin bertanyakan pendapat.

"Kalau Karl di tempat dia,Karl akan terus setuju. Sebab bukan senang nak dapat jodoh yang direstui sepenuhnya oleh ibu bapa kita." jawab Raikarl ikhlas. Haji Nasaruddin senyum.

"Kan senang kalau dia pun fikir macam tu juga? Tak lah kami ni berdebar-debar

je. Rasa macam lambat je nak tunggu hujung bulan ni." balas Hajah Rohana bersama wajah yang terselit sedikit keresahan.

"Jangan risaulah umi. Fir tak akan buat onar. Dia tak akan lari ke mana. Karl kenal dia macam mana." jawab Raikarl yakin. Hajah Rohana tidak senyum.

"Kalau dia buat onar macam mana?" soal Hajah Rohana kembali. Wajahnya masih seperti tadi. Raikarl mendengus tawa.

"Karl akan ganti tempat dia. Karl akan pastikan adik manis tu jadi menantu umi dan abi. Kasi melopong itu mulut Mister CEO." jawab Raikarl cuba untuk bergurau. Ternyata percubaannya berjaya. Pasangan itu melepas tawa lucu mereka.

"Macam mana umi dan abi boleh dapat calon menantu macam tu?" soal Raikarl sambil menikmati kek cawan kegemarannya itu.

"Ha'aa kan? Macam tak sepadan pula dengan Firdaus." Jawapan Hajah Rohana sekali lagi meledakkan tawa mereka bertiga.

"Tu lah fasal..." sambut Raikarl kembali. Hajah Rohana ketawa lagi.

"Apa kata umi dan abi pass kat Karl je? Dengan Karl lagi okey kot." gurau Raikarl lagi.

"Masin mulut tu baru tahu. Nangis girlfriend Karl nanti." sambut Hajah Rohana dalam tawanya yang bersisa. Raikarl menghabiskan minumannya. Dia juga tidak mahu berbicara soal 'girlfriend' yang mungkin akan dicungkil dari pasangan itu.

"Okey,umi bagi detail. Nanti Karl uruskan perbelanjaan tu semua." kata Raikarl mahu menutup cerita tentangnya. Wajahnya sedikit serius apabila bercakap soal serius itu. Hajah Rohana mengangguk perlahan.

"Terima kasih Karl. Harapkan Fir,dia tak nak ambil tahu langsung." Raikarl senyum kembali mendengar jawapan uminya itu. Sesaat itu,telefon bimbit Raikarl berbunyi menandakan panggilan masuk. Dia terus menjawabnya.

"Aku kat rumah abi. Kenapa?" jawabnya selepas menjawab salam si pemanggil. Sepi.

"Okey,nanti aku sampai." jawabnya lagi setelah mendengar jawapan di hujung talian. Talian dimatikan dan Raikarl memandang umi dan abinya.

"CEO kita nak jumpa Karl. Karl pergi dulu ya? Nanti Karl datang lagi. Dah lama tak tidur sini dan makan masakan umi. Dah rindu dah." kata Raikal bersama senyumannya.

"Datang,jangan tak datang." kata Hajah Rohana mesra. Raikarl ketawa lalu menyalami keduanya. Raikarl berlalu ke keretanya.

"Karl?" panggil Hajah Rohana. Raikarl berpaling. Terlihat jelas di wajah wanita itu akan harapannya agar Raikarl memujuk Firdaus untuk menerima perkahwinan ini. Raikarl mengangguk mengerti bersama senyuman penyudahnya.

Raikarl tiba di restoran yang dimaksudkan setengah jam kemudian. Kelihatannya Firdaus sedang membelek telefon bimbitnya bersama postur badan yang malas. Salam diberi dan Firdaus menjawabnya juga dengan malas. Wajahnya monyok dan mencuka.

"Kau apa hal nak jumpa aku kat sini? Kenapa tak balik rumah je terus? Aku plan nak tidur sana kot tadi." soal Raikarl serius. Firdaus meraup mukanya sambil mendengus perlahan.

"Sebab aku dah memang ada kat sini." jawabnya tanpa memandang Raikarl.

"Yelah,tapi boleh balik kan?" balas Raikarl semula. Firdaus diam. Dia bersandar malas di sofanya sambil mendongak ke siling yang dihiasi lampu gantung klasik itu. Sepi.

"Kau kenapa ni? Muka dah macam pekasam daging dah ni aku tengok? Why?" soal Raikarl dengan nada di antara bergurau dan serius. Mata Firdaus masih lagi ralit di situ.

"Serabut." jawabnya ringkas. Apabila pelayan datang,Raikarl mengambil pesanannya. Setelah pelayan berlalu,Raikarl merenung Firdaus yang kelihatan sugul dan mati akal itu. Ada sesuatu yang mengacau jiwanya.

"Kenapa? Rindu Dee?" soal Raikarl mengagak. Firdaus memandangnya sekilas.

"Tu satu hal. Time aku perlukan dia nilah,dia nak lesapkan diri. Call pun tak. Sibuk kalahkan menteri la pula." jawabnya dengan nada yang berbaur bosan dan marah.

"Lebih baik dia lesap. Kalau tak,lain pula yang jadi." balas Raikarl serius. Kali ini Firdaus memandangnya. Badannya juga ditegakkan semula.

"Jadi apa?" soalnya dengan wajah yang sedikit berkerut tidak mengerti.

"Jadi...tak jadi kahwin la." jawab Raikarl bersama wajah yang sengaja diseriuskan. Firdaus menjelingnya bersama dengusan kuat.

"Memang tu pun yang aku nak." balas Firdaus sedikit marah. Bukan kepada Raikarl tetapi kepada keadaan yang menghimpit dirinya. Keadaan yang sedang memaksanya untuk menerima wanita lain dalam hidupnya. Wanita lain selain Dee.

"Ishk,kau ni. Tak baik tau doa benda yang tak baik macam tu." sambut Raikarl sambil bersandar di sofanya. Firdaus memandangnya dengan wajah serius.

"Aku tak nak kahwin. Tak nak. Kau faham tak?" kata Firdaus tegas. Sepi seketika.

"Okey,kita settlekan masalah ni. Sekarang juga. Jom." kata Raikarl sambil menepuk lutut Firdaus. Firdaus berkerut kebingungan melihat Raikarl yang mula bangun dari duduknya.

"Nak pergi mana?" soal Firdaus kehairanan.

"Balik rumah la. Mana lagi?" Jawapan Raikarl meremangkan roma Firdaus. Keberanian yang belumpun muncul,sudah dimatikan dengan ketakutan.

"Ishk,kau ni. Nak aku mati katak ke apa?" jawab Firdaus bersungguh. Raikarl senyum.

"Takpe. Aku ada. Aku back up kau. Jom." kata Raikarl masih mencuba 'meyakinkan' Firdaus. Firdaus diam melihat Raikarl yang sudahpun berdiri sambil menantinya.

"Nak kahwin ke tak nak ni?" soal Raikarl bersungguh lagi,bagai menyandarkan

harapan dan keyakinan kepada Firdaus bahawa dirinya boleh diharapkan untuk membantu sahabatnya lari dari masalah ini. Namun,di sebalik kesungguhannya itu,Firdaus dapat melihat sedikit senyuman di hujung bibir Raikarl yang cuba disembunyikannya.

"Kau ni. Karang kau pulak yang mati katak kang." balas Firdaus marah lalu melempar telefon bimbitnya perlahan ke atas meja. Raikarl senyum dan duduk semula. Pesanan Raikarl tiba di meja. Raikarl terus menjamahnya tanpa mempelawa Firdaus. Sesekali dia senyum melihat gelagat Firdaus yang bagaikan ayam berak kapur itu.

"Orang nak tolong,dia tak nak. Takutlah sangat. Kata anak jantan? Kat sini bukan main kuat berkokok mengalahkan Si Sabung. Kasi semburlah 'Si Jalak' kat rumah tu. Ada bran?" kata Raikarl bagai menyindirnya. Firdaus hanya menjeling. Malas melayan lagi kerana dia tahu Raikarl juga takutkan 'Si Jalak' yang merujuk kepada abinya itu. Dan dia lebih tahu bahawa masalah ini tidak akan berakhir seperti yang diharapkannya. Jadi,ianya tamat di situ sahaja.

-cnc-

Bab 7

Semua orang sedang berkumpul di perkarangan pintu masuk ke masjid. Beberapa orang kawan Firdaus sedang bersedia dengan dulang hantaran di tangan masing-masing. Semua orang kelihatan gembira dengan majlis yang bakal berlangsung bila-bila masa ini. Namun Firdaus masih lagi sedih. Fikirannya masih lagi mencari-cari jalan untuk lari dari pernikahan ini. Kalau boleh,mahu saja dia meghaibkan diri agar tidak perlu terjebak dalam pernikahan tanpa rela ini. Apa lagi? Semuanya difikirkan. Semuanya bagai mampu dilakukannya.
‘Ya Allah,apa yang sedang aku buat ni?’ soal hatinya. Dia termangu sendirian selepas mengambil wuduk sebelumnya. Tidak mahu berbicara dengan sesiapa termasuk Raikarl. Fikirannya menerewang memikirkan apa yang bakal dihadapinya selepas ini,juga untuk masa yang akan datang. Hatinya merindui Dee yang jauh di mata. Entah apa yang harus dia katakan pada Dee nanti. Ya,itu juga difikirkannya. Matanya ralit melihat ke satu arah. Tiba-tiba bahunya ditepuk perlahan. Dia menoleh.

“Dah ready?” soal abinya. Firdaus tidak menjawab. Dia menatap mata lelaki itu bersama pandangan mata yang masih mengharapkan agar lelaki itu memahami perasaannya ketika ini. Betapa dia mahu lari dari pernikahan ini.

“Kali ni je. Fir percaya abi kan?” soal Haji Nasarudin lembut. Firdaus terus menatap mata abinya yang penuh dengan harapan,agar dia bersetuju untuk meneruskannya. Terdetik di hatinya,mungkin ini yang benar-benar abi mahukan darinya. Selama dia membesar, tidak pernah abinya mengarah atau meminta sesuatu darinya termasuklah jalan kariernya dan pilihan hatinya. Tapi tidak untuk kali ini. Firdaus faham dan mengangguk. Haji Nasarudin senyum,lalu mereka masuk ke dalam masjid. Firdaus duduk di tempat khas untuknya. Hatinya berdebar untuk banyak perkara terutama untuk siapa bakal pengantinnya.
Imam Haji Mahadi datang dan memeriksa semua borang dengan teliti sebelum memastikan kedua-dua pengantin bersetuju dengan pernikahan yang bakal berlangsung ini. Dia kemudian memberi sedikit nasihat kepada Firdaus sebelum bergelar suami. Firdaus mendengar dengan teliti meski hati masih goyah. Tiba

saatnya...

“Firdaus Iskandar Bin Haji Nasarudin,aku nikahkan dan kahwinkan dikau dengan Yang Mulia Tengku Adriana...” kata-katanya terhenti di situ. Imam Haji Mahadi tersentak apabila secara tiba-tiba Firdaus menarik tangannya dari genggamannya.

“Eh,kenapa ni?” soal Imam Haji Mahadi terkejut dan tidak mengerti.

“Err,apa nama dia tadi?” soal Firdaus panik bersama wajah yang jelas kelihatan terkejut dan panik. Berkerut wajah Imam Haji Mahadi melihat reaksi Firdaus.

“Aik,nama bakal isteri sendiri pun tak tahu ke?” soal Imam Haji Mahadi kehairanan.

“Err,anak saya ni nervouse sikit Imam. Tu yang terkejut lebih tu.” kata Haji Nasarudin sambil memegang bahu anaknya. Imam Haji Mahadi senyum.

“Oo..ingatkan apa tadi. Bawa bertenang ya? Kita bukannya nak berkhatan. Nak nikah je. Confirm tak sakit.” Usikan Imam Haji Mahadi itu meledakkan tawa tetamu yang ada. Firdaus tidak mempedulikan tawa mereka. Tumpuannya hanya pada nama itu.

“Boleh saya tengok borang nikah tu sekejap? Nak hafal nama dia baik-baik.” pinta Firdaus dengan wajah sedikit cemas. Imam Haji Mahadi menggeleng-geleng kecil sambil menghulurkan borang itu kepadanya. Matanya tertancap pada nama itu.
‘Siapa yang aku nak kahwin ni?’ soalnya pada diri sendiri. Firdaus berpaling ke kirinya. Kelihatan lelaki berkulit putih sedang tersenyum memandangnya. Firdaus yakin,itulah bakal bapa mertuanya. Dia menoleh ke satu susuk tubuh yang berada di tempat khusus untuknya. Seorang gadis sedang tunduk sambil berpegangan tangan dengan seorang wanita jelita di sisinya. Firdaus sangat yakin wanita itu bakal ibu mertuanya. Firdaus tunduk membaca nama gadis itu sekali lagi. ‘Nama dia... Betul kata Raikarl.’

“Dah sudah?” soalan Imam Haji Mahadi mengejutkan Firdaus. Firdaus sedikit tercengang. Dia masih buntu dan kepalanya penuh dengan tanda tanya. Haji Nasarudin menepuk bahunya dan melucutkan Firdaus dari rasa paniknya. Firdaus mengelap atas bibirnya yang sedikit berpeluh sambil mengangguk-angguk. Borang nikah itu diserahkan semula kepada Imam Haji Mahadi.

Tangannya sekali lagi bersatu dengan tangan Imam Besar masjid negeri itu.

“Firdaus Iskandar Bin Haji Nasarudin,aku nikahkan dan aku kahwinkan dikau dengan Yang Mulia Tengku Adriana Zulaika Binti Yang Mulia Tengku Kamarul Yussuf dengan berwakil walikan aku kepada ayahandanya dengan mas kahwinnya sebanyak 7,777 ringgit,tunai.”

“Aku terima nikahnya Yang Mulia Tengku Adriana Zulaika Binti Yang Mulia Tengku Kamarul Yussuf dengan mas kahwinnya sebanyak 7,777 ringgit tunai.”

“Sah. Sah. Sah.” Jawapan dari saksi-saksi menamatkan zaman bujang Firdaus dan kini dia telah sah bergelar suami orang. Maka satu tanggungjawab yang besar telah terpikul dengan sendirinya di bahunya. Namun Firdaus sendiri bagai tidak menyedari bahawa dia sudahpun sah bergelar suami kepada gadis itu. Yang ada di fikirannya saat ini hanyalah nama dan gelaran gadis itu. Nama yang bukan seperti nama yang sering disebutnya selama ini. Usai bacaan doa,Firdaus masih lagi kebingungan.

“Fir,pergilah solat sunat nikah dulu. Dia pun nak jemaah sekali tu.” kata abinya selepas bacaan doa selesai. Firdaus akur. Mereka solat bersama. Usai solat,Firdaus kembali ke tempat duduknya. Kemudian mereka sama-sama bangun menuju ke tempat pengantin perempuan duduk. Hajah Rohana menghulurkan cincin untuk Firdaus sarungkan ke jari manis isterinya. Firdaus akur. Saat itulah mereka berdua bertentang mata. Firdaus sedikit terkesima. Selepas cincin disarungkan dan saling bertukar cincin,pengantin perempuan mencium tangannya. Uminya mengisyaratkan agar Firdaus mencium dahi isterinya. Dalam teragak-agak,Firdaus melakukannya. Sekali lagi mereka bertentang mata dan sekali lagi Firdaus terkesima. Akhirnya mereka bergambar bersama keluarga di atas pelamin kecil yang dihias indah itu. Usai semuanya,pengantin perempuan hilang begitu sahaja. Tinggal Firdaus terpinga-pinga.
Petangnya pula,Firdaus harus ke hotel untuk menjalani latihan raptai penuh untuk upacara persandingan keesokan harinya. Dia kecewa kerana teman latihannya bukanlah pengantinnya tetapi wakil kepada isterinya.

Malamnya Firdaus penasaran memikirkan apa yang terjadi siang harinya. Dia penasaran mahu melihat wajah isterinya. Dia teringatkan sepasang mata yang ditatapnya siang tadi. Tentang persalinan serba putih gadis itu. Tentang jubah putih bertatah berlian dan mutiara yang dipakai isterinya. Tentang hijab yang

turut dihiasi perhiasan yang sama. Tentang jilbab berenda yang menutupi wajahnya. Tentang merah inai di jari putihnya. Tentang wangian lembut yang menusuk hidungnya. Tentang semuanya.
‘Yang Mulia Tengku Adriana Zulaika. Anak raja. Baka baik,bukan baka bukan-bukan. Umur baru 25 tahun,bukan 50. Can...tik juga...rasanya... Tapi kenapa Tengku nak kahwinkan puteri mereka dengan aku? Dah tak ada anak raja lain dah ke nak dibuat menantu? Pelik. Dan kenapa macam terdesak je nak kahwin cepat-cepat dengan aku? Ada yang tak kena ke dengan budak tu?’ rungutnya sendiri tetapi tumpuannya lebih kepada nama isterinya itu. Ya,nama yang tidak pernah dia ketahui sebelumnya. Nama yang tercatat pada kad undangan perkahwinannya. Nama yang dipuji-puji oleh Raikarl dan para pekerjanya. Nama yang tidak mahu didengarinya. Nama yang menguji kesabarannya dan menimbulkan amarahnya,tanpa diketahuinya. Pendek kata,nama itu bukan nama yang dibencinya selama ini.

“Kenapa ni? Tak percaya Fir dah nikah?” tiba-tiba abang sulungnya,Firman Iskandar menyapa dari arah belakangnya,mematikan omelannya tadi. Firdaus tersenyum senget.

“Percaya. Percaya sangat-sangat.” Abangnya mendengus tawa mendengar jawapan bernada sindiran itu. Lelaki tinggi lampai itu mengambil tempatnya di sebelah adiknya.

“Fikir apa?” soal Firman lagi sambil menepuk pahanya.

“Fikir macam-macam.” jawab Firdaus ringkas. Matanya tidak ditujukan kepada abangnya.

“Macam-macam takpa,jangan bukan-bukan. Tak baik buruk sangka.” balas Firman menasihati. Firdaus mendengus perlahan.

“Taklah. Tengah fikir macam mana agaknya muka dia. Entah apa-apa,dah nikah pun masih lagi tak boleh tengok muka isteri sendiri.” jawab Firdaus merungut.

“Dia nak buat surprise la tu.” jawab abangnya dalam senyuman.

“Tak ada maknanya surprise abang. Siapapun orangnya tak akan memberi kesan kepada Fir.” balas Firdaus yakin,meski hatinya seakan menidakkan.

“Jangan over confident. Abang rasa Fir dah pun suka dia,hanya dengan tengok

mata dia je tadi. Kan?” balas abangnya meyakinkannya. Firdaus tersenyum senget.

“Banyaklah abang punya suka. Habis Dee tu Fir tak sukalah ya?” Firman ketawa mendengar jawapan ‘padu’ adiknya. Dia menepuk perlahan bahu Fridaus.

“Sabar,masa bersanding esok,mesti boleh tengok muka dia.” kata Firman sambil berlalu ke pintu bilik. Langkahnya hanya diperhati oleh Firdaus.

“Sekarang ni,kita semua suspen. Bukan Fir seorang je. Even umi dan abi pun tak pernah tengok dia sebelum ni.” Firdaus terkejut besar mendengarnya. Firman mengangguk-angguk mengiyakan kata-katanya sendiri,sekaligus menjawab soalan yang diajukan dari mata adiknya. Dia berlalu dengan senyuman. Firdaus bersandar di sofa.

“What? Umi dan abi pun tak pernah tengok dia? Macam mana mereka boleh kahwinkan aku dengan perempuan yang mereka sendiri pun tak pernah tengok? Biar betul? Ingatkan aku sorang je tak pernah tengok,ni satu famili...?” rungutnya tidak sangka. Firdaus bangun menuju ke balkoni. Memandang di kejauhan sambil terus berfikir.

“Entah cukup sorang ke tak budak tu? Entah cantik ke tak. Kang bisu ke,pekak ke? Adoiii...masak aku macam ni.” omel Firdaus lagi. Sedikit rasa goyah menerpa hatinya. Rasa takut juga mula menyapa benaknya. Segala perasaan negatif yang tidak ada sebelumnya perlahan-lahan menguasi fikirannya semula.

“Ni baru betul-betul ‘surprise’. Buatnya dia...” Sepi. Fikirannya berkecamuk. Segala keindahan yang terbayang di matanya tadi mula menghilang di balik kepekatan malam.

“Habislah kau Firdaus.” sambungnya lagi. Ternyata dia tidak mampu menolak sebarang kemungkinan yang menjurus kepada perkara-perkara yang buruk tentang isterinya itu. Tiba-tiba telefon bimbitnya berbunyi.

“Dee.”

-cnc-

Bab 8

Firdaus turun ke tingkat bawah dan terus menuju ke luar pagar rumah keluarganya. Seseorang sedang menantinya dengan wajah yang disinari lampu jalan. Wajah yang dirinduinya selama 3 bulan ini. Firdaus melangkah perlahan menuju ke arah Dee. Hatinya hancur melihat kesedihan di wajah Dee. Fikirannya buntu,tidak tahu apa yang harus dikatakan untuk pendengaran Dee. Firdaus menghampiri. Dia lihat mata Dee sudah bergenang. Dia yakin,Dee sudah tahu tentang pernikahannya.

“Jadi you dah kahwin?” soal Dee serentak air matanya menitis laju membasahi pipinya. Firdaus yang diam terus terdiam. Matanya tertumpu di wajah sedih Dee.

“You kahwin dengan perempuan lain? Kenapa bukan I?” soal Dee lagi dengan suara yang berbaur kesedihan dan kemarahan. Firdaus terkaku di situ.

“Apa salah I pada you? Sampai you sanggup kahwin dengan perempuan lain? Cakap apa salah I?” soal Dee sedikit lantang bersama tangan yang menolak dada Firdaus.

“Dee,ini tak seperti yang you fikirkan.” kata Firdaus cuba memujuk sambil memegang tangan Dee,namun Dee menariknya dengan kuat.

“Apa yang I fikir? Apa yang you nak I fikir Fir? You dah pun kahwin Fir. Senyap-senyap belakang I. Sepatah pun you tak bagitahu I. Kalau I tak balik,sampai mati pun I tak tahu yang boyfriend I dah kahwin dengan perempuan lain. Sekarang you nak I fikir apa?” marah Dee lagi lebih kuat dari sebelumnya.

“Dee,let me explain.” kata Firdaus sambil memegang bahu Dee. Dee menepis.

“Explain what? What? Yang you curang dengan I selama ni? Yang you sayang dia lebih dari I? Yang you dah pun pilih dia dan bukannya I? Yang tu?” soal Dee lebih marah. Hatinya hancur kerana Firdaus sanggup melakukan sebegitu kepadanya. Sanggup menyembunyikan perkara sebesar itu dari pengetahuannya.

Sanggup menghancurkan hatinya. Sanggup meleraikan ikatan yang terbina selama 7 tahun itu begitu sahaja. Sanggup menipunya dan menduakannya. Firdaus telah memperbodohkannya. Semuanya hanya rasa marah dan kecewa dan sekarang dia sedang melepaskannya.

“Dee,I’m sorry. I’m really-really sorry.” rayu Firdaus sedikit merintih. Hatinya pilu melihat air mata Dee yang tak henti mengalir. Dee berundur setapak ke belakang apabila Firdaus menghampirinya lebih rapat.

“Senang kan you minta maaf? Bukan you yang rasa Fir,tapi I. Kalau you di tempat I,you rasa you boleh terima sorry I tu just like that? Boleh?” soal Dee lagi dalam nada yang sayu.

“I kahwin sebab family I. Sumpah Dee,I kahwin atas kehendak family I. Dan I berani sumpah yang I langsung tak kenal perempuan tu. Tidak sampai sekarang pun. Kalau boleh I tak nak pun kenal dia.” luah Firdaus mahu Dee mengerti dan menerima sebab yang diberikan.

“Dan you terima? Macam tu je?” soal Dee kembali mempertikaikan sebab yang Firdaus berikan. Firdaus cuba mendekati tetapi Dee menahan dengan tapak tangannya.

“I tak mampu,Dee. I dah cuba tapi you pun tahu parents I macam mana kan? You boleh cakap yang I ni pengecut, penakut dan dayus tapi sumpah I tak mampu nak bantah mereka. I bukan anak yang dididik seperti itu Dee. You pun kenal I macam mana kan? I tak akan menderhaka dan tidak akan pernah menderhaka Dee. Bukan sebab takut,tapi sebab I hormat mereka. Mereka parents I Dee. Tolonglah faham.” jelas Firdaus meminta pengertian Dee.

“Walaupun ini melibatkan soal hidup dan masa depan you?” balas Dee membantah penjelasan Firdaus. Firdaus meraup mukanya sebelum menguak rambutnya ke belakang.

“I seorang anak,Dee. Siapa I untuk menidakkan hak dan kuasa mereka ke atas I? Kalau you pun di tempat I,you akan faham kenapa I buat semua ni. I tak nak l,Dee. Sumpah I tak nak kahwin dengan dia tapi I terpaksa,Dee. Tolonglah faham perasaan I juga.” Dee diam. Dia tahu apa yang cuba Firdaus sampaikan. Dee tunduk sambil menekup wajahnya dengan kedua-dua tangannya.

“Tapi you dah jadi suami dia,Fir. You hak dia sekarang.” suara Dee sayup-sayup

kedengaran di sebalik tangan yang menutup wajahnya. Firdaus pegang kedua-dua bahu Dee.

“No,I hak you dan akan tetap jadi hak you sampai bila-bila.” jawab Firdaus memujuk juga meyakinkan Dee. Dee mendongak memandang Firdaus kembali. Air matanya bercucuran.

“Hak apa lagi yang I ada?” soalnya perlahan. Firdaus genggam tangan Dee dan dibawa ke dadanya. Diletakkan tangan Dee di dada kirinya.

“Hati I. Hati dan perasaan I seluruhnya milik you. Sejak mula sampai bila-bila. I cintakan you Dee dan I nak you yakin tentang tu. Trust me,I only have you and love you.” luah Firdaus penuh perasaan. Dee hanya mendengar dan membiarkan Firdaus berbicara.

“Dee,selama 7 tahun ni I setia dengan you,dan I akan tetap setia dengan you. Tak terdetik pun di hati I ni nak menduakan you,apa lagi nak kahwin dengan perempuan lain. You ingat I happy ke dengan semua ni? I tertekan,Dee. I kena kahwin dengan orang yang I tak kenal langsung. Yang I tak cinta pun. I tak tahu macam mana I nak bagitahu you. I tak nak you sedih dan kecewa. Tapi ini tanggungjawab I. I buat untuk family I. Tapi I nak you tahu yang sayang I pada you tak akan pernah berubah. I janji hanya you di hati.” Penjelasan panjang lebar Firdaus itu sedikit sebanyak telah mengubat kelukaan di hati Dee. Tangisannya surut.

“Tapi I tak kuat Fir.” kata Dee sambil tunduk menahan tangisnya.

“I lagi tak kuat tanpa you Dee. I kena hidup dengan dia dan bukannya you. You rasa I okey ke? No Dee. No.” balas Firdaus sedikit sayu. Dee diam. Matanya mencari kejujuran dan kebenaran di mata Firdaus.

“Please Dee,jangan tinggalkan I. I tak boleh tak ada you. Semua ni dah cukup berat untuk I tanggung sorang-sorang. I dipaksa kahwin,Dee. You tahu apa yang I rasa? Sakit Dee. Sakit sebab bukan you orangnya. You tolonglah jangan tambah beban I lagi. I tak mampu Dee. I tak mampu.” luah Firdaus dalam keresahan. Dee pegang tangan Firdaus.

“Betul you masih nak I?” Firdaus mengangguk yakin.

“I nak you dan hanya you. Tolonglah Dee,jangan tinggalkan I.” rayu Firdaus

lagi. Dee mengangguk perlahan.

“Okey I janji tak tinggal you.” Sedikit senyuman kelegaan terpancar di wajah Firdaus apabila mendengar jawapan dari Dee.

“Me too. Thanks Dee. I love you.” Dee mengangguk dan melabuhkan kepala di bahu Firdaus.

“Tapi you janji you tak akan berubah kan? You akan tetap sayang I dan layan I sama macam sebelum ni kan? Dan you janji tak akan sisihkan I kan?” soal Dee bagai meminta Firdaus berjanji dengannya. Firdaus memegang kedua-dua pipi Dee dan melihat terus ke matanya.

“I janji.”

Firdaus berjalan masuk ke dalam rumah dengan hati yang berat. Hatinya runtun apabila melihat Dee sesedih itu tadi. Dee seorang wanita yang kuat. Air mata bukanlah teman baik Dee. Jika dia menangis,pastinya perasaan sedih itu sudah tidak dapat ditahan lagi. Itulah yang Firdaus kesalkan. Dia telah membuat Dee menangis.

“Fir,abi harap ini kali terakhir abi nampak Fir jumpa Dee.” Langkah Firdaus terhenti.

“Tapi abi,Dee tu...”

“Bila Fir dah kahwin,Dee bukan lagi sesiapa untuk Fir.” pintas abinya sedikit tegas.

“Abi,Fir dah lama dengan dia. Fir tak sanggup...”

“Keputusan tu dia yang buat. Jangan kata abi tak pernah bagi peluang.” pintas abinya lagi.

“Tolong bagi Fir masa. Bukan mudah untuk Fir...”

“Firdaus Iskandar! Lupakan dia. Terima dan fokus pada apa yang ada sekarang. Jangan cabar takdir Allah.” pintas Haji Nasarudin lebih tegas,juga sebagai penamat perbicaraan ini. Firdaus tahu dia harus diam apabila abinya memanggil namanya dengan nama penuh. Itu satu bentuk penegasan dan ianya muktamat.

Haji Nasarudin bangun meninggalkan ruang tamu. Semua mata melekap di wajah Firdaus,namun tidak ada seorang pun yang berani bersuara meski abinya tidak lagi di situ.

-cnc-

Bab 9

Dee masuk ke bilik dengan perasaan sedih. Dia duduk perlahan di atas katilnya. Masih tidak percaya dengan apa yang terjadi. Firdaus telahpun menjadi suami wanita lain, bukan dia. Itupun di luar pengetahuannya. Balik sahaja dari Bandung,dia menerima perkhabaran bahawa Firdaus telahpun bernikah pagi itu. Semuanya seakan sebuah mimpi. Bagaimana Firdaus boleh berkahwin dengan wanita lain sedangkan selama ini,hanya dia seorang yang Firdaus sayangi? Di mana silapnya? Apa salahnya sehingga keluarga Firdaus sanggup memaksa Firdaus berkahwin dengan wanita lain,sedangkan mereka tahu dia dan Firdaus sudah lama bersama? Apa kurangnya dia berbanding wanita itu? Kenapa keluarga Firdaus sanggup melakukan ini terhadap dirinya? Dee tenggelam punca. Meski ruang bicaranya dengan Firdaus tadi seakan berakhir dengan baik,tapi hatinya tetap sedih. Firdaus bukan hak mutlaknya lagi. Mulai sekarang dia harus 'berkongsi' Firdaus dengan perempuan lain. Berkongsi perhatian,masa dan mungkin juga kasih sayang Firdaus. Dia tidak tahu sama ada dia mampu atau tidak untuk menghadapinya. Selama ini hanya dirinya yang menjadi tumpuan Firdaus. Seluruh perhatian Firdaus hanya padanya. Waktu Firdaus juga untuknya. Tetapi sekarang ianya tidak akan lagi menjadi semudah sebelumnya. Semuanya harus dibahagi dua. Dia merasakan dirinya sekarang seperti sedang bermadu dengan wanita itu. Dan dia adalah isteri ke dua Firdaus. Perit.
Dee bangun menuju ke meja soleknya. Ditatap wajahnya sendiri. Seketika wajah Firdaus muncul di hadapannya. Lelaki itu adalah kekasihnya. Kekasih yang telah bersamanya selama tujuh tahun ini. Kekasih yang setia dengannya. Dan sekarang kekasihnya itu sudahpun menjadi 'kekasih' wanita lain. Perit lagi. Dee mula teringatkan pertengkarannya dengan Firdaus seminggu sebelum dia berangkat ke Bandung. Malam terakhir mereka keluar makan malam bersama. Malam yang telah mengubah takdir mereka berdua. Malam yang telah merubah haluan hubungannya dengan Firdaus. Malam yang telah memisahkan mereka sebagai pasangan kekasih yang bebas bercinta seperti sebelum ini. Malam yang telah menukar keseluruhan jalan cerita kisah percintaan mereka.

"Fir,I dilantik sebagai Pengarah untuk projek terbaru syarikat. Jadi I kena stay kat Bandung at least for first three months." kata Dee memulakan bicara tentang

perjalanan terbaru keriernya sebagai pengarah projek syarikat. Firdaus mendongak memandangnya.

“Lamanya?” soal Firdaus kembali bersama mulut yang sedang mengunyah makanannya.

“Kenapa? You rindu?” soal Dee bersama senyuman nakalnya. Firdaus mendengus tawa.

“It’s not about that.” jawab Firdaus perlahan sambil meletakkan sudu dan garfunya semula.

“So?” soal Dee kembali. Firdaus merenung tepat ke mata Dee.

“You sayang I kan?” soal Firdaus memulakan. Dee senyum lagi.

“Tentulah. I nak sayang siapa lagi selain you?” jawab Dee bersama senyumannya. Firdaus diam seketika. Dia memerhati Dee yang sedang menyuap makanan ke mulutnya.

“Dee,you tahu kan kita dah tujuh tahun bersama? I sayangkan you sangat-sangat. I rasa you tahu yang I betul-betul serius dengan hubungan kita ni.” kata Firdaus memulakan sekali lagi.

“Yeah,so?” soal Dee semula. Sekali lagi Firdaus diam menatap wajah Dee. Perlahan Firdaus mengeluarkan sebuah kotak kecil dari poket jaketnya dan membukanya.

“I nak lamar you jadi wife I. Kita kahwin ya?” kata Firdaus lembut sambil menghulurkan kotak kecil itu kepada Dee. Sepi. Dee menatap wajah Firdaus sebelum melepaskan tawanya. Reaksi Dee buat Firdaus tersentak.

“Kenapa you ketawa?” soal Firdaus tidak mengerti. Tawa Dee masih tidak surut.

“Fir,apa ni? You tahu tak,ini dah kali ke 9 you ajak I kahwin tau? You tak rasa benda tu kelakar ke?” soal Dee semula bersama tawanya yang masih bersisa.

“Apa yang kelakar? I ajak you kahwin Dee. Jadi isteri I. Hidup bersama dengan I. Bukannya nak pergi bunuh diri dengan I. I nak halalkan hubungan kita ni. Tunaikan janji I pada you. I nak buktikan keikhlasan I pada you. Itu yang you

rasa kelakar?” soal Firdaus serius dan sedikit marah dengan reaksi Dee. Ini bukan masanya untuk Dee ketawa mempersenda. Dee meletakkan sudu dan garfunya di pinggan.

“Fir,kalau you tak ajak I kahwin pun,I memang tahu you ikhlas sayangkan I. You tak perlu buktikan apa-apa especially dengan ajak I kahwin. Tak kahwin pun,I dah cukup happy dengan you and you know that right?” balas Dee dengan senyuman lebarnya. Dia masih berasa lucu dengan lamaran Firdaus untuk dirinya. Firdaus memandangnya dengan serius. Perkara itu bukanlah sesuatu yang patut diketawakan. Tambah lagi Firdaus tidak main-main dengan niatnya. Dia sedang melamar Dee dan itu yang Dee rasakan lucu.

“Apa salahnya kalau kita kahwin?” soal Firdaus semula.

“Kenapa? Ada kesan ke kalau kita tak kahwin? Sayang you pada I akan berubah ke? Atau you akan tinggalkan I? Tidak kan? So,kenapa kita perlu kahwin?” soal Dee semula. Entah kenapa nada Dee seakan sedang menyindirnya. Menyindir niat baiknya. Firdaus tidak lagi mampu senyum untuk itu.

“Salah ke kalau kita kahwin?” soal Firdaus lagi bagai mengulang soalannya sebentar tadi.
Wajah Dee tiba-tiba berubah serius. Dia merasakan Firdaus tidak bergurau dan dia perlu menyatakan pendapat dan kehendaknya juga dengan cara yang sama.

“I tak bersedia nak jadi seorang isteri. I tak mampu nak pikul tanggungjawab sebagai isteri.” Dee memberikan jawapan serius juga dengan wajah yang serius. Dia mahu Firdaus mengerti perasaannya melalui apa yang terpampang di wajahnya.

“Tapi sampai bila? Kita bukannya muda lagi. You tak rasa sia-sia ke hubungan kita selama ni?” Firdaus mempersoalkan jawapan Dee. Dee mendengus perlahan tetapi kali ini wajah seriusnya tadi dihiasi sedikit senyuman kecil.

“Kenapa,you rasa sia-sia ke kalau kita tak kahwin? We love each other Fir. I bertuah dan bangga ada you sebagai boyfriend I. Itu dah cukup untuk I. I tak perlukan hubungan lain lagi dah. It’s good enough.” Sekali lagi jawapan Dee tidak memuaskan hati Firdaus.

“Tapi yang I nak,you jadi wife I. I nak you jadi kekasih yang halal untuk I. I nak you yang jaga I dan lahirkan anak-anak untuk I. I nak you yang jadi menantu

keluarga I dan I nak you yang jadi peneman di hari tua I. You faham tak?" soal Firdaus mengharapkan pengertian Dee bersama soalan di hujungnya.

"Ya,I faham tapi bukan itu yang I nak sekarang. I ada cita-cita Fir. I wanita berkerjaya dan hidup di arus moden. Menjadi isteri seseorang bukanlah sesuatu yang kena dengan jiwa I. I dah cukup sibuk dengan kerja-kerja di pejabat. Sekarang you nak I tambah lagi dengan kerja-kerja di rumah? I tak rasa I mampu nak handle semua tu Fir. Lagipun hubungan kita tetap bahagia walaupun kita tak kahwin kan? So,apa perlunya perkahwinan antara kita?" jawab Dee bagai mempersoalkan tentang semuanya. Pelbagai alasan yang Firdaus dengar sejak melamar Dee buat kali pertama dulu lagi,dan semuanya alasan yang hampir sama. Alasan yang sering Firdaus dengar setiap kali melamarnya. Alasan yang sudah lali di telinga Firdaus. Dan Firdaus juga akan memberikan hujah yang hampir sama setiap kali Dee mempertikaikan penerangannya. Firdaus akan memberikan jaminan yang serupa untuknya. Ya,Firdaus sendiri sudah mati akal dibuatnya. Sebab dan alasan apa yang lagi yang mampu Firdaus fikirkan untuk memujuk Dee agar menjadi isterinya? Sudah tiada. Jika ada sekalipun,ia tetap tidak ada gunanya. Memang Dee akan tegar mempertahankan keputusannya.

"Dee,namapun kahwin. Berkongsi hidup. Bukannya I nak bebankan you seorang je dengan semua tu. I pun akan tolong juga. You tak payah risaulah. Yang penting you jadi isteri I. Family I pun nak kita kahwin cepat. Please la Dee,kita kahwin?" rayu Firdaus untuk kesekian kalinya bersama ulasan yang hampir sama. Dee merenung wajah Firdaus dalam-dalam.

"No,I tak ready nak ada komitmen dengan you." jawab Dee serius. Ya,itulah alasan utama yang Dee berikan sejak sekian lama. Alasan yang sudah berkulat tapi masih lagi diguna pakai.

"But..."

"Fir,I sayang you. I cintakan you. I ada you seorang je Fir. Tak akan ada lelaki lain yang akan rampas I dari you. I janji. Tapi kita tak perlu kahwin untuk kekalkan apa yang kita ada selama ni." Dee memintas dengan nada yang lebih lembut. Firdaus bersandar di kerusinya. Keras Dee memang sukar untuk dilenturkan. Keruh Dee memang sukar dijernihkan. Bukan dalam soal lain tapi dalam soal yang satu ini. Inilah satu-satunya perkara yang Dee tidak pernah berminat untuk membincangkannya. Dee tidak pernah bersetuju apabila Firdaus mengajaknya berkahwin,jauh sekali untuk dia mengajak Firdaus berkahwin

dengannya. Dee hanya mahu menjadi kekasihnya namun bukan isterinya.

“Kalau ada perempuan lain yang rampas I dari you?” soal Firdaus kembali. Riak Dee berubah. Dia merasakan soalan Firdaus itu tidak lucu dan tidak kena pada tempatnya. Bukan itu caranya untuk Firdaus mengujinya.

“No,never. You hak I.” jawab Dee serius semula. Sedikit riak marah terbit di wajah bujurnya.

“Dee...”

“Please Fir. Stop it. I dah penat dengan semua ni. Berulang-ulang kali I kena explain benda yang sama kat you dan you masih juga tak faham-faham. Mulai sekarang I tak nak dengar lagi you ajak I kahwin. Full stop.”

Dee meraup mukanya. Dia tidak percaya dia sendiri yang telah menolak tuah. Dia sendiri yang menolak lamaran Firdaus. Jika dia bersetuju,pasti perkahwinan itu tidak akan berlaku. Memang itu yang dia kesalkan sekarang. Dia bertanya pada diri sendiri. Kenapa dia harus menolak lamaran Firdaus berkali-kali hanya kerana dia tidak bersedia memikul tanggungjawab sebagai seorang isteri? Sedangkan dia yakin,Firdaus akan memastikan segalanya sempurna untuk mereka berdua. Firdaus tidak akan membebankannya. Firdaus akan buat dia bahagia.

“Ni semua salah aku. Aku yang tak nak kahwin dengan dia. Kalau aku setuju,aku yang jadi isteri dia sekarang ni.” Dee kembali duduk di atas katilnya.

“Tapi...itu tak bermakna yang dia boleh kahwin dengan perempuan lain. Argghhh!! Sakit macam manapun,aku kena teruskan juga. Fir hak aku. Aku akan pastikan dia jadi hak aku.”

-cnc-

Bab 10

“I tak sangka you berani datang.” tegur Raikarl sebaik bertemu dengan Dee di meja tetamu. Dee pandang Raikarl bersama sedikit persoalan di matanya.

“Kenapa pula I nak takut?” soal Dee tidak mengerti,juga mentafsir kata-kata Raikarl.

“Yelah,datang tengok boyfriend sendiri bersanding kat atas tu. Kalau jiwa tak kental,boleh tumbang. Bagi I,you berani.” jawab Raikarl bagai mengubah persepsi buruk Dee tadi. Dee tunduk menahan tangis. Sebentar kemudian,Dee keluar dari dewan hotel. Raikarl mengikutnya. Dia berdiri di hadapan Dee,melihat Dee yang sedang menyapu airmatanya.

“Dee I rasa lebih baik you balik. Kalau you terus kat sini,nanti you juga yang sedih.” pujuk Raikarl bersama sentuhan lembut di bahu Dee. Dee memandangnya.

“Memang I sedih Karl. Fir tu boyfriend I. Dah 7 tahun kami bersama. Tiba-tiba dia kahwin dengan orang lain,you ingat I tak sedih ke? I stress sangat Karl.” luah Dee sayu.

“Pilihan tu you yang buat Dee.” jawab Raikarl ringkas. Dee berkerut mendengarnya.

“Jadi you salahkan I?” soal Dee sedikit marah.

“Jangan cakap yang I tak ingatkan you dulu?” jawab Raikarl seakan menyindir.

“Jadi I yang salah?” soal Dee semula masih dengan nada dan reaksi yang sama.

“You tahu jawapannya,Dee.” Wajah Dee berkerut mendengar jawapan padu Raikarl.

“Jadi you sukalah buddy you tu kahwin dengan perempuan lain?” soal Dee tidak puas hati. Raikarl mendengus perlahan sambil terus menatap wajah Dee.

“Tu bukan urusan I untuk suka atau tak. Kalau you yang jadi wife dia sekalipun,tu tetap bukan soal hidup I. Itu soal hidup dia.” Dee diam. Raikarl tunduk seketika sambil mencari idea untuk menenangkan Dee yang sedang sedih itu.

“You kawan I Dee. I nasihatkan you baliklah. I tak nak tengok you sedih-sedih macam ni. Benda dah berlaku pun. Tak ada apa yang boleh diubah lagi dah.” Dee tetap diam mendengarnya. Cuba menerima apa yang Raikarl sampaikan padanya.

“Percaya I,kalau jodoh you dengan Fir kuat,you dengan dia akan bersatu juga. You balik okey?” Pujukan lembut Raikarl disambut Dee dengan anggukan kecil. Dia tahu dia tidak seharusnya hadir di majlis persandingan kekasihnya sendiri,kerana akhirnya ia akan merobek hatinya sendiri.

Firdaus sedang disiapkan oleh pereka bajunya sendiri. Inilah kali pertama dia melihat baju pengantinnya kerana selama tempoh ini,semua persiapan perkahwinannya diuruskan oleh keluarganya. Dia tidak pernah mengambil tahu tentang apapun. Putih gading. Itulah warna yang dipilih oleh pihak pengantin perempuan. Warna diraja. Persalinan baju Melayu moden dari material songket tenun asli. Sungguh halus,lembut dan cantik. Ketika ini,pereka fesyen terkenal tanah air ini sedang memakaikan sampin padanya. Tiba-tiba telefon bimbit Firdaus berbunyi. Firdaus gapai dari atas sofa. Pesanan dari aplikasi WhatsApp.

‘Assalamualaikum. Mungkin awak tak gembira dengan perkahwinan ni. Mungkin juga awak tak suka saya. Itu kita tolak ke tepi dahulu. Sekarang ni awak senyumlah dan tunjukkan kebahagiaan awak terhadap perkahwinan ini. Senyum untuk family kita dan untuk semua tetamu yang datang meraikan kita. Video dan gambar yang akan dirakam nanti akan jadi polaroid untuk kita abadikan seumur hidup. Jangan nanti awak menyesal kalau gambar-gambar kita tu tak lawa gara-gara awak tak senyum.
- Melur’
Firdaus tersenyum senget membacanya. ‘Huh,Melur’ katanya di dalam hati seakan menyindir nama itu. Firdaus menarik nafas dalam-dalam. Bangun dan memakai tengkolok di kepalanya sebagai perhiasan terakhir dirinya sebelum turun untuk majlis persandingan tidak lama lagi. Dia meniup nafasnya. ‘Jom tengok siapa ‘isteri’ Firdaus Iskandar.’ katanya di dalam hati dengan nada seakan seperti sebelumnya.

Firdaus diarak ke pelamin yang terletak di atas singgahsana yang begitu cantik dan mewah. Dia sendiri terpesona melihatnya. Gabungan warna putih,putih mutiara dan ungu manggis dihiasi lampu-lampu yang terang menerangi keindahannya. Bungaan segar memenuhi ruang pentas. Harum. Dia menanti pengantinnya di tangga pertama. Tidak lama selepas itu,pengantinnya tiba. Firdaus menghulurkan lengannya untuk dipaut oleh isterinya dan mereka berarak ke pentas.
‘Takkan bersanding pun masih lagi nak tutup muka?’ getus hati Firdaus. Sebelum duduk, mereka berdua berdiri saling berhadapan antara satu sama lain. Firdaus terpegun melihat mata gadis yang bernama Melur itu. Matanya melekap di situ.

“Encik Firdaus,silakan buka jilbab Tengku.” arah pengiring Firdaus. Firdaus tatap mata isterinya sebelum perlahan-lahan membuka jilbab yang menutupi wajah isterinya. Firdaus terdiam. Dia menelan liurnya sendiri. Melur menghulurkan tangan untuk bersalam dengannya lalu mencium tangan Firdaus untuk kali ke dua sejak bergelar isteri kepada Firdaus.

“Selamat pengantin baru.” ucap Melur lembut perlahan. Itulah pertama kali Firdaus mendengar suaranya. Ya,dia tidak bisu. Juga tidak pekak. Jauh sekali buta. Apa yang tidak kena dengannya?

“Selamat pengantin baru.” sambut Firdaus. Melur senyum dan senyuman itu membuatkan Firdaus tidak berkelip memandangnya. Mereka duduk. Perlahan Firdaus menoleh memandang isterinya yang juga memakai persalinan sedondon dengannya.
‘Betul ke ni? Dia Melur?’ soal hatinya. Isterinya menoleh dengan senyuman. Firdaus terkejut kecil dan turut tersenyum. ‘Ishk,betul ke dia isteri aku ni?’ soal hatinya lagi. Bagai tidak percaya gadis itu adalah isterinya sendiri.

Majlis istiadat diraja dimulakan dengan bacaan doa diikuti adat tepung tawar oleh seluruh ahli keluarga diraja yang hadir. Disusuli keluarga pengantin sendiri.

“Welcome to our family. Jaga anak papa dan mama baik-baik.” pesan Tengku Kamarul kepada menantunya. Tengku Kamariah di sisinya mengukir senyum.

“InsyaAllah papa. Terima kasih.” ucap Firdaus sedikit gementar berhadapan dengan pasangan diraja itu. Upacara menepung tawar diteruskan dengan giliran abi dan uminya.

“Ingat pesan abi. ‘Jangan’. Faham?” Firdaus terus mengangguk mengiyakan nasihat berunsur ugutan dari abinya. Hanya dia sahaja yang mengerti maksud tersirat di sebalik perkataan ‘jangan’ itu. Satu perkataan tetapi banyak ulasannya dan lebih banyak syaratnya. ‘Jangan’ yang membawa maksud pesanan dari seorang ayah kepada anak lelakinya. Selepas bersalaman,abangnya Firman datang menepung tawar.

“Terkejut lagi ke?” bisik Firman di telinganya. Firdaus berkerut kecil lalu menoleh melihat isterinya. Gadis itu menoleh dengan senyuman. Firman tersenyum lebar.

“Ini bukan cobaan,ini betul-betul kejadian” usik Firman lagi.

“Tahniah Fir. It’s a biiig surprise right?” bisik Firman lagi sebelum berlalu. Firdaus tahu abangnya menyindirnya. Bagai mengulang paku buah keras kepadanya. Menyindir tentang banyak perkara dan dia sendiri yang menjadi puncanya.

Selepas itu diadakan upacara tarian dari penari istana dan nyanyian dari penyanyi tersohor Negara. Tiba masanya untuk mereka memotong pulut kuning. Firdaus menyuap pulut itu dengan tangannya. Begitu juga isterinya. Mereka kemudiannya ke meja makan untuk upacara makan beradab. Firdaus genggam tangan isterinya menuju ke meja.

“Lauk ni saya masak sendiri, khas untuk awak.” kata Melur sambil meletakkan seketul Ayam Melur Wangi ke pinggan Firdaus. Firdaus terkejut.

“Pengantin masak sendiri?” soal Firdaus. Melur mengangguk dengan senyuman.

“Masakan pertama untuk suami. Rasalah.” Firdaus senyum dan merasanya.

“Sedap?” Laju sahaja Firdaus mengangguk bersama senyuman lebarnya.

“Nak tak rasa nasi dari pinggan suami?” soalan Firdaus mengejutkan Melur. Dia senyum.

“Tapi nak rasa dari tangan suami.” Jawapan Melur telah melebarkan senyuman Firdaus. Dia meletakkan sudunya dan menyuap nasi ke mulut Melur dengan tangannya sendiri.

“Nak tak rasa dari tangan isteri?” giliran Melur pula bertanya. Firdaus terus mengangguk. Mereka saling bersuapan dengan senyuman.

“Terima kasih.” ucap Melur lembut. Firdaus berkerut.

“Untuk apa?” soalnya semula.

“Untuk senyuman tu.” Firdaus tersenyum kecil mendengar jawapan Melur. Firdaus senyum bukan kerana permintaan Melur sebelumnya tetapi senyuman itu terukir dengan sendirinya tanpa dipinta. Senyuman yang ikhlas terukir sebagai isyarat yang dia sedang gembira. Senyuman spontan yang hadir bersama dengan apa yang terbit dari hatinya.

Majlis diteruskan lagi. Mereka berjalan dari meja ke meja bertemu dengan setiap tetamu yang datang meraikan mereka. Itu sebagai tanda menghargai kehadiran tetamu ke majlis mereka berdua. Sesi berkenalan dengan teman rapat dan keluarga masing-masing.

“Hey,congrats dude. Finally you got the true one.” sapa Raikarl sambil berpeluk dengan Firdaus.

“Thanks dude. Awak,ni Managing Director Eventure Holdings, Raikarl Azhar.” Firdaus memperkenalkan Raikarl kepada Melur.

“Hai,tahniah. Saya best friend Fir. Call me Karl.” sapa Raikarl mesra. Melur senyum.

“Dan saya isteri Fir. You can call me Taz.” Raikarl ketawa mendengar senda kecil dari Melur.

“Nice name right? I’ve told you.” kata Raikarl perlahan sambil menepuk bahu Firdaus. Firdaus tersenyum kecil apabila diperli seperti itu. Ya,itulah salah faham yang berlaku sebelum mereka berkahwin. Salah faham yang sering menimbulkan kemarahan Firdaus terhadap nama bakal isterinya.

“Saya doakan awak bahagia menjadi isteri buddy saya ni. Dan semoga awak tabah menghadapi kerenah ‘istimewa’ dia. Amiin.” ucap Raikarl bersama jelingannya pada Firdaus.

“Amiin. Lepas ni kalau ada apa-apa masalah dengan buddy awak ni,saya tahulah

siapa yang patut saya cari. Kan?" balas Melur semula bersama senyuman lebarnya. Raikarl ketawa kecil mendengarnya sambil mengangkat ibu jarinya. Firdaus yang berada di antara mereka berdua dapat melihat kemesraan dan keserasian yang begitu cepat terjalin. Namun dia tidak tahu apa yang patut dia rasakan. Cemburu? Tidak.

"Semoga segalanya dipermudahkan dan jodoh awak berdua berkekalan ke akhir hayat."

"Amiin." Dan mereka berdua menyebutnya serentak bersama-sama. Ucapan yang disusuli ketawa kecil mereka berdua. Kali ini,Firdaus merasakan sesuatu di dalam hatinya untuk kemesraan itu. Namun adakah ianya cemburu? Mungkin tidak.

"Tadi Dee ada kat sini." bisik Raikarl perlahan. Firdaus terkejut dan serentak itu air mukanya berubah. 'Dee,macam manalah perasaannya sekarang ni? Dee,I'm sorry sayang. I dah buat you sedih. Tapi ini bukan kemahuan I. I harap you dapat bertahan demi cinta kita.'ucap Firdaus di dalam hati. Hatinya sedih mengenangkan kekasihnya.

"Awak okey?" soal Melur lembut bersama sentuhan kecil di bahu suaminya. Pertanyaan itu mematikan lamunan Firdaus. Dia senyum sambil mengangguk-angguk kecil. Dia tersedar,di sini ada tanggungjawab yang menantinya. Sekurang-kurangnya,dia harus menghormati semua tetamu yang ada dengan memberikan senyuman kepada mereka semua. Dan dia harus lebih menghormati isterinya dengan menghadiahkan senyuman sebahagia mungkin.

"Jom kita bergambar? Jangan lupa senyum ya?" Firdaus senyum lagi mendengar kata-kata Melur. Melihat wajah yang sedang melalui detik bahagia bergelar isteri,Firdaus cuba mengusir pergi gelodak di hatinya. Walau sukar,dia tetap mencuba. Dia berdiri di sisi Melur, menatap di setiap sudut wajah gadis itu. Benar kata Melur,gambar-gambar mereka akan diabadikan sebagai kenangan terindah dalam hidup mereka,walau apapun perasaan mereka terhadap satu sama lain. Walau apapun yang menanti di hadapan mereka kelak. Walau bagaimanapun mereka menjalani hidup bersama nanti. Di sini,ada jurufoto yang menanti sebuah senyuman bahagia dari mereka. Juga menanti gerak tubuh yang melambangkan kebahagiaan mereka sebagai pengantin baru. Hati bicara lain,tapi gambar bicara lain. Dia tatap wajah isterinya lagi. Setidaknya,untuk malam ini,biarlah isterinya merasa gembira meraikan majlis perkahwinannya sendiri.

Kerana mungkin inilah kali pertama dan terakhir baginya. Firdaus masih waras untuk menghormatinya.

Usai bergambar,bayangan Dee kembali menerpa di benaknya. Firdaus jadi penasaran dari dalam. Dia jadi marah pada diri sendiri. Juga pada keadaan.

'Ni semua sebab dia!’ Ya,ayat itu tercetus jua dari sudut kecil hatinya. Firdaus tidak dapat lari dari meletakkan kesalahan di bahu seseorang dan seseorang itu adalah isterinya.

-cnc-

Bab 11

Firdaus masuk ke biliknya dan melihat Melur berada di atas katilnya. Masih lagi dengan baju pengantinnya. Ya,malam ini mereka tidak tidur di hotel seperti sepatutnya. Mereka terus pulang ke rumah keluarga Firdaus. Alasannya Firdaus tertinggal beg pakaiannya. Sebenarnya Firdaus hanya beralasan. Dia bukan tidak mahu bermalam di hotel mewah itu tetapi dia tiada mood untuk meraikan malam pertamanya di sana. Baginya,yang penting dia sudahpun menunaikan permintaan keluarga agar berkahwin dengan gadis pilihan mereka. Dia sudah menunaikan tanggungjawabnya sebagai anak. Cukuplah.

Firdaus berdiri di hujung katil sambil memerhati Melur yang duduk di kepala katil. Gadis itu tunduk sahaja. Firdaus menarik nafasnya dalam-dalam dan melepaskannya perlahan sambil melabuhkan duduknya di hujung katil bersebelahan Melur. Matanya memandang ke satu sudut. Sepi.

“Kita ni hidup zaman moden. Jadi tak payahlah awak buat style malu-malu macam zaman purbakala pulak.” kata Firdaus memecah kesunyian. Melur yang tunduk,mendongak memandang Firdaus yang berada tidak jauh darinya. ‘Brutalnya laki aku.’ bisik hati Melur lalu tunduk semula. Sepi lagi. Firdaus menyusun ayat di dalam kepalanya. Berfikir-fikir bagaimana untuk dia memulakannya. Buang masa,jadi lebih baik dia berterus terang sahaja.

“Memandangkan kita dah kahwin dan kita akan share semua benda bersama,jadi lebih baik saya ‘share’ satu maklumat penting dengan awak.” kata Firdaus memulakan muqadimahnya. Dia diam semula. Melur juga. Menanti dalam debaran.

“Macam nilah,biar saya terus terang je.” Firdaus berhenti di situ. Diam lagi. Melur menunggu. Semakin lama semakin berdebar dadanya.

“Saya dah ada girlfriend. Nama dia Diana.” Akhirnya Firdaus berjaya juga meluahkannya dan menyudahkan muqadimahnya tadi. Melur tunduk sahaja. Diam.

“Saya sayangkan dia. Saya cintakan dia. Dah 7 tahun kami bersama dan saya akan terus bersama dia.” sambung Firdaus lagi bersama keyakinan yang berjaya dibinanya demi cintanya terhadap Dee. Hati Melur? Siapa yang peduli?

“Jadi saya tak nak awak halang hubungan kami. Saya tak nak awak ganggu hubungan kami hanya kerana awak ni isteri saya. Ini hidup saya dan saya berhak ke atas hidup saya sepenuhnya. Apapun jadi,saya akan tetap setia dengan dia.” Firdaus meneruskannya lagi bertambah yakin. Semuanya demi Dee. Melur tetap diam.

“Lagipun awak jadi isteri saya sebab family yang paksa saya kahwin dengan awak. Kalau tak,memang saya akan kahwin dengan Dee.” sambung Firdaus lagi. Di dalam fikirannya, alang-alang dia sudah memulakannya,dia akan sudahkannya. Melur harus tahu hakikatnya. Supaya nanti tidak ada isu yang berbangkit. Agar nanti tidak ada hati yang sakit.

“Saya nak awak tahu hubungan kita ni tak akan kemana. Ia akan jadi anti klimaks sebab saya hanya sayangkan Dee. Saya harap awak faham. Jangan mengharapkan apa-apa dari perkahwinan kita ni. Atas kertas,saya suami awak tapi hakikatnya saya ni kekasih dia. Awak faham kan?” Melur tidak menjawab. Hanya menggenggam tangannya sendiri.

“Last but not least,saya minta awak rahsiakan hubungan saya dengan Dee. Saya tak nak family saya tahu terutamanya abi. Saya tak nak abi marah dan kecewa sebab saya hormat dia. Ini hal rumahtangga kita,rahsia kita. Faham?” Firdaus menyudahkannya. Lega. Lega kerana dapat membongkar rahsia besar tentang kisah cintanya. Lega kerana dapat meluahkan segalanya dengan sempurna. Lega kerana Melur sudah mengetahuinya. Itu yang penting baginya. Kejamkah dia? Juga tiada siapa yang peduli. Melur yang sedari tadi tunduk mendengar,menggenggam erat loket di lehernya sambil memejamkan matanya sesaat dua. Dia menarik dalam-dalam nafasnya. Dia bangun lalu berdiri di hadapan suaminya. Sesaat itu, dia tunduk menyuakan wajahnya setara dengan Firdaus. Bersama senyuman manisnya.

“Okey deal.” Firdaus terkejut dengan reaksi Melur. Tiada tanda sedih mahupun kecewa di wajah isterinya itu,untuk setiap kata-kata ‘manisnya’ tadi. Pelik tapi benar. Melur senyum.

“Saya berjanji akan hormat hubungan awak dengan...siapa nama tadi? Dee?

Ha,Dee. Janji.” sambung Melur lagi bersama tona suara yang bersahaja dan wajah yang mesra. Firdaus diam.

“Saya janji tak akan ganggu hubungan awak dengan dia. Apapun yang awak buat dengan dia, saya tak akan kacau atau ambil tahu pun. Janji.” kata Melur lagi dengan mata yang bersinar mesra untuk Firdaus. Firdaus terdiam mendengarnya. Dia tidak percaya akan reaksi Melur itu,tapi akhirnya perlahan dia mengangguk. Berfikir sendiri. Tidak percaya dengan apa yang baru sahaja dia dengar dari isterinya. Tidak punya hatikah dia? Tidak ada perasaankah dia? Tidak terkejut atau sedihkah dia? Selambanya menerima semuanya dengan hati terbuka? Biar betul? Semua itu berlegar-legar di benak Firdaus. Wajahnya keruh mencari jawapan.

“Tapi!” Sekali lagi Firdaus terkejut besar apabila tiba-tiba mendengar suara Melur yang memecah sunyi. Suara yang lebih kuat dari sebelumnya. Mencerlang mata Firdaus. Dia mendongak memandang Melur yang sedang tunduk begitu hampir dengan wajahnya bersama jari telunjuk yang ditegakkan. Sempat dia melihat kesempurnaan solekan di wajah Melur. Solekan sederhana namun mampu menyerlahkan seri wajah pengantin. Kerudung sutera putih gading Melur yang berhias batuan kristal asli Swarovski pelbagai warna menambahkan keindahannya. Namun bukan itu yang Firdaus nantikan dari Melur.

“Dengan beberapa syarat. Kalau awak setuju dengan syarat-syarat saya,semua janji saya tadi saya akan patuhi dan permintaan awak saya akan penuhi. Deal?” Firdaus diam seketika sambil menatap sepasang mata Melur. ‘Ishk,cantiknya budak ni.’Dia menelan liur. Melur mengangkat-angkat keningnya tanda bertanya. Menanti jawapan Firdaus.

“Okey,apa syaratnya?” soal Firdaus bersetuju. Melur menegakkan badannya semula dengan senyuman. Dia terus berdiri di hadapan Firdaus. Mengangkat ibu jarinya.

“Syarat pertama. Kita tak boleh berbahasa awak-saya sebab kita ni suami isteri. Awak kena panggil saya dengan nama saya,Melur. Dan saya akan panggil awak abang. Sebagai tanda hormat saya pada awak. Tapi kalau depan kawan-kawan,saudara mara,lebih-lebih lagi family kita,awak kena panggil saya...” Melur berhenti di situ lalu tunduk menyua wajahnya hampir ke wajah Firdaus. Firdaus menahan nafasnya.

“Sayang.” bisik Melur sambil mendekatkan lagi wajahnya ke wajah Firdaus. Firdaus menelan liur lagi. Melur senyum dan mengangkat jari telunjuknya pula. Jari ke dua yang ditegakkan.

“Syarat yang ke-2. Kita tak boleh tidur asing-asing sebab kita ni suami isteri. Kita kena tidur bersama,di dalam bilik yang sama dan di atas katil yang sama. Itu fitrah perkahwinan. Tempat isteri dan suami adalah di sisi masing-masing.” kata Melur bersama tangannya yang menunjuk ke arah katil mereka. Firdaus diam mendengar.

“Syarat yang ke-3. Kita tak boleh solat asing-asing. Kita suami isteri adalah lebih afdal solat jemaah bersama. Kalau awak ada kat rumah,awak kena imamkan setiap solat saya.” kata Melur bersama 3 batang jari yang ditegakkan. Firdaus ralit memerhati Melur yang bercakap seperti seorang pensyarah itu.

“Syarat yang ke-4. Awak kena makan kat rumah. Sarapan pagi dan makan malam,mesti kat rumah. Saya nak suami saya makan dari air tangan saya sebab itu adalah tanggungjawab saya sebagai seorang isteri.” Melur bersyarat lagi bersama 4 batang jari runcingnya yang ditegakkan. Dia senyum lagi. Mata Firdaus melekat pada senyuman itu. Senyuman yang dihiasi barisan gigi yang tersusun indah. Warna gincu gabungan merah jambu dan magenta itu menyerlahkan warna gigi yang putih bersih itu.

“Syarat yang ke-5. Seminggu sekali pada salah satu hari di hujung minggu,kita kena keluar bersama. Habiskan masa bersama,yakni dating.” kata Melur lagi bersama senyuman yang mematikan pandangan mata Firdaus di situ. Melur mengangkat 6 batang jarinya.

“Syarat yang ke-6. Awak kena balik kerja awal. Sebelum Maghrib awak kena ada kat rumah untuk solat Maghrib bersama dan makan malam bersama.” Firdaus tekun mendengar sambil memerhatikan bahasa tubuh Melur yang kelihatan comel di matanya. Melur bercakap bersama wajah dan gaya yang menceritakan apa yang diucapkan.

“Dan syarat yang ke-7,awak tak boleh keluar malam. Bila awak dah balik rumah,awak tak boleh keluar balik kecuali dengan saya atau ada event yang perlu awak hadiri atau ada kecemasan tertentu. Sebab tak elok keluar malam. Seorang suami,siang untuk kerja,malam untuk isteri.” kata Melur menyatakan syarat terakhirnya.

“That’s all.” kata Melur menyudahkan sambil melentokkan pinggulnya ke kiri. Tangan kirinya bercekak pada pinggang kirinya dan tangan kanannya diangkat sedikit ke atas sebagai isyarat yang menunjukkan semua syaratnya sudah dinyatakan. Firdaus diam. Matanya sekali lagi melekat pada senyuman manis Melur.

“So,macam mana? Setuju?” soal Melur dengan suara manjanya. Firdaus tetap diam. Berfikir.

“Kalau setuju,kita proceed. Maknanya kita berdua akan hormat permintaan masing-masing.” sambung Melur lagi. Firdaus melepas nafasnya perlahan.

“Okey,saya setuju.” Akhirnya Firdaus bersuara. Melur tenung mata Firdaus. Senyum sambil tunduk setara dengan Firdaus.

“Deal,done.” kata Melur sambil menghulurkan tangan untuk berjabat tangan dengan Firdaus. Firdaus lihat muka Melur bersilih ganti dengan huluran tangan Melur sebelum akhirnya dia menyambut jabat tangan itu. Melur senyum lebih manis.

“Good choice,Encik Suami.” kata Melur lembut bersama senyuman lebarnya. Dia berdiri semula. Membelakangi Firdaus seketika sebelum berpaling ke arah suaminya semula. Dia berdehem kecil bersama gaya seakan model.

“Ting tong!” tiba-tiba Melur bersuara seakan mengajuk bunyi penggera pengumuman di dalam pesawat. Firdaus terkejut tapi matanya melekat pada Melur.

“Selamat datang ke penerbangan Fitaz Airline. Saya Tengku Adriana Zulaika,ketua peramugari anda yang bertugas,dan penerbangan ini diketuai oleh Kapten Firdaus Iskandar. Penerbangan ini akan ke destinasi Syurga Cinta dan dijangka tiba di lapangan terbang Kasih Abadi pada bila-bila masa sahaja. Kami mengharapkan anda mematuhi semua syarat-syarat penerbangan untuk mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku. Sebarang masalah atau kemusykilan,sila dibawa berbincang terlebih dahulu supaya penerbangan ini tiba di destinasinya dengan selamat. Saya mengucapkan terima kasih di atas kerjasama anda dan nikmatilah penerbangan kami dengan gembira.” tutur Melur berjela panjangnya bersama suara seperti peramugari pesawat penerbangan. Itu cukup untuk buat Firdaus ternganga tidak percaya. Reaksi Melur seperti tiada apa yang berlaku. Tiada apa yang mengejutkannya. Tiada apa yang

menyedihkannya dan tiada apa yang menekannya. Dia begitu bersahaja menghadapi ‘malam pertama’ mereka dengan keceriaannya. Melur senyum dan berlalu ke meja solek sebelum membuka tudung dan pakaiannya satu persatu. Firdaus yang terkejut,berpaling ke arah lain sambil memejamkan matanya. ‘Ya Rabbi budak ni. Selamba je buka baju depan aku. Tak malu betul.’ kata Firdaus di dalam hati. Melur masuk ke bilik mandi dan apabila dia telah siap berpakaian,dia naik ke atas katil.

“Awak nak tidur sini ke?” soal Firdaus kehairanan. Melur memandangnya.

“Yelah,nak tidur mana lagi? Kat sini mana ada kandang kuda.” perli Melur selamba yang merujuk kepada babak tidur di kandang kuda dari filem 3 Abdul.

“Awak tak malu ke tidur sekatil dengan saya? Kita bukannya kenal pun.” Melur menggeleng.

“Buat apa nak malu? Awak kan suami saya? Suami yang saya dah kenal pun.” jawab Melur selamba. Firdaus mendengus perlahan.

“Takpalah. Saya tidur kat bawah.” jawab Firdaus semula. Melur mengangguk sambil mengambil bantal dan selimutnya. Firdaus berkerut kehairanan lagi.

“Awak nak buat apa ni?” soal Firdaus aneh.

“Nak tidur dengan awak lah. Tempat saya kan di sisi awak? Isteri kan?” Firdaus baru sahaja mahu membuka mulutnya,Melur sudahpun memintas.

“Lagipun itu syarat ke,2. Jangan buat-buat lupa pula.” kata Melur bersahaja. Firdaus terdiam. Ya,dia terlupa. Mahu tidak mahu,dia harus menurutinya. “Yelah yelah. Tidur atas nilah.” jawab Firdaus dengan nada protes. Melur senyum. Dia mendekatkan dirinya dengan Firdaus.

“So,malam ni nak saya ke tak? Kalau tak nak,saya nak tidur.” soal Melur selamba. Firdaus terkejut dengan soalan maut Melur itu.

“What? Nak apa ni? ‘Tut-tut’ dengan awak?” soal Firdaus kembali. Melur mengangguk-angguk kecil seperti seorang kanak-kanak.

“Ishkk,tak naklah saya!” jawab Firdaus sedikit kuat bersama tubuh yang disengetkan sedikit dari Melur. Wajahnya menunjukkan keengganannya untuk

‘bersama’ Melur.

“Betul tak nak ni?” soal Melur bagai kanak-kanak yang polos. Matanya membulat comel. Melihat wajah comel Melur,Firdaus menelan liur.

“Tak nak. Jangan mimpilah.” balas Firdaus sedikit perlahan dari sebelumnya. Melur mengerutkan wajahnya dan senyum.

“Okey,done. Good night,Captain. Assalamualaikum.” kata Melur menyudahkan sambil menarik selimutnya. Firdaus berkerut melihat keselambaan Melur. Dia tidak percaya. Melur tidur sementara Firdaus masih lagi terpinga-pinga.

-cnc-

Bab 12

Firdaus duduk di atas sofa sambil merenung tepat kepada sekujur tubuh di atas katil empuknya. Sedang lena bersama gebar gebu yang membaluti tubuhnya. Firdaus tidak tidur sedangkan jam sudahpun menginjak ke angka 2 pagi. Matanya langsung tidak dapat dilelapkan. Dia masih cuba bertahan untuk tidak tidur sekatil dengan Melur. Hatinya sangat enggan namun badannya sudah mula mengalah dengan keadaan. Dia sudah letih. Dia terpaksa mengaku kalah dengan keletihannya sendiri. Sofa itu bukanlah tempat yang sesuai untuknya merebahkan tubuhnya agar dapat tidur dengan lena. Seumur hidupnya juga,tidak pernah dia tidur di sofa. Tidak sebelum ini,tidak juga untuk malam ini.

Perlahan Firdaus bangun dan perlahan juga dia merebahkan tubuhnya bersebelahan Melur. Firdaus mendekatkan wajahnya ke wajah Melur. Melihat isterinya itu dari jarak dekat untuk memastikan gadis itu telahpun lena. Dia meniup anak rambut yang menutupi sebahagian mata Melur. Tiada reaksi dari Melur. Firdaus lega. Sah,Melur telah lena. Firdaus membetulkan posisinya semula. Meregangkan sedikit tubuhnya dan mengambil posisi yang selesa untuknya. Selimut ditariknya sedikit untuk menutupi tubuh dinginnya. Akhirnya Firdaus dapat juga memejamkan matanya. Namun,tidak lama selepas itu dia merasakan satu kehangatan menghampirinya lalu dia membuka matanya. Serentak itu tangan Melur juga bertempek di dadanya dan wajah Melur bertempek di lehernya. Tanpa mampu menggerakkan tubuhnya,Firdaus melihat dari ekor matanya tangan Melur mula menjalar perlahan bermula dari dadanya beralih ke lehernya dan berpaut di situ. Firdaus menahan nafasnya. Hangat nafas Melur sedang berhembus lembut di lehernya dan itu membuatkan Firdaus penasaran. Dia tidak betah begini. Bukan ini yang dia harapkan dan mahukan. Bukan Melur orangnya dan dia tidak mahu Melur di sini bersamanya. Malam pertama bukan untuk mereka berdua.

“Melur? Melur?” panggil Firdaus perlahan. Sepi. Firdaus memanggil lagi.

“Mmmhhh...” Bunyi itu membuatkan roma Firdaus meremang,apatah lagi wajah Melur semakin merapat ke cupingnya pula. Jenuh Firdaus menahan nafasnya. Perlahan dia mengalihkan tangan Melur yang sedang memaut lehernya namun

selepas sesaat dua,tangan itu kembali ke dadanya semula.
‘Budak ni. Bukan main selamba lagi landing atas dada aku. Macam dah biasa je buat style macam ni. Tak kekok pon.’ rungut Firdaus di dalam hatinya.

“Ni sedar ke tak sedar ni? Melur? Melur?” panggilnya sedikit kuat dari sebelumnya. Sayangnya tiada jawapan dari Melur. Yang ada hanyalah tubuhnya yang mengerekot di sisi Firdaus bersama bunyian yang mampu menegakkan roma lelaki itu.
‘Ishk,budak ni,aku terajang jugak ke bawah katil kang. Nak daring-daring pulak. Ingat aku ni bantal peluk dia ke apa?’ rungut Firdaus di dalam hatinya. Matanya yang mengantuk tadi segar semula. Tidak tahan dihimpit sebegitu oleh Melur,Firdaus terus bangun bersandar di kepala katil. Dia terus memerhati Melur yang terlena.

“Nak tayang body biola la pulaaakkk. Nak je aku hempuk dengan double base budak ni.” marah Firdaus perlahan. Sekejapan isterinya itu berkalih tidur. Sebahagian selimutnya mendedahkan dadanya dan sebahagian lagi betis gebunya. Firdaus menoleh ke sisi buat seketika. Dia tidak mahu menjamu matanya dengan apa yang Melur persembahkan kepadanya. Tidak. Bukan Melur tapi Dee. Dia mahu Dee.
Tidak lama,Melur berpaling darinya dan itu telah membebaskan selimut gebu itu dari membaluti tubuhnya yang kedinginan. Menampakkan keseluruhan belakang badannya yang hampir terdedah kerana keseksian gaun malamnya. Pahanya juga turut mengambil bahagian mempamerkan kegebuannya. Firdaus bingkas bangun dan turun duduk di sofa. Biarlah untuk malam ini,dia tidur di sofa sahaja. Meskipun tidak seempuk tilam mahalnya,ia sudah cukup untuk dia melenakan dirinya malam ini. Dia sudah terlalu letih dan saat ini yang ada di fikirannya hanyalah kepenatan. Dia hanya mahu tidur.

Jam di dinding sudahpun mencecah ke angka 4 pagi. Tidak semena-mena sekali lagi Firdaus tersedar dari lenanya apabila dia merasakan ada sekujur tubuh sedang berbaring rapat ke tubuhnya. Perlahan dia membuka matanya dan alangkah terkejutnya dia apabila melihat Melur sedang memeluknya. Firdaus menarik nafasnya bersama kerutan di wajahnya. Dia rimas. Tidak percaya ini yang sedang berlaku pada dirinya. Dia bukan diganggu oleh mimpi ngeri tapi diganggu oleh isterinya sendiri. Rasanya ia jauh lebih ngeri dari mimpi ngeri. Di saat dia mahu mengelak dari tidur bersama Melur,gadis itu pula yang merapat. Tadi di atas katil dan sekarang di atas sofa ini pula. Lalu ke mana lagi dia harus pergi? Bawah katil? Mungkin,namun rasanya di situ juga Melur akan

mengikutnya. Dia menghidu-hidu bau tubuhnya sendiri.
‘Aku ni ada bau macam memerang ke,sampai dia boleh tahu aku tak ada sebelah dia?’ soalnya pada diri sendiri.
‘Ke dia ada sensor? Aku blah je,dia berbunyi? Terus radar dia dapat detect aku kat mana?’ Firdaus mula melalut. Dia menoleh sedikit ke kanannya. Melur sedang memeluknya dengan tubuh yang rapat sepenuhnya ke tubuhnya.

“Sempit kot. Macam mana dia boleh mencelah kat sini dengan jayanya ni? Muat pulak dia landing kat sini. Adoii...” bisik Firdaus perlahan. Tiba-tiba kaki Melur menindih pahanya. Cukup untuk membuatkan Firdaus terkejut tidak bernyawa. Firdaus meraba betis yang menindih pahanya dan terasa kegebuan menyentuh hujung jarinya. Firdaus meraup mukanya sendiri. Dia tidak boleh seperti ini. Jika dibiar berlanjutan,keadaan akan menjadi semakin teruk baginya. Firdaus menarik nafasnya dan bingkas bangun.

“Auchh!” Melur mengaduh kerana terjatuh dari sofa.

“Apa abang buat ni? Abang tolak Melur ya? Sakit tau tak?” soal Melur manja sambil tangannya menggosok-gosok pinggulnya yang sakit itu. Firdaus mendengus keras.

“Sepatutnya saya yang tanya apa awak buat kat sini?” Melur berkerut kecil.

“Melur tidur kat sebelah abanglah.”

“Untuk apa?”

“Laa,Melur kan isteri abang. Melur kena tidur di sisi abanglah.” jawab Melur perlahan bersama mata yang tidak dibuka sepenuhnya

“Walaupun kat atas sofa yang muat untuk seorang je ni?” soal Firdaus semula. Tanpa menjawab,Melur hanya mengangguk mengiyakan.

“Kalau saya tidur dalam longkang,awak ikut jugak la ya?” Sekali lagi tanpa bersuara,Melur mengangguk. Firdaus menggeleng-geleng dengan jawapan Melur.

“Parah awak ni. Dah desparate sangat ke nak tidur dengan saya,sampai sanggup ikut saya tidur kat mana pun?” Kali ini juga Melur mengangguk tanpa membuka matanya. Firdaus menepuk dahinya lalu meraup mukanya sendiri. Sekejapan

Melur berpaut pada sofa dan melentokkan kepalanya di tepi sofa dengan matanya yang terpejam rapat.

“Dah-dahlah tu. Abang janganlah lari lagi. Melur tak larat nak kejar. Melur mengantuk ni...” Terdengar suara manjanya perlahan sahaja bersama mata yang tidak dibuka. Firdaus beristighfar sendiri. Dia tidak tahu adakah Melur sengaja menyusahkannya malam ini atau Melur memang benar-benar mengikut sunnah? Adakah Melur sekadar mahu tidur dengannya atau benar-benar mahu meletakkan dirinya sebagai isteri yang akan bersama suami walau di manapun jua? Dalam kekeliruan,Firdaus membiarkan persoalan-persoalan itu berlalu. Kasihan melihat Melur terlena dalam keadaan seperti itu,Firdaus merangkul tubuhnya dan dibawa ke katil. Dibaringkan dan diselimutkannya. Bagai tiada pilihan,Firdaus juga berbaring di sisinya. Dia menjarakkan sedikit tubuhnya dari Melur tetapi dia sendiri tidak tahu selama mana jarak itu mampu bertahan. Entah lagi seminit dua,jarak itu tidak lagi menjarak dan mungkin sedikit masa lagi ianya tidak berjarak langsung. Kali ini dia tidak peduli. Dia sudah mengantuk dan mahu tidur dengan lena. Biarlah Melur mahu bertempek dengannya atau mahu masuk terus ke dalam perutnya sekalipun,dia tidak peduli. Yang penting baginya,dia mahu tidur selenanya.

-cnc-

Bab 13

Hari pertama memulakan kehidupan sebagai isteri orang,Melur bangun seawal jam 5.30 pagi. Mandi dan berwuduk. Siap berpakaian,Melur mengenakan telekungnya dan berteleku di sejadah sambil menunggu Firdaus selesai mandi. Tidak lama selepas itu,Firdaus keluar dari bilik mandi dan mengenakan pakaiannya. Dia terkejut kerana Melur masih belum solat Subuh. Melur menoleh memandangnya.

“Jom solat Subuh sekali.” ajak Melur lembut. Firdaus berkerut.

“Apa pulak? Awak solatlah la dulu.” jawab Firdaus menolak. Melur bangun.

“Apa dia abang cakap? Tak dengar laa..” soal Melur sambil meletakkan tangan di telinganya, seperti menadah telinga ke arah Firdaus. Firdaus mendengus.

“Abang cakap,Melur solatlah dulu.” Melur tersengih mendengar Firdaus membetulkan panggilan nama mereka berdua.

“Mana boleh Melur solat dulu. Melur kena tunggu abang. Kita berjemaah. Lagi afdal dan banyak pahala. Berganda-ganda. Tau tak? Tu fakta tu.”

“Saya tahulah.” jawab Firdaus dengan muka masamnya.

“Apa dia abaaang?” Sekali lagi Melur bereaksi seperti tadi apabila Firdaus sekali lagi membahasakan dirinya sebagai saya. Firdaus berdecit kecil.

“Abang tahulah. Tak cakap pun tahu.” jawab Firdaus berkerut.

“Dahtu,jomlah solat sama-sama.”

“Tak naklah. Solat asing-asing. Melur solat dulu. Sibuk je nak solat dengan orang.” balas Firdaus dengan nada sedikit marah.

“A’aa...tak baik cakap macam tu. Melur bukan ajak berperang tapi ajak solat sama-sama. Cuba ikut cara Rasulullah,jadi suami macam Baginda.” balas Melur

bersahaja.

“Tapi saya bu...” Firdaus mendengus. Dia tersalah panggilan lagi.

“Tapi abang bukan Rasul.” Melur senyum mendengar pembetulan Firdaus itu.

“Tak semestinya abang kena jadi Rasul untuk ikut benda baik yang Baginda buat. Solat jemaah kot. Benda baik apa?” balas Melur semula.

“Tapi...”

“Dah dah. Melur tak nak dengar apa-apa alasan lagi. Cepat,solat.” pintas Melur bersahaja lagi. Firdaus menjelingnya bersama kerutan di wajahnya.

“Cepat Melur cakap. Tak baik tangguh-tangguh waktu solat.” kata Melur lagi apabila melihat Firdaus hanya berdiri tanpa tindak balas.

“Abang...ingat deal kita. Itu syarat ke 3 tau?” leret Melur sedikit mengugut.

“Huh! Yelah-yelah!” Akhirnya Firdaus menurut. Melur tersenyum simpul. ‘Ikut sedap dia je. Selamba je sound aku. Ingat dia tu siapa? Ustazah?’ Firdaus mengomel sendiri di dalam hatinya.

“Ha’aa,lebih kuranglah Melur dengan uztazah.” Firdaus yang baru mengangkat takbir, terkejut dengan jawapan Melur. Membulat matanya. Tidak percaya. Firdaus iqamat dan memulakan solat dimakmumkan oleh Melur. Itulah solat pertama mereka sebagai suami isteri. Solat Subuh pemangkin hari. Usai solat,Firdaus membaca doa yang diaminkan oleh Melur. Melur lega kerana Firdaus adalah penghulu solat yang baik. Bacaan solat yang baik dan doa usai solat yang lengkap.

“Sini,nak salam.” kata Melur sambil menghulurkan tangannya kepada Firdaus.

“Tak payah salam-salamlah.” jawab Firdaus membantah. Melur tidak peduli. Dia tarik tangan Firdaus dan menciumnya. Kemudian dia tunduk sedikit sambil menyuakan kepalanya kepada Firdaus. Berkerut Firdaus memandangnya.

“Kenapa ni?” soal Firdaus tidak mengerti. Melur berdecit.

“Ciumlah,bagi berkat. Doa suami untuk isteri.” jawab Melur selamba.

“Ahh,takda takda. Cium-cium pulak.” bantah Firdaus.

“Abang,Melur cakap cium,ciumlah.” Firdaus diam. Serba salah.

“Cepatlah cium. Kalau tak,sampai Subuh esok pun tak settle.” arah Melur lagi. Dalam mahu tidak mahu,Firdaus akhirnya mengalah dan mencium ubun-ubun Melur. Satu perasaan aneh menyelinap ke sudut hatinya. Dia tatap wajah Melur.

“Terima kasih abang. Semoga hari ni hidup abang diberkati Allah. Amiin.” ucap Melur sebelum tiba-tiba dia mengucup dagu Firdaus. Terkejut lagi Firdaus dibuatnya.

Selepas berehat seketika dan mengemas katil mereka,Melur menyarungkan tudungnya dan mengenakan sedikit salap bibir warna merah jambu di ulas bibirnya. Dia duduk di sisi Firdaus yang sedang duduk di atas sofa.

“Jom turun sarapan?” ajak Melur sambil mencium pipi Firdaus. Firdaus terkejut.

“Ishkk,awak ni apa hal cium-cium saya ni?” soal Firdaus marah.

“Apa? Ulang balik.” tegur Melur lembut. Firdaus mendengus.

“Melur ni kenapa nak cium-cium saya...abang pula?” Firdaus membetulkan semula nama panggilan mereka berdua. Melur senyum.

“Tak boleh ke? Suami Melur kan? Tak dosa kot.” jawab Melur bersahaja.

“Tapi suami Melur ni cintakan orang lain. Faham?” balas Firdaus sedikit sombong.

“So,apa kaitannya?” tanya Melur semula bersama riak polosnya.

“Saya...uff! Abang tak suka Melur cium abang macam ni. Rimas tau tak?” Mendengarnya, Melur mencium pipi Firdaus sekali lagi.

“Rimas tak?” soal Melur. Firdaus berkerut sambil menelan liur.

“Abang nak Melur sedar yang hati dan diri abang ni hanya untuk Dee.” kata Firdaus tanpa menjawab soalan Melur tadi.

“Dee tu siapa? Isteri abang ke?” soal Melur dengan muka selamba.

“Not yet,but will be.”

“Do I care? Melur tak hairan la abang. Abang dah jadi hak Melur pun. Will be konon.” balas Melur sambil bangun dari sofa.

“Abang cintakan Dee,bukan Melur.” balas Firdaus tidak puas hati.

“Takpelah,nanti-nanti abang akan cintakan Melur jugak.” jawab Melur selamba.

“No! Never!” balas Firdaus sedikit kuat apabila Melur mula jauh darinya.

“Yes you will...” jawab Melur meleret sambil berlalu. Firdaus berdecit dan menggaru kepalanya yang tidak gatal. Geram dengan sikap selamba Melur.
Di luar bilik,Melur terserempak dengan Rania Idayu,adik bongsu Firdaus. Melur angkat bahunya lalu mengenyit matanya pada Rania. Rania yang mendengar jawapan selamba Melur di akhir perbualan mereka tadi,hanya ternganga tanpa suara.

“Abang cepatlah keluar! Melur tunggu ni. Jangan sampai abi yang naik ‘jemput’ kita turun sarapan pula.” laung Melur dari luar pintu bilik mereka. Rania menutup mulutnya menahan ketawa. Dia tidak percaya akan sikap selamba kakak iparnya itu. Rania kemudian turun terlebih dahulu. Tidak lama,Firdaus keluar bersama jelingan tajamnya. Melur sengih sahaja sambil menghulurkan tangannya untuk Firdaus sambut. Tiada pilihan,perlahan Firdaus sambut tangan Melur dan mereka turun bersama ke tingkat bawah untuk bersarapan pagi bersama keluarganya.

Firdaus dan Melur turun beriringan berpimpin tangan menuju ke meja makan. Semua ahli keluarga sudah berkumpul,termasuk abangnya Firman,anak mereka Damia dan kakak iparnya Malia. Keadaan di meja sepi. Masing-masing ralit menjamu selera.

“Abang,tolong bagi ayam tu.” pinta Melur lembut sahaja.

“Kan dekat? Awak tak boleh ambil sendiri ke? Tu pun nak suruh saya? Awak...”

“Abang,apa abang cakap? Melur tak dengar.” pintas Melur sedikit meleret dengan nada seperti menegur. Firdaus sedar kesilapannya. Dia pandang semua yang ada,berkerut lalu berdehem.

“Sorry sa...sayang. Abang lupa.” kata Firdaus lembut. Nada yang dibuat-buat.

“Tak apa. Mula-mula macam itulah. Tapi janganlah lupa selalu. Kita ni lama lagi nak hidup bersama tau?” balas Melur juga dengan nada yang sama.

“Yea...sorry again...sayang.” Semua orang diam memerhati. Rania sudah senyum mengerti.

“Sayang nak ayam ni ya? Yang mana satu?” soal Firdaus lagi.

“Mm..nak wings la. Senang nak terbang.” jawab Melur senada suaminya. Firdaus berkerut.

“Hah? Nak terbang ke mana ni?” soal Firdaus menyambut jawapan isterinya.

“Ke hati abanglah. Cia cia cia.” jawab Melur bergurau. Firdaus pura-pura ketawa.

“Pandai isteri abang bergurau.” balas Firdaus disusuli tawa dari Melur. Rania juga ikut ketawa. Firman dan Malia hanya tersenyum menahan tawa.

“Abi,umi. Petang ni kami nak kena balik dah.” kata Firdaus surut tawa mereka berdua.

“Nak balik dah? Cepatnya?” soal uminya semula.

“Pakaian Fir bukannya banyak kat sini. Ada sehelai dua je. Lagipun Fir nak bawa isteri Fir ni balik rumah kami.” Melur mengangguk-angguk mengiyakan jawapan suaminya.

“Abang dengan Melur tak...”

“Panggil Kak Melur la. Kenapa panggil Melur pula?” pintas abi menegur Rania.

“Maaf abi,tapi Nia lebih tua dari Melur. Beza 3 tahun kot.” jawab Rania perlahan.

“Tapi dia isteri abang Nia. Pangkat dia kakak kepada Nia. Tu panggilan hormat.” tegur abinya menegaskan. Rania akur dan mengangguk. Melur senyum saja.

“Okey,let me try again. Mm..Abang Fir dan Kak Melur tak pergi honeymoon ke?” Belum sempat Firdaus menjawab,Melur memaut lengannya.

“Eehh,mestilah pergi. Kan abang?” Jawapan itu buat Firdaus terkejut. Terkulat-kulat lalu tersenyum paksa.

“Iya? Kat mana?” soal Rania lagi. Melur senyum. Dia tiada idea tentangnya.

“Cuba teka kami akan ke mana?” soal Melur menyelamatkan dirinya. Firdaus diam.

“Bali!” teka Rania teruja.

“Betuull! Pandai Nia teka.” jawab Melur lebih teruja walaupun dia sendiri terkejut mendengarnya. Firdaus terkejut besar. Dia menoleh memandang Melur.

“Sebenarnya Kak Melur nak pergi dekat-dekat je,tapi Abang Fir la yang nak sangat bawa Kak Melur pergi Bali. Romantik sikit katanya.” sambung Melur lagi. Firman sudah menahan senyum. Dia tahu Melur telah menjerat Firdaus melalui soalan Rania.

“Betul tu. Elok sangat pergi honeymoon kat situ. Boleh kenal-kenal each other. Yelah,kahwin macam awak berdua ni kan rare? Tak pernah jumpa,tak pernah kenal,tup-tup dah jadi suami isteri. Rare kan?” sambut Firman tanpa ditanya.

“Tapi Melur bangga sebab jadi antara yang rare tu. Mana ada orang kahwin macam kami tahun 2018 ni? Kan abang?” Firdaus hanya senyum sambil mengangguk. Haji Nasarudin dan Hajah Rohana hanya menjadi pemerhati kepada ‘kemesraan’ pasangan pengantin baru itu. Terasa begitu cepat mereka serasi walaupun tidak pernah kenal sebelumnya. Memang terasa pelik di hati tua mereka tetapi mereka tidak mahu memikirkannya.

“Err,abang boleh bagi satu lagi wings tu?”

“Kali ni nak terbang ke mana pula?” soal Firdaus sambil meletakkan kepak ayam ke dalam pinggan Melur. Melur senyum.

“Ke Bali.” Firdaus terdiam seketika sebelum pura-pura ketawa.

“Pandai sayang abang ni. One more pick up line.” Melur ketawa kecil

mendengar ‘pujian’ itu.

“So,bila nak bertolaknya?” soal Hajah Rohana.

“Pagi esok.” Laju sahaja Melur menjawab soalan ibu mertuanya itu. Sekali lagi Firdaus terkejut. Firman menutup mulutnya menahan tawa.

“Esok?” soal Firdaus dalam nada terkejut,tanpa sempat berfikir apa-apa.

“Yelah,esoklah. Kan abang juga yang cakap malam tadi? Masa kat atas ‘sofa’ tu. Ingat tak?” Sejuk dada Firdaus mendengarnya. Dalam hatinya,dia terasa seperti Melur memang sengaja mengenakannya malam tadi. Sofa. Itulah klunya.

“Abang jangan cakap abang lupa pulak? Melur merajuk nanti.” jawab Melur meleret manja di hujungnya. Firdaus bagai tersedar dari rasa terkejutnya tadi. Dengan muka terkulat-kulatnya itu,dia memeluk bahu Melur.

“Eh,taklah. Mana ada abang lupa. Abang saja je usik Melur tadi.”

“Betul ni? Jangan cakap tak jadi pulak. Melur merajuk 2 kali ganda nanti.” balas Melur semula diiringi nada rajuk manjanya. Firman dan Malia sudah melepas tawa kecil yang tidak dapat ditahan lagi.

“Eeehh,jadi...jadi... Confirm jadi punya.” jawab Firdaus dengan senyuman lebar yang dibuat-buat. Dalam hati,hanya Tuhan yang tahu betapa cuaknya dia di atas sikap selamba Melur itu. Tanpa sempat dia berfikir dan berkata apa-apa,Melur telah membuat keputusan drastik tanpa berbincang terlebih dahulu dengannya. Jauh di sudut hatinya,dia tahu dia sudah terkena.

“Terima kasih abang sudi bawa Melur pergi honeymoon kat Bali. Melur janji,balik nanti kita akan jadi lebih dari kenal.” kata Melur menyimpulkan sambil memaut lengan Firdaus. Firdaus tersenyum tawar.

“Sama-sama sayang. Anything for you.” jawab Firdaus memaksa dirinya. ‘Honeymoon la pulaaak. Budak ni...’

-cnc-

Bab 14

Melur melangkah masuk ke ruang tamu rumah Firdaus bersama pandangan mata yang melilau ke sana sini. Kemudian dia berlalu ke beranda,melihat pemandangan indah dari tingkat 7 bangunan ini. Dia tersenyum gembira. Inilah rumah impiannya.

“Jadi inilah rumah kita ya?” soal Melur girang.

“Excuse me? Rumah siapa tadi? Tak dengar.” soal Firdaus semula dengan lagaknya.

“Rumah kita. Kenapa?” jawab Melur polos. Firdaus mendengus tawa sinis.

“Hello,pembetulan. Ini rumah saya,bukan rumah kita. Rumah saya. Sahaja.” Sekali lagi jawapan Firdaus berbaur nada sombong.

“Amboi-amboi... Berlagak tak ingat. Lupa diri la tu.” leret Melur bersahaja.

“Apa pula berlagak? Dah ni memang rumah saya.” jawab Firdaus masih dengan nada yang sama. Melur menghampirinya.

“Encik Firdaus,kita ni dah kahwin. Nak tak nak abang kena terima Melur sebagai share holder dalam rumah ni.” Firdaus tersenyum senget.

“Share holder? Banyak cantik muka awak? Berapa banyak yang awak bagi kat saya untuk beli rumah ni?” perli Firdaus lagi. Melur merapatinya.

“Sebelum ni memang tak ada. Tapi mulai hari ni,Melur akan bayar pada abang setiap hari. Every single day.” jawab Melur sambil menyua wajahnya ke wajah Firdaus.

“Maksud awak?” soal Firdaus sedikit tergugat dengan aksi berani Melur. Melur senyum.

“Okey,abang beli rumah ni dengan sekali bayar,tapi Melur akan berkhidmat kat

rumah ni untuk seumur hidup Melur. Jadi itulah harga yang Melur akan bayar untuk abang nanti. Lebih dari cukup rasanya.” kata Melur sambil memandang Firdaus di hujungnya.

“Ahh..malaslah nak layan awak. Buat sakit hati saya je.” Melur mengangkat tangannya.

“Cukup. Dah cukup tu. Dah lama sangat abang cakap awak-saya dengan Melur. Dah tak ingat perjanjian ke? Itu syarat utama tau? Satu kesalahan besar kalau tak ikut.” soal Melur dengan gaya selambanya.

“Ada saya kisah?” soal Firdaus sinis. Melur senyum.

“Tak kisah ke kalau jadi apa-apa pada hubungan abang dengan Dee?” soal Melur lalu mengangkat-angkat keningnya di hujungnya. Firdaus berkerut.

“Awak ni...”

“Apa dia abang? Melur tak dengar?” pintas Melur sambil meletakkan tangannya di telinganya seperti menadah telinga. Firdaus diam tidak menjawab. Melur senyum.

“Mana satu bilik kita abang?” Juga Firdaus tidak menjawabnya. Malas melayan Melur lagi.

“Okey takpa. Melur cari sendiri.” kata Melur lalu naik ke tingkat atas.

“Dah jumpa...!” laungnya dari pintu bilik tidur. Firdaus membiarkan.

“Besarlah bilik tidur kita ni abang. Boleh main golf dalam ni. Tapi kalau sempit pun Melur tak kisah...” leret Melur di hujungnya. Sepi sesaat dua. Firdaus biarkan.

“Sebab...kita berdua tetap boleh share tidur sama-sama walau sesempit mana pun. Tak gitu abang?” sambung Melur semula sambil berdiri di beranda tangga. Firdaus menjelingnya. Dia semakin pasti bahawa malam tadi memang Melur sengaja menyusahkannya dengan mengikutnya tidur hingga ke sofa. Melur memang sengaja buat dia tidak berani untuk tidur. Jelingan Firdaus Melur balas dengan sengih nakalnya. Dia masuk semula ke dalam bilik.

“Wow! Ada sofa la abang. Bestnya.” Sepi lagi sesaat dua,namun dada Firdaus mendingin sebaik mendengar perkataan sofa itu.

“Tapi sofa ni besar sikit dari yang semalam. Muat untuk kita berdua. Kan abang?” usik Melur lagi bersama senyuman nakalnya. Firdaus merenungnya dengan marah. Panas hatinya. Sekarang dia sangat pasti bahawa telahannya itu benar belaka.

“Aa...kalau abang nak tidur kat sofa lagi,jangan lupa ajak Melur sekali. Melur memang suka tidur atas sofa. Nak-nak lagi,pukul 4 pagi. Sejuk,sempit,syok tau...” leretnya lagi lalu melepas tawa kecilnya. Sah,ayat itu adalah ayat pengesahan bahawa Melur memang sengaja mengenakannya malam tadi. Firdaus berpaling darinya. Malas melayan lagi.
‘Ada jugaaakk budak sewel yang mintak penampar Jack Sparrow aku ni. Ni kalau aku bagi ni,maunya seumur hidup dia tidur kat atas sofa tu.’ marah Firdaus di dalam hatinya. Dia merasa terkena dan sedang mengawal kemarahannya.

“Aa..bilik kosong kat hujung tu Melur nak. For my private room. Hope you don’t mind.” sambung Melur lagi bersahaja. Firdaus menghempas duduknya di sofa.
‘Buat macam rumah sendiri pulak. Banyak cantik.’ kata Firdaus di dalam hati.

“Abang,naiklah ke atas. Kita kena kemas beg. Kan esok nak fly to Bali?” laung Melur lagi.

“Banyaklah awak punya Bali!” jawab Firdaus marah. Melur ketawa. Tiba-tiba Firdaus menerima pesanan dari aplikasi WhatsApp. Ianya dari ahli keluarganya. Firdaus terdiam membacanya. Selepas dia membuat panggilan telefon,dia naik ke bilik tidurnya. Firdaus berdiri di muka pintu bilik. Kelihatannya Melur sedang mengemas bajunya.

“Siap-siaplah. Esok pagi bertolak.” kata Firdaus serius. Melur menoleh.

“Hah? Jadi ke?” soal Melur dengan senyuman terujanya. Firdaus mengangguk.

“Dah agak dah...” jawab Melur dengan senyuman nakal. Firdaus diam kerana tiada apa lagi yang mampu dia lakukan selain diam.

-cnc-
28 Jan 21

HB to me

Bab 15

Firdaus mendengus marah sambil meletakkan bagasi di kaki katil. Perasaannya berbaur ketika ini. Tambah lagi Melur kelihatan tenang dan bersahaja. Pada mulanya Firdaus tidak bercadang membawa Melur ke Bali,walaupun perkara itu telah dikhabarkan di rumah keluarganya kelmarin. Namun dek kerana dia mendapat pesanan senarai barang yang dikirim oleh mereka,dia terpaksa akur. Dengan rasa terpaksa,Firdaus segera menempah tiket penerbangan dan hotel penginapan. Akhirnya,hari ini mereka berdua tiba jua di tanah Bali ini.

“Huh! Tak pasal-pasal saya kena datang sini dengan awak.” marah Firdaus masih bersisa.

“M’mm,tak baik cakap macam tu. Ulang balik?” Firdaus mendengus dengan jelingannya.

“Patutnya saya...ahh! Patutnya abang datang sini dengan Dee,bukan dengan awak.Uff! Melur.” Melur tersenyum. Dia buat tidak tahu sahaja dengan ‘kemarahan’ suaminya itu. Terus memasukkan baju mereka ke dalam almari. Biarlah Firdaus melepaskan marahnya itu. Firdaus sendiri tidak pasti apa sebenarnya yang dimarahkan. Bukan Melur yang memaksa. Melur sudah tidak bercakap atau mengungkit apa-apa soal bulan madu itu lagi kerana dia hanya bergurau. Tapi dek kerana ‘gurauan’ itulah yang membawa mereka ke Bali. Salah keluarganyakah kerana mengirim banyak barang? Tidak. Ianya salah Melur kerana memulakan soal bulan madu itu. Ya,memang salah Melur dan memang itu yang Firdaus mahukan. Menyalahkan Melur untuk semuanya.

“Dengar tak apa abang cakap? Abang tengah marah ni. Buat tak tahu pulak dia.” Mendengarnya,Melur menoleh dan mengangguk.

“So,tak nak cakap apa-apa?” Melur mendengus kecil.

“Abang nak Melur cakap apa? Kita dah sampai pun abang. Lagi 4 hari baru kita balik. So, terima jelah kenyataan.” jawab Melur bersahaja.

“Cakap sesedap lidah Melur je kan? Melur memang tak faham apa yang abang rasa sekarang.” balas Firdaus sedikit kuat. Melur berpaling mengadap Firdaus.

“Melur ulang balik. Kita dah sampai pun. Cakap banyak pun dah tak guna. Tak penat ke?” Soalan Melur buat Firdaus terdiam.

“Come on la,kita sekarang kat tempat orang. Tempat yang asing bagi kita. We have nobody her,not even a friend. But we have each other. Abang jaga Melur. Melur jaga abang. So, gaduh-gaduh ni semua tak menguntungkan kita pun. Tau?” sambung Melur lagi. Firdaus diam lagi. Dia tahu apa yang dikatakan Melur itu ada benarnya.

“Please abang,tak boleh ke kita jadi kawan? For once. At least sepanjang kita kat sini. Kita hanya ada kita je tau? Ingat tu. Friend?” Firdaus hanya merenung marah. Melur senyum dan menepuk perlahan pipi Firdaus.

“Panas la,jom mandi sama?” kata Melur lalu masuk ke bilik mandi. Firdaus mendengus dan menghempas duduk di atas sofa.

“Dia dah sound aku kasi aku diam,lepas tu selamba badak dia je ajak aku mandi sama. Eiee! Ikutkan hati...nak je aku...Huh!”

Malamnya,Firdaus masih lagi marah. Bercakap seorang diri,namun jelingannya ditujukan kepada Melur. Tambah lagi,Melur berlagak bersahaja,itu yang Firdaus marahkan.

“Hai abang,tak habis-habis lagi ke? Tak penat ke membebel lama-lama? Tak kering ke tekak tu?” Akhirnya Melur bersuara dengan nada seakan menyindirnya sambil membaca buku di atas katil. Firdaus menjeling.

“Sejak dari rumah lagi,dalam kereta,kat airport,dalam flight,dalam teksi,dah sampai kat bilik pun,masih lagi membebel. Bermula dari tengah hari tadi sampailah sekarang,non stop. Banyak betul stok air liur abang ya?” sambung Melur lagi tanpa memandang Firdaus.

“Awak tahu tak,abang tak nak pun datang sini. Datang honeymoon pula tu. Tak masuk akal langsung. Honeymoon apa dengan orang yang bukan...”

“Bukan apa? Melur ni isteri abang tau? Dan memang honeymoon tu untuk pasangan suami isteri pun. So,apa yang tak masuk akalnya?” pintas Melur

dengan nada menyoal.

“Suami isteri? Melur sedar tak yang kita ni kahwin atas dasar...”

“Kita dah kahwin pun abang.” pintas Melur meleret,masih lagi membaca buku di tangannya.

“Melur ni kan,suka buat abang marah kan?” Melur tutup buku di tangannya dan beralih ke hujung katil. Berdepan dengan Firdaus yang sedang bersandar di tiang katil.

“Abang marah apa ni? Sebab terpaksa datang sini atau sebab terpaksa honeymoon dengan Melur kat sini?” soalnya dalam nada lembut mendatar. Firdaus tenung wajahnya.

“Atau sebab Melur bukan Dee? Macam tu?” Firdaus diam. Melur senyum.

“Dah-dah la tu abang. Kita dah ada kat sini pun. Cuba abang pejamkan mata,hayati suasana. Kita sedang honeymoon di Bali. Feel it and you’ll be excited!” kata Melur lalu kenyit mata pada Firdaus di hujungnya bersama sengih nakalnya. Itu buat wajah Firdaus berkerut. Melur undur semula ke tempatnya tapi dia berhenti dan berpaling pada Firdaus.

“Abang tahu tak beza antara Melur dengan Dee? Hanya satu perkataan sahaja. Cinta. Abang tak cintakan Melur seperti abang cintakan Dee. Dan dia adalah kekasih abang. Tapi..”
Firdaus diam menatap sepasang mata Melur yang...

“Ada satu lagi perbezaan. Juga hanya satu perkataan. Perkahwinan. Dan Melur adalah isteri abang.” Firdaus terus diam. Melur sentuh pipi Firdaus.

“Marriage. I am your wife. Not her. Nikah is made from heaven. It’s already set from Luh Mahfuz. Do respect the fate.” tutur Melur bersama suara yang sangat sedap didengar. Firdaus seolah-olah terpaku di situ. Bagai menanti untuk mendengar kata-kata Melur lagi.

“Perasaan membezakan siapa kami di hati abang tapi perkahwinan membezakan siapa kami di sisi abang.” Firdaus terus terdiam mendengar kebenaran setiap kata-kata Melur. Ditatapnya wajah Melur dalam-dalam. Melur rasa sunyi dengan ‘situasi’ mereka ketika ini,lalu dia bangun mengubah suasana.

“Melur nak tidurlah. Mengantuk awal kalau tengah feel honeymoon macam ni. Nak- nak dengan suami tersayang. Perghh! Yang sejuk pun jadi hangat tau?” kata-kata Melur buat Firdaus tersedar dari lamunannya tadi. Dia melihat Melur mengambil alat kawalan jauh dan mula mengubah suhu penghawa dingin yang terletak berhampiran pintu masuk.

“Eh,kenapa perlahankan aircond? Panas la nanti.” kata Firdaus tidak puas hati.

“Sorry,tapi Melur tak boleh tidur dalam aircond. Ni pun dah cukup baik tau? Consider dengan suami.” balas Melur selamba. Firdaus berdecit dan bangun mendapatkan Melur.

“Ahh,takda takda. Saya...uff! Abang tak boleh kalau aircond tak sejuk.” kata Firdaus sambil cuba merampas alat kawalan jauh itu dari tangan Melur. Melur mengelak dan berlaku pergelutan kecil antara mereka berdua hingga akhirnya mereka terbaring di atas tilam. Melur melepaskan alat kawalan jauh itu dan Firdaus mengambilnya. Apabila Firdaus mahu bangun untuk menukar suhu penghawa dingin itu,Melur pantas menarik tangan Firdaus dan membuatkan Firdaus hampir terbaring di atasnya. Firdaus terkejut.

“Eh,apa awak...” Melur tutup mulut Firdaus sambil menggeleng-geleng kecil minta Firdaus diam. Melur tatap mata Firdaus. Itu buat Firdaus terkaku di situ.

“Selamat malam abang. Assalamualaikum.” bisik Melur di telinga Firdaus. Sepi.

“Tak dengar jawab salam pun?” soal Melur berbisik.

“Waalaikumsalam.” jawab Firdaus senada dengan Melur. Melur senyum dan terus berbaring di bantalnya. Tidak lama dia lena. Firdaus tidak tidur. Ralit menatap wajah Melur yang lena.
‘I’m sorry Dee. She’s here next to me. Not you.’ Firdaus berbaring mengiring. Menongkat kepalanya dengan tangannya. Menatap wajah isterinya.
‘But she’s right. She is my wife. Not you.’ tutur hatinya. Saat ini,hatinya berbaur. Dia bangun bersandar di kepala katil. Berfikir tentang kata-kata Melur tadi. Tiba-tiba dia melihat Melur memeluk tubuh sendiri, walaupun dalam keadaan lena.

“Laa,betullah dia tak tahan sejuk.” kata Firdaus perlahan lalu menarik selimut dan menyelimutkan tubuh Melur yang kedinginan. Dia tatap wajah Melur dari dekat.

‘Cantiknya dia.’

-cnc-
28 Jan 21
HB to Me

Bab 16

Hajah Rohana sedang ralit memilih baju kurung untuk dipakai ke majlis kenduri perkahwinan anak saudaranya hujung minggu nanti. Setelah memilih satu set baju kurung bersama sehelai tudung,Hajah Rohana ke kaunter untuk membuat bayaran. Sesudah membayar harganya,Hajah Rohana terus keluar dari butik pakaian tradisional itu.

“Auntie.” Langkah Hajah Rohana terhenti. Dia sudah tahu pemilik suara itu. Perlahan dia menoleh uttuk memastikan telahannya. Ya,benar. Memang dialah orangnya.

“Assalamualaikum Auntie. Auntie sihat?” sapa wanita itu sambil menghulurkan tangannya untuk bersalam dengan Hajah Rohana.

“Alhamdulillah sihat. Dari mana ni?” Wanita itu tersenyum.

“Jumpa client tadi. Singgah sini sekejap nak lunch.” Hajah Rohana hanya memandangnya tanpa memberi reaksi untuk jawapan wanita itu.

“Err,apa kata kita lunch sama-sama? Boleh kan?” Hajah Rohana diam untuk seketika. Tiada salahnya untuk dia makan tengah hari bersama wanita itu dan akhirnya dia mengangguk. Wanita itu tersenyum lebar lalu mereka berjalan bersama menuju ke restoran yang tidak jauh dari butik pakaian tersebut.

Setelah mengambil pesanan, keadaan terasa sunyi di antara mereka berdua. Hajah Rohana tidak memandangnya. Hanya tunduk membaca majalah Islamik di tangannya.

“Err,Uncle sihat Auntie?” soalnya memulakan perbualan. Hajah Rohana hanya mengangguk.

“Dah lama kita tak jumpa kan Auntie?” soal wanita itu lagi. Hajah Rohana memandangnya.

“Bukan ke itu perkara biasa bagi kita?” Wanita itu terdiam. Dia tahu itu benar.

Memang mereka jarang sekali berjumpa. Sebulan sekali juga belum tentu.

“Tahniah Auntie sebab dah dapat menantu baru. Tentu dia cantik kan?” Hajah Rohana mendongak memandangnya lalu mengangguk lagi.

“Fir kat mana sekarang?” soal wanita itu lagi.

“Honeymoon. Bali.” Wanita itu terdiam lagi. Hajah Rohana menutup majalah di tangannya. Rasanya ada sesuatu yang mahu dibincangkan oleh wanita itu dengannya.

“Ada apa-apa yang Dee nak cakap?” Sepi. Dee menatap wajah Hajah Rohana tanpa berkelip. Fikiran dan jiwanya terasa sendat. Pelbagai rasa singgah di situ. Sedih. Kecewa. Terkilan. Marah. Semuanya. Dia sendiri tidak tahu di mana untuk dia memulakannya.

“Kenapa Auntie?” Soalan ringkas itu membawa seribu makna di dalamnya. Hajah Rohana mendengus perlahan dan bersandar di kerusinya sambil merenung wajah Dee.

“Kenapa Dee tanya Auntie kalau jawapannya ada pada Dee sendiri?” balas Hajah Rohana dengan soalan baliknya.

“Apa yang Auntie sekeluarga nak dari Dee sebenarnya ni?” soal Dee dengan nada gusarnya.

“Kami nak Dee jadi isteri Fir tapi...”

“Dee tak bersedia.” pintas Dee bagai tahu apa yang akan Hajah Rohana katakan padanya. Hajah Rohana merenungnya tanpa senyuman.

“Itulah jawapannya.” jawab Hajah Rohana ringkas.

“Tapi kenapa sampai Auntie anggup kahwinkan dia dengan perempuan lain? Hanya kerana Dee tak ready?”

“Untuk alasan apa lagi supaya Auntie dapat tengok Firdaus tu berkahwin?” balas Hajah Rohana semula. Dee terdiam.

“Kalau Auntie tanya Dee,kenapa Dee masih tak ready nak jadi isteri Firdaus

walaupun dah 7 tahun bercinta,Auntie rasa Dee tidak ada jawapannya. Kalau ada sekalipun,itu bukan jawapan yang kukuh untuk Dee tolak lamaran dia berkali-kali.” sambung Hajah Rohana lagi. Dee diam bersama wajah sugulnya. Dia tidak tahu bagaimana untuk dia membela dirinya.

“Dee dengan dia bukannya budak-budak lagi. Kamu berdua sudah cukup dewasa untuk memikul segala tanggungjawab sebagai pasangan suami isteri. Saling mencintai itu,akan lebih memudahkan proses hidup berumahtangga. Lebih mudah untuk saling memahami dan saling membantu. Tapi tidak. Dee takut dengan tanggungjawab dan Dee lari dari tanggungjawab tu. Apa kesudahannya?” Ya,benar kata Hajah Rohana dan Dee tahu dia berada di pihak yang tidak mampu menegakkan benang yang basah.

“Tapi kami dah lama bersama Auntie.Kenapa senang-senang je Auntie kahwinkan dia dengan perempuan yang dia sendiri tak kenal?” balas Dee berbalik kepada persoalan yang sama.

“Berapa lama lagi masa yang Dee perlukan untuk bersama Firdaus supaya akhirnya dia boleh berkahwin dengan Dee? Dee dah lama bersama dia tapi tak nak kahwin dengan dia,apa salahnya Auntie jodohkan dia dengan gadis lain yang sudi jadi isteri dia walaupun tak kenal dia? Yang penting dia sanggup memikul tangunggjawab sebagai isteri Fir. Soal perasaan, Auntie yakin ia akan datang sendiri nanti.” Itulah yang menakutkan Dee. Hatinya mengecut ketakutan. Dia takut andai perasaan cinta Firdaus terwujud untuk perempuan itu.

“Kenapa Auntie tak bagi Dee peluang? Malah Auntie kahwinkan dia ketika Dee tak ada kat sini. Kenapa Auntie?” soal balas Dee buat Hajah Rohana tidak berselera untuk makan. Dari tadi juga,perbualan mereka seakan tidak berkembang kerana perihal yang sama disoal berulang kali.

“Honestly,Auntie tak tahu Dee tak ada kat sini. Tapi kalau Dee ada kat sini sekalipun,tak ada apa yang akan berubah. Dia tetap akan berkahwin dengan Melur juga. Malah,Fir melamar Dee ketika Dee masih ada kat sini. Tapi Dee tolak. So,peluang apa lagi yang Dee nak?” jawab Hajah Rohana tenang,tetap tanpa senyuman. Dee diam. Sekali lagi jawapan Hajah Rohana bagai menyalahkannya dan dia tahu dia bersalah tapi baginya itu bukan alasannya untuk wanita itu memaksa Firdaus berkahwin dengan perempuan lain.

“Firdaus tu anak Auntie. Auntie sayangkan dia dan Auntie nak yang terbaik

untuk dia. Auntie rasa dia dah membazirkan terlalu lama waktu mudanya untuk bersama Dee. Setia tanpa ada kesudahannya. Dia ikhlas nak berkahwin dengan Dee tapi Dee juga ‘ikhlas’ tak nak kahwin dengan dia. Apa lagi yang Auntie nak buat? Biarkan dia membujang sampai tua?” sambung Hajah Rohana lagi menegakkan pendapat dan pendiriannya.

“Tapi Dee sayangkan dia Auntie.” kata Dee bersama airmata yang terbendung.

“Auntie tak nafikan perasaan Dee pada dia tapi Dee sendiri tak buktikan apa-apa untuk dia.” jawab Hajah Rohana tenang. Dia tahu perasaan Dee pada Firdaus tapi masanya sudah berakhir. Dee tunduk menahan tangis. Hajah Rohana mendengus perlahan.

“Auntie minta maaf kalau Auntie bersalah kerana memisahkan kamu berdua tapi Auntie lakukan demi kebaikan anak Auntie. Satu hari nanti,Dee akan faham.” Dee tetap tunduk bersama sebak yang kian memamah hatinya.

“Lupakanlah dia. Dia bukan milik Dee lagi sekarang. Malah dia tak pernah jadi milik Dee. Bertunang pun tidak. Yang ada hanyalah berkawan. Jadi Auntie minta,Dee lupakanlah kawan Dee tu. Lepaskan dia. Dia suami orang.” kata Hajah Rohana menyudahkan lalu bangun dan meninggalkan Dee seorang diri di situ. Dee mendongak memandang pensyarah itu berlalu pergi. Nasi yang sudahpun dingin itu terbiar tanpa disentuh. Air teh panas itu juga sejuk tanpa diminum. Dee juga sudah tidak berselera untuk makan. Perbualan dengan Hajah Rohana bagai tiada kesudahannya. Dia sedar,tidak sepatutnya dia memulakan perbualan itu kerana akhirnya ia tidak akan memberi apa-apa keuntungan buatnya. Yang ada hanyalah kekalahan dan dipersalahkan untuk semua yang berlaku. Dia tahu dia akan kalah dan dikalahkan.

Dee menyapu airmatanya yang mula gugur. Terbayang wajah Firdaus di tubir matanya. Juga terbayang betapa selama ini Firdaus begitu menyayanginya. Dia percaya Firdaus masih menyayanginya dan akan terus menyayanginya. Itu menguatkan semangat Dee untuk terus berjuang dan setia di sisi Firdaus. Teringat kata-kata akhir Hajah Rohana sebentar tadi buat hati Dee panas. Dia jadi geram.
‘Firdaus hak aku. Aku akan pastikan dia tetap akan setia dengan aku. Dia akan jadi hak aku sampai mati. Tak ada siapa yang mampu halang aku dari menakluki Firdaus. Kau tengoklah nanti. Siapa yang tak akan lupakan siapa.’

-CikNorCinta-
6 *March* 21

Bab 17

Firdaus duduk di sofa sambil memerhati Melur membaca buku di atas katil. Dia berdecit tidak puas hati kerana Melur langsung tidak mempedulikannya,jauh sekali untuk bercakap dengannya. Dia bangun menuju ke balkoni tetapi matanya tetap dilepaskan ke arah Melur. Tidak berpuas hati kerana Melur masih juga tidak mempedulikannya,Firdaus masuk semula ke bilik dan duduk di sofanya tadi. Dia geram kerana Melur langsung tidak memandangnya atau menegurnya. Dia di sini bukannya tunggul kayu. Dia manusia yang tahu erti bosan atau lebih tepat,dia perlukan teman.

“Eh,awak tak bosan ke duduk dalam bilik ni je?” soal Firdaus memulakan. Melur diam sambil memandang Firdaus sesaat dua. Firdaus mengeluh tanpa suara.

“Okey,Melur tak bosan ke duduk dalam bilik ni je?” kata Firdaus membetulkan nama panggilan mereka berdua. Melur tetap diam membaca bukunya.

“Sejak mula-mula sampai kat sini,dah hampir 2 hari kita terperap kat bilik ni je. Tak bosan?” soal Firdaus lagi.

“Abang bosan ke?” soal Melur dari balik bukunya.

“Yelah,makan tidur semua kat bilik ni je. Tak tengok dunia luar pun. Lama-lama berkulat tau?” balas Firdaus merungut. Melur senyum dan menutup bukunya.

“Abang sendiri pun memang tak nak datang sini kan? Jadi,duduk jelah bilik ni sampai balik.” jawab Melur sedikit menyindir.

“Memanglah tapi dah alang-alang datang sini,lebih baik kita keluar. Tak dapat apapun kalau lepak kat bilik ni je.” jawab Firdaus sedikit malu disindir seperti itu.

“Melur kan ada? Abang bosan ke tengok Melur?” soal Melur semula dengan wajah nakal.

“Bukan fasal tu.” jawab Firdaus perlahan.

“Abang bosan tengok Melur?” soal Melur lagi lebih perlahan. Firdaus meniup nafasnya.

“Tak,saya...Abang tak bosan tengok Melur tapi boleh tak kalau abang nak tengok Melur di luar dari bilik ni?” Berbunga hati Melur mendengar jawapan Firdaus.

“Abang nak tengok Melur bersama pemandangan cantik kat sini. Abang nak tengok dua-dua sekali. Melur and the view. Boleh kan?” Melur senyum dan turun dari katil. Dia masuk ke bilik mandi dan menukar pakaiannya.

Dari Seminyak Beach Resort,mereka menaiki teksi menuju ke Pura Tanah Lot. Turun dari teksi,Melur memaut jemari Firdaus. Lelaki itu terkejut kerana Dee tidak pernah berbuat begitu. Dee hanya akan memaut lengannya. Entah kenapa Firdaus rasa tenang.

“Cantik kan?” soal Firdaus sambil melihat keindahan pemandangan di situ. Melur mengangguk. Perlahan Firdaus menoleh melihat isterinya. Dia tertawan melihat wajah Melur yang disinari mentari yang mula terbenam. Tiba-tiba Melur menoleh. Firdaus terkejut dan kembali menoleh ke hadapan.

“Saya...err.. Abang tak pernah datang sini. Inilah kali pertama abang di Bali.” Melur kemaskan pautan jemarinya dan menoleh memandang Firdaus di sisinya.

“Melur pun sama dan Melur gembira berada di sini dengan abang...suami Melur.” Mendengarnya,Firdaus menoleh. Dia cuba untuk terus berpaling ke hadapan semula tapi cepat-cepat Melur pegang dagunya,membawa mata Firdaus ke wajahnya semula. Mereka bertentang mata. Firdaus sudah tidak mampu mengalih pandangannya lagi. Dia terus menatap mata Melur. Ianya jauh lebih cantik dari matahari terbenam itu.

“Terima kasih abang.” Melur bersuara perlahan.

“Untuk?”

“Untuk kesanggupan abang menjadikan Melur sebagai isteri abang. Untuk kerelaan abang membawa Melur ke sini. Untuk layanan baik abang terhadap Melur.” luah Melur penuh perasaan. Firdaus tersenyum kecil dan mereka sama-

sama memandang ke hadapan menyaksikan mentari terbenam yang cantik itu semula.

Malamnya,sambil menonton televisyen,Firdaus berpaling merenung wajah Melur. Keadaan terasa sunyi. Dia mahu bercakap dengan Melur.

“Saya rasa...” Firdaus berdehem. Dia tersilap kata lagi.

“Abang rasa abang lagi sedap dipandang berbanding buku tu.” Firdaus memulakan dengan sedikit nada sindiran. Melur senyum di sebalik bukunya.

“At least abang boleh bercakap dan bau abang pun wangi.” kata Firdaus lagi bagai mahu bergurau dengan Melur. Melur senyum lagi namun dia tidak bersuara.

“Hello? Ada orang tak?” tegur Firdaus lagi. Melur tersenyum lebar.

“Karang kalau Melur bercakap, nanti ada orang tu melatah pula. Hangin satu kepala. Lebih baik Melur diam.” Firdaus menahan senyum mendengar jawapan Melur.

“Walaupun buku ni busuk,at least kalau Melur membebel,dia diam je. Warna dan suhunya pun maintain je. Taklah macam orang tu,jadi merah bila temperature tinggi.” Kali ini Firdaus tersenyum lebar mendengarnya. Dia bangun mendapatkan Melur. Duduk di sisi Melur sambil bersandar di kepala katil.

“Esok kena bangun pagi. Lepas breakfast kita berehat sekejap dan terus keluar.” Mendengarnya Melur merendahkan bukunya ke atas riba.

“Kenapa? Nak pergi mana?” soal Melur semula sambil memandang Firdaus.

“Iceland. Nak?” Melur ketawa kecil dengan gurauan Firdaus.

“Hmm...not bad. Tapi Melur tak tahan sejuk. Kita pergi tempat lainlah.” Firdaus senyum. Perbualan seperti inilah yang dia mahukan.

“Kalau macam tu kita pergi Bali. Explore semua tempat cantik kat sana. Nak?” jawab Firdaus bersama senyumannya. Melur menepuk-nepuk perlahan dagunya

dengan jari telunjuknya seperti sedang berfikir. Matanya sedikit memandang ke atas.

“Bali ek? Good idea. Melur suka.” Melur menyambut gurauan Firdaus bersama aksi nakal wajahnya. Firdaus senyum disusuli tawanya.

“Lagipun kita ada list tapau yang panjang untuk dibeli.”

“Uff...!” rungut Melur dengan wajah sugul. Firdaus berkerut melihat tindak balas Melur itu.

“Why?” soal Firdaus kehairanan. Melur mencemik.

“Melur tak suka shopping. Penat.” Firdaus berkerut mendengarnya tapi selepas itu dia senyum. Dia menyua sedikit wajahnya hampir kepada Melur.

“Kalau shopping dengan Encik Suami?” soal Firdaus sedikit perlahan. Melur menoleh dan menatap mata Firdaus. Dia tidak pasti itu serius atau sekadar usikan Firdaus sahaja.

“Melur mengantuk. Nak tidur.” kata Melur sambil menarik selimutnya. Namun Melur bangun semula dan menghulurkan tangannya kepada Firdaus.

“Selamat malam abang. Maaf kalau ada buat salah dengan abang hari ni. Assalamualaikum.” kata Melur lalu mencium tangan Firdaus. Firdaus terkejut. Hatinya tersentuh dengan adab Melur. Perlahan dia menjawab salam Melur dan menutup lampu sisi. Dia berbaring mengiring mengadap ke arah Melur.
‘Dee,you pun akan buat sama macam dia buat kan? You akan cium tangan I sebelum kita tidur kan? You akan minta maaf dan you akan bagi salam pada I sama macam dia juga kan?’ soal Firdaus di dalam hatinya.
‘Please Dee,nanti you jadi macam dia ya?’ Sepi. Firdaus tidak mendapat jawapannya.
‘I sayang you...’ Luahan Firdaus ditujukan kepada Dee tetapi pandangan matanya ditujukan kepada Melur.

CikNorCinta
6 *March* 21

Bab 18

Dari Ubud Art Market,Firdaus dan Melur menjelajah ke Bali Collection di Nusa Dua. Firdaus berjalan di hadapan meninggalkan Melur di belakang seorang diri. Penat,jadi itu merubah angin Firdaus. Tambah lagi,bermacam-macam yang harus dibeli, kiriman dari keluarganya. Sedang berjalan,tiba-tiba ada seorang lelaki melanggar Melur dengan agak kuat, membuatkan Melur terjatuh dan terlanggar dinding. Dia mengaduh kesakitan.

“Maaf Embak,saya enggak sengaja.” kata lelaki itu cuba mengangkat Melur untuk berdiri. Apabila Firdaus terlihat kejadian itu,dia terus mendapatkan mereka berdua.

“Tak apa. Dia isteri saya.” kata Firdaus sambil memegang tangan lelaki itu.

“Melur,are you okay? Sakit?” soal Firdaus cemas. Melur terus mengangguk.

“Maaf Mas,saya enggak sengaja.”

“Hati-hati Mas,jalan tu lihat-lihat.” tegur Firdaus serius.

“Maaf Embak.” katanya masih cuba untuk pegang bahu Melur. Melihatnya,Firdaus terus menepis tangan lelaki itu.

“Tak apa. Kamu boleh pergi.” kata Firdaus lebih serius. Lelaki itu sempat memerhati Melur sebelum berlalu. Firdaus jadi panas.

“Mata letak kat kaki ke apa? Masuk sini pun nak berebut? Sampai langgar isteri orang. Gila.” kata Firdaus sambil membawa Melur duduk.

“Mungkin dia tak sengaja.” jawab Melur perlahan.

“Banyaklah Melur punya tak sengaja. Dia memang sengaja langgar Melur sampai Melur jatuh. Lepas tu ambil kesempatan nak pegang Melur. Dasar miang. Pantang tengok perempuan cantik. Wife aku pulak tu.” marah Firdaus dengan muka merahnya.

“Saja cari penyakit ke apa? Buat lagi,taulah nasib kau. Aku lenyek kau jadi emping nanti.” marah Firdaus lagi. Melur pegang pipi Firdaus yang duduk bertinggung di hadapannya.

“Dah la,sikit je ni. Melur okey.” pujuk Melur lembut.

“Melur okey tapi abang tak okey. Abang marah ni tau tak? Suka hati dia je nak pegang isteri orang.” marah Firdaus sedikit meninggi.

“Ha’aa,lebih-lebih lagi isteri orang yang jalan sorang-sorang. Isteri yang suaminya tak ada sebelah dia. Isteri yang suaminya tak ada untuk pegang tangan dia. Isteri yang suaminya macam tak nak tunjuk pada lelaki lain bahawa dia adalah isterinya. Kan?” Firdaus pandang Melur dengan jelingannya. Riak wajahnya kelihatan marah dan sedikit serba salah.

“Perli abang?” Melur menggeleng-geleng kecil. Firdaus mendengus.

“Dah,jom pergi beli baju baru.”

“Hah? Kenapa nak kena beli baju baru pula?” soal Melur tidak mengerti.

“Habis,nak tunjuk kat siapa bahu tu?” Melur melihat bajunya yang terkoyak dan menutup bahunya dengan tangannya. Firdaus membuka jaketnya dan menyarungkan ke bahu Melur.

“Jom,boleh jalan tak? Sakit lagi?” Melur geleng. Firdaus menggenggam tangan Melur dan berjalan ke dalam mall untuk membeli baju baru buat Melur. Setelah dipilih,Melur terus menukar bajunya yang terkoyak tadi.

“Baru nikah ya Mas?” soal jurujual wanita itu. Firdaus mengangguk.

“Mana Embak tahu?” soal Melur pula. Jurujual itu senyum.

“Itu,inainya itu masih utuh. Merah bangat. Itu tandanya Mas sayang bangat sama Embak.” Melur pandang Firdaus dengan perasaan serba salah.

“Amiin. Mudah-mudahan.” jawab Melur perlahan.

“Untung Mas dapat isteri cantik bangat. Selamat ya Mas.” Mendengarnya,Melur tunduk. Firdaus peluk bahu Melur dan mengucapkan terima kasih kepada

jurujual itu.

Mereka berjalan lagi lalu membeli sehelai dua lagi baju untuk Melur. Selepas itu mereka berjalan keluar. Firdaus menggenggam erat jemari Melur ketika berjalan.

“Kali ni abang nak tengok siapa lagi yang berani langgar Melur.” kata Firdaus dengan marah yang masih bersisa. Hatinya masih lagi menghangat apabila teringatkan perbuatan lelaki warga tempatan itu tadi. Melur senyum. Tunduk.

“Sebelum nak langgar Melur,langgar Firdaus dulu. Sebelum pegang Melur,pegang Firdaus dulu. Kalau tak renyuk jari tu,jangan panggil abang Firdaus Iskandar.” marahnya lagi lalu menoleh memandang Melur yang tunduk.

“Tau?” soalnya kepada Melur. Melur mendongak dan terus mengangguk-angguk.

“Sebelum orang lain pegang Melur,Firdaus Iskandar yang kena pegang dulu.” kata Melur dengan nada sindiran. Firdaus berhenti berjalan.

“Tak habis lagi?”

“Siapa yang tak habis lagi? Melur ke abang? Mm?” Firdaus diam. Melur senyum.

“Dah la... kita kat tempat orang. Jaga bahasa tu sikit. Nanti lain pula yang jadi.” nasihat Melur dengan nada yang lembut.

“Abang boleh je jaga bahasa abang kalau orang pun boleh jaga budi bahasa mereka. Ini tak, biadab. Dia ingat dia siapa nak pegang isteri abang? Dan bosan hidup agaknya. Kalau nampak sekali lagi,abang kerat 8 tangan dia.” jawab Firdaus marah. Mukanya kelihatan merona kemerahan. Melur menahan tawanya.

“Ingatkan perempuan je pandai membebel. Rupa-rupanya ada juga lelaki yang lagi cekap membebel. Panjang pula tu. Rasanya dah dekat sejam kot. Fuhh...hebat.” kata Melur bergurau. Firdaus menjelingnya.

“Panjang lagi ni. Subuh esok pun belum tentu lagi habis tau? Jadi jangan nak tutup telinga pula.” jawab Firdaus serius. Melur menahan tawa. Nadanya kedengaran marah tetapi ayatnya berbunyi lucu.

“Melur janji tak tutup telinga tapi boleh tak abang rest sekejap? Kita kat tempat orang ni. Nanti kalau mereka dengar,kita juga yang susah kan?” nasihat Melur lagi.

“Excuse me? Lelaki tadi tu dah pegang isteri Firdaus Iskandar. Nak abang tepuk kaki tangan ke orang pegang isteri abang macam tu?” soal Firdaus masih marah. Melur terus menggeleng. Rasanya tiada gunanya dia ‘menyekat’ angin Firdaus ketika ini. Biarlah dia. Namun hatinya berbunga tetapi riak wajahnya sedikit aneh. Dia berkerut dan menahan senyum dengan gelagat Firdaus. ‘Laki aku ni betul-betul cemburu ke? Atau saja-saja jealous sebab ada lelaki pegang aku? Dia betul-betul kesah ke atau saja nak ‘cucuk’ aku?’ soal hatinya.

Malamnya,Melur berbaring di katil tetapi lengannya sakit. Dia mengaduh kesakitan. Firdaus yang sedang menyusun semua barang yang dibeli siangnya,bangun mendapatkan Melur yang sedang memegang lengan sendiri.

“Kenapa? Sakit lagi?” Tanpa berfikir,Melur terus mengangguk.

“Sini abang tengok.” Firdaus membelek lengan atas berhampiran bahu Melur.

“Lebam ni. Bengkak sikit. Nanti abang tuam.” kata Firdaus lembut. Dia membasahkan kain dengan air hangat,lalu menuam bahu Melur. Berkerut Melur menahan sakit.

“Maaf.” kata Firdaus perlahan sambil menatap mata Melur.

“Sebab?” Firdaus diam sekejap.

“Sebab tak jalan bersama. Sebab tak pegang tangan Melur dan tak lindungi Melur sebagai isteri abang.” jawab Firdaus perlahan sambil menatap mata Melur.

“Takpe,buatlah lagi.” jawab Melur selamba.

“Hah?” Firdaus terkejut. Melur senyum dan hulurkan tangannya pada Firdaus.

“Good night abang. Maaf untuk semua salah Melur hari ni. Assalamualaikum.” ucap Melur lalu mencium tangan Firdaus. Firdaus menjawab perlahan. Melur terus berbaring.

‘Aku tak boleh hanyut kan? Aku kena sedar diri kan?’ soal Melur pada diri sendiri. Dia pejamkan matanya rapat-rapat sambil menggenggam loket di lehernya.
‘Dia suami aku tapi dia bukan hak aku.’

-cnc-

Bab 19

Esok mereka akan pulang semula ke tanah air. Sebagai hari terakhir mereka di Bali, Firdaus dan Melur sekali lagi menyusuri keindahan pinggir pantai tanah Bali. Mengenali budaya dan masyarakat di situ. Mencuba spa tradisional Bali dan makanan enak di sana.

“Jom,makan bakso. Ori tu.” kata Melur teruja. Firdaus terkejut.

“Ishk,tepi jalan kot.” jawab Firdaus dengan wajah berkerutnya. Melur senyum.

“Tepi jalanlah best. Banyak habuk. Itu yang menambah perisa bagi lagi sedap tu.” jawab Melur selamba dengan riak nakalnya.

“Tak naklah. Melur pergilah sorang.” balas Firdaus kembali. Melur merenungnya.

“Okey,abang tunggu sini. Melur pergi makan sekejap je. Lagipun esok dah nak balik. Nanti kempunan pula.” kata Melur dan terus berpaling dari Firdaus.

“Tunggu sampai Melur datang tau?” sambung Melur lagi dan terus berjalan menuju ke gerai tepi jalan yang menjual bakso itu. Firdaus diam sambil terus memerhati Melur dari jauh. Melur mula duduk di salah sebuah bangku di situ dan sekejapan pesanan Melur tiba. Tiba-tiba juga ada tiga orang lelaki datang dan duduk di kiri dan kanan Melur. Melihatkan itu, Firdaus mula pergi ke arah mereka. Firdaus berdiri tidak jauh dari Melur.

“Embak,kamu cantik deh. Kamu asal sini?” tegur salah seorang lelaki itu. Melur menoleh.

“Zimbabwe. Kamu tahu di mana kan?” jawab Melur dengan bahasa seakan warga Indonesia itu juga. Lelaki itu senyum dan mengangkat kening kepada kawannya. Mata mereka memerhati Melur dari atas hingga ke bawah dengan pandangan yang menaikkan darah Firdaus. Melur pula terus makan tanpa mempedulikan mereka bertiga.

“Masa sih kulitnya putih bangat?” soal lelaki itu lagi. Melur menoleh.

“Aku mix. Tapi lahirnya di malam bulan purnama. Makanya aku jauh lebih putih.” jawab Melur selamba tanpa senyuman. Kedua-dua lelaki itu senyum lagi sambil terus merenung Melur yang sedang berselera menikmati bakso bebola dagingnya.

“Mau enggak pulang rumah aku?” Soalan itu membuatkan dada Firdaus terbakar. Dia terus menghampiri mereka dan berdiri di belakang Melur.

“Untuk apa? Ketemu sama ibu kamu? Atau isteri kamu?” Jawapan selamba Melur buat lelaki itu merenung wajahnya dengan senyuman nakal.

“Aku belum nikah. Kamu?” soal lelaki itu lagi.

“Sudah. Dia sudah menikah.” jawab Firdaus serius sambil memegang kedua-dua bahu Melur dari belakang. Melur diam tetapi di bibirnya terselit senyuman kecil. Heronya telah datang untuk menyelamatkannya dari penjahat itu. Melur berpaling dan senyum kepada tiga lelaki itu. Dia memeluk pinggang Firdaus yang sedang berdiri sambil memeluk bahunya.

“Ini suami aku. Kami di sini dalam rangka bulan madu gitu.” jawab Melur yakin. Tiga orang lelaki itu kelihatan terkejut.

“Apa kamu masih mahu bawa aku ketemu sama ibu kamu? Kenalin doang suami aku sama ibu kamu. Dia pasti suka bangat dapat calon menantu yang sudah menikah sama cowok lain. Mau?” sambung Melur lagi menyindir mereka. Mereka terdiam. Melur bangun dan menghulurkan duit kepada penjual bakso. Tanpa memandang tiga orang lelaki itu,Melur terus berlalu sambil menggenggam tangan Firdaus.

“Kenapa datang? Kenapa tak tunggu kat sana je?” soal Melur tanpa memikirkan perasaan marah Firdaus terhadap lelaki tadi. Firdaus berhenti berjalan.

“Kenapa? Suka layan jantan-jantan tu tadi?” soal Firdaus marah. Melur senyum. Dia tahu Firdaus sedang marah. Marah-marah cemburu.

“Suka. Ramai kot. Boleh gilir-gilir. Kan?” Jawapan selamba Melur telah mengerutkan wajah Firdaus. Ternyata suaminya terkejut.

“Amboi,jawapan. Selambanya? Nak sangat ke?” balas Firdaus mula menghangat. Melur senyum lagi. Dia mendekatkan wajahnya ke arah Firdaus.

“Boleh ke? Abang bagi?” soal Melur nakal. Firdaus mendengus.

“Ishkk awak ni macam mintak je. Dah tak sayang gigi ke apa?” balas Firdaus semakin marah. Melur ketawa dan terus berjalan.

“Yang abang tu pergi sana buat apa?” soal Melur kembali dengan soalannya tadi.

“Saya nak selamatkan awak dari gangguan mereka la. Tak kan nak tengok je?” Jawapan Firdaus buat tawa Melur tercetus. Melur berhenti sekali lagi lalu menjongketkan kakinya agar wajahnya lebih dekat ke wajah Firdaus.

“Cakap jelah jealous. Kan senang?” usik Melur nakal. Firdaus mendengus tawa sinis.

“Jealous? Saya jealous? Awak silap orang ni.” jawab Firdaus kembali menyindir Melur. Melur merenungnya. Otaknya mula menakal untuk mengenakan Firdaus sekali lagi.

“Betul tak jealous?” soal Melur menguji. Firdaus tersenyum senget sekali lagi.

“Kalau setakat mamat Indon tepi jalan macam tu,saya tak hairan la.” jawab Firdaus sombong. Melur berkerut sebelum senyum. Dia memandang ke kiri dan kanannya dan senyum lagi.

“Kalau yang macam tu?” soal Melur sambil menunjuk ke arah seorang lelaki tidak jauh dari mereka. Soalan yang terus diakhiri dengan tindakannya. Tanpa sempat Firdaus berkata apa-apa,Melur terus menuju ke arah lelaki itu dan berdiri di sebelahnya. Firdaus tercengang melihat aksi selamba Melur itu. Melur melihat pemandangan tepi laut yang cantik. Lelaki di sebelahnya pula melihat ke arahnya.

“Nice view right?” soal lelaki itu kepada Melur. Melur menoleh.

“Yeah,very nice. Wonderfull.” jawab Melur mesra,lalu Melur melentokkan sedikit tubuhnya ke belakang untuk menjenguk Firdaus. Melur tersenyum nakal sambil mengenyit matanya kepada Firdaus. Firdaus mendengus tidak puas hati.

“Where you from?” soal lelaki itu lagi. Saat itu,langkah kaki Firdaus telahpun diatur ke arah Melur dan lelaki itu. Sekali lagi Firdaus berdiri di belakang mereka. Melur menyedarinya namun dia buat tidak tahu sahaja.

“Malaysia. And you?” soal Melur semula.

“Puerto Rico.”

“Wow,parece que he encontrado un chico guapo de un Hermosa pais.” balas Melur dalam dialek yang hanya difahami oleh lelaki kacak itu. Ya,dia seorang lelaki yang kacak. Itulah yang Melur katakan. Dia telah bertemu seorang lelaki kacak dari negara yang ‘kacak’. Lelaki kacak berkulit sawo matang itu tersenyum lebar.

“Y tambien he encontrado una chica mas Hermosa que la vista aqui.” jawabnya lembut sambil memandang wajah Melur dengan pandangan matanya yang redup romantis itu. Ya,dia juga telah bertemu dengan gadis cantik yang lebih cantik dari pemandangan di situ dan kata-kata itu hanya Melur yang memahaminya. Walau tidak memahami sepatah pun,tetapi reaksi wajah mereka membuatkan Firdaus bagai cacing kepanasan.

“Despacito...” jawab Melur nakal. Mereka melepas tawa mesra bersama. Ketawa yang membuatkan dada Firdaus menghangat.

“I’m Roberto.” kata lelaki itu memperkenalkan dirinya. Melur senyum.

“I’m Adriana.” jawab Melur mesra.

“And I’m Iskandar.” Tiba-tiba Firdaus memperkenalkan dirinya tanpa dipinta. Dia berdiri di sebelah Melur sambil memeluk bahunya. Melur terdiam. Lelaki itu juga terkejut dan terpinga-pinga.

“Her husband. Excuse us.” sambung Firdaus lagi lalu menarik tangan Melur dari situ.

“Sorry. See you Roberto.” kata Melur sambil melambai kecil kepada lelaki tampan itu. Lelaki itu senyum dan turut melambai kepadanya. Firdaus menampar perlahan tangan Melur yang melambai lelaki itu. Selangkah dua berjalan,Melur menoleh kembali kepada lelaki itu. Firdaus menarik tangan Melur sambil menutup mata isterinya itu dan melangkah dengan lebih laju. Sepi. Mukanya

masam mencuka. Nafasnya naik turun menahan marah.

“Kenapa ni?” soal Melur lembut apabila melihat muka kesat Firdaus. Firdaus menoleh.

“Kalau tak gatal tak boleh ke?” soal Firdaus marah. Melur senyum.

“Tu bukan gatal. Tu test market.” jawab Melur selamba. Firdaus berhenti berjalan.

“Test market? Untuk apa?” soal Firdaus marah tetapi dengan riak wajah yang keliru.

“Untuk test suami. Tadi kata tak jealous kan?” jawab Melur nakal. Firdaus diam. Melur mendekatkan dirinya ke tubuh Firdaus sambil mendongak menatap wajah lelaki itu.

“Sekarang nak mengaku tak yang abang tu jealous?” Soalan Melur tidak dijawab oleh Firdaus. Sekali lagi otak Melur berlegar-legar berfikir untuk mengenakan Firdaus.

“Oh Roberto... Badanmu sado. Matamu menawan hitam kebiruan. Senyumanmu cukup mempersonakan. Oh...” kata Melur bersama gayanya sekali. Firdaus terkejut.

“Melur stop it.” kata Firdaus marah. Melur tidak mempedulikannya.

“Kalau aku dapat lelaki macam kau... Oh Roberto...” sambung Melur lagi dengan gaya yang melambangkan ketampanan lelaki Latin itu.

“Okey,saya jealous.” jawab Firdaus jelas. Melur berpaling padanya dan merenungnya. Diperhatikan wajah Firdaus yang jelas sedang cemburu. Melur senyum.

“Got you.” kata Melur sambil mencuit hidung mancung Firdaus. Firdaus mendengus dan menarik tangannya untuk berlalu dari situ.

“Jangan buat lagi. Tak baik.” kata Firdaus merujuk kepada perbuatan nakal Melur dengan lelaki itu tadi. Melur diam.

“Dengar tak?” soalnya lagi lebih kuat. Melur senyum sambil mengangguk. Sepi seketika.

“Sebenarnya saya tak jealous pun tapi saya tak suka awak buat macam tu. Itu je. Jadi jangan nak perasan sangat ya?” kata Firdaus cuba menafikan perasaan cemburunya. Melur senyum.

“Oh Rob...” Firdaus terus menutup mulut Melur.

“Gatal!”

Malamnya ketika mereka berbaring di atas katil,Melur menatap wajah Firdaus yang sedang ralit membaca majalah bisnes di tangannya. Bermula dari rambut,Melur memerhati setiap sudut wajah Firdaus hinggalah ke dagunya. Tampan. Begitulah Firdaus di matanya.

“Abang,boleh tak kalau kita tak balik esok?” soal Melur manja perlahan.

“Habis tu nak buat apa kat sini?” soal Firdaus tanpa menoleh memandang Melur di sisinya.

“Honeymoon la sampai tua.” balas Melur semula lebih manja. Kali ini Firdaus menoleh.

“Nak habiskan 5 hari pun saya dah rasa seksa,ni nak habiskan seumur hidup dengan awak kat sini? Mati pejam mata tak rapatlah saya.” jawab Firdaus konon serius.

“Jangan risau. Melur yang akan mati dulu sebelum abang. Yang tu Melur jamin.” Jawapan Melur buat tengkuk Firdaus menyejuk. Dia terkejut dari dalam.

“Sengal. Dahlah gatal,miang,tak betul pulak tu. Apalah malang nasib saya ni kahwin dengan awak.” jawab Firdaus lalu menggelengkan kepalanya dalam usaha untuk menutup cerita tentang kematian yang Melur sebutkan tadi. Dia tidak suka seseorang bercakap soal kematian di hadapannya. Itu sangat menakutkannya. Melur ketawa mendengar kata-kata Firdaus.

“Tengok tu,gelak pulak. Tak lucu pun. Memang sah awak ni sengal.” kata Firdaus marah.

“Sengal-sengal pun ada juga orang jealous.” jawab Melur nakal. Firdaus menutup majalahnya dan memandang tepat ke wajah Melur.

“Itulah jealous yang paling saya kesalkan seumur hidup saya. Tau?” Jawapan Firdaus buat Melur ketawa kelucuan. Firdaus biarkan. Melur bangun sedikit agar setara dengan Firdaus.

“Abang ni handsome. Mata abang,bentuk muka abang,bibir abang,semuanya comel. Paling mahal your jawline. It’s perfect.” kata Melur perlahan memuji ketampanan suaminya. Firdaus angkat kening tanda bertanya akan kebenarannya. Melur menjawabnya dengan anggukan.

“Sebab tu saya tak nak kahwin dengan awak. Sebab awak tu tak padan dengan saya.” Jawapan Firdaus buat Melur tersenyum. Dia meletakkan tangannya di dada Firdaus.

“Uu...despacito senor marido.” kata Melur dalam bahasa yang sekali lagi tidak Firdaus fahami. Melur menarik majalah dari tangan Firdaus dan diletakkan di meja sisi.

“So,malam ni nak Melur tak?” soal Melur berbisik di telinga Firdaus. Firdaus terkejut.

“What? Selambanya tanya macam tu? Tak tahu malu betul kan?” soal Firdaus dengan wajahnya yang berkerut tidak percaya. Melur senyum lagi.

“Ini kan malam terakhir kita honeymoon kat sini? So...”

“So,sorry. Tak minat.” pintas Firdaus sambil cuba mengelak dari wajah Melur yang semakin menghampiri wajahnya. Melur tidak mempedulikannya dan terus mengucup cuping telinga Firdaus sambil tangannya berlegar di dada Firdaus. Lelaki itu sudah meremang.

“Melur,don’t! Don’t do that.” kata Firdaus sambil menolak perlahan tangan Melur. Melur tidak mempedulikannya dan cuba untuk mengucup leher Firdaus. Lelaki itu sudah tidak tahan digoda seperti itu. Dia memegang kedua-dua tangan Melur.

“Melur,Stop it! If not,I’ll kill you. I swear I’ll kill you.” kata Firdaus goyah. Tidak Melur pedulikan dan terus cuba mengucup leher Firdaus.

“I’ll kill you Melur!” kata Firdaus lalu berpusing dan berbaring di atas Melur. Mereka saling berpandangan. Melur senyum dan memautkan kedua-dua tangannya pada leher Firdaus. Dia mengucup bibir Firdaus sekilas.

“Good night abang. Sorry for today. Assalamualaikum.” kata Melur menyudahkan. Ya,dia berjaya mengenakan Firdaus sekali lagi hari ini dan dia tersenyum puas.

-cnc-

Bab 20

Kereta yang dipandu Firdaus keluar dari bangunan setinggi 12 tingkat itu dan menuju ke pinggiran bandaraya Kuala Lumpur. Destinasi mereka adalah ke rumah keluarga Firdaus bagi menghantar barangan yang dikirim oleh mereka semua. Keadaan menyepi di antara mereka berdua. Kekok tapi Melur membiarkan. Kereta terus dipandu bersama kesunyian. Melur bosan. Dia tidak suka suasana seperti itu. Tidak lama Melur mula bersuara.

“Abang,kita singgah kat pasar raya depan tu dulu ya? Melur nak beli buah sikit. Takkan nak pergi tangan kosong je rumah abi kan?” Firdaus menoleh seketika.

“Tangan kosong apa? Tu kat belakang tu tak nampak? Penuh satu beg besar tu.” jawab Firdaus sedikit kuat. Melur mendengus perlahan.

“Itu memang yang dah dikirim. Tapi yang ni adat bertandang rumah orang. Kenalah bawa buah tangan. Tak kan cikgu sekolah tak ajar dulu kot?” balas Melur bersahaja.

“Amboi,selambanya sound suami macam tu? Nasib baik volume tu rendah. Kalau tak...”

“Abang nak buat apa? Pukul kat sini ya?” soal Melur sambil menepuk-nepuk perlahan bibirnya sendiri. Firdaus berkerut.

“Yang kat belakang tu memanglah yang dikirim tapi ongkosnya semuanya dari poket saya ni hah. Dan ianya sah-sah free of charge. Tengoklah nanti kalau tak percaya.” jawab Firdaus menukar topik. Malas melayan Melur yang mula menakal itu.

“Ishk,abang ni itupun nak berkira. Kedekut.”

“Ni bukan kedekut tapi bila dah habis beribu untuk semua tu,berasap jugalah dompet saya ni hah. Barang entah apa-apa pulak tu. Membazir.” balas Firdaus semula. Melur ketawa kelucuan. Teringat koleksi cenderahati,barangan

tembikar, barang kemas,songket asli Bali dan kebaya tradisional yang mereka beli di Bali dulu. Ya,mungkin betul kata Firdaus.

Tiba di pasar raya yang dimaksudkan,Melur menoleh memandang Firdaus yang membatu di kerusinya. Enjin kereta juga tidak dimatikan.

“Jomlah turun sekali.”

“Tak naklah. Setakat nak beli buah,pergi sorang pun boleh kan?” kata Firdaus malas. Melur senyum dan turun dari kereta. Firdaus hanya memerhati. Gaya Melur berjalan sangat menawan. Dengan pakaian yang sederhana saja,itu sudah cukup untuk memukau pandangan.

Tiba-tiba seorang lelaki terlanggar isterinya. Membulat mata Firdaus. Rasa malas tadi terbang serta merta. Firdaus mula menghangat melihat isterinya disapa lelaki lain. Mahu tidak mahu,dia juga turut turun dari keretanya dan membontoti langkah Melur. Memantau Melur dari jauh. Jika ada lelaki lain yang menegurnya, tahulah dia apa yang harus dilakukannya.
Melur terus menuju ke rak yang berisi buah-buahan. Dipilih satu persatu dengan teliti. Kamudian dia ke rak yang tersusun dengan buah-buahan kering dan coklat. Diambilnya sepaket dua. Pasti itu untuk Damia. Akhir sekali Melur menuju ke rak yang menempatkan tuala wanita dan dia mengambil pek besar berkembar. Dia langsung ke kaunter bayaran.
Namun Melur perasan ada seorang lelaki di belakangnya tertawa kecil sambil berbisik kepada wanita di sisinya. Melur menoleh namun mata lelaki itu tertumpu kepada tuala wanita miliknya yang berada di atas kaunter bersama senyuman yang menjengkelkan.

“Apa senyum-senyum? Tak pernah tengok pad ya? Tak pernah period?” tegur Melur selamba kepada pasangan suami isteri itu tetapi pandangan matanya tertumpu kepada si suami. Mereka terdiam. Lelaki yang menjaga kaunter menahan senyum. Beberapa orang gadis yang beratur di belakang pasangan itu juga menutup mulut menahan tawa.

“Tahu tak,pad ni kalau cicah kopi O panas,sedap ni. Kalau sapu jem atau peanut butter pun sedap. Try la.” sambung Melur lagi. Tona suaranya jelas dan terang dengan wajah yang serius. Pasangan itu terus diam. Malu. Firdaus yang berada tidak jauh dari situ,ternganga melihat keselambaan Melur itu.

“Yang ni saya nak buat toast pad. Letak chicken ham,cheese and salad. Kapit

jadi sandwich. Dan yang ni pulak saya nak celup dalam batter dan goreng. Jadi tempura pad. Tahu? Kalau nak try,datang rumah.” sambung Melur lagi sambil memandang tepat ke wajah lelaki itu. Isterinya berpaling ke arah lain. Gadis-gadis di belakang mereka sudah melepas tawa. Selepas membayar semuanya,Melur mengadap ke arah pasangan itu.

“Kalau rajin lagi,buat puding. Tapi roti tu ganti dengan pad ni. Perghh,sedddap sangat tau. Kalau tak tahu resepi,google. Jangan lupa try ya? Good luck.” Melur menyudahkannya lalu terus berlalu keluar. Lelaki juruwang itu sudah melepas tawa kecil.

“Abanglah ni. Menyibuk hal dia buat apa? Kan dah kena?” kata si isteri kepada suami. Si suami hanya diam tanpa suara. Firdaus terus keluar menuju ke kereta mendapatkan Melur.

“Seronok sound dia orang tu tadi?” soal Firdaus menyindir namun dia sendiri berasa lucu.

“Abang tengok ya?” soal Melur kembali. Firdaus hanya mengangguk.

“Dah sengal. Soundlah terus. Macam tak pernah tengok perempuan beli pad pulak. Habis bini dia tu tak pernah period ke?” marah Melur sedikit kuat.

“Ada hati nak malukan Melur dengan ketawa sinis dia tu. Kan dah kena?” sambung Melur lagi. Firdaus diam tetapi menahan senyumnya. Memang kejadian itu cukup lucu baginya.

“Awak period ke?” soal Firdaus perlahan.

“Ni sorang lagi minta kena sound ni. ‘Awak’ mana pulak ni?” soal Melur sedikit marah.

“Okey okey,Melur period ke?” soal Firdaus membetulkan panggilannya semula.

“Belum lagi.” jawab Melur perlahan.

“Dahtu,kenapa beli?” soal Firdaus semula.

“Sebagai preparation. Simpanan. Stok.” Firdaus diam mendengar jawapan Melur.

“Kenapa abang tanya? Abang period ke? Nak pinjam pad Melur ya?” soal Melur selamba. Firdaus diam. Takut untuk bersuara. Takut terkena seperti lelaki itu tadi.

“Ke abang nak ‘test power’?” Soalan Melur buat Firdaus pantas menoleh ke arahnya. Berkerut wajah Firdaus melihat keselambaan Melur itu. Namun dia tidak menjawab soalan itu lalu meneruskan perjalanan mereka. Tiba di sebuah stesen minyak, Firdaus memberhentikan kereta di tempat letak kereta.

“Buat apa kat sini? Nak isi minyak ke?” soal Melur kehairanan.

“Taklah,nak makan sate. Nak?” jawab Firdaus menyindir. Melur senyum.

“Boleh jugak. Bagi kambing 5,perut 5,ayam 5. Extra sambal ya?” Melur membalasnya dengan selamba. Firdaus menjeling sahaja dan terus berlalu. Tidak lama Firdaus datang semula bersama dua cawan air panas di tangannya dan dihulurkan kepada Melur.

“Terima kasih. Air apa ni?” soal Melur.

“Hot coffee.” Melur terdiam mendengar jawapan Firdaus. Mahu tidak mahu dia meneguk jua air panas itu. Namun hanya seteguk dua yang diminumnya.

“Habiskan. Nanti tumpah,habis satu kereta ni bau kopi nanti.” arah Firdaus tegas.Sekali lagi Melur diam dan memaksa dirinya menghabiskan minuman itu. Kemudian dia mengemam sebiji gula-gula pudina dan tidak lagi bercakap.

Mereka tiba di banglo besar keluarga Firdaus setengah jam kemudian. Kehadiran mereka disambut riang oleh Rania dan Damia. Firdaus mengeluarkan beg besar yang baru dibeli di Bali semata-mata untuk mengisi barangan pesanan dari keluarganya. Tidak lama Haji Nasarudin dan Hajah Rohana keluar menyambut mereka berdua.

“Dah balik pengantin baru kita rupanya? Amacam honeymoon? Best?” soal Hajah Rohana bersama sedikit senyuman. Melur terus memaut lengan Firdaus.

“Mestilah best. Namapun honeymoon. Kan abang?” soal Melur mesra. Firdaus hanya mengangguk-angguk sambil tersenyum paksa.

“Anyway Bali kirim salam. Ni semua Bali yang kirim. Enjoy it.” kata Firdaus

seakan menyindir orang-orang yang mengirim barangan yang begitu banyak darinya. Rania menjeling dalam senyuman kerana dialah yang paling banyak mengirim barang.

“Macam marah je? Fir kan seronok kalau bab-bab shopping ni?” soal Hajah Rohana pula.

“Tak marahlah. Yang marah budak ni hah. Kan sayang?” Melur terkejut mendengar jawapan Firdaus. Dia tersenyum kambing. Semua mata tertumpu padanya.

“Sebab dia tak suka shopping.” sambung Firdaus lagi.

“What? Kak Melur tak suka shopping? Apalah gunanya menjadi seorang wanita kalau tak suka shopping. Apatah lagi dapat laki kaya. Rugi...rugi...” sambut Rania bersungguh.

“Tengok Nia ni. Nia tak dapat shopping sendiri,orang lain yang shoppingkan untuk Nia. Kan best gitu? Shopping ni best tau. Terapi minda.” sambung Rania lagi. Melur diam sahaja.

“Ha’aa,terapi minda plus terapi dompet. Jadi terapi pokai.” jawab Firdaus bagi pihak Melur. Melur menoleh memandang suaminya bersama mata yang membulat. Tidak sangka Firdaus sudah pandai membalas kata-kata ahli keluarganya. Rania hanya menjeling tajam tetapi bibirnya tersenyum kerana barang-barang yang dipesan, semuanya terhidang depan mata. Keadaan menyepi semula. Walaupun setiap orang kelihatan gembira menerima cenderahati masing-masing,namun tiada sesiapa yang menyuarakannya.

“Err,Melur laparlah. Apa kata malam ni Melur yang masak makan malam?” tiba-tiba Melur bersuara memecah kesunyian. Semua mata melihatnya. Dia jadi serba salah.

“Err...Melur pergi masak sekarang.” kata Melur perlahan dan ragu,lalu terus bangun menuju ke dapur. Anehnya tiada sesiapa yang datang menolongnya. Firdaus juga tidak menjenguk. Melur merasa aneh dengan sikap setiap ahli keluarga Firdaus. Namun,dia harus membiasakan diri kerana inilah keluarga barunya.

Ketika makan malam,sekali lagi keadaan menyepi seperti tadi. Tiada sesiapa

yang berbicara membuka cerita. Semuanya ralit dengan makanan masing-masing. Tiada juga yang berkata apa-apa atau memuji masakannya. Firdaus di sisinya juga membisu namun kelihatan begitu berselera menjamah daging salai masak lemak cili api itu. Abinya pula mengirup sup singgang daging di mangkuknya. Rania juga berselera meratah kepak ayam madu. Begitu juga dengan Damia. Firman Iskandar suami isteri juga membisu seribu bahasa. Ralit meratah kerabu santan babat dan ayam goreng pedas di pinggan mereka. Sepi,namun Melur tidak berani memecahkan kesunyian itu. Dia menyuap nasi ke mulutnya namun terasa tawar. Ianya terasa memualkan. Tiba-tiba satu terjahan merempuh perutnya dan menghasilkan bunyi yang cukup untuk membuat semua orang memandangnya. Melur menutup mulutnya. Namun sekali lagi rasa loya itu datang dan Melur tunduk menahan rasa.

“Sayang,kenapa ni? Are you okay?” soal Firdaus seperti risau. Melur menggeleng.

“Kenapa Melur? Loya? Nak muntah ke?” soal uminya risau. Melur mengangguk namun dia terus bingkas bangun menuju ke bilik air. Dia muntah. Kedengaran Firdaus memanggil namanya dan sekejapan dia sudahpun mengelus belakang Melur.

“Kenapa Melur muntah ni? Sakit ke?” soal Firdaus serius. Melur menggeleng dan berkumur. Mereka keluar dari bilik air dan menuju ke meja makan semula. Apabila terlihatkan lauk-pauk di atas meja,rasa loya itu datang lagi dan Melur terus menuju ke bilik air semula. Sekali lagi dia muntah. Firdaus kelihatan risau namun wajahnya terpamer keanehan. Melur berlalu ke ruang tamu. Firdaus memberinya susu panas. Tidak lama kemudian,semua warga rumah besar itu berkumpul di situ. Semua mata tertumpu kepadanya. Sepi seketika.

“Melur muntah-muntah ni...Melur mengandung ke?” Mencerlang mata Melur mendengar soalan ibu mertuanya. Firdaus juga begitu. Kemudian mereka saling berpandangan.

“Mengandung? Anak siapa?” Soalan ‘maut’ Firdaus buat Melur terkejut.

“Anak siapa apa? Anak Fir la. Takkan anak Abang Man ni pulak?” balas uminya sedikit marah. Firdaus baru tersedar akan kebodohan soalannya tadi.

“Err,maksud Fir,kami ni baru lagi kahwin. Baru je balik honeymoon. Agak-agaklah kalau Melur nak mengandung pun.” jawab Firdaus perlahan.

“Tu muntah-muntah tu?” soal Hajah Rohana masih tidak puas hati.

“Muntah je,mengandung? Macam tu? Habis kalau Fir yang muntah-muntah, kira Fir mengandung juga ke?” soal balas Firdaus mencetus tawa abang dan kakak iparnya. Namun mereka berhenti ketawa apabila umi dan abi mereka tidak ketawa.

“Umi nak Melur mengandung ke? Nanti kami proses ya? Kan abang?” Soalan Melur buat Firdaus terdiam. Begitu juga dengan semua orang. Sepi. Tapi kesepian itu dipecahkan oleh Rania yang melepas tawa besarnya. Lucu dengan jawapan selamba Melur. Firman dan Malia menutup mulut mereka menahan tawa. Firdaus hanya memerhati. Melur tersenyum sumbing melihat kejanggalan antara mereka semua. Persoalan itu dibiar begitu sahaja.

“Tadi kenapa muntah?” soal Firdaus dalam perjalanan pulang ke rumah mereka.

“Loya la. Apa lagi.” jawab Melur perlahan.

“Loya? Kenapa?”

“Melur tak boleh minum kopi. Angin. Gastric.” Jawapan Melur buat Firdaus terdiam. Firdaus merasa bersalah dari dalam. Kerana paksaannya,Melur yang menerima akibatnya.

“Sorry. Abang tak tahu.” Melur senyum tapi terus diam kerana rasa mual itu masih ada.

MRWbyCNC
25 Jan 2022

Enjoy reading ✌
Sudi2kan vote tanda support ya dearies semua. Tq

Bab 21

Melur baru sahaja keluar dari bilik persalinannya setelah menukar bajunya. Matanya terus sahaja terpaku pada sekujur tubuh tegap tinggi lampai yang sedang berdiri di hadapan cermin besar. Melur melihat jam di dinding. Pukul 8 malam. Dia kembali melihat suaminya yang sedang mengenakan minyak wangi di tubuhnya. Melur menghampiri. Ditatapnya lelaki itu dari rambut hinggalah ke kaki. Siap sempurna. Dengan baju kemeja putih berkolar pipih dan seluar denim biru, penampilan segak lelaki itu disudahkan dengan sehelai jaket hitam di luarnya. Cukup tampan. Rambutnya tersisir rapi. Jam tangan Rado warna hitam sebagai perhiasan yang sempurna untuk penampilannya malam ini dan cincin perkahwinan mereka yang terlilit kemas di jari manisnya. Ya,ia masih di situ. Namun,Melur keliru.

“Abang pakai lawa-lawa wangi-wangi ni nak ke mana?” soal Melur kehairanan.

“Apa hal awak sibuk?” soal Firdaus sambil menoleh sekilas padanya.

“Sibuk? Mana ada? Melur free je. Yang sibuk tu abang. Nak ke mana?” jawab Melur selamba dan disusuli soalannya. Firdaus mendengus.

“Keluar.” Jawapan Firdaus menambahkan kehairanan Melur.

“Dengan siapa?” soal Melur lagi. Firdaus berdecit dan menoleh.

“Yang awak sibuk ni kenapa?” soal Firdaus sedikit marah.

“Kan dah cakap Melur tak sibuk sekarang ni. Melur lapang je. Nak pergi mana?” Melur tidak mempedulikan marah Firdaus itu dan mengulang soalannya lagi. Sepi seketika.

“Date. Kenapa?” jawab Firdaus sedikit perlahan.

“Date? Wow! Romantiknya abang ni. Tapi kenapa tak bagitahu Melur awal-awal?” jawab Melur teruja walaupun dia terkejut mendengar jawapan Firdaus itu. Firdaus berkerut.

“Bagitahu awal-awal? Untuk apa?” soal Firdaus keanehan. Melur senyum.

“Boleh Melur bersiap awal-awal. Jadi tak payahlah abang tunggu Melur.” jawab Melur teruja. Firdaus terdiam tidak mengerti.

“Melur pergi siap sekarang ya?” sambung Melur lagi lalu terus ke ruangan persalinan untuk menukar pakaiannya. Sekejapan dia keluar dengan maxi labuhnya dan siap bertudung.

“Awak bersiap nak ke mana?” soal Firdaus terkejut dan hairan.

“Datelah.” jawab Melur sambil mengenakan bedak kompak dan pengilat bibir.

“Dengan siapa?” soal Firdaus lagi. Melur menoleh memandangnya.

“Dengan abanglah. Kata nak date tadi kan?” Terkejut Firdaus dengan jawapan Melur itu.

“Bila masa pula saya nak date dengan awak?” soal Firdaus sedikit marah.

“Habis tu dengan siapa? A? B? Ke C? Atau...D?” soal Melur menyindir.

“Tahu takpa.” jawab Firdaus sombong. Melur senyum.

“Takpalah. Kalau abang nak date, abang datelah. Melur tak kesah.” Firdaus menoleh.

“Betul ni?” soalnya meminta kepastian dalam keraguan. Melur mengangguk.

“Dengan syarat Melur ikut sekali.” Jawapan Melur mematikan senyuman Firdaus.

“Apa hal pulak awak nak ikut sekali? Ni date saya,bukannya date awak.” jawab Firdaus lebih marah kerana merasakan Melur telah mempermainkannya.

“Dah lupa syarat yang ke 7 ke? Bila abang balik,abang tak boleh keluar balik. Lupa ya?”

“Masalahnya saya tak keluar pun lagi. Saya duduk rumah je hari ni.” jawab Firdaus beralasan. Melur senyum lagi.

“Tak kesahlah keluar ke tak sebab dalam syarat tu dah cakap abang tak boleh keluar malam kecuali dengan Melur atau ada event nak kena handle atau ada kecemasan tertentu. Lupa ke?” balas Melur sambil duduk di atas katil.

“Peduli apa saya. Saya nak keluar juga.” Firdaus berkeras.

“Betul ni? Sanggup?” soal Melur meminta kepastian. Firdaus kehairanan sekali lagi.

“Maksud awak?”

“Melur.” kata Melur membetulkan nama panggilannya untuk Firdaus.

“Okey,maksud Melur?” soal Firdaus dengan muka bosannya. Melur mula menakal.

“Mm...ada nampak handphone Melur tak? Nak call abi la. Tiba-tiba je rasa rindu kat dia.” jawabnya sambil bangun mencari telefon bimbitnya. Firdaus terkejut.

“Melur don’t.” larang Firdaus sambil melangkah ke arah Melur. Melur tidak peduli.

“Haa,tak pun Melur ‘date’ dengan abi je.” sambut Melur sambil berlalu ke meja sisi katilnya.

“Melur. Don’t try to do that.” kata Firdaus cuak. Juga tidak Melur pedulikan.

“Abi,mana abi ni... Haa...ni dia. Dah jumpa.” kata Melur teruja sambil menunjukkan telefon bimbitnya kepada Firdaus dan terus mencari nama Haji Nasarudin di senarai kontak telefonnya. Bertambah cuak Firdaus dibuatnya. Dia terus meluru mendapatkan Melur.

“Melur stop it. Don’t!” kata Firdaus sambil cuba merampas telefon itu dari tangan Melur.

“Hello?” tiba-tiba satu suara sayup-sayup menyapa dari hujung talian. Mereka terkejut.

“Upss!” kata Melur perlahan sambil menutup mulutnya. Firdaus sudah ternganga.

“Assalamualaikum abi. Abi sihat?” sapa Melur bersopan sambil menekan menu pembesar suara pada telefonnya. Biar Firdaus juga dapat mendengar perbualan mereka.

“Waalaikumsalam. Alhamdulillah sihat. Melur sihat? Fir?” soal lelaki itu semula.

“Alhamdulillah kami sihat. Abi dah tidur ke?” soal Melur semula sambil duduk di atas katil.

“Belum. Tengah baca buku. Fir ada ke tu?” Terkejut Firdaus mendengarnya.

“Ada ni. Abi nak cakap dengan dia?” soal Melur sambil memandang Firdaus. Tanpa pilihan, Firdaus terus duduk di sisi Melur.

“Hello abi. Ni Fir. Ada apa abi?” soal Firdaus bersopan.

“Jangan keluar malam. Tak elok tinggalkan isteri sorang-sorang kat rumah malam-malam. Jadi apa-apa kat dia,susah nanti.” Pesanan Haji Nasarudin mengejutkan Firdaus. Bagaimana soalan abinya itu bertepatan dengan apa yang sedang berlaku sekarang ini? Itu cukup untuk meremangkan roma Firdaus. Melur juga terkejut mendengarnya namun senyuman terukir di bibirnya. Senyuman itu menyakitkan hati Firdaus. Dia terasa seperti disindir.

“Dengar tak ni?” soal lelaki itu sedikit kuat kerana Firdaus hanya menyepi tanpa jawapan.

“Ya abi.” jawab Firdaus perlahan.

“Kalau nak keluar,bawa dia sekali. Faham?” Sekali lagi jawapan abinya yang sedikit tegas itu membuatkan Firdaus ternganga tidak percaya. Ianya seperti abinya turut berada di dalam bilik yang sama ketika ini. Bagai mendengar semuanya yang telah dia dan Melur bincangkan.

“Ya,abi.” jawab Firdaus senada sebelumnya.

“M’m. Abi ada kerja ni. Kirim salam pada Melur. Jaga dia baik-baik.” kata lelaki itu lagi dengan nada yang sama.

“Ya abi.” Itu sahaja yang mampu Firdaus katakan. Tiada yang lain selain

mengiyakan sahaja. Setelah talian dimatikan,Firdaus merenung Melur yang sedang tersengih di sisinya.

“Puas hati awak?” soal Firdaus marah. Melur menggoyang-goyangkan jari telunjuknya.

“Melur.” katanya membetulkan panggilan namanya. Firdaus berdecit marah dan bangun.

“Ishkk,tak fasal-fasal saya kena tegur dengan abi tadi.” kata Firdaus merungut marah.

“Sorry,Melur acah je tadi. Tak sangka betul-betul call.” kata Melur perlahan kerana dia tahu dia bersalah. Dia memang tidak sengaja melakukannya.

“Banyaklah awak punya acah. Awak ni memang jenis suka mengadu kan?” marah Firdaus lagi sambil mengadap Melur. Melur berkerut.

“Ek eeh..mana ada. Melur ni budak baik tau? Amanah dengan janji-janji Melur. Bukan macam abang tu. Pantang ada peluang sikit,terus nak keluar. Date la konon? Ada hati tu nak keluar dengan girlfriend. Padahal baru je balik dari honeymoon. Kenapa? Abang nak hiburkan dia dengan kisah romantic kita di Bali ke?” soal Melur menyindir di hujungnya.

“Orang tua nakal. Nak date malam-malam pulak tu. Tak boleh tunggu siang ke? Nak ke mana malam-malam macam ni? Nak gi disco?” sambung Melur lagi sedikit terang tonanya.

“Saya...”

“Abang.” pintas Melur sekali lagi membetulkan nama panggilan Firdaus. Firdaus mendengus.

“Abang tak pernah jejak kaki kat disco seumur hidup abang tau? Lahir kat KL tak semestinya perangai pun macam ‘KL’. Even KL pun ada baiknya juga. Jadi,jangan nak tuduh-tuduh pulak. Abang tahu halal haram.” balas Firdaus marah. Melur bangun menyua wajahnya.

“Habis tu ‘berdisco’ dengan girlfriend halal ke?” soal Melur sambil memautkan dua batang jarinya untuk perkataan ‘berdisco’ itu.

“Melur ingat abang ni lelaki jenis apa? Main ‘disco’ je dengan anak dara orang? Walaupun abang ni orang KL,tapi abang tahu batas-batas pergaulan la.” balas Firdaus pula.

“Kalau abang tahu,abang tak akan kaluar date dengan dia malam-malam macam ni tau? Malam-malam macam ni boleh undang perkara tak elok. Tahu tak?” balas Melur tidak mahu mengalah. Firdaus berdecit lalu mendengus.

“Ada je nak bahas. Bahas balik baru tahu.”

“Try bahas tengok?” kata Melur sambil menyua wajahnya hampir ke wajah Firdaus. Firdaus menatap mata Melur. Perasaan marahnya surut perlahan-lahan.

“Malaslah layan budak sengal selamba macam ni. Buat sakit hati je. Baik diam.” kata Firdaus sambil melabuhkan duduknya di atas sofa di hujung katil. Dia tahu dia tidak akan menang dan dia sudahpun kalah saat menatap mata isterinya itu.

“Takut kalah la tu...” Sindiran Melur tidak dipedulikannya. Sepi.

“Okey sorry fasal terrrrcall abi tadi. Betul Melur tak sengaja. Tertekan screen tu tadi.” kata Melur kesal sambil berlutut di hadapan Firdaus. Firdaus diam.

“Kesimpulannya,Melur jaga janji Melur,abang jaga janji abang. InsyaAllah hidup kita akan aman. Melur janji.” kata Melur menyimpulkan. Ya,sekali lagi Melur menewaskan Firdaus tanpa disedarinya. Firdaus tetap diam. Terasa hati. Melur merenungnya.

“Jom kita date?” kata Melur sambil menarik tangan Firdaus. Firdaus diam. Melur senyum.

“Jomlah.”

Melur membawa Firdaus ke tingkat paling atas bangunan itu. Firdaus sendiri tidak pernah menjejakkan kakinya ke ruangan ini pada waktu malam,sejak membeli rumah ini 5 tahun yang lalu. Dia terlalu sibuk untuk itu. Sibuk dengan kerja-kerjanya dan lebih sibuk dengan Dee. Siangnya untuk kerja dan sebahagiannya untuk Dee,dan malamnya pula kebanyakannya juga untuk Dee. Firdaus terlalu sibuk untuk melawat pada malam hari ke sini. Baliknya sudah lewat malam dan terus tidur.

“Cantik kan view dari sini?” soal Melur sambil memaut lengan Firdaus. Firdaus terus mengangguk tanpa memandang Melur. Matanya ralit menikmati pemandangan indah dari puncak tertinggi bangunan ini. Betapa indahnya Kuala Lumpur yang disinari lampu-lampu neon pelbagai warna yang berkelip umpama bintang. Kaki langit di hujung bukit itu bersinar suram menghiasi gelap malam. Langit juga cerah dan suara-suara kenderaan sayup-sayup kedengaran di telinganya. Angin bertiup perlahan menyentuh pipinya. Dingin dan segar. Suara dari air kolam renang di belakangnya juga mendamaikan cupingnya. Melur menghirup udara sambil memejamkan matanya. Seketika begitu,Melur memandang Firdaus dan menatap lelaki itu yang sedang ralit melihat keindahan suasana.

“Macam mana? Best kan date kat sini?” soal Melur lembut. Firdaus menoleh dan senyum.

“Ini barulah date namanya. Di tempat yang sunyi dan bersama isteri sendiri. Tau?” sambung Melur lagi. Firdaus memandangnya. Dia terasa disindir. Lebih-lebih lagi dia tidak pernah ‘date’ di tempat sebegini dengan Dee. Melur senyum dan meleraikan pautan tangannya di lengan Firdaus. Dia mula memanjat pagar penghadang di hadapannya. Firdaus terkejut.

“Melur,what are you doing?” soal Firdaus panik. Tangannya cuba menggapai Melur.

“I just want to ‘fly’. Like Rose Dawson in Titanic.” jawab Melur lembut sambil terus memanjat lebih tinggi.

“Melur,jangan. Bahaya. Jatuh nanti.” kata Firdaus sedikit kuat.

“Jatuh,abang sambutlah.” jawab Melur sambil mendepangkan tangannya seperti dalam filem Titanic. Sambil membayangkan dirinya di atas kapal.

“Melur I said don’t!” kata Firdaus kuat sambil merangkul tubuh Melur dan menariknya ke bawah. Firdaus memeluk Melur tanpa disedarinya. Nafasnya naik turun kerana ketakutan.

“Awak dah gila ke?” soal Firdaus marah. Melur senyum sambil memaut leher Firdaus.

“Abang marah? Ke takut Melur jatuh?” soal Melur masih menakal.

“Tak lucu la! Langsung tak lucu!” jawab Firdaus serius lalu melepaskan Melur.

“Melur cuma...”

“Kalau nak mati,awak mati sorang-sorang. Jangan libatkan saya. Reti?” pintas Firdaus lebih marah. Baginya itu bukan perkara yang boleh dibuat main. Malangnya Melur ketawa.

“Gelak pulak dia. Bagi sebiji baru tahu.” marah Firdaus dengan wajah yang bengis. Dia benar-benar cuak dengan apa yang baru saja berlaku. Melur menyurutkan tawa.

“Dah,jom turun. Bahaya biar budak sewel macam awak ni lama-lama kat sini. Tak date pun takpelah kalau macam ni.” kata Firdaus sambil menarik tangan Melur. Melur menahannya.

“Abang takut Melur jatuh ya?” soal Melur lembut. Firdaus diam.

“Ya abang?” soal Melur lagi sambil menatap mata Firdaus. Hangat nafasnya berhembus lembut di bibir Firdaus.

“Mm’” jawab Firdaus perlahan. Jawapan itu membuatkan hati Melur berbunga riang. Dia tersenyum lebar mendengarnya. Firdaus menampar lembut pipinya.

“Jangan buat lagi. Faham?” kata Firdaus dengan kemarahan yang masih bersisa. Melur mengerutkan wajahnya sambil mengangguk. Ya,Melur sudah cukup gembira.

MRWbyCNC
25 Jan 2022

Happy reading dearies ✌

Bab 22

Malam ini,Firdaus mendapat panggilan dari Dee. Awal perbualan mereka seakan baik sahaja meskipun Dee marah kerana Firdaus membawa Melur pergi berbulan madu. Bagi Dee, itu tidak seharusnya berlaku memandangkan perkahwinan mereka bukanlah atas persetujuan Firdaus. Malah Firdaus sendiri tidak pernah kenal apatah lagi menyukai isterinya. Jadi,istilah berbulan madu itu tidak seharusnya wujud di antara Firdaus dan Melur. Firdaus hanya diam mendengar leteran Dee. Sesekali dia menjawab soalan Dee berkaitan bulan madu itu dengan jujur. Itu menambahkan lagi kemarahan Dee. Bertambah sakit hatinya,tetapi pujukan lembut romantis Firdaus berjaya meredakan amarah Dee dan mereka bercakap soal kerinduan mereka terhadap satu sama lain. Namun sekali lagi perbualan mereka mula berubah arah apabila Dee bertanya Firdaus tentang kehidupan Firdaus bersama Melur selama hampir dua minggu mereka berkahwin. Dee menjadi bertambah marah apabila Firdaus menerangkan soal syarat-syarat yang dikenakan Melur pada malam itu.

“Apa? Cuba you ulang balik apa yang you bagitahu tadi? I tak berapa dengarlah.” marah Dee di hujung talian.

“Dee...”

“I cakap ulang balik.” pintas Dee lebih kuat. Firdaus mendengus tapi matanya tertancap pada sekujur tubuh Melur yang sedang mengeringkan rambutnya di hujung katil.

“I tak boleh keluar balik bila I dah balik rumah. That’s the deal.” jawab Firdaus perlahan bersama hujung mata yang masih di tubuh Melur. Sekejapan Melur masuk ke bilik persalinan dan itu mematikan ralit Firdaus.

“Apa? Tadi you cakap you kena balik sebelum Maghrib dan sekarang you cakap you tak boleh keluar balik? Wow! Hebatnya deal you dengan dia Fir?” marah Dee lagi.

“Dee tolonglah faham.” Firdaus cuba memujuk.

“Macam mana I nak faham kalau deal gila macam tu? Sekarang ni deal tu berat sebelah you tahu tak? Dia yang untung dapat bersama you je.” marah Dee lebih lantang. Firdaus dapat rasakan bahang kemarahan Dee hingga ke cuping telinganya. Saat itu Melur telah keluar dari bilik persalinan dengan berpakaian lengkap. Dengan baju tidur labuh warna putih mutiara, cukup untuk menyerlahkan warna asli kulitnya. Dia menuju ke meja solek.

“Dee please...”

“No! I hate you!” Senyap. Dee telah mematikan talian. Firdaus mendengus keras. Menggaru-garu kepalanya. Otaknya terasa serabut serta merta. Dia memang jarang sekali bertengkar dengan Dee. Namun,setelah sekian lama mereka bertengkar lagi. Firdaus memandang Melur yang sedang mengenakan krim pelembap wajah di mukanya. Dia mencari alasan untuk melepaskan kemarahannya terhadap Melur. Saat ini Melur kelihatan kecil sahaja di matanya.

“Tengok,tak fasal-fasal saya gaduh dengan Dee. Awak la ni.” Firdaus memulakan dengan nada yang jelas dan terang. Melur menoleh sedikit.

“Saya? Saya mana ni? Dan awak tu siapa pulak?” soal Melur dengan nada menyindir.

“Rimaslah nak berabang-abang ni semua. Menyusahkan.” balas Firdaus setelah mendengus keras sebelumnya. Melur berpaling mengadap Firdaus.

“Hello? Beza umur kita ni 7 tahun tau? Kalau tak kerana abang ni suami Melur sekalipun, abang memang patut bahasakan diri abang tu sebagai abang dan abang memang layak dipanggil abang. Sebab abang tu dah tua. Tau?” jawab Melur selamba tetapi bersungguh. Kali ini hujung jarinya berlegar-legar di sekitar matanya setelah menyapu serum untuk mata.

“Ahh! Tak kesahlah apapun. Ni semua salah awak. Letak syarat bukan-bukan,sampai saya gaduh dengan Dee.” balas Firdaus masih marah. Melur mendengus perlahan.

“Hah sudah,dia dah mula balik dah...” keluh Melur perlahan dengan riak wajah bosan.

“Apa hal ni abang? Masa kat Bali hari tu okey je Melur tengok? Dua tiga hari ni pun okey je. Malam tadi masa date dengan Melur kat bumbung tu pun okey juga.

Sekarang dah meroyan balik?” soal Melur sambil menuang losyen pati minyak argan di tapak tangannya.

“Jangan nak tukar topik ya?” marah Firdaus. Melur mendengus perlahan sekali lagi. Diolesnya losyen itu di kedua-dua tangannya termasuk celah-celah jarinya.

“Melur tak paksa pun abang setuju dengan syarat-syarat tu.” jawabnya selamba.

“Senanglah awak cakap,bukan awak yang rasa.” balas Firdaus masih dengan nada yang sama.

“Apa yang abang rasa?” soal Melur semula lalu mengenakan salap bibir pula.

“Tensionlah. Hidup saya dah tak macam dulu. Nak keluar dengan girlfriend sendiri pun dah tak boleh. Boleh gila saya jadi suami awak tau tak?” marah Firdaus lagi. Melur semburkan minyak wangi ke lehernya dan bangun dari kerusinya lalu duduk di hujung katil mengadap ke arah Firdaus. Ditenungnya wajah Firdaus.

“Macam ni aaabang.” kata Melur sambil menunjuk ke arah Firdaus.

“Biar Meeelur.” katanya lagi sambil menepuk dadanya sendiri.

“Melur bagi pencerahan sikit tentang kes kita ni. Okey? Lepas ni jangan ungkit lagi.”
Melur duduk bersila di atas katil berdepan dengan Firdaus.

“Kes kita ni tajuknya ‘dikahwinkan oleh famili’. Abang faham tak situasinya sekarang ni? Maknanya kita berdua jadi mangsa keadaan. Nampak tak?” soal Melur dengan nada tegas dan jelas. Firdaus diam bersama pandangan seriusnya.

“Jadi tak ada sesiapapun yang salah dalam hal ni. Sama ada kita dipaksa atau tak,tu bukan soalnya lagi. Sebab kita dah kahwin pun.” sambung Melur lagi dengan wajah tanpa senyuman. Kata-kata yang diikuti dengan gayanya sekali. Firdaus tetap diam.

“Kalau abang nak protes,kenapa tak buat awal-awal? Bawa parang amuk satu KL ni. Cakap ‘aku tak nak kahwin!’” kata Melur bersungguh dengan gaya seperti sedang mengamuk. Tangannya diangkat ke atas seperti sedang memegang parang. Firdaus terdiam. Terkejut.

“Takpun lari je dengan Dee,nikah kat Golok,habis cerita. Nak daring lagi, gantung leher kat pokok sama-sama dengan Dee. Die together.” katanya lagi bersama kedua-dua tangannya mencekik lehernya sendiri sambil menjelirkan lidahnya seperti orang mati tercekik. Sekali lagi Firdaus terkejut. Terkaku di situ. Melur menggosok sekilas hujung hidungnya bersama kening yang diangkat sebelah. Gayanya seperti seorang hero Tamil.

“Tu baru real. Ajar sikit abi tu. Jangan paksa abang kahwin sesuka hati dia je. Macam tu caranya anak jantan. Ni tak,dah kahwin baru nak bising? Apa faedahnya?” Firdaus terus terdiam. Dia tahu di sebalik leteran Melur itu,ada kebenarannya. Juga ralit memerhati bibir Melur yang sedang berceramah itu. Gaya Melur juga menarik perhatiannya.

“Samalah macam syarat-syarat yang Melur tetapkan tu. Kalau rasa tak boleh nak ikut,jangan setuju. Ni tak,baru sekarang nak bising-bising. Sebelum ni kenapa angguk je?” soal Melur terang di hujungnya. Firdaus menelan liurnya.

“Saya... Abang angguk demi Dee.” jawab Firdaus sedikit perlahan sambil membetulkan nama panggilan untuk dirinya sendiri.

“Abang angguk demi Dee? Jadi sekarang ni abang nak geleng pun demi Dee jugalah ya?” soal Melur dengan nada sindiran di hujungnya.

“Tak ada maknanya nak geleng lagi. Dah terlambat.” jawab Firdaus malas.

“Tahu pun dah terlambat. Habis tu kenapa dok potpet potpet hari-hari cakap hal sama? Ke saja nak cari gaduh dengan Melur? Syok ek gaduh dengan Melur?” soal Melur serius tetapi dengan pertanyaan nakal di hujung ayatnya. Firdaus berkerut.

“What? Apa hal Melur ni?” soalnya tidak mengerti. Melur mendengus.

“Abang tahu tak,sekarang ni abang macam salahkan Melur sorang je dalam hal ni. Seolah-olah Melur yang paksa abang kahwin dengan Melur. Melur kena bertanggungjawab dan hadap kemarahan abang tu hari-hari. Adil ke bagi Melur? Sedangkan abang sendiri pun takut nak bersuara sebelum ni. Bila dah sah,baru nak kecoh.” kata Melur dengan nada seperti menasihati. Firdaus berdecit.

“Ishkk,makin sakit kepala abang dengan Melur ni.” balas Firdaus sedikit serabut.

“Melur buat apa?” soal Melur kehairanan dengan nada yang dinaikkan sedikit.

“Buat bodoh la.” Jawapan Firdaus buat mata Melur membulat.

“A’aa...tak baik cakap macam tu. Ni siapa ajar cakap macam ni,ni? Kawan sekolah ya?” Firdaus berkerut mendengar teguran Melur yang bernada seperti ibu-ibu itu. Melur tunduk seketika sambil menarik nafasnya. Matanya dipejam sesaat dua.

“Abang,boleh tak kita stop je sebut fasal ni? Tak boleh ke kita berkawan macam orang lain? Kalau abang tak nak anggap Melur sebagai isteri abangpun takpelah,abang anggap Melur ni kawan abang. Tak salah kan? Melur bukannya musuh abang sampai hari-hari abang nak gaduh dengan Melur.” Firdaus diam. Melur mendekatkan jarak mereka.

“Kita tak minta pun jadi macam ni tapi dah memang jodoh kita. Allah dah tetapkan yang kita akan jadi suami isteri.” kata Melur lembut meminta pengertian Firdaus.

“Jadi apa salahnya abang berkawan dengan Melur? Abang tak rugi apa-apa pun. Hal abang kat luar,tu Melur tak nak masuk campur termasuk hal abang dengan Dee. Tapi bila abang kat rumah,Melur akan jaga abang. Bukan sebagai kawan,tapi sebagai isteri. Boleh kan abang?” Firdaus menatap sepasang mata Melur yang jaraknya seinci dua saja dari wajahnya. Melur senyum sambil menyentuh pipi Firdaus.

“Kenapa kita nak berperang sedangkan kita bukan musuh? Kita kawan okey?” Firdaus diam tapi akhirnya dia mengangguk. Melur senyum.

“Good boy. Melur tahu abang budak baik. Kalau abang tak baik,abang tak kahwin dengan Melur. Kan?” Sekali lagi Firdaus berkerut mendengarnya.

“Apa kaitannya?” soal Firdaus tidak mengerti. Melur senyum lagi.

“Kalau abang tak baik,mesti abang dah bakar rumah abi tu. Mengamuk sebab tak nak kahwin dengan Melur. Tapi abang ikut je. Tu tandanya abang ni anak yang baik.” jawab Melur memuji lalu mencium pipi Firdaus.

“Sayang abang. Thanks.” kata Melur menyudahkan sebelum bangun menuju ke tempat tidurnya. Firdaus meraba pipinya yang dicium oleh Melur,dan Firdaus

terpaku di situ. Melur berbaring keletihan di tilam,namun dia bangun semula untuk menyalami Firdaus seperti kebiasaannya. Mahu tidak mahu, Firdaus tetap menyambutnya kerana itu juga yang Firdaus nantikan saban malam. Jiwanya merasa tenang setiap kali Melur memohon maaf darinya dan lebih tenang apabila dia juga memaafkan.

Sekali lagi kisah pertengkaran kecil mereka menjadi sejarah. Ia akan bersemadi di sebalik lipatan diari kisah rumahtangga mereka berdua. Mereka sendiri tidak pasti apakah ianya telah berakhir di situ sahaja atau akan ada kesinambungannya nanti.

MRWbyCNC
28 Jan 2022
Jumaat 00:48

Amacam? Agak2 terhibur tak? Kalau suka, jgn lupa vote yer?
Tq ❤

Bab 23

“So,hari ni nak pergi mana?” tanya Firdaus selepas menghabiskan minumannya. Melur meneguk air coklat panasnya yang terakhir.

“Memandangkan ni our first date,Melur nak pergi shopping.” jawab Melur teruja.

“Kata tak suka shopping?” soal Firdaus kembali dengan riak terkejut. Melur senyum.

“Shopping yang tak suka Melur.” jawab Melur nakal. Firdaus berkerut.

“Ni shopping lain. Jom! Excited ni!” Firdaus bangun dan membayar harga makanan mereka berdua. Melur sudah menunggunya di hadapan kereta dengan wajah terujanya.
Akhirnya kereta dipandu ke Jusco Mall.

“Kita buat apa kat sini?” soal Firdaus tidak mengerti,apabila Melur berlalu ke ruangan barangan elektrik.

“Makan. Rojak kat sini sedap.” jawab Melur selamba. Firdaus menjeling.

“Gaji berapa sebulan?” soal Melur dengan nada seperti tadi.

“Basic 35K. Kenapa?” soal Firdaus kembali dengan perasaan pelik.

“Mm...cukup,cukup.” kata Melur sambil mengangguk-angguk. Melur mengambil beberapa barang elektrik seperti periuk tekanan tinggi, pemerah jus buahan,pembakar roti,Air Fryer, pengisar makanan,pembersih hampagas,dan periuk nasi.

“Banyaknya? Siapa nak bayar ni?” soal Firdaus ketika mereka berada di kaunter pemeriksaan barangan tersebut.

“Abi. Nak Melur call dia ke?” Jawapan selamba Melur buat Firdaus berkerut.

“Nak buat apa semua ni?” soal Firdaus lagi.

“Laa..inikan alat-alat senaman. Letak kat gym abanglah. Elok untuk bina muscle ni.” Firdaus diam dan meletakkan barangan tadi ke dalam troli.

“Rumah tu nasib baik ada juga dapur,mesin basuh,peti ais,oven dan microwave. Kalau tak, semua tu pun Melur beli sekali.” sambung Melur lagi.

“Sedaplah beli,bukan Melur yang bayar.”

“Kalau Melur yang bayar,baik abang tukar nama je. Jadi Cik Puan Nur Firdaus. Amacam? Nak?” jawapan Melur buat Firdaus menjeling tajam. Malas berjawab.

“Duit 35K tu lagi berkat guna untuk isteri. Kalau untuk girlfriend,30 juta pun tak cukup. Silakan...” kata Melur lagi sambil mempersilakan Firdaus membayar harga untuk kesemua barangan yang dia ambil tadi. Dalam keberatan,Firdaus membayarnya.

“Tak fasal-fasal habis 4k tadi.” marah Firdaus perlahan.

“Ada lagi 31K. Tu tak termasuk elaun lagi tu. Up balik jadi 40K. Tu pun nak kecoh?”

“Tu duit saya,bukan duit awak.”
“Ada ke Melur cakap tu duit Melur?” soal Melur selamba sambil terus berjalan.

“Dah sudah? Puas hati?” soal Firdaus seakan menyindir. Melur menggeleng.

“Belum. Next station. Jom!”

Banyak yang Melur ambil. Dari perkakas dapur seperti sudu garfu, sudip dan senduk,kepada pemarut, pengacau telur dan set pisau hinggalah kepada set pinggan mangkuk dan periuk belanga. Lengkap semuanya.

“Banyaknya ambil? Ni saya...”

“Abang.” tegur Melur tanpa memandang suaminya. Firdaus mendengus.

“Ni abang juga ke nak kena bayar?”

“Ada calon lain yang lebih sesuai ke?” Firdaus diam dan dia terpaksa membayar

harga untuk barangan yang penuh satu lagi troli itu.

“Okey done Puan Admin.” Melur senyum mendengarnya.

“Abang pergi letak dalam kereta semua ni dulu. Adik ni akan tolong abang. Terima kasih adik,abang.” kata Melur mengarahkan. Seorang pekerja mall sedia membantu Firdaus.

“Melur tak ikut?” Melur menggeleng.

“Melur tunggu abang kat sini. Cepat tau?”

Setelah memasukkan semua barang tadi ke dalam keretanya,Firdaus masuk semula ke mall mendapatkan Melur.

“So,nak pergi mana pula ni?” soal Firdaus sedikit kepenatan.

“Pasar raya. Kat bawah.” jawab Melur lalu terus bangun menuju ke eskulater.

“Pasar raya? Nak buat apa pula?” soal Firdaus sambil membontoti Melur.

“ Mancing la. Tanya lagi?”

“Ada je jawapan dia.” marah Firdaus perlahan.

“Selagi ada soalan,selagi itulah ada jawapan.” jawab Melur bertegas.

“Ha’aa,jawapan yang menyakitkan hati.” perli Firdaus.

“Ek eeh,nak salahkan jawapan pulak. Soalan tu yang tak betul.” jawab Melur selamba. Firdaus menjeling sambil menggeleng.

“Jom cepat-cepat. Tak sabar nak shopping ni!” kata Melur lebih teruja. Mereka masuk ke ruangan barang-barang dapur. Melur berjalan dengan wajah yang ceria. Dia kelihatan seronok dan teruja.

“Beli barang dapur pun excited ke?” Firdaus menyindir lagi.

“Isteri sejati memanglah excited beli barang-barang dapur,tapi kalau girlfriend sejati,excited nak beli handbag dan kasut je.” Firdaus diam. Dia tahu itu memang benar. Begitulah Dee. Meskipun Firdaus tidak pernah kesah,jauh sekali untuk

berkira dengan Dee,tapi itulah yang Dee lakukan setiap kali mereka menghabiskan masa bersama. Walaupun sehelai baju,pasti Dee akan membeli sesuatu untuknya sebelum balik. Tiba-tiba Melur mengeluarkan sehelai kertas dari beg tangannya.

“MasyaAllah,panjangnya senarai? Banyak lagi ke? Yang tadi pun lebih 3 ribu lesap tau?” soal Firdaus kembali mengungkit. Melur berdecit.

“Abang pasti nama abang Firdaus Iskandar?” soal Melur.

“Kenapa pulak?”

“Sebab Melur rasa nama abang sebenarnya Firdaus Bakhil. Baik abang check balik dalam IC. Silap sebut tu. Firdaus Iskandar konon.” Dan sekali lagi Firdaus hanya menjeling. Tidak tahu apa yang harus dijawabnya. Hanya membontoti langkah Melur.

“Penuh 2 troli. Puas hati?”

“Macam mana tak penuh,dapur abang tu macam padang jarak padang tekukur. Kabinet je besar tapi wat simpan habuk. Jadi sarang debu.” jawab Melur bersungguh.

“Dulu abang bujang,tak pernah makan kat rumah pun.” jawab Firdaus perlahan.

“Sekarang dah kahwin kan? Sendiri mau ingat la.” Firdaus diam. Berlalu ke kaunter.

“Berapa?” soalnya kepada pekerja kaunter bayaran.

“2050 ringgit Encik.” Firdaus memandang Melur tetapi Melur sengih sahaja.

Usai membayar harga barangan tadi,Firdaus melepas keluhan kecil.

“Awak,saya rasa cukuplah tu. Saya dah penat.”

“Apa abang? Sekali lagi?” Firdaus mendengus. Masih sempat Melur menegur kesilapannya.

“Sayang,kita balik ya? Abang penat. Wallet abang ni lagi penat. Please?”

“Baik abang sayang. Lepas makan,kita balik.” jawab Melur dengan senyumannya.

“Lagipun kasihan kat kereta abang tu. Penuh barang. Nasib baik kereta besar.” sambung Melur lagi. Firdaus berkerut.

“Oo..sebab tu Melur nak abang bawa MPV tu hari ni? Sebab banyak nak shopping?”

“M’mm,kalau dengan Audi abang tu,tak muat nanti.” kata Melur sambil senyum.

“Memanglah,4 kali Audi pun tak muat barang membukit macam tu.” balas Firdas lagi. Melur mengerutkan wajahnya sambil mendengus tawa.

‘Alahai,comelnya dia buat macam tu.’ bisik hati Firdaus.

“Memang Melur comel pun. Tengoklah isteri siapa.” jawab Melur manja. Firdaus terdiam dengan wajah kehairanan dan akhirnya dia melepas tawa kecilnya. Melur juga. ☺

MRWbyCNC
28 Jan 2022
Jumaat 00:54

☆Okey tak edisi shopping Melur? Kalau suka shopping brg2 dapo cam dia, jgn lupa vote yer..

Bab 24

Firdaus masih lagi bercuti. Dia mengambil cuti hampir 2 minggu untuk pernikahannya. Selepas menunaikan solat Dhuha,Firdaus turun ke tingkat bawah. Kelihatannya Melur sudah menunggu di meja makan.

“Good morning Sir. Come have a seat.” ucap Melur mesra.

‘Kat rumah pun pakai macam ni? Siap tudung bagai. Macam makcik makcik. Mati selera aku pagi-pagi ni.’ kata Firdaus di dalam hati.

“What do you like to eat sir? Just name it because today the concept is open kitchen. Fresh from hot farm.” kata Melur dengan slang Britishnya. Firdaus berkerut. ‘ Apa hal budak ni?’

“Err,bagilah apa-apa pun.” jawab Firdaus kehairanan. Melur senyum dan masuk ke dapur.

“Here’s a big plate of baked bean, sausage, scrambled egg and toasted bread.”

“Masak nampak?” soal Firdaus dengan nada menyindir. Melur senyum.

“Sekarang dah ada bahan kan? Masaklah. Nanti membazir pula RM2050 yang 2 troli tu. Tak gitu Menteri Kewangan? Please enjoy it Sir.” Firdaus menjeling kecil dengan jawapan Melur. Dia mula menyuapkan makanan itu ke mulutnya. ‘Sedap pulak budak ni masak.’

“Kalau nak puji,depan-depan boleh tak? Bagi segar sikit mood Melur pagi ni.” Firdaus terkejut tapi dia terus makan. Melur tunduk setara dengan Firdaus.

“Hah? Tak dengar la? Cakap sekali lagi?” kata Melur sambil menadahkan telinganya.

“Okey,sedap awak masak.” kata Firdaus perlahan. Melur senyum.

“Lagi? Nak lagi...” leret Melur manja. Firdaus mendengus dalam senyumannya.

“Sedap gila. Semua atas plate ni sedap. Kalah 5 star hotel. Puas hati?” Melur senyum lebar.

“Tahu takpa. Mana nak cari anak raja yang masak sendiri baked bean dan buat sendiri sosej?”

“Nih? Bukan dalam tin? Yang ni bukan dalam paket?” soal Firdaus terkejut. Melur geleng.

“Sayang punya fasal,bean pun bake sendiri tau? Sosej pun proses sendiri. Haa...gitew..” jawab Melur meleret nakal. Firdaus kagum. Ternyata Melur tahu sosej yang dibuat sendiri lebih baik,selamat dan berkhasiat daripada dibeli yang sudah diproses.

“Sayang kee...?” leret Firdaus kembali kepada apa yang Melur ucapkan sebelumnya.

“Uiishh! Mahunya tak sayang. Walaupun kahwin minta,sayang tetap kena sayang. Laki kita kan.” jawab Melur sambil menyuap roti telur ke mulutnya.

“Kahwin minta?” soal Firdaus kehairanan. Melur terus mengangguk.

“Yelah,papa minta Melur kahwin dengan abang tapi abi paksa abang kahwin dengan Melur. Tu je bezanya.” jawab Melur selamba tanpa memandang Firdaus.

“Abi tak paksa la. Dia pun minta abang kahwin dengan Melur.” jawab Firdaus mendatar.

“Habis tu,yang hari-hari cakap terpaksa kahwin tu kenapa? Takkan drama semata-mata kot?”

“Dah tak nak,memang la rasa terpaksa.” jawab Firdaus perlahan. Melur senyum.

“Tup tup dapat bini cun. Perghh! Dalam hati cakap ‘nasib baik aku terima. Kalau tak, melepas. Lawa tu...mana nak cari.’ Kan?” kata Melur sambil mengangkat-angkat keningnya. Firdaus menahan senyum melihat riak wajah Melur yang nakal itu.

“Perasan.” kata Firdaus sambil menahan senyumnya. Melur ketawa.

“Lepas makan tolong Melur setkan rumah ya?” Firdaus terkejut.

“Setkan apa lagi? Rumah ni dah elok dah.”

“Elok la sangat. Dah tahap merimaskan mata,menyesakkan jiwa dan menyerabutkan kepala dah ni. Nama je ada rumah besar tapi interior,hancur.” kata Melur berjela.

“Tak payahlah hurai panjang-panjang. Nanti abang tolonglah.”

Dua buah lori perabut dan kelengkapan perhiasan rumah datang. Bermula dari sofa baru,almari hiasan dan almari sudut yang baru, beralih ke langsir baru,lampu hiasan baru dan kertas dinding baru, semuanya telah Melur pilih sebelumnya. Kini,semuanya lengkap dari tingkat bawah ke tingkat atas,segalanya sempurna.

“Nah,ni baru rumah idaman namanya. Menyejukkan mata,mendamaikan jiwa, melapangkan kepala.” kata Melur bersama gayanya yang mendepangkan tangannya sambil mendongak.

“Habis sebelum ni apa?” soal Firdaus pula.

“Reban ayam.” Firdaus menyimpul senyum.

“So,semua kos interior dari reban ayam kepada rumah idaman ni,siapa yang tanggung?”

“Check your bill please.” jawab Melur sambil membuka tudungnya. Dia terus ke dapur.

‘Patutlah pakai tudung tadi,ada orang nak datang rumah.’ detik hati Firdaus.

“Abang,tadi kata nak tolong? Cepatlah!” Firdaus terus ke dapur mendapatkan Melur.

“Tolong Melur drill dinding ni. Nak gantung hook ni. Nanti time masak senang,ambik je senduk kat sini. Tak la nanti terpaksa letak rata-rata senduk ni semua.” Firdaus berkerut.

“Kan dapur ni dah sistematik? Semua peralatan memasak dah ada tempat

masing-masing. Kenapa nak gantung pula?” soal Firdaus sedikit marah.

“Siapa yang masak? Melur kan? Jadi ikut style Melur la.” Melur menjawab lagi.

“Style apa? Style bersepah? Style kampung?” Perli Firdaus. Melur mendengus.

“Dah cakap tadi time masak je. Lepas tu Melur simpan balik ke tempat asal. So,tak payah nak kecoh sangat Encik Style Bandar.” kata Melur sambil menghulurkan gerudi tangan kepada Firdaus. Teragak-agak Firdaus mengambilnya. Dan lebih terkial-kial melakukannya.

“Ni tau buat tak ni?” soal Melur serius.

“Orang tahulah. Tengok tanganlah.” jawab Firdaus yakin. Melur biarkan. Tapi...

“Dah,dah. Bak sini Melur buat. Kang pekak pulak telinga jiran sebelah.” kata Melur serius. Tidak lama,penggantung itu siap dipasang.

“Ni baru drill. Tengok,sekejap je siap. Tengok tangan konon.” perli Melur. Firdaus diam.

Setelah siap menyusun atur di dapur, Melur mengajak Firdaus naik ke tingkat atas untuk menukar lampu bilik mandi di bilik tamu yang sudah rosak. Sekali lagi Firdaus kelihatan terkial-kial semasa mahu menaiki tangga lipat.

“Ya Allah laki aku...Apa nak jadi ni bang oi? Tukar mentol lampu pun tak lepas ke? Dah la, turun. Biar Puan Style Kampung yang buat.” kata Melur sedikit marah. Dia naik tangga dan terus menukar mentol lampu tersebut. Siap. ’Ishkk,budak ni macam jantan. Semua dia boleh buat. Anak raja apa macam ni?’ bisik hati Firdaus.

“Last but not least,tolong Melur pasang kabinet DIY tu.” pinta Melur lagi. Tapi...

“Macamnilah,abang tolong tengok je. Biar Melur mulakan dan Melur sudahkan.” kata Melur memudahkan keadaan. Firdaus diam dan membantu apa yang dia tahu.

“Sorry,abang memang tak tahu buat benda-benda ni semua. Tak pernah buat.”

“Takpe,Melur dah buat pun. Done.” kata Melur dengan senyuman.

“Jom turun bawah,teman Melur kemas.” Firdaus ikut. Melur buatkan Firdaus minuman sejuk dan dia menyambung semula kerja-kerja menyapu dan mengemop lantai. Kasihan melihat Melur kerja seorang diri,Firdaus bangun menawarkan diri.

“Abang tahu ke buat ni?” soal Melur kehairanan.

“Biar abang cuba.” Melur senyum. Dia masuk ke dapur memasak makan tengah hari. Firdaus mengemop dari tingkat bawah ke tingkat atas rumahnya. Tidak lama selepas tu,Melur terdengar Firdaus memanggil namanya. Bergegas Melur naik ke bilik tidur mereka.

“Abang,kenapa ni? Jatuh?” Firdaus terus mengangguk. Melur membawanya ke katil dan menyapu miyak urut di belakang Firdaus lalu mengurutnya.

“Sorry dah buat abang jatuh.” kata Melur kerisauan.

“Takpe,abang dah jatuh pun. Done.” Melur senyum mendengar paku buah keras dari Firdaus. Firdaus juga turut tersenyum.

“Terima kasih dah tolong Melur hari ni.”

“Perli ke apa?” Melur mendengus perlahan.

“At least abang dah cuba tolong Melur. Abang nak juga tolong Melur. Tolong temankan pun dah cukup bagus bagi Melur. Thanks again abang.” Firdaus senyum sambil menikmati urutan lembut Melur di bahunya. Apa pun yang terjadi hari ini,Firdaus puas kerana isterinya telah memberi nafas baru kepada rumah mewahnya itu.

MRWbyCNC
28 Jan 2022
Jumaat 01:03

☆Kalau sayang Melur,jemput baca dan vote yer..

Bab 25

Malam tadi Dee menelefon Firdaus lagi. Dia masih mencuba untuk mengajak Firdaus keluar malam dengannya,sedangkan dia sudah tahu Firdaus tidak dapat memenuhi kehendaknya itu lagi. Sedikit pertengkaran kecil antara mereka telah mengubah mood Firdaus pagi ini. Namun selepas solat Dhuha, Firdaus merasa lebih baik. Firdaus turun ke tingkat bawah tidak lama selepas itu dan duduk di sofa sambil menonton televisyen. Melur keluar dari dapur membawa sarapan pagi mereka tetapi Firdaus langsung tidak menoleh.

“Abang,mari makan. Melur masak nasi lemak ni.”

“Mm’.” jawab Firdaus ringkas.

Apabila Melur keluar semula membawa air,ketika itulah Firdaus menoleh ke arahnya. Mencerlang matanya melihat Melur yang hanya memakai singlet merah bersama seluar pendek paras bawah punggung sahaja. Matanya melekat di situ.

‘Ya Allah,seksinya...’ bisik hatinya.

“Abang,marilah makan. Sejuk tak sedap.” Sepi. Firdaus berpura-pura menonton televisyen semula. Melur pergi mendapatkan Firdaus dan memeluk bahunya.

“Morning sayang. Jom makan?” sapa Melur manja sambil menyentuh pipi Firdaus. Firdaus menoleh. Matanya tertancap pada lurah dada Melur.

‘Subhanallah...gebunya budak ni.’ bisik hatinya lagi sambil mengangguk kecil. Melur menarik tangannya ke meja makan dan Firdaus hanya menurut. Matanya dipertontonkan dengan pakaian seksi Melur.

‘Mak ai,is this the real her? Kenapa semalam macam perempuan Melayu terakhir tapi hari ni macam Beyonce?’ hatinya berkata lagi.

Melur membawanya duduk.

‘Nanti macam ni ke hari-hari? Kuatkanlah imanku ini,ya Allah. Dah tegang dah

urat aku ni.’ bisik hati Firdaus lagi. Melur senyum sambil menyenduk nasi ke pinggan Firdaus.

“Melur buat 2 jenis sambal. Yang ni sambal kerang. Yang ni sotong.”

“Saya tak makan sotong.” kata Firdaus serius sambil mengerling Melur.

“Apa dia? Ulang balik?” Melur menegur kesilapan Firdaus lagi.

“Abang tak makan sotong. Tak suka rasa dia.” jawab Firdaus perlahan dalam usaha menahan matanya dari memandang Melur. Melur senyum.

“Maaf,Melur janji tak masak sotong lagi lepas ni. Melur ganti dengan udang. Okey?” kata Melur sambil merapatkan pipinya ke pipi Firdaus. Firdaus terlihat lagi dada Melur.

‘Fuhh! Boleh tercabut kupiah aku macam ni.’ bisik hatinya.

“Melur dah tak ada baju lain ke nak pakai?” tegur Firdaus konon tidak suka dengan pakaian Melur yang terlalu seksi itu. Melur melihat bajunya sendiri. Juga seluar pendek warna hitamnya itu.

“Kenapa? Seksi sangat ke?” soal Melur kehairanan sambil memusing-musingkan badannya di hadapan Firdaus. Firdaus menelan liur.

“Sorry,ni memang style Melur. Lagipun Melur pakai macam ni depan abang je. Halwa mata suami.” kata Melur manja.

“Tak payah nak berhalwa-halwa sangatlah. Melur ingat abang berselera ke tengok Melur?” bidas Firdaus tanpa memandang Melur.

“Eleeh,dalam tak berselera pun,bulu tengkuk tu dah terpacak dah Melur tengok.” Mendengarnya Firdaus menggosok tengkuknya sendiri. Melur menahan senyum.

“Mana ada,Melur tak payah nak tayang-tayang sangatlah. Abang tak hairan pun. Dee lagi seksi tau?” balas Firdaus konon marah. Melur senyum lagi.

“Melur lagi tak hairan tau sebab Dee tu bukan seksi tapi seksa.” balas Melur selamba.

“Apa Melur cakap?” Melur senyum dan terus memeluk bahu Firdaus dari belakang.

“Abang marah ke Melur pakai macam ni? Tak suka?” soal Melur separuh berbisik di telinga Firdaus.
Firdaus menahan nafas dalam usaha mengusir debaran di hatinya. Mana tidaknya, bulu romanya benar-benar telah terpacak. Nafas Melur berhembus hangat di pelipisnya dan akhirnya Firdaus menggeleng perlahan.

“Thank you. Sayang abang.” kata Melur manja lalu mencium pipi Firdaus.
Firdaus terkedu.

‘Selambanya? Dia cium aku macam tu je? Dia tak tahu ke yang aku ni dah meremang?’ soal Firdaus bersungguh di dalam hatinya.
Melur duduk di hadapannya bersama senyuman yang bisa membunuh iman Firdaus.

‘Ishkk,tak tahan aku macam ni. Daring betul. Selamba dia je. Entah berapa banyak lagilah stok selamba yang dia ada. Kalau selalu diselambakan macam ni,kejung aku dibuatnya.’ kata Firdaus lagi sambil mengelak dari memandang Melur lagi.

Seharian mereka di rumah sahaja. Firdaus menolong Melur menanam pokok bunga segar sebagai hiasan di balkoni rumah mereka. Juga menolong Melur mengangkat barang-barangnya ke bilik stor. Barang-barang yang akan diletakkan di dalam bilik peribadinya. Ya,bilik kosong yang telah diminta dari Firdaus untuk dijadikan Bilik Peribadi untuknya.
Melur meletakkan sebuah gambar di atas kabinet klasik miliknya di dalam bilik itu.

“Qis,ni rumah baru aku. Rumah baru kita. Aku akan mulakan fasa baru hidup aku kat sini. Kau akan teman aku sampai bila-bila kan? Jangan risau,satu hari nanti aku akan pergi sana jumpa kau. Aku sayang kau. Selamat malam.” kata Melur bercakap dengan seseorang di dalam gambar itu. Melur mengucupnya sebelum masuk ke bilik tidurnya.

Sebelum masuk tidur,Melur memakai baju tidur tali halus bersama seluar pendek warna biru gelap. Selepas itu Melur kenakan wangian di titik nadi tubuhnya. Usai semuanya, Melur naik ke katil dan mendekatkan diri dengan Firdaus.

Tubuhnya dirapatkan ke tubuh Firdaus yang sedang bersandar di kepala katil. Firdaus menelan liur. Matanya takut-takut tapi dia teringin melihat Melur dan saat ini dia sedang cuba bertahan dari merasa tergoda.

“Awak nak try saya ya?” soal Firdaus sedikit gementar. Melur lebih menghampiri.

“Melur yang try ke abang yang rasa terrrtry?” soal Melur separuh berbisik hampir ke telinga Firdaus. Seriau Firdaus dibuatnya namun dia tetap berlagak sombong.

“Jangan nak perasan la. Abang tak ada selera pun dengan Melur. Dahla tak cantik,kurus pulak tu.” kata Firdaus yakin. Padahal hatinya menafikan kata-katanya sendiri.

“Lagi? Boleh Melur dengar semua keburukan Melur?” soal Melur manja.

“Melur... Melur...err...Melur...” Firdaus tidak dapat menyebut apa-apa. Matanya melilau mencari-cari di mana kekurangan isterinya.

“Hah! Kulit Melur ni kasar. Ni,rambut ni macam tali raffia. Muka tu,buruk tau?” kata Firdaus bersungguh sambil menyentuh setiap anggota tubuh Melur yang disebutnya. Melur diam,tapi perlahan-lahan Melur senyum dan akhirnya dia melepas tawa.

“Apa gelak-gelak? Apa yang lucu?” soal Firdaus marah.

“Sampai macam tu sekali abang nampak Melur ni. Hodohnya Melur ni kan?”

“Tahu pun. Sedar pun diri tu.” balas Firdaus dengan nada sombong. Melur senyum.

“Tapi buruk-buruk Melur ni pun, Melur ni isteri Firdaus Iskandar tau?” Melur mendekatkan bibirnya ke telinga Firdaus.

“Lelaki paling handsome pernah Melur jumpa. Lelaki paling sempurna di mata Melur. Abang tak jealous ke dengan dia?” bisik Melur di telinga Firdaus. Firdaus menahan nafasnya.

“Jangan nak try abang. Abang...”

“Kenapa? Tasbih dalam kocek tu dah putus ke?” soal Melur manja lalu melepas tawa. Melur berbaring dengan gaya yang cukup menggoda. Firdaus menelan liur lagi.

‘Budak ni,aku rogol jugak kang.’ bisik hatinya. Melur menarik tangan Firdaus.

“Melur minta maaf untuk semua salah Melur hari ni. Assalamualaikum.” kata Melur lalu mencium tangan Firdaus. Salamnya Firdaus jawab perlahan.

‘Budak ni selamba pun ya,sopan pun ya. Tak faham aku.’ kata Firdaus di dalam hati.
Setelah Melur memejamkan matanya,Firdaus menjenguk di bawah selimutnya.

‘Ishkk,maunya muntah boboi aku malam ni. Ya Allah...kalau hari-hari macam ni,mati la aku.’ kata Firdaus lalu meraup mukanya.

‘Dee,tolong I Dee!

MRWbyCNC
28 Jan 2022
Jumaat 01:12

Cnc belanja 4 bab sekali gus. Sempena my birthday 2day. Semoga terhibur guys. Kalau ada budget lebih tu,sudi2kanlah dapatkan MRW dan baca whole novel k?

☆Jgn lupa vote ye dearies.
Tqsm 4 ur support. Love u all ❤

Bab 26

Hari ini adalah hari terakhir Firdaus bercuti. Siangnya Firdaus dan Melur menghabiskan masa di rumah keluarga Firdaus kerana menerima jemputan makan tengah hari dari uminya. Ya,saat-saat di mana mereka harus mempamerkan ‘kemesraan’ mereka berdua untuk tatapan seisi keluarga. Supaya menjadi halwa mata mereka semua bahawa pasangan pengantin yang baru berkahwin itu hidup dengan bahagia. Apapun gelodak yang melanda,keluarga tidak harus tahu tentangnya. Itu yang mereka persetujui bersama.

Dan malam ini,selepas makan malam bersama,mereka berdua mengisi masa lapang dengan bermain permainan kesukaan Melur. Mahu tidak mahu,Firdaus melayan sahaja permintaan isterinya. Memang dia tiada mood kerana dia sudah sangat merindui Dee. Sudah 2 minggu mereka tidak bertemu. Firdaus tidak betah begini. Namun kerana menghormati Melur yang baru sahaja menjadi isterinya,Firdaus membatukan diri walaupun hatinya memberontak mahu bertemu Dee. Moodnya yang sekejap ada,sekejap hilang itu,tidak memberi apa-apa kesan kepada Melur. Seperti biasa,Melur tahu mengendalikan suaminya itu.

“Abang tahu tak apa beza abang dengan air ni?” soal Melur memulakan. Firdaus diam.

“Air ni manis,tapi abang masam.” Melur menjawab sendiri soalannya.

“Lawaknya?” perli Firdaus. Melur ketawa.

“Cepatlah jalan.” arah Firdaus dengan muka masamnya. Melur mencari-cari.

“Cari apa ni?” soal Firdaus kehairanan melihat Melur mencari sesuatu di bawah meja.

“Cari jalan la.”

“Jalan apa?” soal Firdaus masih tidak mengerti.

“Jalan ke hati abang. Cia cia cia.” jawab Melur bergurau. Firdaus menjeling.

Melur kembali ke dalam permainan caturnya. Namun tiada keceriaan di dalamnya. Sunyi.

“Abang tentu tahu semua jalan kat KL ni kan?” Firdaus mengangguk yakin.

“Tapi ada satu jalan yang abang tak tahu.” Firdaus berkerut.

“Jalan apa?” soal Firdaus. Melur senyum.

“Jalan menuju kepada Melur. Cia cia cia.” jawab Melur disusuli sengih nakalnya.

“Tau tak ada satu jalan kat dunia ni yang gelaaaap sangat?” soal Firdaus semula,meleret.

“Jalan apa gelap?” soal Melur kehairanan. Firdaus menyua wajahnya ke arah Melur.

“Jalan menuju ke arah Melur. Cia cia cia.” jawab Firdaus serius tanpa senyuman.

“Tapi,Melur ada nampak satu lampu tu teraaaang sangat.” jawab Melur bersungguh.

“Lampu mana?”

“Lampu yang menyuluh jalan ke arah Melur. Cia cia cia.” Melur ketawa sendiri dengan jawapannya. Firdaus menjeling. Malas melayan. Sepi.

“What??” tiba-tiba Melur bersuara memecah kesunyian. Terkejut Firdaus dibuatnya.

“Abang dengar tak suara tu?” soal Melur separuh berbisik dengan memek muka suspennya.

“Suara apa ni?” soal Firdaus sambil memasang telinganya. Melur senyum.

“Suara hati Melur terhadap abang. Cia cia cia.” Firdaus mendengus sambil menjeling. Malas melayan. Dia terus memberi tumpuan terhadap papan catur di hadapannya.

“Mm...merdunya lagu tu...” tiba-tiba Melur bersuara lagi. Firdaus berdecit.

“Lagu apa pulak ni?” soal Firdaus sedikit marah. Melur tersenyum comel.

“Lagu cinta kita berdua. Cia cia cia.” sambut Melur manja. Firdaus mendengus.

“Ni nak main ke tak ni?” soal Firdaus marah. Melur ketawa dan meneruskan gilirannya lagi.

“Checkmate.” kata Melur menyudahkan. Firdaus berdecit.

“Boringlah main dengan abang. Asyik kalaaah je. Tak ada cabaran langsung.” leret Melur sambil menggeliat kecil. Firdaus merenungnya.

“Melur mengutuk abang ke tu?” soal Firdaus serius.

“Ha’aa,Melur tengah kutuk abang la ni. Kenapa?”

“Kutuklah lagi,abang nak dengar.” balas Firdaus dengan muka bosannya.

“Tak naklah. Nanti abang nangis.” jawab Melur manja. Tiba-tiba Firdaus menahan senyumnya. Entah kenapa dia merasa lucu dengan ayat Melur itu.

“Try bagi abang nangis tengok.” Tiba-tiba juga Melur bangun dan mengucup pipi Firdaus. Firdaus terkejut.

“Ishkk! Tak senonoh. Tak malu ke?” Melur ketawa dengan ‘kemarahan’ Firdaus.

“Ingatkan abang nangis kalau Melur kiss. Nak lagi?” soal Melur diiringi senyuman nakalnya.

“Tak hingin lah nak rasa kiss Melur tu.” jawab Firdaus sombong.

“Are you sure? Jangan cakap besar tau abang. Melur ni dare-daring orangnya.” jawab Melur lalu mengucup sesaat bibir Firdaus pula. Itu buat Firdaus terdiam. Dadanya berangin menahan debaran. Bibir itu tidak pernah dikucup sesiapa seumur hidupnya dan gadis ini sedang melakukannya.

“Jom naik? Melur penatlah.” kata Melur berbisik di telinga Firdaus. Tangannya menarik tangan Firdaus untuk sama-sama naik ke tingkat atas. Entah kenapa Firdaus hanya menurut langkah Melur dan masuk ke bilik tidur mereka. Sebaik menutup pintu,Melur menyandarkan Firdaus di pintu bilik. Dia merapatkan

tubuhnya ke tubuh Firdaus.

“Kita mandi sama nak?” soal Melur sambil menarik baju Firdaus. Itu buat Firdaus terbatuk.

“Apa awak ni? Dah buang tabiat ke apa?” soal Firdaus konon marah. Melur senyum.

“Kuat betul semangat abang ya?” soal Melur separuh berbisik.

“Semangat apa ni?” soal Firdaus tidak mengerti.

“Semangat nak mempertahankan diri dari tergoda.” balas Melur sambil jari-jarinya mengusap pipi Firdaus dan ianya beralih ke dada Firdaus. Firdaus menelan liur.

“Jangan pegang saya boleh tak? Rimas tau?” kata Firdaus sedikit goyah.

“Rimas ke lemas?” soal Melur berbisik di telinga Firdaus. Firdaus menahan nafas. Melur senyum dan berlalu ke bilik mandi. Firdaus berlalu duduk di katil. Dadanya berombak menahan debaran. Seumur hidupnya juga,belum ada gadis yang merapatinya seperti yang telah Melur lakukan walaupun ianya Dee sendiri. Jujur Firdaus sudah merasa tergugat dengan diri sendiri. Dia tidak mahu tumbang dengan godaan Melur yang bersahaja itu. Tidak.

Tidak lama,Melur keluar dengan hanya memakai tuala di tubuhnya. Kemudian menyapu losyen di seluruh tubuhnya,krim malam,salap bibir dan disudahkan dengan minyak wangi beraroma lembut di titik nadinya. Akhir sekali barulah Melur memakai baju tidur. Firdaus berpura-pura tidak melihatnya. Melur naik ke katil dan Firdaus buat-buat tidak nampak. Konon ralit membaca buku kaunseling perniagaan di tangannya. Melur mendengus perlahan melihat gelagat suaminya itu.

“Abang tak payahlah nak jadikan kisah kita ni klise macam novel yang diadaptasikan ke drama TV tu. Buang masa je.” kata Melur memulakan. Firdaus menoleh.

“Maksud awak?”

“Tengoklah kisah-kisah novel sekarang. Kahwin paksa. Mula-mula tak

nak,marah-marah, gaduh-gaduh. Tidur asing-asing. Cakap awak-saya. Lepas tu perlahan-lahan suka dan jatuh cinta. Very cliche. Bersepah kat kedai buku cerita gitu. Kita ni pun dah nak jadi macam tu jugalah. Watak utamanya abanglah. Temanya,kena kahwin paksa." ujar Melur panjang lebar,bersama gayanya sekali.

"Habis tu awak nak macam mana? Saya happy dengan semua ni? Terima awak macam tu je?" soal Firdaus dengan sedikit nada sindiran.

"Kenapa tidak? Itu yang sebaiknya. Sebab kita dah kahwin pun. Dengan berlagak bodoh sombong macam ni,merugikan abang juga. Melur ni isteri abang. Yang halal untuk dilihat, disentuh dan dirasa. So,buat apa nak jadi macam watak-watak dalam novel tu? Buang masa." kata Melur sambil menggayakan tiga perkataan itu. Ulasan Melur buat Firdaus terdiam.

"Shake-shake you all. Rugi kalau tak cuba." ajuk Melur bersama goyangan bahunya. Firdaus menelan liur apabila Melur menggigit hujung bibirnya sendiri sambil berbaring mengiring bersama gaya yang menggoda. Firdaus terus bangun dan masuk ke bilik mandi,lalu bersandar di pintu bilik mandi.

"Fuhh...Firdaus...sabar Firdaus. Kau jangan tergoda. Relaks okey?" kata Firdaus perlahan sambil menarik dan menghembus nafas melalui mulutnya. Dia sedang menahan rasa. Dia meraup-raup mukanya sendiri lalu menepuk-nepuk dahinya dengan penumbuknya. Kemudian dia mengangkat telapak tangannya ke hadapan seperti isyarat menyuruh orang berhenti.

"Dia tu just..." Firdaus memandang cermin di hadapannya. Mengelus rambutnya.

"She's just hot! She's hot Firdaus!" luahnya bersungguh kepada biasan dirinya di cermin.

"Dee,matilah I macam ni Dee. What I have to do now? She's too hot. I tak tahan macam ni. Jenuh I nak mandi wajib Dee." kata Firdaus lagi lalu meraup-raup mukanya lagi.

"Budak tu memang selamba gila. Memang dia boleh membunuh iman aku ni." marah Firdaus merujuk kepada Melur. Memang Firdaus sudah tidak tahan lagi.

"Sabar Firdaus,sabar." katanya memujuk diri sendiri. Firdaus mencuci muka dan menggosok giginya. Siap semua,dia berlalu ke pintu. Dia berhenti di situ sambil memegang tombol pintu.

“You can do it Firdaus!” katanya memberi semangat kepada diri sendiri. Dia menarik nafas melalui mulutnya dan menghembusnya dengan kuat. Dia keluar.

Namun apa yang Firdaus lihat,lebih mencabar keimanannya. Jenuh dia menahan nafsunya ketika ini. Di hadapannya,ada sekujur tubuh yang telah terlena di atas katil dengan baju tidur senteng warna merah. Memperlihatkan keseluruhan betis dan pahanya.

‘Adoi aii,budak ni tidur tak tarik selimut la pulak. Saja cabar aku la ni. Kang aku ngap jugak karang.’ marahnya di dalam hati. Perlahan dia mendekati Melur dan menyelimutkannya. Firdaus berbaring di sisi Melur. Menatap wajahnya.

‘Ishkk,bibir dia... Geram pula aku. Mana tahan,aku ni lelaki normal kot.’ bisik hatinya lagi. Tiba-tiba Melur tersedar. Cepat-cepat Firdaus pejamkan matanya.

“Sorry,Melur terlelap.” kata Melur perlahan. Firdaus diam. Melur menarik tangan Firdaus, bersalam dan melakukan rutin biasanya sebelum tidur.

“Betul ni ‘tak nak’ Melur malam ni?” soal Melur lagi. Firdaus tetap membatukan diri.

“Okey,Melur tidur dulu. Good night abang.” ucap Melur dan memejamkan matanya. Tidak lama,Firdaus membuka matanya semula. Dia menatap wajah Melur yang kelihatan lena itu.

“Tak payah la pura-pura tidur lagi. Melur tak marah pun kalau abang nak tengok Melur. Dah ada sebelah,tengok jelah. Bukannya haram pun.” kata Melur manja perlahan dengan nada mengantuknya bersama matanya yang terpejam rapat. Firdaus terkejut.

“Orang nak ‘bagi’ dia tak nak. Simpanlah ‘peluru berpandu’ abang tu. Buat khazanah.” leret Melur semakin sayup suaranya. Mencerlang mata Firdaus mendengarnya.

‘What? Peluru berpandu?’ soal Firdaus dalam hati sambil melihat ke bawah selimutnya dan kembali memandang Melur. Sayangnya isterinya itu benar-benar sudah terlena.

byCNC
21 Feb 2022

Jemput baca, follow dan like yer sayam semua. Tqsm sudi support.

Bab 27

Firdaus sedang bersiap-siap untuk ke pejabat. Hari ini dia akan kembali bekerja setelah dua minggu bercuti. Firdaus bersemangat kerana hari ini juga dia akan bertemu Dee semula. Melur yang juga sudah bersiap cantik,datang menghampiri untuk memakaikannya tali leher.

“Ishkk,tak payahlah. Saya boleh pakai sendiri.”

“Apa? Sekali lagi?” soal Melur kembali. Firdaus berdecit.

“Abang boleh pakai sendiri. Suami Cik Puan Melur ni nak pergi kerja,bukan nak pergi sekolah. Budak sekolah je yang nak disiapkan.” balas Firdaus bernada seperti menyindir.

“Ada beza ke abang dengan budak sekolah?”

“Apa maksud Melur ni?” Melur tidak menjawab soalan Firdaus dan terus memakaikan tali leher Firdaus.

‘Wanginya.’ Desis hati Firdaus.

“Kalau busuk-busuk nanti suami lari.” Jawapan Melur mengejutkan Firdaus. Melur berlalu.

“Jangan lupa zip seluar tu Encik Suami kepada Cik Puan Melur.” Sekali lagi Firdaus terkejut dan pantas tunduk melihat zip seluarnya yang masih terbuka. Melur senyum.

“Bukan budak sekolah konon.” leret Melur dan turun ke tingkat bawah. Firdaus mendengus sendiri. Sedikit malu dengan apa yang baru terjadi.

“Ishk,kau ni. Kenapa kau tak katup lagi hah? Saja nak malukan aku ke apa?” soalnya kepada zip seluarnya yang masih belum tertutup itu.

“Kau siap kau. Kau buat sekali lagi,taulah nasib kau nanti. Aku bakar kau hidup-

hidup tau tak? Dalam keadaan kau ternganga macam ni. Reti?” marahnya lagi sambil menarik kepala gelangsar zipnya ke atas. Tiba-tiba Firdaus terkejut sendiri.

‘Eh,kalau aku bakar kau,maknanya aku bakar dengan 'adik' aku sekali la ya?’ kata Firdaus dalam hati. Dia berdecit deras.

“Hisy,kaulah ni punya fasal. Tak fasal-fasal dia gelakkan aku.” bebelnya lagi.

“Sukalah budak tu dapat kenakan aku pagi-pagi ni. Tu mahunya mengilai tahap langsuir kat bawah tu.” omelnya lagi tidak puas hati. Mukanya masam mencuka. Dia bersiap sepenuhnya dan turun ke tingkat bawah. Melur telah menunggunya di meja makan dengan senyumannya. Langkah Firdaus mati di anak tangga terakhir.

‘Tu senyum sindir aku la tu. Seronoklah tu dah malukan aku tadi.’ omel Firdaus sendiri.

“Selamat pagi sayang. Mari sarapan.” sapa Melur mesra.

“Tak payah. Saya..uff! Abang sarapan kat ofis je.” jawab Firdaus bernada marah sombong.

“Tak payah. Abang sarapan kat rumah je.” ajuk Melur seiras nada Firdaus.

“Time kerja,abang tak pernah sarapan kat rumah tau.” Firdaus masih membantah. Sebetulnya dia merancang utuk bersarapan dengan Dee nanti.

“Tu sebelum kahwin.”

“Tak naklah.” bantah Firdaus lagi. Melur mendengus.

“Ni kenapa degil ni? Kan Melur dah cakap sarapan kat rumah? Ada dalam deal kot. Akta nombor 4 tu. Mai dok sini.” balas Melur semula.Firdaus diam masih berdiri di hujung tangga.

“Orang cakap dia macam budak sekolah,tak percaya. Tengok tu,degilnya sebiji macam budak sekolah. Abang,dengar tak Melur cakap ni?” Melur mula membebel. Firdaus berdecit.

“Hisy,yelah,yelah! Makan pun nak paksa orang.” jawab Firdaus lalu mengambil tempatnya.

“Good boy. Macam nilah anak mama.” kata Melur dengan senyumannya. Tanpa banyak bicara,Firdaus terus menjamah nasi goreng udang di pinggannya. Makan dan terus makan.

“Sedap tak?” Firdaus diam tidak menjawab.

“Boboy,mama tanya ni sedap ke tak?” Firdaus tetap diam.

“Syedaplah mama. Mama masyak apapun syedap. Esyok mama masyak lagi ya?” ajuk Melur dengan pelat dan suara seperti kanak-kanak,merujuk kepada Firdaus. Firdaus menjeling.

“Boboy syayang mama syangat-syangat.” sambung Melur lagi lebih bersemangat.

“Kalau sayang,boboy kena dengar cakap mama tau?”

“Yesh!” ajuk Melur lagi sambil mengangkat ibu jarinya. Firdaus menjeling tajam dan terus makan. Dalam tidak mahu,habis juga sepinggan nasi goreng itu dimakannya.

“Selamat kembali bekerja abang. No Monday Blues.” ucap Melur lembut.

“Mm’.” jawab Firdaus ringkas. Melur menyalami Firdaus.

“Abang,apa tu?” Firdaus segera menoleh ke belakang. Apabila Firdaus berpusing kembali, Melur mengucup pipinya.

“Jaga diri,Assalamualaikum.” ucap Melur lalu terus menutup pintu. Firdaus terkedu di situ buat seketika dan berjalan menuju ke kereta dalam keadaan terpinga-pinga tidak sangka.

‘Selamba betul budak tu. Cium aku macam aku ni suami dia pula.’ Firdaus terkejut sendiri.

‘Eh,memang aku suami dia pun. Tapi...Ahh!’

Firdaus membatalkan temujanjinya dengan Dee kerana dia sudahpun kekenyangan bersarapan di rumah. Mujur Dee juga tidak kesah memandangkan dia sudah ada temujanji dengan seseorang. Firdaus masuk ke pejabat dengan semangat baru untuk bekerja. Juga dengan deretan kerja yang bertimbun. Dia tidak pernah cuti selama sepanjang masa ini. Biasanya paling lama dia bercuti,hanya 3 ke 4 hari sahaja. Jadi,inilah habuannya. Bakal menempuhi kesibukan berganda.

“Morning Encik Firdaus. Selamat pengantin baru sekali lagi dari kami semua.” sapa setiausahanya Zety,sambil menghulurkan sejambak bunga dan coklat kepadanya.

“Ni untuk Cik Puan Tengku. Sampaikan pada dia ya?”

“Berapa kali nak bagi hadiah ni? Perli ke apa?” soal Firdaus marah. Ya,semasa hari persandingannya,semua pekerjanya yang hadir ke majlis itu telah memberikan hadiah dan kali ini mereka memberi hadiah lagi.

“Perli apanya? Ni ikhlas dari kami semua untuk isteri Boss kami yang cantik,baik dan humble tu. Kami suka!” Zety menjawab dengan sedikit teruja di hujungnya.

“Mana awak tahu? Awak tak kenal dia pun.” Zety mendengus sambil tersenyum.

“Barang yang lepas jangan dikenang Boss. Hargai yang baru sebelum yang baru pun menjadi kenangan juga.” nasihat Zety dalam senyumannya.

“Maksud awak?” Zety senyum lebih lebar.

“Have a good day Boss.” Dan Zety terus keluar. Firdaus sedikit terpinga.

“Budak tu pakai tangkal ke apa? Sampai semua staff suka kat dia? Pelik betul. Ke sebab dia anak raja? Kalau dia anak raja sekalipun,apa kaitannya? Atau...sebab mereka tak sukakan Dee sebenarnya?” Firdaus mengagak sendiri.

“Ahh! Lantaklah. Kerja. Fokus Firdaus. Fokus.”

Di rumah,selepas bersarapan pagi,Melur memulakan rutin hariannya seperti biasa. Bermula dari bilik tidur,bilik mandi,bilik-bilik lain sehinggalah ke ruang

tamu dan berakhir di dapur. Semuanya dikemaskan dan dibersihkan. Dia memastikan rumah amanah suaminya ini sentiasa di dalam keadaan bersih,segar dan wangi. Akhirnya dia berhenti berehat.

“Auhh,penatnya Qis. Bukan senang nak jadi isteri orang ni rupanya. Semua nak kena buat. Memang kena seru kat anak-anak dara di luar sana,kalau malas dan tak ready nak buat semua ni,jangan kahwin. Gaduh nanti dengan suami. Buat tambah dosa je.” bebelnya lalu menepuk pipi sendiri dalam usaha mengusir kepenatan.

“Bila dah jadi isteri orang,status dan gelaran bukan lagi sandaran. Isteri buat cara isteri. Kena hormat dan patuh dengan suami. Kena jaga rumah dan rumah tangga sepenuh hati. Dan yang paling penting,jaga suami sehabis baik. Makan pakai dia,kesihatan dia,harta dia, maruah dia dan hati dia,semua kat bahu ni.” Melur bercakap seorang diri.

“For now,you are doing a great job Melur.” katanya sambil menepuk bahunya sendiri tanda syabas.

Petangnya,seperti yang dijanjikan,Firdaus pulang awal sebelum Maghrib. Kelihatannya dia tergesa-gesa menuju ke muka pintu utama pejabat.

“Fir,awal balik? Tak date dengan Dee dulu ke?” sapa Raikarl di muka pintu.

“Sorry Karl. Aku dah deal dengan Melur nak kena ada rumah sebelum Maghrib.” jawab Firdaus bersama sedikit keseriusan di wajahnya. Raikarl tersenyum.

“Bagus tu dude. Itu satu deal yang bernas.” sambut Raikarl dengan senyuman nakalnya.

“Dan aku tak boleh keluar semula bila dah balik rumah,kecuali ada event yang nak kena running.” sambung Firdaus lagi serius.

“Itu lagi bagus. Memang sepatutnya suami ada untuk isteri terutamanya waktu malam. Yelah, dah sehari tak jumpa,malam la waktu date terbaik.” Firdaus menarik muka bosan apabila mendengar jawapan Raikarl. Dia mendengus kecil.

“Kau,kalau dari Melur semuanya baik. Yang seksanya aku. Dah macam banduan

pantauan polis dah. I’m not free anymore.” balas Firdaus lebih serius di hujungnya. Raikarl menghampiri Firdaus bersama senyumannya.

“Samalah juga kalau kau kahwin dengan Dee. Suami tetap suami.” Jawapan Raikarl sekali lagi membuatkan Firdaus mendengus keras.

“Okeylah,aku chow dulu.” balas Firdaus sambil melagakan penumbuknya dengan penumbuk Raikarl. Di hujungnya dia menumbuk perlahan pipi Raikarl. Raikarl hanya ketawa kecil.

“Bijak betul Taz tu. Smooth tactical” kata Raikarl perlahan lebih kepada diri sendiri.

Baru sahaja Firdaus mahu menekan loceng,pintu sudah dibuka. Berdiri Melur di situ menyambutnya dengan senyuman. Melur melirik jam di tangannya.

“Tepat pada masanya abang. Syabas.” puji Melur bersama senyuman lebar.

“Nanti kalau saya balik lambat,saya juga yang kena bebel. Awak ingat saya suka ke selalu kena bebel dengan awak? Meleleh tahi telinga saya ni tau tak? Cair.” sambut Firdaus dengan jelingannya. Melur menahan senyumnya.

“Saya dah ikut syarat ke 6. Jadi tolong diam.” Melur mengemam bibirnya tanda berdiam. Dia menyalami Firdaus dan membawanya duduk di bangku di tepi pintu masuk. Melur duduk membuka kasut dan stokin Firdaus.

“Awak tu...”

“Melur.” tegur Melur tanpa memandangnya.

“Melur tu anak raja. Tempat Melur bukannya di kaki saya.”

“Abang.” Melur menegur lagi. Firdaus berdehem kecil sambil menggosok hidungnya.

“Okey,abang.” jawab Firdaus perlahan.

“Tempat abang pun bukannya di atas kepala Melur,dan Melur bukannya di bawah kaki abang. Tempat kita adalah di sisi masing-masing.” jawab Melur tenang.

“Bukan taraf Melur nak berada serendah tu.” Melur senyum dan memandangnya.

“Bagi seorang isteri,tak ada taraf yang lebih tinggi dari suaminya.” Firdaus terdiam. Melur bangun membawa beg sandang dan kot Firdaus dan mereka sama-sama naik ke bilik.

“Abang mandi dulu. Lepas tu kita solat Maghrib sama-sama.”

“Melur dah mandi?” Soalan Firdaus buat Melur senyum. Dia menggigit hujung bibirnya.

“Kenapa,abang nak Melur mandikan ke?” soal Melur sambil merapatkan badannya ke badan Firdaus. Hujung jarinya berlari-lari di dada Firdaus.

“Mana ada. Abang tanya jelah. Ingat abang ni baby ke nak kena mandikan?” bantah Firdaus cuba menafikan. Dihela nafasnya perlahan sahaja. Menahan godaan Melur.

“Abang dengan baby sama je di mata Melur,cuma abang lebih...” Melur berhenti di situ lalu mengelus ulas bibir Firdaus.

“Seksi.” sambung Melur semula lalu mengenyit matanya di hujungnya. Firdaus menelan liur.

“Dahlah,abang nak mandi.” kata Firdaus sudah goyah.

“Ke abang nak mandi dengan Melur?” soal Melur sambil membuka satu-persatu butang baju Firdaus. Firdaus menelan liur lagi. Menahan nafasnya. Melur menjongketkan kakinya lalu mendekatkan bibirnya ke bibir Firdaus. Firdaus terpaku. Hangat hembusan nafas Melur bagai bayu yang meniup lembut di bibirnya. Sesekali bibir Melur sedikit tersentuh bibir Firdaus. Mata mereka bertemu dan melekat di situ. Keadaan kesi antara mereka. Beberapa saat begitu, Melur senyum dan melepas tawa kecilnya. Firdaus terkejut kerana dia sendiri sudah hanyut.

“Okey lah sorry kacau abang. Abang pergilah mandi.” kata Melur sambil menepuk perlahan dada Firdaus sebelum berlalu. Firdaus berpaling dengan perasaan malu. Dia mencapai tuala dan terus masuk ke bilik mandi. Dia bersandar di pintu bilik mandi.

“Ommagaad. Nyaris-nyaris. Ni kalau Dee tahu,mahunya hilang bibir aku.” kata Firdaus perlahan sambil menarik dan menghembus nafasnya melalui rongga mulutnya. Dia berlalu ke hadapan cermin besar yang tertampal di dinding. Merenung wajahnya sendiri sambil membayangkan apa yang Melur lakukan sebentar tadi.

“Yang Melur ni pun satu,asyik tunjuk skill menggoda dia je. Lama-lama tumbang tahap lembu korban aku ni.” rungut Firdaus sambil melepas nafas melalui mulutnya.

“Firdaus,ingat Dee. Kau sayang Dee. Fokus pada Dee. Sahaja.”

byCNC
21 Feb 2022

Jemput baca, follow dan like yer dear. Tqsm sudi support cnc. ☺ ❤

Bab 28

Hubungan antara Firdaus dan Melur sentiasa ada naik turunnya,kerana angin Firdaus juga sentiasa ada pasang surutnya. Melur sentiasa mengambil pendekatan dengan menjawab apa yang perlu. Jika dia diamkan,ia akan memakan hatinya sendiri. Melur tidak mahu berfikir apa-apa yang boleh menyakitkan hatinya sendiri. Dia tidak mahu berlagak sopan dan lemah, kerana ianya tidak akan mengubah apa-apa di antara dia dengan suaminya. Dia perlu menjadi tegar dan kuat demi rumah tangga mereka. Firdaus ada Dee,hati Firdaus juga milik Dee. Sopan,diam dan terlalu baik,itu bukanlah jalan penyelesaian yang terbaik untuk menangani sikap dingin Firdaus atau mendepani kisah cinta mereka berdua.

Firdaus baru sahaja bercakap dengan Dee. Perbualan yang tidak pernah kisahkan Melur yang mendengarnya. Bagi Firdaus,apapun jua Dee lebih penting untuknya. Dee segalanya bagi dia. Hati Dee perlu dijaga sebaiknya. Ya,itu yang Firdaus sematkan di fikiran dan hatinya. Dia tidak mahu perhatiannya terhadap Dee berkurang walaupun dia sudah ada Melur. Dia tidak mahu setianya pada Dee berubah hanya kerana dia ada Melur. Dia tidak mahu cintanya beralih arah dari Dee hanya dengan adanya Melur. Sekurang-kurangnya itulah yang Firdaus perjuangkan saban hari. Kesetiaannya. Namun,apa jua yang Firdaus lakukan, ianya seakan tidak pernah mencukupi bagi Dee. Dee cemburu. Dia tidak rela Firdaus bersama Melur,dan itulah yang menjadi punca mereka bertengkar setiap kali mereka berbicara. Itu jugalah yang membuatkan Firdaus tertekan. Yang menerima kesannya adalah Melur. Marahnya dilepaskan kepada Melur. Sinisnya ditujukan kepada Melur. Tekanannya juga dilampiaskan kepada Melur. Semuanya. Melur. Melur. Melur.

“Melur tahu tak abang tension terpaksa kahwin dengan Melur?” Terkejut Melur mendengarnya. Dia berhenti mengemas pakaian ke dalam almari. Dia berpaling ke arah Firdaus yang sedang duduk di sofa sambil merenungnya.

“Apa hal ni abang? Tak ada angin tak ada ribut,tiba-tiba je serang Melur macam tu. Abang ni dah kenapa?” balas Melur sedikit terang tona suaranya. Dia sedang penat dan sekarang Firdaus cuba menambahkan kepenatannya. Firdaus

mendengus.

“Abang cakap abang tension kahwin dengan Melur. Tak kan tak dengar?” Firdaus pula membalas dengan nada yang sedikit kuat. Dia memang sedang tertekan.

“Ya Allah,tak habis-habis lagi ke dok ungkit hal yang sama? Dari mula-mula kahwin, pergi honeymoon dan dah balik dari honeymoon. Dah start kerja pun,masih juga dok heret cerita yang sama. Panjang betul. Nak kalahkan telenovela ke apa ni?” soal Melur selamba,dalam usaha untuk mengusir amarah Firdaus. Firdaus mendengus.

“Tak kesahlah panjang manapun, abang masih lagi tension.” jawab Firdaus masih dengan nada yang sama. Melur menutup pintu almari dan berlalu mendapatkan Firdaus.

“Tension apa? Relaks la. Kita berdua okey apa?” jawab Melur selamba.

“Apa yang okey? Abang terpaksa tinggalkan Dee tau? Dah lukakan hati dia.”

“Siapa suruh?” Firdaus berkerut mendengar jawapan Melur.

“Siapa suruh Melur cakap? Dah koma ke apa Melur ni?” soal Firdaus lebih marah.

“Ha’aa,koma dalam dakapan cinta abang. Cia cia cia.” jawab Melur nakal sambil memeluk tubuhnya sendiri. Firdaus berkerut.

“Awak ni kenapa? Saya serius ni tau tak?” marah Firdaus. Melur mengeluh perlahan. Melur membetulkan duduknya. Dia bersila mengadap ke arah Firdaus.

“Kita dah cakap fasal ni pada malam pertama kita lagi. Orang lain,malam pertama buat projek tapi kita buat kontrak. Dah deal pun. So,apa yang stress lagi?” jawab Melur dengan nada bersahaja bagai tiada apa yang perlu dikesahkan.

“Senanglah cakap,bukan awak yang kena.” balas Firdaus lebih perlahan.

“Melur pun kena jugak tau? Ingat abang seorang je ke terjebak dengan perkahwinan ni?”

“Dah tu,awak nak senyap je?” soal Firdaus kembali.

“Dah tu,apa yang nak dibisingkan? Kita dah kahwin pun. Kalau nak kecoh-kecoh, bising-bising,buat sebelum kahwin. Ni,dah sah binti sahih,baru nak kesing?” balas Melur kembali.

“Kesing?” soal Firdaus tidak mengerti.

“Kecoh plus bising.” jawab Melur selamba. Berkerut lagi muka Firdaus. Tidak faham.

“Kalau awak pun terjebak juga,kenapa awak tak bising-bising?” soal Firdaus pula.

“Sekarang pun Melur tak bising. Yang bising tu abang. Tak habis-habis. Sejak malam pertama sampailah malam ni,taaak habis lagi. Kalahkan perempuan. Perempuan pun kalau membebel,ada full stopnya. Ni tak,tak kira hari apa malam apa,jaaalan je. Tak habis pulak minyak abang. Isi tank penuh ke apa ni?” jawab Melur panjang lebar.

“Tengok,sekarang siapa yang membebel?” balas Firdaus pula. Melur mendengus. Malas berjawab lagi soal membebel itu.

“Kalau Melur jadi abang,Melur tinggal dia.” jawab Melur selamba.

“Apa? Tinggal? Senangnya cakap. Awak ingat Dee tu apa? Plastik?” marah Firdaus.

“Plastik pun kalah dengan dia.” Jawapan Melur membuat Firdaus ternganga. Melur bangun dari duduknya dan berdiri di hadapan Firdaus.

“Tengok,abang dapat isteri yang cantik,seksi,bijak,pandai masak,anak raja pulak tu. Abang dapat semuanya dari isteri abang ni. Buat apa nak fikir fasal girlfriend abang tu lagi?” soal Melur sambil menggayakan ciri-ciri dirinya yang disebutkan tadi.

“Awak ingat...”

“Melur. Meeelur. Dan abang tu aaabang. Berapa kali nak cakap ni? Tu syarat utama tau?” pintas Melur mempersoalkan kesilapan Firdaus membahasakan diri

mereka.

“Nak ugut sa...abang la tu. Abang tak takut la.” jawab Firdaus perlahan di awalnya.

“Tak takut ke?” soal Melur kembali selamba.

“Ya,dan abang tak hairan pun kalau Melur tu bapak raja sekalipun. Abang tetap sayang Dee seorang je.” jawab Firdaus angkuh.

“Sayang ke?” soal Melur menyindir.

“Apa maksud Melur ni?”

“Kalau abang sayang Dee,abang tak akan kahwin dengan Melur tau?” jawab Melur dengan wajahnya yang bersahaja.

“Jangan nak perasan. Abang kahwin sebab abi.” Melur senyum.

“Tu maknanya abang sayangkan abi. Abang sayang abi lebih dari sayangkan Dee. Poor Dee.” sindir Melur lagi. Inilah caranya untuk mengendalikan mood Firdaus.

“Walau apapun,Melur jangan mimpi abang akan terima Melur sebagai isteri di sisi abang.” balas Firdaus sedikit kuat sambil merenung wajah Melur. Melur menyua wajahnya kepada Firdaus dengan merendahkan badannya setara dengan Firdaus yang masih duduk di sofa.

“Dan abang pun jangan mimpi nak jadikan Dee tu sebagai isteri di sisi abang.” balas Melur dengan memek muka yang berkerut sambil mengecilkan matanya ke arah Firdaus.

“Ada abang kesah?” soal Firdaus berani,juga menyua wajahnya ke arah Melur.

“Betul tak kesah?” soal Melur kembali. Firdaus menjarakkan kedudukan wajah mereka. Hatinya sudah goyah dengan soalan berbaur ugutan Melur itu.

“Jangan nak ugut-ugut ya?” Melur ketawa melihat riak wajah Firdaus.

“Belum ugut dah cuak.” kata Melur berani. Firdaus terdiam.

“Dah,dah. Melur nak tidur ni. Penat bertekak dengan abang. Hari-hari benda yang sama je. Macam dah tak ada topik lain lagi dah.” sambung Melur sambil berbaring.

“Entah berapa kurun lagilah dia akan cakap hal yang sama. Tak penat-penat lagi tu.” kata Melur sambil menarik selimutnya. Firdaus diam memerhati.

“Cubalah buka topik yang lebih adventure,yang lebih daring,yang lebih ilmiah sikit. Barulah otak tu berkembang. Jiwa pun sihat. Darah tak mencanak. Muka pun tak merah.” bebel Melur lagi dengan gayanya sekali.

“Takpun cari topik yang lucu. Yang boleh buat kita ketawa. Yang menyenangkan hati kita. Barulah minda tu sihat. Ni tak,alih-alih topik tuuu lah jugak. Tak berkembang langsung. Buat sakit jiwa lagi adalah. Boleh beruban rambut Melur ni tau tak?” sambung Melur lagi.

“Cakap macamlah tension tahap gaban,tapi makan bertambah,tidur lena yang amat. Kan senang cakap,hati tu senang sebenarnya? Ada isteri yang dah uruskan semuanya A to Z untuk abang. Sebelum pergi kerja goyang kaki. Balik kerja pun goyang kaki. Tu pun nak merungut lagi? Tak tahu nak bersyukur. Melur ni pun kena paksa kahwin juga,tapi tak ada pun macam abang. Terima abang seadanya dan jalankan tugas sebagai isteri. Takda pun takut kena rogol dengan abang. Tak ada pun nak mengungkit hari-hari. Tak ada pun nangis-nangis bucu katil. Tu baru matured namanya.” Mendengarnya,Firdaus bangun mendapatkan Melur.

“Panjangnya membebel? Habis abang tak matured?” soal Firdaus kembali.

“Tak. Abang tak matured tapi ‘hancured’. Umur je tua tapi fiil macam budak-budak. Baik berhenti je jadi CEO,masuk tadika balik. Sini,salam.” kata Melur selamba sambil menyalami Firdaus. Perlahan Firdaus menyambut salam Melur.

“Maaf banyak-banyak untuk salah Melur hari ni. Assalamualaikum.” Firdaus terdiam dan menjawab salam Melur di dalam hati.

‘Ditadikakannya aku?’ desis hati Firdaus sambil menunjuk ke arah mukanya sendiri.

“Hancured? Apa tu?” soal Firdaus perlahan lebih kepada diri sendiri. Dia melabuhkan duduknya di atas katil. Fikirannya berlari-lari mencari maksud perkataan itu.

“Tak payahlah fikir ‘hancured’ tu apa. Kalau buka kamus Oxford pun tak akan jumpa.” jawab Melur bersama mata yang terpejam. Firdaus terus juga berfikir. Sepi.

“Hancur.” Tiba-tiba Melur menjawabnya dengan jelas dan terang. Firdaus terkejut.

“What? Hancur?” soal Firdaus sedikit kuat tapi Melur diam. Terus tidur.

“Hancur? Hancured?” kata Firdaus masih lagi mengkaji perkataan itu. Dia kemudiannya menoleh ke arah Melur yang sudah terlena.

“Ishkk,pandai-pandai dia je cipta perkataan baru. Aku dia kata hancur?” katanya sambil menunjukkan ke arah mukanya sendiri sekali lagi.

“Dah membebel panjang-panjang,dia pergi tidur pulak. Banyak cantik muka dia?” kata Firdaus perlahan sambil terus menatap sekujur tubuh Melur yang berselimut itu.

“Kenapa tak sambung je sampai pagi? Ini tak,dah dibiarkannya aku kalah tanpa bertanding, selamba dia je pergi tidur. Tak sensitif langsung. Aku ni belum tidur lagi tau tak? At least ajaklah aku tidur sekali. Taklah aku terkebil-kebil sorang-sorang macam ni.” bebel Firdaus lagi tidak puas hati. Dia kemudiannya berbaring di sisi Melur. Menatap wajah Melur yang lena itu. Hatinya menyejuk serta merta. Wajah itu selalu membuatkan Firdaus tewas dengan amarahnya sendiri. Ya,dia tewas lagi.

❤ Sorry,cnc sibuk sikit dgn promo Melur Untuk Firdaus. Jgn lupa vote utk bab ni yer? Dan support adaptasi drama MUF jugak. LavUallz

Kepada yg nak dapatkan My Rude Wife, bolehlah hubungi Suara Hati Publication. Boleh juga dptkan di Shopee dan Lazada. Kat PBAKL 3 - 12 Jun nanti pon ada. Tq

CikNorCinta
1 Jun 2022

Bab 29

“Assalamualaikum.” sapa Melur lalu menyalami Firdaus seperti biasa. Senyumannya juga seperti biasa. Layanannya juga akan seperti selalunya.

“Awal abang balik? Baru pukul 4.30.” soal Melur kehairanan tetapi bersama senyuman mesranya. Namun senyumannya mati untuk sesaat dua apabila muncul seorang wanita dari belakang Firdaus. Wanita itu memandang Melur dari atas sampai bawah.
“Eh,ada tamu rupanya. Jemput masuk.” pelawa Melur mesra. Mereka berjalan menuju ke ruang tamu. Melur lihat wanita itu memaut lengan suaminya.

“Ni,saya kenalkan orang yang saya sayang. Diana.” Melur terkejut.

“Apa dia abang cakap? Tak dengar la.” soal Melur meleret sambil menadah telinganya. Firdaus berdehem sambil menoleh memandang Dee sekilas.

“Abang kenalkan Diana,girlfriend abang.” Melur membulatkan matanya seolah teruja.

“Oo...inilah Diana? What a pleasant surprise! Terujanya saya dapat jumpa Cik Diana.” kata Melur juga bersama wajah terujanya. Dee tercengang. Firdaus juga. Terkejut.

“Tapi…Diana apa? Diana Danielle? Diana Ross? Diana Nasution? Atau Diana Sahaja?” soal Melur selamba. Dee menarik lengan baju Firdaus sambil mengadu padanya.

“Ala la la...marah ya? Sorry saya gurau je Cik Diana...mm…” perli Melur lagi. Dee menjeling marah sambil menghulurkan tangannya pada Melur.

“I Diana Rahila,girrrllfriend Firdaus Iskandar.” Melur senyum menyambut salam Dee.

“I pula,Tengku Adriana Zulaika, isssteri kepada Firdaus Issskandar.” Jawapan Melur buat Dee menoleh memandang Firdaus. Firdaus terdiam di situ.

“You can call me,Dee.” kata Dee serius.

“And you can call me,Tengku.” jawab Melur pula. Dee tersenyum sinis.

“Bukan Melur?” soalnya menyindir. Melur mendengus tawa.

“Maaa’af Cik Dee. Melur tu untuk orang-orang yang dekat di hati I je. Yang rapat di sisi I. Macam famili dan...suami I je. Orang-orang yang tak ada kena mengena ni tak layak panggil I dengan nama tu. Hope you don’t mind.” jawab Melur meleret manja di sana sini tetapi tersemat sindiran yang sangat dalam maknanya. Firdaus tetap diam.

“Do I care?” kata Dee bersama riak wajah yang tersenyum senget itu. Melur ketawa.

“You better care.” balas Melur mesra. Dee diam. Menjeling Firdaus di sisinya.

“Jemput duduk. Cik Dee duduk sini.” kata Melur sambil menarik lengan Dee untuk duduk di sebelahnya dan bukan di sisi Firdaus. Kini mereka berdua berada di hadapan Firdaus.

‘Alamak,budak Melur ni lagi cantik dari Dee la pulaaak.’ bisik hati Firdaus.

“Maaflah Cik Dee,I tak tahu Abang Fir nak balik awal. Bawa tamu pula tu. Jadi I tak prepare apa-apa. I sibuk kemas rumah hari ni. Dah tugas I sebagai isssteri kat rumah ni kan?” hurai Melur selamba dengan kemesraan yang dibuat-buat. Melur juga mengikut rentak Dee dengan berbahasa I-You dengannya. Dee berwajah serius.

“You duduk rumah je? Tak kerja?” soal Dee bagai mahu merendahkan Melur.

“M’mm...Abang Fir tak bagi I kerja. Dia nak I jaga rumah ni. Jaga makan pakai dia. Dan jaga diri I untuk dia.” jawab Melur dengan nada manja. Hati Dee panas apabila Melur sedang memandang Firdaus dengan senyuman manisnya. Dee berdehem.

“Dulu you belajar mana?” soal Dee lagi.

“I pernah dapat offer ke Auckland for Medic tapi I tak pergi sebab I tak suka jadi doktor. Tapi tak sangka sekarang I dah jadi doktor di hati suami I. Cia cia cia.”

jawab Melur manja bergurau. Firdaus mengemam bibirnya sendiri. Dia sedang menahan lucu.

“So?” soal Dee seperti menyindir tetapi dengan riak wajah yang sombong.

“So,I belajar kat UM je,for Architecture. Sebab tulah I mampu membina mahligai cinta di sisi suami I. Cia cia cia.” jawab Melur bersama ketawa kecil di hujungnya. Firdaus menutup mulutnya dengan genggaman tangannya. Ya,Firdaus sedang menahan tawa. Apabila Dee menjeling ke arahnya dengan pandangan marah,Firdaus berdehem.

“Awak tak masak apa-apa ke?” soal Firdaus konon serius.

“M’mm,tak nak macam tu...” leret Melur menegur dengan menggoyang-goyangkan jari telunjuknya kepada Firdaus. Firdaus pandang Dee sekilas dengan wajah serba salah.

“Sayang tak masak apa-apa untuk minum petang?” Dee langsung menoleh dengan wajah marah. Firdaus buat-buat tidak nampak jelingan Dee itu. Melur senyum sahaja.

“Sekejap ya? I nak ke dapur siapkan minum petang untuk Encik Suami I yang tersayang.” kata Melur meminta diri dari Dee dan di hujungnya dia menyentuh pipi Firdaus sebelum berlalu. Dee merenung dengan wajah bengis. Dia bengang.

“Fir,apa kena dengan perempuan tu? Selambanya?”

“Dia memang macam tu. Pedulikan dia. I bawa you datang sini,nak tunjuk girlfriend I pada dia. Biar dia sedar siapa dia dan siapa you di hati I. I nak buktikan cinta I pada you. I nak you percaya,walaupun I dah kahwin,I tetap dengan you.” pujuk Firdaus meyakinkan Dee.

“Abang...tolong sayang sekejap.” tiba-tiba Melur bersuara di pintu dapur. Firdaus diam.

“Abang cepatlah,tolong zipkan baju sayang ni. Dah terbuka pula.” desak Melur lebih meleret manja. Mencerlang mata Dee saat ini. Ragu-ragu Firdaus bangun mendapatkan Melur dan zipkan baju maxi labuh tanpa lengan Melur. Zip di bahagian belakang yang memang sengaja Melur buka sebelumnya. Mencerlang mata Dee dibuatnya.

“Terima kasih abang. Sorry Cik Dee,zip ni macam pandai je terbuka time Abang Fir ada.” kata Melur sebelum berlalu. Dee mendengus marah dan berpeluk tubuh.

“Meluat I tengok dia tau tak? Mengada-ngada.” kata Dee marah.

‘Budak ni selamba betul. Tak marah ke aku bawa girlfriend aku balik? Tak ada perasaan ke apa?’ soal Firdaus pada diri sendiri apabila melihat Melur kelihatan tenang sahaja.

Sementara Melur memasak di dapur,Dee menjamu matanya dengan meninjau rumah Firdaus. Rumah yang sesekali dia singgah bersama Firdaus dan Raikarl.

“Nampaknya you dah betul-betul mulakan ‘hidup baru’ kan Fir? Beriya-iya ubahsuai rumah you ni. Seronok ya ‘berumah tangga’ dengan dia?” sindir Dee. Firdaus menghampirinya.

“Kalau I kahwin dengan you,sama je kan keadaannya? Mesti you pun nak rumah macam ni juga kan? Takkan you nak tinggal kat rumah yang kosong je kan?” Dee diam. Dia mati akal, Tidak tahu apa yang harus dijawabnya. Dia sendiri tidak berminat tentang hiasan rumah kerana yang dia minat hanyalah hiasan untuk diri sendiri.

“Tengok ni? Kad kahwin pun dia tayang kat sini. Siap bingkaikan lagi. Nih,sijil nikah pun ada juga. Nak menunjuklah tu. Sakit hati I ni tahu tak? ” kata Dee menukar topik perbualan.

“Dia sedar tak yang dia dah rampas boyfriend I? Lepas tu buat selamba je. Macam tak ada apa-apa. Siap smash I lagi tu. Eie! Rasa nak cekik je.” sambung Dee lagi. Firdaus diam.

“Nih,saja gantung dan susun gambar-gambar kahwin ni semua. Memang saja nak sakitkan hati I. Tengok ni,you berdua ada gambar honeymoon bersama ya Fir? Gatalnya you Fir!”

“Tu gambar dari camera phone dia.” jawab Firdaus beralasan.

“Tak kesahlah dari camera siapa tapi tengoklah you dengan dia. Berpeluk berlaga pipi bagai. Sekarang ni I rasa nak cekik you pulak!” marah Dee lagi.

“Dee,dahlah. You pula nak marah-marah macam ni. Dia cool je. Patutnya dia yang cekik you. You yang datang rumah suami dia.” pujuk Firdaus dengan sedikit rasa marah.

“You bela dia ke?”

“Tentulah tak. Tapi I nak you relaks. Jangan jadi macam budak-budak. Biarkan dia.”

“Abang,mari makan. Panas-panas ni sedap.” tiba-tiba Melur bersuara dari meja makan, membawa mee goreng dan sepiring kek coklat. Terhidukan baunya,laju saja langkah Firdaus menuju ke meja,meninggalkan Dee di belakangnya.

“Abang duduk sini. Ketua keluarga kena duduk di kepala meja. Baru king.” kata Melur,sekali lagi mahu menjauhkan Firdaus dari Dee.

“Jemput makan abang,Cik dee.” Firdaus terus makan dan menikmati mee goreng basah di pinggannya. Dee juga ikut makan,kecuali Melur. Hanya melihat.

‘Ishkk,sedap pulak perempuan ni masak.’ bisik Dee sambil menuntas pandang kepada Firdaus.

‘Alamak,berselera la pulak Firdaus ni makan.’ katanya lagi apabila melihat Firdaus begitu berselera menikmati mee goreng tersebut.

‘Tak boleh jadi ni. Aku pun kena belajar masak juga. Kalau tak,masak aku.’

“Cik Dee tentu pandai masak kan? Sebab Abang Fir suka makan masakan rumah.” Dee menoleh memandang Firdaus tetapi Firdaus sedang ralit makan. Akhirnya Dee hanya tersenyum sumbing kepada Melur.

“Terima kasihlah Cik Dee sudi datang rumah kami. Nanti senang-senang datanglah lagi ke teratak FiTaz.” kata Melur mesra. Ketika itu,mereka berdua sudah mahu beransur.

“Hah? FiTaz?” soal Dee kembali tidak mengerti. Melur senyum.

“Ha’aa,FI untuk Firdaus Iskandar,dan TAZ untuk Tengku Adriana Zulaika. Jadilah FITAZ. Perghh! Matching gila. How nice. Allah dah atur elok dah.” Jawapan Melur buat Dee menghangat.

“Hey,Firdaus Iskandar ni boyfriend I. Ingat tu.” kata Dee marah.

“Yup! I ingat tu. Tapi Firdaus Iskandar ni suuuami I,Tengku Adriana Zulaika. Dan Cik Dee kena lebih ingat tentang tu.” Mendengarnya,Dee bertambah marah. Firdaus pula tergamam tidak tahu apa yang harus dikata. Memang isterinya seorang wanita yang selamba. Berilah apa jua keadaan,dia akan sentiasa menanganinya dengan selamba. Dee mendengus marah dan menarik tangan Firdaus untuk berlalu.

“Cik Dee,lepas suami saya hantar Cik Dee,nanti tolong suruh dia balik rumah ya? Rumah kami Cassa FiTaz.” kata Melur sambil hujung jari telunjuknya menepuk-nepuk plat kayu di tepi pintu rumahnya yang terpahat gabungan nama mereka suami isteri. Dee mendengus dan menjeling tajam padanya. Dia sangat marah ketika ini. Dia terus berlalu bersama tangan yang memaut lengan Firdaus.

“Abang balik cepat ya? Sayang rindu.” laung Melur dari jauh. Firdaus menggeleng-geleng kecil. Dia tidak tahu apa yang harus difikirkan. Hanya mengikut langkah Dee.
Melur menutup pintu. Dia bersandar di pintu sambil menggenggam loket di lehernya. Cuba mengosongkan fikiran dan jiwanya yang sarat dengan rasa terkilan.

“Kau tengok Qis,sampai hati dia.” kata Melur bercakap dengan loketnya. Dia pejamkan mata,menarik nafas dan senyum.

“Tapi tengoklah macam mana aku handle. Ada kelas kan? Kau hado?” katanya lagi lalu melepas tawa. Ya,dia sudah lega,malah jauh lebih lega.

❤Done. Amacam? Okey tak?
Jgn lupa vote utk bab ni yer dearies. Support MRW dan tonton adaptasi Melur Untuk Firdaus, setiap Rabu-Sabtu, jam 9 mlm di tv3.
Boleh dptkan MRW di Suara Hati, Shopee dan Lazada (under SH). Yg dok Kl, boleh la beli kat PBAKL, bermula 3-12 Jun nti. Bertempat di WTCKL. Pakat2 support cnc yer. Tqsm . LavUallz

CikNorCinta
1 Jun 2022
12:30 am

Bab 30

Firdaus menekan loceng rumah. Tidak lama,pintu dibuka perlahan. Namun tiada sesiapa di muka pintu seperti biasanya. Firdaus kehairanan. Dia menjenguk sedikit ke dalam rumah tapi tetap tidak nampak kelibat Melur di situ. Aneh. Apa yang sedang berlaku? Perlahan dia melangkah masuk ke dalam rumah.

“Abanggg!!!” tiba-tiba Firdaus disergah dari belakang pintu.

“Maakkkk!!” latah Firdaus terkejut. Melur melepas tawanya.

“Melur! Terkejut beruk abang tau tak?!” marah Firdaus sambil melurut dadanya. Melur masih tidak dapat menyurutkan tawanya. Dia menilik Firdaus dari atas sampai bawah.

“Tang mana yang beruknya abang ni? Tak nampak macam beruk pun. Handsome tahap dewa ada la.” soal Melur masih cuba bergurau. Firdaus duduk di atas bangku.

“Abang ingat ni cerita Journey To The West ke? Nak jadi Monkey King ya?” usik Melur lagi. Firdaus menjelingnya. Rasa terkejutnya masih belum hilang.

“Melur ni dah kenapa? Dah tak ada kerja lain ke?” soal Firdaus marah. Melur senyum. Dia duduk bertinggung sambil bertongkat kedua-dua lengannya di atas paha Firdaus.

“Melur tengah buat kerja Melur la ni. Mengusik dan menggembirakan abang. Suka tak?” soalnya nakal. Firdaus merenungnya.

“Suka. Suka sangat. Buatlah lagi. Senang sikit abang tumbang tahap smack down kat sini.” jawab FIrdaus menyindir dalam marah. Melur tersengeh sahaja. Dia mula membuka kasut dan stoking Firdaus.

“Tengok tu. Buat selamba tenuk dia je. Tak reti nak minta maaf ke?” soal Firdaus masih marah. Melur mendongak dan mendekatkan wajah mereka.

“Reti,tapi tunggu time raya ya? Hold dulu.” usik Melur lagi lalu mencium dagu Firdaus. Firdaus menjeling marah dan terus bangun naik ke biliknya. Tanpa membuang masa,dia terus melucutkan pakaiannya dan masuk ke bilik mandi. Selepas menggosok gigi dan mencuci rambutnya,dia menyabun badannya pula. Selepas itu dia mencuci mukanya pula. Tiba-tiba dia merasakan ada seseorang memeluknya dari belakang. Sekali lagi dia terkejut dan menoleh. Sebaik terlihatkan Melur,dia terus memejamkan matanya dan berpaling semula membelakangi Melur. Melur memeluknya semula.

“Melur buat apa kat sini?” soalnya cemas.

“Nak mandi dengan abang la.” jawab Melur manja sambil kedua-dua tangannya bergerak perlahan mengusap dada dan perut Firdaus. Firdaus menahan nafasnya. Dadanya penuh debaran. Inilah pertama kali seumur hidupnya,dia mandi ditemani seorang wanita.

“Melur don’t. Stop it.” kata Firdaus bersama kerutan di wajahnya. Perutnya mengecut.

“Kenapa? Abang takut ya? Melur bukannya nak makan abang.” soal Melur manja sambil sesekali bibirnya mengucup belakang Firdaus. Firdaus tidak mampu bergerak,walaupun untuk seinci. Air paip hujan itu juga dibiarkan mencurah ke tubuhnya.

“Lebih baik Melur makan je abang,daripada Melur buat macam ni. Abang...” kata-katanya terhenti di situ apabila Melur beralih ke hadapannya pula. Firdaus memejamkan matanya. Tidak mahu melihat Melur dalam keadaan berkemban kain nipis seperti itu. Melur menyabun badannya sendiri lalu merapatkan tubuhnya ke tubuh Firdaus. Dia memeluk Firdaus sambil mengusap belakang lelaki itu. Firdaus? Hanya Tuhan saja yang tahu perasaannya ketika ini. Melur menjongketkan kakinya dan mengucup sesaat bibir Firdaus. Firdaus membuka matanya dan mereka saling berpandangan. Tidak tahan lagi dengan kenakalan Melur,Firdaus terus menggapai tualanya dan keluar dari bilik mandi itu. Melur ketawa sendiri. Dia berjaya ‘menyusahkan’ Firdaus dengan usikan nakalnya lagi.

Mereka solat Maghrib bersama. Usai solat,Firdaus membaca doa dan Melur menyalaminya,sebelum Firdaus mengucup kepalanya. Mereka bertentang mata. Melur senyum,tapi tidak Firdaus. Dia keliru dengan sikap Melur. Melur nampak tenang walaupun petang tadi dia baru sahaja diperkenalkan dengan Dee di rumah

ini. Namun reaksi Melur tidak seperti yang Firdaus jangkakan. Sikap Melur seperti biasanya. Tiada apa yang berubah malah hari ini dia cukup nakal. Terlalu nakal untuk Firdaus tangani.

“Abang nak tunggu solat Isyak ke nak turun makan sekarang?” soal Melur sopan.

“Melur lapar ke?” soalnya serius dan sedikit mendatar. Melur mengangguk.

“Jom.” ajak Firdaus ringkas. Melur senyum dan membuka telekungnya. Firdaus keluar terlebih dahulu dan Melur membontotinya. Tiba-tiba Melur memaut jemari Firdaus dan itu cukup untuk mengejutkannya. Firdaus menoleh sedikit memandangnya.

“Kenapa nak kena berpimpin ni? Dah tak nampak tangga ya?” soal Firdaus masih tanpa senyuman. Perlahan Melur menggeleng-geleng,menjawab soalan Firdaus.

“Sebab Melur nampak abang je.” ucap Melur perlahan. Firdaus diam sesaat dua. “Cia cia cia.” jawab Firdaus serius. Mereka saling berpandangan dan perlahan kedua-duanya melepas tawa kecil bersama.

Usai makan malam,mereka berdua menghabiskan masa bersama menonton televisyen. Melur menghidangkan kek coklat yang berbaki petang tadi untuk halwa lidah mereka. Melur mengambil tempatnya di sisi Firdaus. Keadaan menyepi. Firdaus masih memikirkan bagaimanakah perasaan Melur saat ini. Adakah masih terkesan atau sedih dengan kedatangan Dee petang tadi atau sebaliknya? Namun melihatkan layanan Melur malam ini,Firdaus merasa janggal kerana Melur tidak menunjukkan sebarang tanda protes atau merajuk. Tidak juga menyepikan diri atau menangis. Jauh sekali untuk melepaskan kemarahan atau mencari gaduh dengannya. Melur kelihatan tenang dan melayannya seperti biasa. Entah kenapa,bukan ini yang Firdaus harapkan. Jauh di sudut hatinya,dia mahu Melur cemburu dan marah.

“This is my favourite film. Masterpiece.” kata Melur bersama senyumannya. Firdaus terlepas dari lamunannya. Dia memandang ke skrin televisyen. Sesekali dia mendengar Melur ketawa kecil. Ralit isterinya itu menonton filem karya Tan Sri P Ramlee itu. Keadaan terasa begitu sepi baginya. Dia mahu berbicara dengan Melur soal kedatangan Dee petang tadi tapi Melur tidak memberi sebarang reaksi terhadap perkara itu. Akhirnya Firdaus turut melayan filem yang

sudahpun separuh ditayangkan itu.

“Melur suka watak hero dan heroin dalam filem ni. Perfect couple. Terutama Tun Nila Utama tu. Prince Charming. Segak,manis,romantik dan layan isteri dengan baik. Perfect hero.” ujar Melur bersama senyumannya sambil menyandarkan kepalanya di bahu Firdaus.

“Kenapa tak kahwin dengan hero macam tu? Tak jumpa?” soal Firdaus pula. Melur mendongak memandangnya.

“Dah jumpa. Dah kahwin pun. What else?” jawab Melur manja. Perlahan Firdaus mengukir senyuman. Melur kembali melentokkan kepalanya di bahu Firdaus dan keadaan kembali menyepi semula.

“Jangan,janganlah adik angan-angan.” Melur menoleh. Melihat Firdaus yang sedang menyanyikan runut bunyi dari filem Musang Berjanggut itu. Firdaus mengenyitkan matanya.

“Merayau ke alam impian. Duduk termenung kesepian,tiada teman.” Perlahan-lahan mata Melur yang membulat tadi,bertukar kepada sebuah senyuman.

“Tujuh gunung lautan,lautan. Sembilan lautan alah intan. Umpanku takut dah makan,ikan dah makan.” sambung Firdaus lagi lalu mengerutkan wajahnya kepada Melur di hujungnya.

“Bagai-bagailah mana indah syurga. Bertaman bunga aneka rupa. Kalau si bunga tak dijaga, terkulai juga.” nyanyi Melur bersama senyuman dan anggukan kecil di hujungnya. Firdaus senyum dan mendengar ulangan rangkap itu sekali lagi.

“Dari hari purnama,purnama. Sehingga purnama alah nyawa. Bunga menanti pawana, dihembus pawana.” sambung Melur lagi menyudahkan nyanyiannya dengan mengulang semula rangkap lagu tersebut. Di hujungnya dia mengerutkan wajahnya ke arah Firdaus. Akhirnya sekali lagi suasana itu telah membuatkan mereka ketawa.

Usai solat Isyak bersama,Melur bersiap untuk tidur. Dia naik ke atas katil dan berdiri bertongkat lututnya mengadap ke arah Firdaus yang sedang duduk membelakanginya.

“Abang penat ya? Melur massage ya?” kata Melur lembut sambil jari-jarinya

mengurut lembut kedua-dua bahu Firdaus sebelum beralih ke tengkuknya. Satu kelegaan dirasai Firdaus dari urutan hangat itu. Firdaus menoleh sedikit memandang Melur dari ekor matanya.

“Melur okey?” soalnya perlahan. Melur berkerut.

“Okey,kenapa abang tanya?” soal Melur tidak mengerti. Firdaus memegang tangan Melur dan menoleh memandang Melur. Melur duduk di hadapannya. Firdaus renung wajahnya.

“Fasal petang tadi...”

“Kenapa? Esok abang nak bawa dia datang sini lagi ya? Datanglah. Melur lagi suka.” pintas Melur dengan wajah nakalnya.

“Kenapa? Melur nak buat apa kat dia? Nak smash dia lagi?” Melur mengerutkan wajahnya sambil mengangguk-angguk kecil. Firdaus menjelingnya.

“Dah dia mintak,takkanlah Melur tak bagi. Orang nak beli,Melur jual la. Tak baik kedekut tau...” leret Melur menjawab soalan dan jelingan Firdaus tadi.

“Melur tak cemburu?” soal Firdaus menduga. Melur berkerut.

“Cemburu? Abang ada nampak Melur cemburu ke? Kelakar la abang ni. Dee je pun.” soal Melur dengan wajah kehairanan bersama dengus tawanya. Firdaus terdiam. Ditatapnya wajah Melur dalam-dalam. Ya,tiada istilah cemburu di situ.

“Bukannya Melur tak kenal Dee tu siapa. Lainlah kalau abang bawa anak Raja Mesir nuh. Haa...yang tu boleh mendatangkan marah,tapi bukan cemburu.” sambung Melur lagi bersama senyuman gurauannya. Firdaus tetap diam.

“Ni nak Melur urut lagi tak ni? Ke nak Melur urut tempat lain pulak?” soal Melur nakal di hujungnya. Firdaus mendengus tawa.

“Tak habis-habis lagi ke nak try abang?” soal Firdaus juga mengusik. Melur senyum.

“Selagi tak dapat,selagi itulah Melur akan try abang. Try hard,never give up! Chaiyok chaiyok!” sambut Melur bersemangat dengan gayanya sekali. Firdaus melepas tawa.

“Jangan harap. Ini kerbau jantan tau. Takkan tumbang punya. Tengok tanduklah.” jawab Firdaus sambil menekan hujung hidung mancung Melur. Melur ketawa.
Firdaus berbaring. Melur mengambil tempat di sisinya dengan melabuhkan kepalanya di lengan Firdaus. Tangan kanannya memeluk dada lelaki itu. Dia memejamkan matanya. Letih. Dia sudah tidak mahu memanjangkan bicara dengan Firdaus lagi. Cukuplah untuk hari ini. Firdaus pula,terlena dalam tanda tanya. Dia tidak mampu mentafsir rahsia hati dan perasaan Melur yang sebenarnya.

❤Cnc belanja sampai sini je dulu okey? Nanti sambung lagi. Jgn lupa dptkan MRW di Suara Hati, Shopee, Lazada dan kat PBAKL yg bertempat di WTCKL bermula 3-12 Jun nanti.

Jgn lupa saksikan juga drama adaptasi dr My Rude Wife yg bertajuk Melur Untuk Firdaus, setiap Rabu-Sabtu, jam 9 mlm di tv3.
Tqsm 4 ur support, guys. Vote tau. Belanja cnc sikit.
LavUallz

CikNorCinta
1 Jun 2022
12:44 am

Bab 31

Hari ini hujung minggu. Melur sudahpun menjamu suaminya dengan sarapan pagi yang enak dan berkhasiat. Sudahpun mencuci dan menggosok semua pakaian kerja Firdaus untuk seminggu bekerja. Juga sudah mengemas seluruh rumah. Sesudah itu,dia hanya berehat di atas katil kerana kepenatan.

"So,nak spent masa macam mana hari ni?" soal Firdaus mengejutkan Melur.

"Kenapa tanya macam tu?" soal Melur tidak mengerti. Firdaus mendengus bosan.

"Spent time bersama yakni dating pada salah satu hari di hujung minggu. Itu syarat ke 5. Awak nak saya langgar syarat tu ke? Boleh la awak bebel saya kan?" Melur tersenyum kecil.

"Kita duduk rumah jelah." jawab Melur perlahan,bersama mata yang hampir terpejam.

"Jom keluar shopping." Melur terus membuka matanya dan berpaling kepada Firdaus yang berdiri di sisi katil. Dia tidak dapat menyembunyikan riak wajah terkejutnya itu.

"Shopping apa? Malas la. Melur tak suka shopping." jawab Melur beralasan. Dia memang tidak suka akan aktiviti yang satu itu,walaupun pergi bersama suaminya.

"Ikut je. Jangan banyak songeh boleh tak?" arah Firdaus serius.

Akhirnya Melur terpaksa akur dan menurut perintah suaminya. Lagipun cuma ini sahaja masa yang dia ada pada hujung minggu untuk dihabiskan bersama suaminya. Mereka tiba di pusat membeli belah yang terkenal di Kuala Lumpur.

"Kita buat apa kat sini?" soal Melur dengan wajah berkerut.

"Beli ikan." jawab Firdaus ringkas. Melur membontoti langkah Firdaus.

"Masalahnya ikan kat sini tak ada yang boleh dimasak pun." Jawapan selamba Melur itu buat Firdaus menjeling padanya. Namun tidak Melur pedulikan.

"Pergi tempat lain boleh tak? Melur tak suka shopping baju-baju ni semua." Melur mengadu lagi. Masih mencuba untuk membawa Firdaus lari dari situ.

"Patutlah outfit tahap makcik-makcik. Ni baju zaman perang Jepun dulu kan?"

"Tak,perang dunia pertama." jawab Melur selamba. Firdaus menggeleng-geleng dengan muka serius. Dia terus memilih blaus,seluar,kardigan,dress dan skirt untuk Melur. Melur yang kebosanan,hanya duduk di sofa di dalam butik itu. Sesudah membayar kesemuanya, Firdaus memberi isyarat kepada Melur agar mengikutnya keluar.

"Banyaknya? Perli ke apa?" soal Melur dengan muka berkerut. Apa tidaknya,semuanya 20 pasang yang dibeli.

"Awak tu isteri CEO syarikat event terbesar kat tanah Melayu ni. Takkan nak pakai baju zaman tok kadok ni lagi? Nak tunjuk kat siapa baju berkarat macam ni?" Melur melihat bajunya sendiri dan menjeling pada Firdaus.
'Kaw kaw dia kutuk aku hari ni. Takpe,ada ubi ada pengatnya Encik Suami.' rungut Melur di dalam hati.

"Anak raja apa outfit kuno macam ni? Kat pasar malam pun orang dah tak jual baju-baju macam ni tau? Makcik-makcik kat kampung tu pun dah letak kat muzium baju-baju macam ni. Ini awak masih lagi pakai?" Firdaus mengata Melur lagi.

"Janji tak susahkan orang."

"Tapi awak menyusahkan mata saya yang menengoknya. Tau?"

"Dahtu,tak payahlah tengok. Tak pun pejam je mata tu." Melur menjawab lagi. Firdaus menggeleng sambil terus berjalan.

"Hairan,kat rumah pakai bukan main vogue lagi tapi bila keluar,baju tahap ke sawah dipakainya. Malu saya tahu tak?" Melur berkerut mendengarnya.

"Kat rumah Melur vogue untuk suami Melur. Kat luar Melur nak vogue untuk siapa? Pak Guard tu?" soal Melur mempersoalkan. Firdaus memandangnya.

"Kat luar pun untuk saya juga kan? Ke untuk Pak Guard tu?" perli Firdaus. Melur diam.

"Lepas ni saya tak nak tengok lagi awak pakai baju-baju macam ni. Pakai baju-baju yang saya beli ni. Dah jom."

"Nak ke mana pula?" Firdaus diam tidak menjawab. Melur terpaksa mengikut.

"Nak beli handbag pula ke? Tak payahlah. Ni kan dah ada? Masih boleh guna lagi."

"Macam ni awak..."

"Melur. And you,abang. Jangan lupa lagi." Sempat lagi Melur membetulkan kesilapan Firdaus yang tidak pernah betul-betul itu. Firdaus mendengus perlahan.

"Macam ni Melur panggil handbag? Macam karung guni ni?" Melur membelek beg tangannya yang disangkut di bahunya. Mencari di mana silapnya.

"Okey apa? Boleh muat banyak benda." jawabnya selamba.

"Kalau nak muat banyak benda,baik bawa guni je terus." marah Firdaus menyindir.

"Ni baru orang panggil handbag. Ada style,ada class. Modern. Edgy." kata Firdaus selamba sambil menunjukkan sebuah beg tangan berjenama kepada Melur.

"Ni tak,kerbau pun boleh masuk dalam tu. Siap boleh bawa tilam lagi." sambung Firdaus lagi sambil merenung beg tangan di bahu Melur. Di hujungnya,Firdaus menggeleng.

'Eiie! Geramnya aku. Sabar Melur. Sabar.'

Akhirnya Firdaus membeli 3 buah beg tangan dengan 3 rekabentuk, warna dan saiz berbeza tanpa bertanya pendapat Melur terlebih dahulu.

Mereka berjalan lagi membawa troli yang hampir penuh itu. Melur yang kebosanan hanya menurut. Tidak mahu mencantas angin Firdaus yang...

Akhirnya mereka tiba di sebuah kedai kasut. Firdaus memilih 3 pasang kasut.

"Sekarang apa? Kasut pulak?"

"Habis tu,takkan kobis pulak?" soal Firdaus menyindir. Melur diam.

"Size?"

"7"

"Bagi semua ni dengan size 7. Pack terus." arah Firdaus kepada jurujual itu.

'Tak tanya pun aku suka ke tak.' bisik Melur di dalam hati. Firdaus menoleh.

"Kalau abang tanya Melur,memang tak adalah yang Melur berkenan. Tengoklah contoh kat kaki tu. Selipar Jepun pun kalah. Konon sandle la tu?" Melur melihat sandle di kakinya.

"Okeylah,selesa apa." jawab Melur polos. Firdaus merenung wajah Melur.

"Banyak lagi yang selesa dan up to date. Bukannya selesa tapi ayam pun malu nak pakai." balas Firdaus memerli Melur tapi dengan nada yang terkawal. Melur diam. Dalam soal ini,dia memang tidak dapat membela dirinya.

"Abang,dahla. Dah penuh troli tu." Sayangnya Firdaus buat tidak tahu saja dengan rungutan Melur. Hari ini harinya untuk 'mendera' Melur.

"Now kita beli tudung. Bukannya brokoli." kata Firdaus serius. Melur menarik muka masam. Dia duduk di sofa sekali lagi. Membiarkan Firdaus memilih apa yang dia suka. Akhirnya Firdaus membeli 20 helai tudung dan shawl untuk Melur.

"Settle. Ni semua shawl dan tudung yang latest dan modern,bukannya tudung saji macam atas kepala Melur ni." Melur meraba kepalanya. Firdaus menggeleng-geleng.

"Petak-petak macam papan dam. Checkmate." Melur menarik muka bermuncung mendengar 'pujian' Firdaus itu. Ya,dia memang 'terhibur' sepanjang hampir 2 jam di sini.

"Abang,jom pergi makan. Melur lapar la." ajak Melur meleret manja. Dia sudah kepenatan.

"Belum lagi. Kita pergi beli lingerie." Membulat mata Melur mendengarnya.

"Apa? Abang tak malu ke?" Tanpa mempedulikan rasa terkejut Melur itu,Firdaus terus melangkah ke butik yang menjual pakaian dalam wanita.

"I want about 10 couples of bras and panties." Selamba sahaja Firdaus bercakap begitu dengan jurujual perempuan berbangsa Cina itu.

"What kind of bras sir?"

"Push up bras maybe. Nice right?" Jurujual itu senyum dan mengangguk.

"Size?" Melur yang tunduk kerana malu,menjongketkan kakinya dan berbisik kepada Firdaus,bukannya kepada jurujual itu. Dia tidak sedar apa yang dilakukannya.

"Your husband very romantic." puji jurujual itu merujuk kepada Firdaus yang sedang ralit memilih beberapa helai baju tidur untuk Melur.

"Yeah,and drastic." Jawapan Melur mencetus tawa wanita Cina itu.

Akhirnya setelah membayar kesemua harga barangan tersebut,Firdaus tersenyum puas.

"Dah? Puas hati?" soal Melur sedikit menyindir.

"Lebih dari puas."

"Jomlah pergi makan. Melur lapar dah ni..."

Akhirnya,dapat juga Melur mengisi perutnya dengan makanan yang sedap. Dia sudah terlalu penat melayan kerenah Firdaus dan telinganya lebih penat mendengar 'pujian' Firdaus terhadap setiap sudut penampilannya.

"Hai Encik Firdaus,Tengku. Apa khabar?" tiba-tiba setiausaha Firdaus,Zety menyapa mereka. Begitu juga Sofea setiausaha Raikarl. Melur bangun bersalam dengan dua gadis itu.

"Wow! Shopping sakan ni. Pennuuuh troli." kata Zety teruja. Sofea mengangguk-angguk.

"Ha'aa,semua untuk anak raja saya ni." jawab Firdaus dengan senyumannya.

"Semua ni? Untuk Tengku? Wow!"

"Relaks Zety,bukan awak punya pun."

"Memanglah bukan saya punya tapi rusuk saya ni dah bergetar tengok semua ni Boss. Dah nak melimpah barang-barang dalam troli ni." jawab Zety lebih teruja.

"Eh,ni baru first round. Berhenti makan dulu. Jap lagi sambung balik satu troli lagi." jawab Firdaus dengan sedikit nada sindiran yang ditujukan kepada Melur. Melur diam saja.

"Seronoknya. Encik Firdaus memang sayang Tengku." kata Zety lagi.

"Ya,saya sayang dia,bukan awak. Sebab tu seeemmua ni dia punya." perli Firdaus mengajuk Zety. Zety baru tersedar yang dia sudah melebih-lebih. Dia tersenyum kambing.

"Sorry,err..kami minta diri dulu. Tengku?" Melur hanya mengangguk dalam senyuman.

"Tengok,perempuan lain kalau dapat shopping penuh troli macam ni,sawan dibuatnya. Tapi Melur,kalau boleh nak lari kan? Macam tak ada perasaan. Tahap tak normal dah ni."

"Tu perempuan lain,bukan Melur." jawab Melur terus makan.

"Masalahnya Melur yang tak macam perempuan lain." Melur diam. Terus makan.

"Baik abang rendam credit card abang tu. Kasihan dia berasap dah tu. Menggelupur kepanasan. Sikit lagi keluar percikan api la tu." tiba-tiba Melur bersuara. Firdaus berkerut.

"Maklumlah,geli-geli 20K juga tumbang tadi. Gesek punya gesek,haus kad tu."

"Perli abang pulak. Kalau Dee,lagi banyak lagi dia suka tau? Bukannya macam Melur ni."

"Masalahnya Dee yang tak sama macam Melur. Sebab tu abang tak kaya-kaya." Firdaus diam.

"Cepat makan. Tadi kata nak sambung lagi second round kan? Kalau tak penuh satu lagi troli, kita jangan balik hari ni. Bermalam je kat sini." kata Melur mendatar tapi dengan niat menyindir Firdaus. Firdaus berkerut.

'Dia kenakan aku balik la pulak. Bertuah punya budak.'

❤Okey done. Cnc belanja 1 bab je okey? Terima kasih support My Rude Wife.
Jika ada yg kalian tak suka,cnc minta maaf
Jangan lupa follow IG cnc : (taeamo.ciknorcinta)
Cnc tengah open order untuk reader yg nak dapatkan novel MRW dr cnc sendiri.
Just DM me. But follow me 1st yea.
Love u allz.

Pesanan Author CikNorCinta

Assalamualaikum.
Hai guys.
Terima kasih banyak2 sebab kalian sudi baca My Rude Wife dan lebih sudi vote untuk setiap bab. Cnc benar2 menghargainya.
Tapi cnc minta maaf kerana cnc tak dapat nak habiskan kesemua bab. Novel ini adalah di bawah penerbitan rasmi Suara Hati Publication dan ia diterbitkan dalam bentuk buku fizikal SAHAJA. Tiada dalam bentuk ebook atau pdf dan tiada alih bahasa ke bahasa lain setakat ini.
Memang cnc tidak dibenarkan untuk up kesemua bab kerana ia akan menyalahi syarat2 perundangan antara cnc dan penerbit. Tapi cnc akan up lagi untuk beberapa bab tanda terima kasih cnc atas sokongan kalian utk MRW dan cnc.

Kepada yg bertanya di mana nak dapatkan novel ni,buat masa ni cnc open order kepada semua reader MRW untuk mendapatkan novel ini dari cnc sendiri. Ianya Original Cover with Original Price,from Original Publisher. Cnc juga akan berikan gift card sebagai special gift untuk setiap pembelian dan sudah pasti my cute signature. ☺
Harga sebuah novel hanyalah RM34 untuk 991ms.
Sila Follow cnc di FB rasmi cnc, CikNorCinta Novelis dan IG rasmi cnc taeamo.ciknorcinta.
Boleh PM cnc di FB Messenger dan DM cnc kat IG Chat for more details. Cnc dah iklankan di kedua2 medium tersebut. Jemput ke sana yer. Kita kenal2.
☺

Sekali lagi cnc ucapkan ribuan terima kasih di atas sokongan kalian semua. Love u guys ❤

Salam Sayang,
CikNorCinta
(Author of MRW)

Bab 32

Follow cnc
FB : Ciknorcinta Novelis
IG : taeamo.ciknorcinta
(Untuk order buku / be my friend ☺)

Melur sedang mengenakan krim pelembap di wajahnya. Firdaus hanya melihat dari atas katil. Ralit-ralit dia memerhatikan isterinya itu berhias dan berwangian sebelum masuk tidur. Memang Melur tahu ‘menjaga’ suaminya.

‘Cantiknya kulit dia. Halus. Shining.’ bisik hati Firdaus.

“Terima kasih atas pujian tu. Kulit Melur memang cantik pun.” Firdaus tersenyum.

“Perasan. Agak-agaklah nak puji diri sendiri pun.” Melur ketawa sambil memakai losyen ke seluruh tubuhnya sebelum memakai baju tidur seksinya.

“Abang tolong lap rambut Melur boleh? Please...” pinta Melur manja. Firdaus mengambil tuala di tangan Melur dan mengelap rambut Melur yang separuh basah itu.

‘Lembutnya. Halus. Baunya...mm...wanginya budak ni.’ bisik hati Firdaus. Melur menoleh sedikit. Firdaus terkejut dan berdehem kecil.

“Betul ke Melur dulu ambil course architecture?” soal Firdaus mahu memulakan bicara. Memang itulah yang sedang difikirkannya. Sejak Dee datang ke rumahnya hari itu,perkara itu berlegar-legar di fikiran Firdaus saban hari. Dia mahukan jawapannya dari Melur. Sekali lagi Melur menoleh sedikit dengan kerutan kecilnya.

“Kenapa? Tak percaya? Ke tak logik?” soalnya dengan nada lembut manja. Firdaus senyum sambil terus mengusap perlahan kepala Melur.

“Habis tu kenapa berhenti kerja?” Soalan Firdaus buat Melur terdiam seketika.

Dia tidak mahu membicarakan soal yang satu itu. Jawapannya biarlah hanya dia saja yang tahu.

“No comment.” jawab Melur bersama nada yang mendatar dan sedikit perlahan. Firdaus diam seketika. Dia dapat merasakan Melur tidak selesa dengan soalan itu. Dia terus mengelap rambut Melur hingga ke hujungnya.

“Melur tak nak kerja balik?” soalnya semula cuba berganjak sedikit dari topik asal walaupun itulah yang dia mahu tahu. Melur senyum.

“Kalau Melur kerja,siapa yang nak jaga abang? Jaga keperluan abang. Jaga rumah besar abang ni. Masak untuk abang. Siapa? Orang gaji? Abang tak kesah ke ada orang lain kat rumah ni?” soal Melur di hujungnya. Firdaus diam seketika.

“Memanglah tak selesa,tapi...”

“Satu lagi,siapa yang nak tunggu abang balik kerja? Layan abang. Temankan abang,dan siapkan makan malam abang. Orang gaji juga?” soal Melur memintas. Firdaus tidak perlu mencari jawapan kerana dia sememangnya tidak suka ada orang luar di dalam kehidupan sehariannya,walaupun untuk menguruskan keperluannya setiap hari. Malah di rumah ibu bapanya juga tidak pernah menggunakan khidmat pembantu rumah untuk melakukan kerja-kerja seharian. Uminya hanya mengupah syarikat pembersihan rumah untuk mengemas dan membersihkan rumah mereka dua kali seminggu. Malah,walau sesibuk manapun uminya, wanita itu akan tetap memasak sendiri makanan untuk seisi keluarga. Dan sekarang Firdaus mendapat seorang isteri yang menyamai uminya. Namun bukan itu yang dia harapkan dari Melur. Bukan niatnya mahu ‘menghambakan’ isteri sendiri.

“Ramai isteri yang kerja.” kata Firdaus perlahan.

“Kalau kerja,komitmen Melur bertambah. Bukan pada suami je tapi pada kerja juga. Melur akan sibuk. Bangun pagi fikir nak siapkan diri sendiri ke pejabat. Balik mungkin dah malam. Penat. Nanti keperluan abang terabai. Rumah abang tak berkemas, dapur abang tak berasap. Melur tak nak suami Melur breakfast kat luar, lunch kat luar dan mungkin dinner pun kat luar. Habis apa gunanya ada isteri kan?” bahas Melur kembali. Ya,apa yang Melur katakan itu benar dan itu yang Firdaus harapkan dari seorang isteri,namun bukan itu juga yang dia mahukan dari isterinya.

“Abang tak kesah.” Mendengarnya,Melur terus berpaling mengadap Firdaus.

“Tapi Melur kesah.” kata Melur sambil memegang tangan Firdaus. Firdaus diam.

“Melur kahwin dengan abang sebab Melur nak jaga abang. Nak jadi isteri abang. Melur nak beri tumpuan sepenuhnya kepada suami dan rumahtangga kita.” jawab Melur lembut. Hujung jarinya sesekali mengusap perlahan jemari Firdaus.

“Kalau kerja,Melur tak boleh jaga abang?” soal Firdaus ingin tahu jawapannya. Melur senyum dan mengambil tuala itu dari tangan Firdaus.

“Melur pernah kerja. Melur tahu macam mana situasinya. Memang akan ada yang terabai. Jadi Melur tak nak jadi isteri yang mengabaikan tanggungjawabnya pada suami,kerana itu yang paling utama dalam perkahwinan.” Firdaus tatap mata Melur. Mengamati kata-kata Melur. Ya,dia sudah mendapat jawapannya. Bukan itu yang dia jangkakan dari Melur tetapi itulah yang dia dengar dan dia merasa lega dengan jawapan yang Melur berikan. Apabila ditatap seperti itu,Melur rasa tidak selesa. Bagai ada sesuatu yang mengganggunya. Yang buat dia rasa malu. Dia bangun menuju ke ampaian tuala.

“Lagipun Melur kahwin dengan CEO. Dapat suami kaya. Buat apa nak kerja lagi kan? Baik dok rumah goyang penyapu sambil goyang pinggul. Barulah ramping. Tak gitu?” Firdaus mendengus tawa mendengarnya. Melur menyidai tualanya dan naik ke atas katil.

“Best tak dapat suami kaya?” soal Firdaus bersama senyuman lebarnya. Melur mengerutkan mukanya sambil mengangguk-angguk kecil. Firdaus ketawa.

“Mestilah best dapat suami kaya. Maklumlah,sekali shopping pennuuuh satu troli. Siapa yang tak best kan?” kata Melur menyambut gurauan Firdaus. Sekali lagi Firdaus melepas tawa.

“Tapi yang tak bestnya,kalau dapat suami kaya yang banyak hangin. Maklumlah,nak penuhkan satu troli tu,macam-macam yang kita kena hadap dan dengar. Siapa yang best kan?” sambung Melur lagi. Riak muka Firdaus terus berubah menjadi serius. Direnungnya wajah Melur yang juga sedang memandangnya. Mereka bertentang mata dan selepas seketika,mereka sama-sama melepas tawa. Mereka sendiri tahu apa yang Melur katakan itu ada benarnya dan diperli seperti itu membuatkan Firdaus geli hati.

“Kenapa? Kena smash dengan mulut puaka ya?” Soalan Firdaus mencetus tawa Melur.

“Bukan mulut je puaka tapi lagak pun macam diva. Kekwat. Sombong tak ingat dunia. Macamlah dia best sangat. Satu troli je pun.” jawab Melur bersungguh. Firdaus berkerut.

“Tak puas hati lagi tu.” kata Firdaus sambil menekan hujung hidung Melur. Melur ketawa lalu mengerutkan wajahnya sekali lagi.

“Jom tidur? Melur mengantuklah.” kata Melur perlahan. Firdaus mengangguk. Seperti biasa, Melur menyalami Firdaus.

“Melur minta maaf untuk salah silap Melur hari ni. Minta halal semua yang abang dah bagi pada Melur.” kata Melur lembut disudahi salamnya. Firdaus menjawab salam Melur perlahan. Dia mematikan lampu utama. Ditemani cahaya dari lampu sisinya,Firdaus terus berfikir tentang kata-kata Melur tadi. Dia tidak dapat tidur.

“Abang,kalau diberi pilihan,Melur memang tak nak kerja sebab nak tumpukan perhatian pada abang dan rumahtangga kita. Tapi,kalau abang suruh Melur kerja,Melur akan ikut cakap abang.” tiba-tiba Melur bersuara dalam kesamaran.

“Kenapa?” soal Firdaus tidak mengerti maksud sebenar Melur.

“Suruhan suami tu kan perintah? Jadi Melur kena ikut kalau itu yang terbaik.” jawab Melur lembut sambil meletakkan tangannya di atas tangan Firdaus. Firdaus diam seketika sebelum tersenyum kecil.

“Abang tanya je. Bukan suruh. Tidurlah.” kata Firdaus mengakhiri. Dia berbaring di sisi Melur. Menatap wajah Melur dalam kesamaran cahaya dari luar bilik.

‘Adriana Zulaika. Cantik dan baik. What else?’ Sepi. Firdaus masih berfikir. Tiba-tiba bayangan Dee muncul di ruangan matanya.

‘Ahh! Dee pun cantik juga. Baik juga. Aku sayang dia. Bila kami kahwin,Dee pun akan buat yang terbaik untuk aku dan rumahtangga kami. Kan Dee?’ Sepi. Firdaus sedikit ragu. Tapi dia perlu yakin akannya.

‘Ya,dia akan buat. Untuk aku.’

TQSM kepada semua teman2 khususnya dari Indonesia yg sudi mendapatkan novel ni dari cnc. Walaupun biaya kirimnya agak lumayan. Love u all.

Bab 33

Follow cnc
FB : Ciknorcinta Novelis
IG : taeamo.ciknorcinta
(Untuk beli buku/be my friend ☺)

❤ Firdaus baru sahaja menyudahkan perbualannya dengan Dee. Wanita itu membatalkan janji temu mereka kerana harus ke Melaka atas urusan penting. Firdaus merinduinya namun Firdaus memahami tugasnya sebagai pengurus projek syarikat. Mahu tidak mahu,dia terpaksa menahan rindunya terhadap Dee. Dia duduk di sofa lalu melakukan kerja-kerjanya yang sedikit terbengkalai.

“Abang,tolong urut Melur sekejap. Pinggang Melur sakit.” tiba-tiba dalam ralit menekuni kerja di komputer ribanya,Melur datang menerjah dengan permintaan itu. Firdaus mendongak memandangnya.

“Eishh! Mengada-ngada la pulak.” kata Firdaus sedikit rasa terganggu.

“Melur tak ada masa nak bertekak dengan abang. Cepat sikit. Melur banyak kerja lagi ni.” kata Melur tanpa mengendahkan kata-kata Firdaus. Dihulurkannya sebotol minyak urut kepada Firdaus. Firdaus terdiam memerhati minyak panas kayu merah itu.

“Abang,cepatlah.” desak Melur lagi sambil tangannya mengurut-ngurut belakang pinggangnya. Melihatkan itu,Firdaus terus mengambil minyak angin itu dari tangan Melur. Dia tahu Melur tidak bergurau atau sengaja mengada-ngada dengannya. Melur terus berbaring meniarap di atas karpet beralaskan sebiji bantal. Firdaus duduk di sisinya lalu membuka zip baju ala romper yang Melur pakai. Matanya tertancap di situ.

‘Fuhh...kulit dia...’desis hati Firdaus. Perlahan Firdaus menuang minyak angin ke belakang pinggang dan sebahagian lagi di tengah belikat Melur. Dia mula mengurutnya perlahan-lahan.

‘Ya Rabbi,boleh luruh bulu roma aku ni. Budak ni selamba dia je suruh aku urut bagai.’ kata hati Firdaus lagi. Matanya tidak mampu dialihkan dari melihat kulit Melur.

“Kuat-kuat sikit abang.” kata Melur perlahan tapi jelas. Firdaus mengikut.

‘Alamak,sekali macam Tau Fu Fa daa... Letak sirap madu,sedap ni.’ katanya lagi merujuk kepada kulit Melur yang lembut dan gebu itu.

“Mm..sedapnya...pandai abang urut. Lepas ni boleh terbanglah Melur.” kata Melur bersama mata yang terpejam. Sesekali dia berkerut kelegaan. Firdaus hanya mampu menelan liur.

“Mmh...sss...sedapnya...mmh...” kata Melur lagi bersama wajah yang menggambarkan perasaannya ketika itu. Firdaus terus mengusap belakang Melur sambil menahan nafasnya.

‘Dia buat bunyi macam tu pulak dah. Dah seriau dah aku ni.’ bisik hati Firdaus lagi.

“Kuat sikit abang. Mmhhh...” Firdaus meniup nafasnya.

‘Mak aii...dah la macam Tau Fu Fa,ada seductive sound pula tu.’ kata Firdaus lagi dalam usaha menahan rasa. Sekejapan Melur menukar posisinya dengan berbaring terlentang mengadap Firdaus. Dia berpaut pada leher Firdaus dan memaksa lelaki itu mendekat dengannya. Wajah mereka bertemu dengan jarak sejengkal cuma.

“Ada rasa macam nak 'ngap' Melur tak?” soal Melur serius. Firdaus berkerut. Terkejut.

“Hah? Selambanya? Soalan apa tu?” soal Firdaus semula. Melur ketawa kelucuan dapat mengenakan Firdaus. Dia melepaskan leher Firdaus dan duduk sambil menggeliat kecil. Ditegakkan postur tubuhnya sambil memegang pinggangnya. Dia memejamkan matanya sambil menarik nafasnya. Lega. Firdaus diam memerhati. Melur membuka matanya semula, senyum dan mengucapkan terima kasih kepada Firdaus. Lelaki itu tidak senyum.

“Jom tolong Melur masak.” kata Melur bagai membuang ralit Firdaus terhadapnya sambil menarik tangan Firdaus untuk bangun bersamanya.

“Ishk,abang tak pernah masuk dapur la. Memang tak pandai langsung.” balas Firdaus tidak mahu. Melur mengisyaratkan agar Firdaus menutup zip bajunya semula. Firdaus menurut. Melur berpaling mengadapnya.

“Bawang,abang kenal kan?” soal Melur. Firdaus hanya mengangguk perlahan.

“Okeylah tu. Jom.” jawab Melur sambil menarik tangan Firdaus ke dapur.

Mereka masuk ke dapur. Ternyata semuanya sudah tersedia di atas meja persediaan memasak. Ada dua bakul yang berisi dengan pelbagai bahan masakan. Di dalam sinki pula,ada sebesen sederhana besar yang memuatkan pelbagai jenis makanan laut di dalamnya.

“Okey,dok sini. Tolong potong bawang-bawang ni. Hati-hati pisau ni tajam.” kata Melur mengarahkan. Juga Firdaus menurut.

“Ni Melur nak kenalkan,yang ni bawang merah,ni bawang putih dan yang ni bawang besar. Yang ni pula halia,kunyit dan yang ni lengkuas. Ni cili merah dan yang ni cili hijau. Yang kecil ni cili padi merah dan yang ni cili padi hijau. Yang ranum ni capsicum,ada merah, kuning dan hijau. Macam traffic light. Yang comel ni pula baby corn,yang gebu ni kentang, dan yang arnab suka ni carrot. Ada versi besar dan versi baby. Akhir sekali,tomato. Ini yang mummy tomato dan yang ni baby tomato.” kata Melur memperkenalkan rempah ratus itu kepada Firdaus bersama senyumannya. Firdaus diam memerhati.

“Yang ni daun bawang,daun sup,daun kucai dan yang ni daun seleri. Yang ni pula daun kari, daun kunyit,daun kesum dan yang ni daun limau purut. Ni pula serai,daun salam,limau purut, limau nipis,limau kasturi,batang saderi,dan bunga kantan. Abang hidu setiap satu untuk abang tahu perbezaannya.” Firdaus menurut lagi. Dihidunya satu persatu daun-daun yang Melur sebutkan itu. Sengaja Melur mengeluarkan semua rempah ratus itu untuk Firdaus belajar tentangnya. Kemudian Melur ke rak bahan herba kering pula.

“Haa,ni semua rempah empat sekawan. Kenalkan yang ni kulit kayu manis,bunga lawang, bunga cengkih dan buah pelaga. Kalau masak sup,kari,nasi,gulai-gulai,biasanya guna mereka nilah. Bestkan bau dia?” Firdaus mengangguk perlahan.

“Yang ni ketumbar,jintan manis dan jintan putih. Yang ni pula dalam bentuk serbuk. Lagi senang nak guna. Perap satay guna bahan-bahan nilah. Dan yang ni

lada hitam,lada putih dan serbuknya. Yang ni pula buah pala,buah keras,biji sawi dan halba.” sambung Melur lagi. Firdaus diam sambil mengkaji setiap bahan tersebut tanpa disedarinya.

“Herba-herba mat saleh macam oregano,thyme,basil,rosemary,dill,terragon segala bagai tu, nanti-nanti Melur kenalkan. Yang penting bahan-bahan masakan kita dulu kena arif. Banyak lagi ni yang Melur nak tunjuk. Macam serbuk kari,serbuk kurma,serbuk kari ikan,rempah kerutub,rempah kuzi,rempah nasi beriani semua tu. Banyak lagilah. Satu-satu ya?” kata Melur lagi mengharapkan Firdaus berminat untuk belajar. Sepertinya tidak.

“Sekarang bawang-bawang ni buang kulit dan potong cun-cun ya?” kata Melur menyudahkan muqadimahnya. Kali ini juga Firdaus menurut arahannya tanpa banyak bicara. Dia mengupas bawang-bawang yang tersedia dan memotongnya seperti yang Melur ajarkan. Bukan seulas dimayangnya. Hampir penuh satu mangkuk. Tidak lama,Melur terdengar bunyi esakan kecil dari arah belakangnya. Dia yang sedang menyiang ketam dan udang,menoleh memandang ke arah Firdaus. Melur senyum dan mendapatkan Firdaus.

“Ishk,tak payahlah nangis. Melur bukan pukul abang pun. Melur suruh abang potong bawang je. Itu pun nak sedih? Touching la abang ni.” kata Melur bergurau sambil menghulurkan tisu kepada Firdaus. Firdaus menjelingnya.

“Perlilah tu. Ingat senang ke potong bawang ni? Lepas ni jangan suruh abang masak pulak. Tak kuasa.” jawab Firdaus sedikit marah. Manakan tidak,mata dan hidungnya sudah berair.

“Hello,orang lelaki pun kena pandai masak juga tau? Tak adalah nanti kalau isteri sakit,si suami order makan kat kedai pulak. Masak sendiri boleh ikut tekak sendiri. Lagi bersih, selamat dan suci macam iklan ubat gigi tu.” balas Melur tidak mahu mengalah.

“Sorry,tak minat. Bukannya tugas abang nak kena masak ni semua. Leceh.” Giliran Firdaus pula membalasnya. Melur mendengus perlahan.

“Leceh tak leceh,Melur nak abang belajar memasak. Sekurang-kurangnya boleh masak untuk diri sendiri. Manalah tahu,besok-besok Melur sakit dah tak larat masuk dapur,abang boleh masakkan untuk kita.” kata Melur bertegas.

“Abang sado pun kena pandai masak juga. Ni harap muscle je besar tapi tak

boleh guna. Sia-sia jadi lelaki.” pintas Melur sebelum sempat Firdaus berkata apa-apa.

“Dah dah. Jangan nangis. Potong cantik-cantik.” sambung Melur lagi tanpa mempedulikan keengganan Firdaus untuk belajar memasak itu. Melur berlalu ke sinki menyambung kerjanya semula. Melur bukan mahu memaksa Firdaus melakukan tugas yang menjadi tanggungjawabnya sebagai isteri,tetapi Melur mahu Firdaus belajar sesuatu tentang kehidupan sebagai suami. Sekurang-kurangnya Firdaus tahu menyediakan sarapan sendiri andai Melur sudah tidak berdaya nanti. Mahu tidak mahu Firdaus terpaksa menurut.

‘Selamba dia je suruh aku buat semua ni. Ingat aku ni perempuan ke apa?’ rungut Firdaus di dalam hati. Tangannya mengupas kentang tetapi matanya menjeling kepada Melur.

“Auchh!” Terkejut Melur mendengar suara suaminya. Cukup kuat di telinganya. Suara itu membuatkan Melur sekali lagi mendapatkan Firdaus.

“Kenapa? Luka?” soal Melur cemas. Firdaus hanya mengangguk sambil meniup jarinya yang sakit itu. Melur ke peti ais mengambil ais dan kembali semula. Melur memasukkan jari telunjuk Firdaus ke dalam mangkuk berisi ais itu.

“Okey tak?” soal Melur selepas seketika. Firdaus mengangguk lega. Melur senyum dan keluar mengambil peti ubat. Dia datang semula lalu menyapu krim antiseptik,ubat luka dan membalut jari Firdaus.

“Encik Pisau ni nakal dia ya? Biasa dia tu. Nak kena punish dia ni.” kata Melur serius kepada pisau yang telah melukakan jari suaminya. Di hujungnya dia menahan senyum. Firdaus menjelingnya. Melur mengucup hujung jari Firdaus lalu merapatkan tubuhnya ke tubuh Firdaus yang sedang duduk di kerusi. Ditatapnya mata Firdaus. Sepi.

“Abang nampak tak syaitan kat tepi kita ni?” soal Melur berbisik. Firdaus berkerut sambil menjeling ke kiri dan kanannya melalui ekor matanya.

“Dia tengah hasut kita buat...tuut...” sambung Melur lagi berbisik di telinga Firdaus pula. Makin berkerut wajah Firdaus dibuatnya.

“Kat dapur pulak tu. Daring tak?” soal Melur dengan tona sedikit kuat dari sebelumnya. Firdaus terkejut sambil menelan liurnya. Melur melepas tawa

melihat riak wajah Firdaus. Firdaus bangun dan keluar dari ruang dapur. Dia tidak betah lagi berada di situ bersama Melur. Bulu romanya meremang setiap kali Melur mendekatinya.

‘Fuhh,nasib baik. Kalau tak,pisau tu akan jadi saksi aku dengan Melur...’ katanya sambil menarik dan menghembus nafasnya melalui mulutnya. Tengkuknya digosok-gosok perlahan.

‘Melur ni,selamba dia je goda aku. Skill bapak punya daring.’ bisik hatinya lagi menyalahkan kenakalan Melur itu.
Ya,sekali lagi Melur berjaya mengenakan Firdaus. Bukan niatnya mahu nakal seperti itu tetapi sengaja dilakukannya untuk mengalih perhatian Firdaus terhadap kesakitan luka di jarinya. Itu sahaja. ✌

Untuk sebarang informasi tentang pembelian MRW dr cnc sendiri,sila follow, PM @ DM cnc yer. Tq

Bab 34

Follow cnc
FB: Ciknorcinta Novelis
IG : taeamo.ciknorcinta
(Beli buku /@ be my friend ☺)

❤Firdaus kembali menyambung kerja-kerjanya semula. Berteleku di sofa sambil mengadap komputer ribanya. Sebuah fail menjadi bahan rujukannya. Dibelek-beleknya isi dari fail tebal itu sehelai demi sehelai. Mengkaji prospek projek terbaru dari salah sebuah anak syarikatnya bersama Raikarl. Sebuah syarikat yang mengeluarkan pelbagai jenis cenderahati ekslusif,piala sukan, pingat,anugerah,logo syarikat, pakaian rasmi dan sebagainya yang ekslusif untuk pelbagai syarikat korporat,agensi kerajaan dan untuk semua majlis formal. Sesekali dia menghirup jus sejuk yang Melur sediakan untuknya tadi. Mata dan perhatiannya tetap pada komputernya. Penat tapi itulah yang Firdaus suka lakukan. Dia sukakan bisnes dan lebih sukakan nombor.

“Abang,makan tengah hari dah siap. Abang nak makan sekarang ke?” soal Melur dari pintu dapur. Firdaus tidak menoleh.

“Takpelah,abang kenyang lagi. Abang makan esok je.” jawab Firdaus serius tanpa memandang ke arah Melur. Mendengarnya Melur senyum.

“Alang-alang tu,makan jelah lusa. Tak pun hujung bulan ni. Nak kick lagi,abang makan je tahun depan. Lagi lama lagi kaw rasanya.” sambut Melur menyindir dalam gurauan. Ya,Melur tidak akan pernah mahu mengalah jika berbalas kata. Kali ini Firdaus menoleh bersama jelingannya sebelum matanya kembali ke skrin komputer ribanya. Jika dia melayan Melur dengan saling berbalas kata,dia tahu dia tidak akan menang. Isterinya itu seorang yang bijak dan lebih bijak melepaskan dirinya. Dia umpama Siti Muslihat zaman moden. Daripada dia melayan mulut Melur itu,lebih baik dia melayan kerja-kerjanya yang pastinya mendatangkan keuntungan buatnya.

Melur menanggalkan apron yang dipakainya dan disangkut di tempatnya. Dia

mencuci tangan sebersihnya dan memastikan ianya wangi. Selepas itu Melur mengelap wajahnya dengan tisu bayi untuk menghilangkan asap jelaga dan kesan minyak ketika memasak tadi. Firdaus pula semakin ralit dengan kajiannya dan membuat kira-kiranya sendiri. Matanya bersinar apabila berurusan dengan sejumlah nombor dan kira-kira di hadapannya. Semua itu cukup ‘menghiburkan’ buatnya.

“Abang sibuk?” tiba-tiba dalam ralitnya menekuni carta di komputer ribanya,Melur datang menyapanya bersama pelukan di bahunya diikuti kucupan sesaat di pipinya.

“Rasa-rasa abang sibuk ke tak ni?” soal Firdaus menyindir tanpa menoleh memandang Melur. Melur senyum sambil terus memeluk bahunya dari belakang.

“Jari abang tu sakit lagi ke?” soal Melur sambil melirik jari telunjuk Firdaus yang berbalut itu. Firdaus berhenti menaip. Dia mendekatkan jarinya ke wajah Melur.

“Kenapa? Tak puas hati lagi ke? Nak ‘tambah’ satu lagi jari?” soalbalik Firdaus buat Melur berkerut. Dia menahan senyum. Firdaus menjelingnya.

“Kali ni nak suruh abang potong apa pulak?” sambung Firdaus lagi menyindir.

“Jangan potong mood Melur dah la.” jawab Melur manja. Kedua-dua tangannya masih lagi berpaut di bahu Firdaus. Firdaus mengerlingnya dari ekor mata.

“Siapa yang potong mood siapa ni?” soal Firdaus semula. Melur berdecit.

“Yelah,sorry dah buat abang luka. Lain kali Melur buat lagi. Hee hee..” usikan Melur sekali lagi mengundang jelingan Firdaus. Dia menggeleng sambil mendengus. Matanya yang tertancap di skrin komputer,terus ralit di situ. Sesekali bibirnya bergerak-gerak membaca apa yang terdapat di situ. Sesekali jarinya menekan-nekan kalkulator di sisinya. Melur diam memerhati minat suaminya itu.

“Mm..banyaknya nombor. Serabut mata Melur ni tengok.” Melur bersuara memecah ralit Firdaus yang merujuk kepada jumlah nombor dan kira-kira yang banyak di hadapan matanya. Kali ini Firdaus menoleh sedikit. Memandang Melur dari ekor matanya.

“Jangan berani nak kutuk nombor. I love number and it means everything to me.” kata Firdaus sedikit tegas. Baru sahaja Melur mahu membuka mulutnya,Firdaus sudah memintas.

“And I can’t live without number.” katanya dengan nada seperti tadi.

“But I hate number.” jawab Melur dengan nada rajuk meleret diiringi memek muka masamnya. Firdaus berkerut mendengarnya dan menjentik perlahan bibir Melur,tanda marah.

“Arkitek apa tak suka nombor? Ni mesti degree beli ni kan?” soal Firdaus lalu melagakan pipinya ke pipi Melur di hujung ayatnya. Melur mengangguk dan melepas tawa kecilnya.

“Abang dulu ambil course Mathematics and Statistics kan?” soal Melur kepada suaminya yang pernah belajar di Stanford University California itu. Firdaus mengangguk menjawab soalan Melur.

“Minor abang ambil accountancy kan?” Sekali lagi Firdaus mengangguk.

“Mesti abang cekap gila kalau bab kira-kira ni kan?” Firdaus berkerut tetapi di hujungnya dia mengangguk lagi.

“Boleh Melur tanya satu soalan?” soal Melur manja.

“Tentang apa?”

“Matematik la. Takkan perbidanan pulak.” jawab Melur selamba. Firdaus menjelingnya.

“Nak tanya apa? Kalau fasal maths,usahkan satu soalan. Sepuluh pun abang boleh jawab.” sambut Firdaus bersemangat. Melur merapatkan pipinya ke pipi Firdaus.

“135 tambah 298,bahagi 20,darab 365,tambah 497,equal?” soal Melur tanpa memikirkan jumlahnya. Soalan itu hanya mengalir keluar dari mulutnya begitu sahaja.

“6,070.5.” jawab Firdaus laju sahaja. Melur senyum dan mencium pipi suaminya.

“420 darab 35,tambah 932,darab 47,bahagi 10,tambah 734,darab 42. Jumlahnya?” soal Melur lagi menguji Firdaus. Firdaus senyum.

“49,908.4.” Laju sahaja Firdaus memberikan jawapannya.

“316 bahagi 12 kuasa 2,darab 13 kuasa 3 tolak 15 kuasa 2. Equal?” soal Melur lagi.

“4,596.1” Sekali lagi tanpa mengambil masa yang lama,Firdaus menjawabnya dengan lancar.

“Pandai abang.” puji Melur lalu mengucup pipi Firdaus sekali lagi. Firdaus senyum.

“Bukan abang nak bangga diri tapi rasanya Melur silap orang kalau nak test abang macam tu. Zaman sekarang ni budak-budak pun boleh jawab tau? Apatah lagi abang.”

“Tapi Melur tak boleh jawab. Tak tahu pun jawapannya apa. Melur main redah je tadi. Kalau abang jawab salah pun,Melur tak tahu.” jawab Melur manja perlahan. Firdaus mendengus tawa mendengarnya.

“One last question okey?” soal Melur sedikit manja. Firdaus mengangguk.

“Okey,satu tambah satu jadi berapa?” Firdaus berkerut mendengarnya.

“Soalan apa tu? Jadi dua la.” jawab Firdaus dalam nada yakin tetapi sedikit ragu. Pelik dengan soalan yang Melur tanyakan. Melur menggeleng tanda salah. Dia berlalu ke hadapan Firdaus dan duduk di atas riba lelaki itu.

“Satu.” katanya sambil meletakkan tangannya di dada Firdaus.

“Tambah satu.” katanya lagi sambil meletakkan tangan Firdaus di dadanya. Kemudian dia merapatkan tubuhnya ke tubuh Firdaus. Kedua-dua tangannya memaut leher Firdaus.

“Jadi satu.” kata Melur berbisik di telinga Firdaus sambil memeluknya. Firdaus tersenyum di sebalik pelukan Melur. Melur meleraikan sedikit pelukannya dan menatap mata Firdaus.

“Betul tak jawapan saya Mister Math?” soal Melur perlahan. Firdaus menahan senyum lalu menjentik perlahan bibir Melur dengan jari telunjuknya.

“Nakal.” kata Firdaus lalu menampar perlahan pipi Melur. Melur melepas tawa manjanya. Sedikit rasa bahagia menerpa hatinya. Sekurang-kurangnya Firdaus ada di sisinya hari ini. Mampu menerima gurauannya tanpa memanggilnya ‘budak sengal’.

Untuk sebarang pertanyaan tentang pembelian novel MRW, sila pm @ dm cnc terus ya. Tqsm

Bab 35

Firdaus meluangkan masa lebih dari biasa untuk bersama Dee hari ini. Selepas makan tengah hari,Firdaus tidak terus balik ke pejabat. Ini sahaja masa yang dia ada untuk bersama Dee,jika tidak pada hujung minggu. Bagi Firdaus,setiap detik yang ada itu sangat berharga kerana dia tidak lagi sebebas dahulu untuk keluar bersama Dee. Melur. Bukannya dia tidak tahu tetapi dia harus buat tidak tahu. Dia tidak mahu memikirkan apa-apa. Dia hanya mahu menjalankan tugasnya sebagai isteri sebaik mungkin. Itu sahaja. Seperti perjanjian mereka, Melur tidak akan mencampuri urusan suaminya dengan Dee. Di rumah,Firdaus adalah suaminya tetapi di luar,Firdaus bebas sebebasnya.

“Fir,hujung minggu ni kita keluar ya? Dah lama kita tak spent time bersama. Apa kata kita turun JB 2 hari? Shopping.” soal Dee memulakan. Firdaus menarik nafasnya perlahan.

“I tak boleh Dee. I dah janji nak keluar dengan Melur.” jawab Firdaus tenang.

“Dah sebulan you kahwin dengan dia,tiap-tiap minggu you keluar dengan dia. Kenapa dengan you ni Fir? You dah tak ingat I lagi ke? Syok sangat ke keluar dengan si Melur tu? Wangi sangat ke dia?” Firdaus ketawa. Langsung fikirannya teringatkan Melur.

“Wangi. Dah nama pun ‘Melur’ kan?” Firdaus berseloroh tetapi hatinya berkata benar.

“You jangan nak bagi I marah Fir.” Firdaus berhenti ketawa. Begitulah Firdaus kebiasaannya. Dia akan sentiasa mengikut angin dan kemahuan Dee. Dan itulah juga yang keluarga Firdaus tidak suka. Dee tidak melayan Firdaus seperti seorang lelaki yang harus dihormati. Sikap mudah mengalah Firdaus itulah yang keluarganya bimbangkan.

“Dee,you tahukan I memang kena spent time dengan dia? At least seminggu sekali.”

“Masalahnya tiap-tiap minggu you keluar dengan dia sampai you tak ada masa langsung untuk I.” balas Dee sedikit kuat tona suaranya.

“Dee,you tahu kan I buat demi you,demi kita? Dengan cara ni je,kita boleh kekalkan hubungan kita ni.” Firdaus masih cuba memujuk dengan suara romantisnya itu.

“Sampai bila Fir? Kenapa you takut sangat dengan dia ni? I nampak you ikut semua syarat yang dia kenakan pada you. Kenapa Fir?” Dee masih juga tidak mahu mengerti.

“Dee,I dah bagitahu you sebelum ni kan. Memang ni perjanjian kami berdua supaya I boleh teruskan hubungan dengan you. Kalau tak,I takut dia akan bagitahu abi.”

“You takut abi ke you takut bini?”

“Dee...” Dee bangun dari bangkunya. Dia mendengus kuat melepas marahnya.

“Fir,you tu suami. You kena tegas. Lagipun you berdua kahwin bukan suka sama suka. Apa yang you nak takutkan? Dia tak akan berani nak bagitahu abi you kalau you tu tegas. Ni,you lembik macam ni,naik kepala la dia. Tumbuh tanduklah jawabnya.” marah Dee lebih kuat dari sebelumnya. Entah kenapa,Firdaus rasa panas mendengarnya.

“Habis you nak I buat apa? Marah dia? Pukul dia? I tak pernah tinggikan suara dengan perempuan,dan I tak akan pernah naik tangan pada perempuan. Apatah lagi dia isteri I sendiri.” jawab Firdaus masih berusaha mengawal tona suaranya.

“What? Isteri? Oo..baru sebulan kahwin dia dah berjaya jadi isteri you? Kalau setahun dia jadi apa pulak bagi you? Dan I ni apa? Perempuan simpanan you?” bantah Dee bersungguh. Firdaus menarik nafas dalam-dalam. Dia teringatkan Melur.

“Dee,so far dia jadi isteri I yang baik. I tak ada sebab nak marah dia. Lagipun dia minta salah satu hari pada hujung minggu untuk bersama dengan I. Kalau tak Sabtu,Ahad. Kita memang keluar bersama juga kan? Hari-hari pun kita jumpa. Apa yang jadi hal sangat ni?” ulas Firdaus bertegas dengan penerangannya. Dia mahu Dee memahami keadaan.

“Hari-hari jumpa pun sejam time makan je. Tak macam sebelum ni. Balik kerja kita boleh spent time sampai lewat malam. Sekarang ni awal-awal lagi you dah lesap.” marah Dee dengan wajah serius. Firdaus menghembus nafasnya. Dia perlu merubah suasana. Dia tidak mahu Dee terus-terusan marah begini. Nanti dia juga yang tidak keruan.

“Ye ke? Patutlah I rasa penat je selama ni. Macam tak cukup tidur je. Rupa-rupanya sebab I balik lambat.” Gurauan Firdaus membuatkan Dee menampar bahunya.

“Jadi you salahkan I la ya?” Firdaus ketawa lalu memegang bahu Dee.

“Kenapa marah-marah ni?” soal Firdaus lembut romantis.

“You tak faham perasaan I. Boyfriend I dah kahwin dengan perempuan lain. Cantik pula tu. You fikir I syok ke tengok you dengan dia? Bila I fikirkan pun I boleh jadi gila you tahu tak? You masih boleh tanya kenapa?” Firdaus senyum. Sekali lagi dia teringatkan Melur.

“Dia cantik ke?” soal Firdaus perlahan. Dee menjeling marah.

“You tahu jawapannya Fir. You tak buta.” Jawapan Dee buat hati Firdaus berbunga. Ya, sekurang-kurangnya dia tahu dia memiliki isteri yang cantik dan diakui kekasihnya sendiri.

“Isteri I lebih cantik dari girlfriend I ke?” soal Firdaus lebih perlahan sambil menatap wajah Dee dari dekat.

“You rasa?” soal Dee senada dengannya. Firdaus senyum.

“I rasa... Ya.”

“Fir!” marah Dee. Firdaus mematahkan angin Dee sekali lagi. Firdaus ketawa.

“No la sayang. You lebih cantik dari dia. Di mata I hanya you yang cantik. Kalau tak,I tak akan melekat kat sisi you sampai sekarang tau? Dah tujuh tahun kot.” Dee senyum.

“Betul ni?”

“Of cause la. Tengoklah girlfriend siapa. Firdaus Iskandar kot.” Jawapan Firdaus buat senyum Dee melebar. Hatinya gembira.

“Hari Ahad kita keluar ya?” pujuk Firdaus dan Dee mengangguk gembira. Firdaus memeluk bahu Dee tetapi ingatannya pada Melur. ‘Apa la yang budak selamba tu tengah buat sekarang? Apa yang dia masak malam ni agaknya?’ Firdaus senyum sendiri.

‘Tak sabar nak tengok uniform dia hari ni. Si cantik selamba.’

Jangan lupa vote ya
Tqsm 4 ur supports
22 July 2022
-CnC-

Petangnya Firdaus pulang lebih awal. Kepulangan yang tidak disedari Melur. Firdaus langsung ke dapur mencari Melur. Dia berdiri di pintu dapur dan menatap sekujur tubuh Melur yang hanya memakai dress tanpa lengan paras paha warna ungu diraja. Warna yang menyerlahkan kulit putih Melur. Dia mengelap peluh geram di atas bibirnya.
“Woi budak! Masak apa tu?” Melur yang sedang menyiang sayur di singki,terkejut disergah begitu. Dia memejamkan mata dan menarik dalam nafasnya. Dia berpaling.
“Woi orang tua! Tak reti bagi salam ke?” jawab Melur senada Firdaus.
“Amboi budak ni,berani sound balik tu.” Firdaus membalas sambil menahan senyum..
“Amboi orang tua ni,tak puas hati lagi tu.” kata Melur sambil bercekak pinggang.
“Budak ni nak kena agaknya.” balas Firdaus sambil menyinsing lengan bajunya.
“Orang tua ni nak juga lagaknya.” Firdaus menghampiri. Melur juga. Saling berpandangan. Firdaus memegang kedua-dua tangan Melur dan meletakkan di belakang pinggang Melur.
“Woi budak! Nak lawan ke?” soal Firdaus perlahan.
“Woi orang tua! Kalau geram cakap geram. Tak payah nak cover line.” jawab Melur senada.
“Kalau orang tua ni geram,budak tu nak buat apa?” soal Firdaus berbisik dalam senyuman.
“Buat selamba.” jawab Melur perlahan. Firdaus mendengus tawa.
“Orang tua boleh lepaskan tangan budak ni tak? Sakit.” Firdaus terkejut dan

segera melepaskan. Melur berpaling ke singki semula. Firdaus merapatkan tubuhnya ke tubuh Melur. Kedua-dua tangannya bertongkat di tepi singki,membuatkan Melur berada di tengah-tengah bukaan tangan Firdaus.
“Budak selamba masak apa hari ni?” bisik Firdaus di telinga Melur. Melur tersenyum kecil. Dia memusingkan tubuhnya ke arah Firdaus. Wajah mereka bertemu.
“Masaklah kau!” Jawapan Melur buat Firdaus ketawa kecil. Dia berundur ke belakang.
“Tunggu...” jawab Firdaus sambil mengangkat jari telunjuknya kepada Melur. Melur senyum. Firdaus naik ke tingkat atas. Hatinya senang sekali dapat bergurau dengan Melur. Tetapi senyumannya mati saat fikirannya teringatkan Dee.

Bab 36

Minggu ini Melur telah menganjurkan sebuah perhimpunan keluarga bersama keluarga Firdaus. Dia yang menguruskan semuanya termasuk tempat penginapan, makanan dan aktiviti yang bakal mereka lakukan bersama nanti. Melur mahu mengenali keluarga Firdaus lebih rapat lagi juga mahu mengeratkan silaturrahim antara dirinya dan keluarga itu. Firdaus hanya menyumbang dari segi kewangan.

Bertempat di sebuah banglo yang berhampiran pantai,tengah hari ini semuanya telah berkumpul. Umi,abi,Firman,Malia,Damia dan Rania,semuanya tiba dengan menaiki dua buah kenderaan sahaja. Melur dan Firdaus tiba sehari lebih awal untuk menguruskan tentang semuanya. Melur telah menyiapkan makan tengah hari berupa nasi ulam,gulai daging,urap sayur dan ayam bakar. Mereka semua kelihatan berselera sekali namun keadaan begitu sepi. Jika ada yang bersuara pun hanya Damia,yang sesekali minta ditambahkan lauk ke pinggannya. Yang lain seolah-olah berada di dalam dunia mereka sendiri termasuklah Firdaus.

“Aa..ada siapa-siapa kat sini yang nak dengar lagu tak?” soal Melur mesra mahu memecah kesunyian. Semua di meja mengalih pandang padanya. Sepi.

“Sebab Melur rasa sunyilah. Tak ada bunyi langsung. Cicak pun takut nak bersuara.” Firdaus segera menyiku lengan Melur tanda memberi amaran. Sayangnya Melur buat muka selamba bersama sengih nakalnya. Sepi lagi.

“Apa kata Melur nyanyi? Nak tak?” soal Melur lagi walaupun tiada respon.

“Melur,tolong senyap...sayang.” Firdaus memberi amaran lagi. Melur senyum lagi.

“Cengkerik manakah yang bersuara itu? Mengaku raja seperti aku? Nantiku sumpah menjadi batu. Baru kau tahu untung nasibmu.” Nyanyi Melur yang ditujukan kepada Firdaus pada awalnya. Ya,Firdauslah ‘cengkerik’ itu. Sepi. Tiada yang bersuara. Tiba-tiba Rania ketawa rancak,lucu dengan nyanyian Melur. Dia menepuk meja.

“Hei,siapa kau?” soal Rania sedikit kuat. Melur senyum bersama mata yang riang.

“Akulah Raja.”

“Raja mana?” soal Rania semula bersama gayanya sekali.

“Raja Kapur.” jawab Melur bersungguh. Firdaus terdiam melihatnya.

“Hei Raja Rapur,kenapa muka kau macam tepung gomak?”

“Hei apa dah goomaak...?” Melur menyudahkan dan mereka berdua ketawa riang. Ketawa mereka disusuli dengan tawa Firman,Malia,Hajah Rohana dan Damia yang bertepuk tangan melihat aksi makcik-makciknya itu. Firdaus pula menutup mulutnya sambil menahan tawa. Namun,Haji Nasarudin seorang tidak ketawa yang menyebabkan semua orang berhenti ketawa. Haji Nasarudin memandang semua orang sebelum berdehem.

“Walaupun rupamu tidak ku kenal,tetapi lobang hidungmu tetap menjadi pujaan hatiku.” tiba-tiba Haji Nasarudin juga melontarkan dialognya. Semua orang terkejut dan diam.

“Cut!” kata Melur menyambut. Dia bangun.

“Cayalah abi! Give me five!” kata Melur sambil mengangkat tangannya ke arah bapa mertuanya. Haji Nasarudin tergamam tetapi akhirnya dia menampar tangan Melur. Selepas itu semua yang ada melepas tawa. Firdaus terkejut dengan perubahan yang mendadak ini. Sikap selamba isterinya telah mengubah situasi. Ajaibnya selepas itu semua orang mula bercakap sesama mereka. Tiba-tiba Melur berdiri dan menyua mukanya ke arah Haji Nasarudin.

“Abi suap Melur boleh? Nak rasa nasi abi.” Lelaki itu terkejut.

“Eh,bukan nasi kita sama ke?” soalnya kehairanan. Firdaus sudah berdebar-debar.

“Tak nak. Melur nak rasa abi punya. Cepatlah...” leret Melur manja. Haji Nasarudin memandang isterinya dan beralih kepada Firdaus sebelum menatap wajah ayu Melur. Akhirnya dia menyuap nasi itu ke mulut Melur.

“Mmm..sedapnya abi... Nasi otai memang lain rasanya. Best! Thank you abi.” kata Melur bersama mata yang terpejam. Lelaki itu tersenyum senang mendengarnya.

“Nasi umi Melur tak nak rasa?” soal Hajah Rohana seperti cemburu. Melur rasa terharu. Dia bangun dan menerima suapan dari tangan ibu mertuanya.

“Memang best makan suap dengan orang tersayang.” kata Melur sedikit terharu. Kata-kata yang penuh pengertian. Selepas itu,semua orang mempraktikkan ajaran Melur itu. Mereka saling bersuapan dan bercakap sesama sendiri. Tetapi tidak antara Melur dan Firdaus.

“Admin,malam ni aktiviti apa?” soal Rania bersungguh.

“Solat Maghrib berjemaah. Abi imamnya. Lepas tu kita baca Yaasin sama-sama.”

“Lepas tu?” Malia pula yang menyoal.

“Makan!”

Melur memasak sup dan sos yang sedap untuk hidangan yang lebih ringan bagi makan malam mereka sekeluarga. Hidangan steamboat dan grill. Suasana tidak lagi seperti tengah hari tadi. Tidak lagi sunyi tanpa perbualan dan senda gurau. Firdaus merasa aneh dengan perubahan semua ahli keluarganya.

“Apa kata lepas ni kita main sorok-sorok?” usul Melur tiba-tiba.

“Wah! Bestnya kak. Suka suka suka.” Melur ketawa kecil.

“Kalau Nia suka,Nia yang jadi dulu.”

“Tu lagi Nia suka.”

“Tapi dengan satu syarat. Semua orang kena main termasuk umi dan abi.” Syarat yang Melur tetapkan itu,buat semua orang terdiam. Sepi. Firdaus sudah meraup-raup mukanya. Dia tunduk menahan debaran. Dia tahu abinya mungkin akan marah.

“Okey set!” Firdaus mendongak memandang abinya. Itu sungguh di luar

jangkaannya. Dia berkerut tidak sangka. Ketika Firdaus masih lagi terpinga-pinga dengan persetujuan abinya untuk bermain permainan budak-budak itu,seluruh isi keluarganya sudah bersorak riang. Mereka gembira kerana abi mahu ikut serta.

Setelah selesai makan malam,Melur ke dapur membersihkan semua pinggan mangkuk dan membiarkan ahli keluarga Firdaus duduk berbual di hadapan kaca televisyen. Firdaus turut menemani Melur di dapur tetapi dia hanya duduk sahaja. Fikirannya menerewang memikirkan apa yang sudah terjadi sepanjang seharian mereka di sini. Dia juga teringatkan Dee. Mungkin lebih baik andai Dee yang berada di tempat Melur sekarang. Seharusnya ini yang Dee lakukan sejak dari dulu lagi,tetapi Dee tidak pernah mahu mengambil hati keluarganya. Jika Dee datang ke rumah keluarganya pun,itu hanya ketika sambutan ulang tahun perkahwinan umi dan abi. Jika tidak,dia akan datang bertandang pada hari raya. Selebihnya,Dee hanya ada Firdaus dan mahukan Firdaus seorang sahaja. Tapi Melur...

Mereka memulakan permainan. Semua orang berlari mencari tempat persembunyian masing-masing. Tanpa dirancang,Melur dan Firdaus bertembung di hadapan almari besar di dalam sebuah bilik. Akhirnya mereka mengambil keputusan untuk sama-sama menyorok di dalam almari itu. Rania mencari-cari Firman dan Malia. Mereka sudah ditemui. Begitu juga dengan Damia. Terdengar suara Rania di luar almari,Firdaus merangkul pinggang Melur dan menarik tubuh Melur rapat ke tubuhnya. Melur bertempek di dada Firdaus. Tanpa sedar mereka berpelukan. Rania tahu abang dan kakak iparnya ada di dalam almari memandangkan kain Melur terkeluar sedikit dan tersepit di pintu almari. Rania senyum dan membiarkan mereka berdua di situ. Apabila Rania berlalu,Firdaus dan Melur saling menahan tawa. Firdaus menyuruh Melur senyap dengan menutup mulut Melur dengan 2 batang jarinya. Tangannya masih lagi merangkul pinggang Melur. Mereka saling berpandangan. Keadaan menyepi antara mereka. Ianya berlarutan sehinggalah Rania datang semula menemui mereka. Ajaibnya umi dan abinya juga bersembunyi sama seperti Firdaus dan Melur dan itu mencetus rasa cinta zaman muda mereka.

TQSM 4 Ur votes guys
22 July 2022
-cnc-

Bab 37

Hari ke dua perhimpunan keluarga Firdaus bermula dengan solat Subuh berjemaah. Usai solat Subuh,mereka sekeluarga melakukan aktiviti senaman yang diketuai oleh Firdaus. Selepas mandi dan solat Dhuha, mereka bersarapan pagi dengan hidangan nasi lemak ayam berempah. Melur sekali lagi menganjurkan permainan kanak-kanak iaitu teka teki secara berkumpulan. Dengan meniru gaya artis,lagu,filem,haiwan dan sebagainya. Itu telah mencetus riuh rendah di rumah itu. Mereka semua gembira. Kemudian mereka memasak bersama dan makan tengah hari. Usai solat Zohor berjemaah, semua orang berehat di bilik masing-masing manakala Firman dan Malia keluar membeli belah.

“Melur nak ke mana?” soal Firdaus apabila Melur mahu keluar dari bilik mereka.

“Melur nak ke dapur. Nak masak untuk makan malam.”

“Awal lagi ni. Rehat la dulu. Semua orang pun tengah rest kat bilik,ni Melur pula nak buat kerja?” Melur senyum dan berdiri di hujung katil.

“Kenapa? Abang nak Melur temankan abang tidur ke?” soal Melur lembut.

“Abang nak Melur rehat. Tu je.” jawab Firdaus serius.

“Sejak bila abang ambil berat fasal Melur ni?” Firdaus bangun menghampiri Melur.

“Sejak ada rasa di sini.” jawab Firdaus perlahan sambil menepuk dada kirinya. Sepi. Mereka saling bertatapan tetapi akhirnya Firdaus melepas tawa kecil.

“Perasan la tu? Dah hanyut ya?” soal Firdaus bersama tawanya. Melur tenang sahaja tetapi dia menggeleng-geleng di hujungnya.

“Ayat power ke tu? Kasihan.” Ketawa Firdaus mati. Melur mendengus kecil.

“Setakat ayat macam tu,Melur tak hairan la abang. Masa kat kampus dulu,bersepah student lelaki yang nak mengurat Melur guna ayat yang jauh lebih power dari tu tau?” ujar Melur dengan nada mendatarnya. Firdaus berkerut.

“Siapa? Bagitahu abang siapa nama dia?” soal Firdaus seperti marah.

“Apa kaitannya dengan abang?” soal Melur kehairanan.

“Hello? Yang dia nak tackle tu isteri Firdaus Iskandar tau?” Melur tersenyum senget.

“Excuse me? Yang dia nak tackle masa tu bukannya isteri Firdaus Iskandar tau? Not yet. Jadi tak payahlah nak drama sangat.” jawab Melur bersama gayanya. Firdaus terdiam.

“Isteri Firdaus Iskandar konon. Pantang orang usik dia punya,terus nak marah. Herolah sangat. Such a drama king. Tak habis-habis.” Firdaus terus diam. Dia baru tersedar dengan kesilapannya. Namun dia tidak tahu kenapa dia begitu. Melur terus berlalu ke dapur.

“Masak apa ni?” soal Firdaus tidak lama selepas itu. Sesudah habis malunya tadi.

“Soto ayam.”

“Soto ayam? Siapa yang nak makan soto ayam?” Melur menoleh.

“La,nikan favorite Kak Lia dan umi? Abang tak tahu ke?” soal Melur aneh. Firdaus hanya menggeleng kecil.

‘Dia pun tak tahu tapi dia ambil tahu. Bukan macam aku. Family sendiri pun tak lepas.’ bisik hatinya.
Firdaus menolong Melur merebus nasi impit dan merendam bihun. Juga menolong memotong bawang. Walaupun mengambil masa yang agak lama untuk siap kesemuanya, namun hasilnya buat mereka gembira.

Mereka solat Asar berjemaah tapi kali ini diimamkan oleh Firman. Dan di sebelah petangnya,mereka semua ke pantai di hadapan banglo mereka. Firdaus ralit melihat Melur yang sedang bermain bola tampar bersama abangnya,Malia,umi,abi dan Rania. Damia pula sedang leka bermain pasir. Tiba-

tiba abinya berhenti berehat. Dia datang dan duduk di sebelah Firdaus sambil meneguk air di gelasnya. Sepi.

“Abi rasa abi tak salah pilih isteri untuk Fir.” Firdaus memandang abinya dari ekor matanya. Haji Nasarudin terus memerhati menantunya.

“Tengoklah dia,cantik,baik, berpelajaran,datang dari keturunan yang elok. Apa yang tak ada pada dia? Nothing. Just perfect.” sambung Haji Nasarudin lagi. Firdaus terus melihat Melur.

“Tapi yang paling mahal tentang dia..,dia dah satukan family kita ni.” Firdaus menoleh.

“Abi rasa family kita tak bersatu ke selama ni?” Perlahan abinya menggeleng.

“Kita memang nampak bersatu tapi hakikatnya tak. Kita makan bersama,berkumpul, tapi sebenarnya kita dengan dunia masing-masing. Buat hal sendiri. Bercakap apa yang perlu. Tak ada kemesraan. Tapi tengoklah apa yang Melur buat. Dia ambil inisiatif adakan family gathering ni untuk satukan kita semua. Dia dah buka sudut berbeza dalam setiap dari kita semua. Dari senyap dah jadi riuh. Dari tak bercakap dah jadi banyak cakap. Dah pandai bergurau dan buat joke dah semua. Masing-masing dah boleh bercerita perihal diri masing-masing antara satu sama lain. Share cerita,pendapat dan solution. Pendek kata,yang renggang dah jadi rapat. Semuanya kerana Melur. Tu yang Fir tak akan dapat dari perempuan lain.” ujar Haji Nasarudin tenang dan teratur. Firdaus menoleh memandang abinya tetapi abinya sedang melihat mereka.

“Fir pernah tengok Kak Lia galak macam tu? Abang Man tu gelak bukan main kuat lagi. Si Nia pun gedik tak ingat. Tu yang kecik tu pun tumpang sekaki. Mengilai juga tu.” Firdaus senyum sambil memerhatikan mereka.

“Yang tak tahannya umi pun galak geletis juga tu. Ketawa tak ingat dunia. Suka benor nampaknya. Main bola je pun. Abi tak sangka umi pun ada sudut geletisnya juga. Tak sangka isteri abi tu boleh tahan orangnya.” Firdaus menoleh bersama ketawanya tetapi abinya tidak ketawa. Dia berhenti ketawa dan melihat ke depan semula. Sesaat kemudian mereka berdua sama-sama ketawa kelucuan.

“Isteri abi la tu.” usik Firdaus merujuk kepada uminya. Mereka ketawa lagi.

“Dan Melur isteri Fir. Jangan sia-siakan dia. Dia yang terbaik untuk Fir dan kita

semua.”
Firdaus diam lalu memandang isterinya. Sekejapan Melur datang mengajaknya bermain bola tampar bersama. Uminya juga turut menjemput suaminya bermain. Mereka berpimpin tangan menuju ke pantai. Firdaus rasa terharu melihat mereka.

“Jom?” kata Firdaus dan menggenggam tangan Melur menuju ke pantai.

Malamnya mereka makan malam bersama. Makan malam terakhir sebelum pulang esoknya. Keadaan riuh dengan suara mereka yang saling bercakap.

“Inilah soto ayam paling sedap Kak Lia pernah makan.” kata Malia memuji. Firman hanya mengangguk bersetuju dengan mulut penuh. Firdaus memeluk bahu Melur.

“Tengoklah isteri siapa yang masak?” puji Firdaus. Firman mencemik.

“Nak up isteri sendiri la tu.” kata Firman bergurau. Malia ketawa sahaja.

“Umi,abi mesti romantik orangnya kan?” soal Melur. Hajah Rohana memandang suaminya.

“Kenapa Melur cakap macam tu?” soalnya tidak mengerti.

“Sebab Abang Fir romantik.” jawab Melur sambil memandang suaminya.

“Biasa anak lelaki akan ikut sikap ayahnya.” sambung Melur lagi.

“Maaana ada. Uuumi lagi romantik tau? Abi ni lebih kurang macam patung mannequin tu la. Tak ada perasaan.” jawab Hajah Rohana mempertikaikan.

“Tu abi bangkang. Abi lagi romantic dan dramatic tau? Sebab tu dapat 3 orang anak. Fir ni romantik sebab ikut sikap abi la. Mana jatuhnya buah kalau tak ke bawah? Tak gitu Fir?” Firdaus bangun dan saling bertampar tangan dengan abinya.

“Wow! Abi dan Abang Fir tag team la umi. Habislah umi kali ni.” sambut Rania mengusik. Firdaus menoleh memandang abinya yang sedang memeluk bahunya.

“Tengoklah anak lelaki siapa? Kau hado?” jawab abinya bersemangat. Firdaus

ketawa. Dia rasa gembira dilayan seperti itu oleh abinya. Dia memandang Melur dan Melur mengangkat ibu jari padanya. Firdaus terharu kerana ‘taktik’ Melur membuahkan hasil. Ianya telah merapatkan hubungan Firdaus dan abinya.

“Dengan itu,abi menang 1-0. Sorry umi.” sambung Rania lagi.

“Takpe. Lepas ni umi pulak yang menang. Siapa nak join team umi?” Sepi. Tiada siapa yang bersuara. Seketika,semua orang ketawa kelucuan.

Terima kasih sudi vote
22 July 2022
-cnc-

MY 'RUDE' WIFE

RUDE? Bukan biadab. Bukan juga kasar. Tapi... *SELAMBA*.

Kahwin paksa? Itu mungkin cerita klise tetapi, bila dapat seorang isteri yang selamba... itu bukan klise lagi!

Sikap selamba Melur itulah yang membuatkan sikap jual mahal Firdaus surut perlahan-lahan. Sikap selamba Melur itu jugalah yang telah mematahkan ego lelaki itu dan mula menyayanginya.

Namun, kesetiaan Firdaus terhadap Dee tidak juga goyah dan itulah yang membuatkan Melur pergi bersama hati yang kecewa.

"Abang kenalkan Diana, girlfriend abang." - Firdaus
"Ooo... inilah Diana? What a pleasant surprise! Terujanya saya dapat jumpa Cik Diana." - Melur
"I, Diana Rahila. Girlfriend Firdaus Iskandar." - Dee
"I pula, Tengku Adriana Zulaika. Isteri kepada Firdaus Iskandar." - Melur

Dengan adanya Harris Daniel di sisinya, mampukah Melur menyayangi Firdaus seperti dahulu?

"Tiga tahun bersama awak adalah momen-momen terindah buat saya. Malah, saya sanggup bayar untuk tahun-tahun seterusnya agar saya dapat terus bersama awak." - Harris

Dan... mampukah Firdaus membawa Melur pulang ke sisinya semula?

Dengan kerjasama:
https://www.facebook.com/Ciknorcinta

Suara Hati PUBLICATION

Pengedar Tunggal
FP Fajar Pakeer
FAJAR PAKEER
order@fajarnovels.com.my
www.fajarnovels.com.my

ISBN 978-967-2300-06-9
9 789672 300069
SUARA HATI PUBLICATION

SEM.MALAYSIA RM 34
SABAH/SARAWAK RM 37